

HARI ISTIADAT PEMBUKAAN

ISTIADAT PEMBUKAAN PENGGAL
PERSIDANGAN KALI YANG PERTAMA
BAGI TEMPOH PENGGAL YANG KEDUA
DEWAN NEGERI KELANTAN KELIMABELAS

=====

[23 SYAABAN 1445H / 04HB NOVEMBER 2024]

AHLI-AHLI YANG HADIR

BIL	NAMA	KAWASAN
1.	YB DATO' SRI AMAR D'RAJA DATO' HJ MOHD AMAR B ABDULLAH <i>S.J.M.K.,D.J.M.K.,J.M.K. (Kelantan)</i>	PANCHOR / SPEAKER
2.	YAB DATO' PANGLIMA PERANG USTAZ DATO' HJ MOHD NASSURUDDIN B HJ DAUD <i>S.J.M.K.,D.J.M.K.,J.M.K. (Kelantan)</i> (Pengerusi Jawatankuasa Perancangan, Pentadbiran Awam, Kewangan, Ekonomi & Tanah)	MERANTI / MENTERI BESAR
3.	YB DATO' DR. HJ MOHAMED FADZLI B DATO' HJ HASSAN <i>D.J.M.K.,J.M.K. (Kelantan)</i> (Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wilayah, Sumber Asli, Integriti, Pembangunan Insan & Undang-undang)	TEMANGAN / TIMBALAN MENTERI BESAR
4.	YB MEJ. (B) DATO' HJ MD ANIZAM B AB RAHMAN <i>D.J.M.K.,J.M.K. (Kelantan)</i> (Pengerusi Jawatankuasa Pelaburan, Perindustrian, Sumber Manusia, Perdagangan & Keusahawanan)	KEMAHANG
5.	YB DATO' DR. IZANI B HAJI HUSIN <i>D.J.M.K. (Kelantan)</i> (Pengerusi Jawatankuasa Kerjaraya, Infrastruktur, Air & Pembangunan Luar Bandar)	KIJANG
6.	YB TUAN HJ SARIPUDIN B TUAN ISMAIL <i>J.M.K. (Kelantan)</i> (Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Agromakanan & Komoditi)	SELISING

HARI ISTIADAT PEMBUKAAN

7.	YB HJ WAN ROSLAN B WAN HAMAT <i>J.M.K., A.S.K.</i> (Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Pengajian Tinggi, Teknologi Hijau, Digital & Inovasi)	PENGKALAN KUBOR
8.	YB MOHD ASRI B MAT DAUD (Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Islam, Dakwah, Penerangan & Hubungan Seranta)	DEMIT
9.	YB TUAN HILMI B ABDULLAH (Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan, Perumahan, Kesihatan & Alam Sekitar)	GUCHIL
10.	YB PUAN HJH ROHANI BT IBRAHIM <i>J.M.K., S.M.K.</i> (Pengerusi Jawatankuasa Kebajikan, Pembangunan Keluarga & Wanita)	TANJONG MAS
11.	YB ZAMAKHSHARI B MUHAMAD (Pengerusi Jawatankuasa Belia, Sukan, NGO & Perpaduan Masyarakat)	APAM PUTRA
12.	YB DATUK KAMARUDIN B MD NOR <i>D.M.S.M., A.M.N.</i> (Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Kebudayaan, Kesenian & Warisan)	AYER LANAS
13.	YB DATO' MOHAMED FARID B MOHAMED ZAWAWI <i>D.I.M.P.</i>	KOK LANAS / TIMBALAN SPEAKER
14.	YB DATO' BENTARA KANAN USTAZ DATO' HJ AHMAD B YAKOB <i>S.J.M.K., D.J.M.K., S.M.K., J.P.</i>	PASIR PEKAN
15.	YB DATO' SR HJ AZAMI B MOHD NOR <i>D.J.M.K., J.M.K.</i>	KADOK
16.	YB DATO' HJ ABDUL FATTAH B MAHMOOD <i>D.J.M.K., J.M.K.</i>	BUKIT PANAU
17.	YB TUAN HJ ABD. RAHMAN B YUNUS <i>J.M.K.</i>	PASIR TUMBOH
18.	YB TUAN HJ MOHD FAUZI B ABDULLAH <i>J.M.K.</i>	MANEK URAI

HARI ISTIADAT PEMBUKAAN

19.	YB TUAN HJ MOHD HUZAIMY B CHE HUSSIN <i>J.M.K.,A.K.</i>	PANTAI IRAMA
20.	YB TUAN ROZI B MUHAMAD <i>J.M.K</i>	TENDONG
21.	YB TUAN AZHAR B SALLEH <i>A.S.K.</i>	PULAI CHONDONG
22.	YB TUAN HJ ZURAIDIN B ABDULLAH	CHETOK
23.	YB TUAN MOHD RUSLI B ABDULLAH	WAKAF BHARU
24.	YB KU MOHD ZAKI B KU HUSIN	DABONG
25.	YB TUAN MOHD RODZI B JAAFAR	GAAL
26.	YB TUAN HJ MOHD ADANAN B HASSAN <i>J.M.K.</i>	KELABORAN
27.	YB TUAN WAN ROHIMI B WAN DAUD <i>A.K.,J.S.M.</i>	MELOR
28.	YB TUAN KAMARUZAMAN B MOHAMAD <i>J.S.M.</i>	GUAL PERIOK
29.	YB TUAN NIK BAHRUM B NIK ABDULLAH <i>A.S.K.</i>	CHEMPAKA
30.	YB TUAN BAHARI B MOHAMAD NOR	GUAL IPOH
31.	YB NOR ASILAH BT MOHAMED ZIN	LIMBONGAN
32.	YB TUAN ZAMERI B MAT NAWANG	JELAWAT
33.	YB TUAN MOHAMAD NASRIFF B DAUD @ DAUD YATIMEE	PENGKALAN PASIR
34.	YB TUAN SHAARI BIN MAT YAMAN <i>A.K.</i>	BUNUT PAYONG
35.	YB DATO' SHAARI B MAT HUSSAIN <i>D.P.T.J.</i>	PALOH
36.	YB DATO' ABDUL HADI B AWANG KECHIL <i>D.P.S.K., P.S.K. (Kelantan), J.M.N., K.M.N.</i>	KUALA BALAH

HARI ISTIADAT PEMBUKAAN

37.	YB TUAN ZUBIR B ABU BAKAR	MENGKEBANG
38.	YB TUAN SAIZOL B ISMAIL	SALOR
39.	YB TUAN HARUN B ISMAIL	TAWANG
40.	YB TUAN AHMAD ZAKHRAN B MAT NOOR	KEMUNING
41.	YB TUAN MOHD ALMIDI B JAAFAR	BUKIT BUNGA
42.	YB TUAN NOR SHAM B SULAIMAN	SEMERAK
43.	YB TUAN MOHD AZIZI B ABU NAIM	NENGGIRI
44.	YB DR. HAFIDZAH BT HJ. MUSTAKIM	KOTA LAMA
45.	YB TUAN HJ MOHD SYAHBUDDIN B HASHIM <i>J.M.K.</i>	GALAS

HARI ISTIADAT PEMBUKAAN

**AHLI MENURUT
PERKARA X111 (3)
UNDANG-UNDANG PERLEMBAGAAN TUBUH KERAJAAN
KELANTAN,
BAHAGIAN PERTAMA**

YB DATO' HAJI NAZRAN BIN MUHAMMAD
[DATO' KAYA SETIA SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI KELANTAN]
S.P.S.K.,D.P.S.K.(KELANTAN),P.S.K.,B.S.K.,A.S.K.

YB DATO' IDHAM BIN HAJI ABD GHANI
[PENASIHAT UNDANG-UNDANG NEGERI KELANTAN]
D.P.S.K. (Kelantan)

YBM TENGKU KAYA PERKASA
DATO' DR TENGKU MOHAMED FAZIHARUDEAN BIN TENGKU
FEISSAL
[PEGAWAI KEWANGAN NEGERI KELANTAN]
D.J.M.K. (Kelantan)

**SETIAUSAHA DEWAN NEGERI
KELANTAN**

[MOHD ZAIKA YAMANI BIN IBRAHIM]
A.S.K.,B.S.K.

HARI ISTIADAT PEMBUKAAN

**DEWAN NEGERI
KELANTAN**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

**ISTIADAT PEMBUKAAN
PENGAL KEDUA
DEWAN NEGERI KELANTAN
KELIMABELAS**

=====

[ISNIN]

[23 SYAABAN 1445H BERSAMAAN 04HB. MAC 2024]

**ISTIADAT
PEMBUKAAN DEWAN NEGERI**

[23 SYAABAN 1445H/04HB. MAC 2024]

SETIAUSAHA :

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

**PERSIDANGAN KALI PERTAMA, PENGAL KEDUA, DEWAN NEGERI
KELANTAN KELIMABELAS TAHUN 2024**

AL-FATIAH.

I. .. DOA.

SETIAUSAHA : Susunan Urusan Persidangan Yang Pertama, Doa.

[BERDOA SAMBIL BERDIRI]

**II. .. PENGESAHAN PERINGATAN PERSIDANGAN KALI KEDUA
(BELANJAWAN), BAGI TEMPOH PENGAL YANG PERTAMA,
DEWAN NEGERI KELANTAN KELIMABELAS.**

SETIAUSAHA : Susunan Urusan Persidangan Yang Kedua, Pengesahan Peringatan Persidangan Kali Yang Kedua (Belanjawan), Bagi Tempoh Penggal Yang Pertama, Dewan Negeri Kelantan Kelimabelas.

YB DATO' SPEAKER : Minta cadangan...

YB HJ MOHD ADANAN BIN HASSAN :

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya mohon mencadangkan supaya Peringatan Persidangan Kali Kedua (Belanjawan), Bagi Tempoh Penggal Pertama, Dewan Negeri Kelantan Kelimabelas yang telah diadakan pada hari-hari Rabu, Khamis, Ahad, Isnin dan Selasa 08, 09, 12, 13 dan 14 JamadilAwal 1445H bersamaan 22hb, 23hb, 26hb, 27hb, dan 28hb November 2023 supaya diterima dan disahkan.

YB DATO' SPEAKER : Sokongan...

YB MOHD RODZI BIN JA'AFAR :

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya mohon menyokong cadangan tersebut.

YB DATO' SPEAKER : Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, persoalan yang ada di hadapan kita sekarang ialah satu cadangan supaya Peringatan Persidangan Kali Kedua (Belanjawan), Bagi Tempoh Penggal Pertama, Dewan Negeri Kelantan Kelimabelas yang telah diadakan pada hari-hari Rabu, Khamis, Ahad, Isnin dan Selasa 08, 09, 12, 13 dan 14 JamadilAwal 1445H bersamaan 22hb, 23hb, 26hb, 27hb, dan 28hb November 2023 supaya diterima dan disahkan.

Dengan demikian, sekarang saya kemukakan cadangan tersebut bagi diundi.

**AHLI-AHLI YANG BERHORMAT YANG BERSETUJU, KATA "SETUJU",
AHLI-AHLI YANG TIDAK BERSETUJU, KATA "TIDAK."**

Dipersetujukan.

HARI ISTIADAT PEMBUKAAN

Peringatan Persidangan Kali Kedua (Belanjawan), Bagi Tempoh Penggal Pertama, Dewan Negeri Kelantan Kelimabelas yang telah diadakan pada hari-hari Rabu, Khamis, Ahad, Isnin dan Selasa 08, 09, 12, 13 dan 14 Jamadil Awal 1445H bersamaan 22hb, 23hb, 26hb, 27hb, dan 28hb November 2023 diterima dan disahkan.

**[PERINGATAN PERSIDANGAN KALI KEDUA (BELANJAWAN), BAGI
TEMPOH PENGAL PERTAMA, DEWAN NEGERI KELANTAN
KELIMABELAS DISAHKAN]**

**[SETIAUSAHA MENGANGKAT TEKS PERINGATAN TERSEBUT
KEPADA YB DATO' SPEAKER]**

III. .. TITAH UCAPAN D'RAJA.

SETIAUSAHA : Susunan Urusan Persidangan Yang Ketiga, Titah Ucapan D'Raja.

YB DATO' SPEAKER : Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, saya menerima surat dari Yang Berhormat Dato' Perwira Raja Pengelola Istana D'Raja semalam pada 22 Syaaban 1445 bersamaan 03 Mac 2024 memaklumkan bahawa Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Muhammad Ke V tidak berangkat ke Istiadat Pembukaan Penggal Kedua Dewan Negeri Kelantan Yang Kelimabelas Tahun 2024 atas sebab-sebab yang tidak dapat dielakkan.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Muhammad V telah menitahkan supaya titah Ucapan D'Raja hendaklah dibacakan oleh Yang Amat Berhormat Ustaz Dato' Panglima Perang Menteri Besar. Menurut Undang-Undang Perlembagaan Tubuh Kerajaan Negeri Kelantan dibawah Perkara 42 Kebawah Duli Yang Maha Mulia bolehlah menitahkan kepada Dewan Negeri dan bolehlah menghantar perutusan-perutusan kepadanya. Untuk itu saya persilakan Yang Amat Berhormat Ustaz Dato' Panglima Perang Menteri Besar Kelantan untuk membacakan titah ucapan.

YAB USTAZ DATO' PANGLIMA PERANG DATO' MENTERI BESAR :

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

بسم الله الرحمن الرحيم

Alhamdulillah Rabbil 'Alamin, segala puji dan syukur, Beta rafakkan ke hadrat Allah Subhanahu Wataala, yang telah melimpahkan rahmat dan kurnianya, memungkinkan Majlis Istiadat Pembukaan Penggal Bagi Tempoh Penggal Kedua Dewan Negeri Kelantan Yang Kelima Belas Tahun Dua Ribu Dua Puluh Empat (2024) dapat bersidang pada tahun ini.

Selawat dan salam kita persembahkan terhadap junjungan besar Nabi Muhammad Sallallah 'AlaihiWassalam, kepada ahli keluarga Baginda, para sahabat dan para pengikut Baginda hingga ke akhir zaman.

Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, Beta menzahirkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Amat Berhormat Dato' Panglima Perang Ustaz Dato' Mohd Haji Nassuruddin bin Haji Daud di atas pelantikan sebagai Menteri Besar Kelantan yang Beta percaya pelantikan tersebut akan membawakepada kestabilan dan kemakmuran negeri ini.

Beta juga menzahirkan titah tahniah kepada semua Ahli Dewan Undangan Negeri atas pelantikan Yang Berhormat sekalian. Suka untuk Beta mengingatkan semua Ahli Dewan Undangan Negeri ini tentang tanggungjawab besar terhadap rakyat dan mencari jalan terbaik dalam memastikan kemakmuran di negeri Beta.

Pada kesempatan ini, Beta ingin menzahirkan penghargaan kepada Yang Berhormat Dato' Bentara Kanan Ustaz Dato' Haji Ahmad bin Yakob, mantan Menteri Besar Kelantan dan saf kepimpinan terdahulu atas perkhidmatan yang telah diberikan dalam tempoh pentabiran sebelum ini. Semoga era "Merakyat Membangun Bersama Islam" di bawah kepimpinan terdahulu dapat diteruskan melalui strategi "Penghayatan Membangun Bersama Islam". Dalam memastikan ketinggian agama Islam terus terpelihara, Beta menggesa kerajaan Beta terus memperkasa dan mempertahankan perundangan dan institusi syariah negeri.

Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian,

Beta amat bersimpati dengan rakyat Beta yang telah ditimpa bencana banjir baru-baru ini. Untuk itu, suatu penyelesaian yang komprehensif hendaklah dibuat dengan kadar segera. Beta dimaklumkan kemajuan pelaksanaan Projek Lembangan Sungai Bersepadu Sungai Kelantan dan Sungai Golok Fasa 1 berada pada tahap sembilan puluh dua peratus. Beta ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Kerajaan Persekutuan di atas kelulusan peruntukan bagi meneruskan pelaksanaan Projek Lembangan Sungai Bersepadu Sungai Kelantan Fasa 2 dan Sungai Golok Fasa 3, dan Beta berharap agar kelangsungan projek ini dapat dilaksanakan dalam tempoh masa yang ditetapkan.

Beta merasa gembira melihat status pencapaian semasa projek menaiktaraf dan pembesaran Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra adalah mengikut jadual pelaksanaan. Justeru, besar harapan Beta agar perkhidmatan "*refueling service*" dapat disediakan bagi menambahbaik servis industri penerbangan di negeri Beta. Dengan sokongan jaringan pengangkutan awam bersepadu seperti Projek Laluan Rel Pantai Timur (ECRL), Beta percaya rakyat sejagat bakal menikmati pertumbuhan sosio-ekonomi yang lebih baik. Justeru, besar harapan Beta agar Projek ECRL dapat disambung sehingga ke Rantau Panjang bagi memacu pertumbuhan ekonomi antara sempadan serta mengukuhkan hubungan dua hala di antara negara Malaysia dan Thailand.

Beta juga ingin menzahirkan ucapan terima kasih kepada kerajaan Persekutuan di atas kelulusan projek pembangunan fizikal dan bukan fizikal di dalam *rolling plan* keempat Rancangan Malaysia kedua belas. Selain itu, Beta menyeru agar perhatian dapat diberikan terhadap pelaksanaan Projek Jaringan Jalan Raya Utama di Negeri Kelantan seperti *Central Spine Road* dan Lebuhraya Kota Bharu – Kuala Krai yang perlu disiapkan dalam tempoh masa yang ditetapkan. Beta berharap agar pelaksanaan projek-projek tertangguh yang lain seperti Jambatan Pengkalan Kubor – Tak Bai, Jambatan Palekbang – Kota Bharu dan Lebuhraya Pantai Timur Fasa Tiga (LPT3) dapat disegerakan bagi memastikan rakyat beroleh manfaatnya.

Beta dapat melihat usaha yang serius telah diambil oleh kerajaan Negeri mahupun kerajaan persekutuan dalam menyelesaikan permasalahan bekalan air di negeri ini melalui penyediaan dan penyaluran peruntukan yang khusus. Suka beta berkongsi antara projek bekalan air yang bakal dinikmati oleh rakyat termasuklah pembinaan loji rawatan air di Kampung Manek Urai dan Laloh, Kuala Krai dan Pembinaan Takungan Air Pinggiran Sungai (TAPS) berkapasiti lima ratus juta liter sehari di Mukim Joh, Machang.

Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian,

Sukacita Beta mendapat maklum bahawa pembinaan Projek Madinah Al-Salam di Bandar Baru Tunjong, Madinah Al-Riadhah di Bukit Merbau, Taman Perindustrian Sistem Binaan Berindustri di Sungai Bagan serta beberapa pembangunan bandar baharu oleh pemaju swasta dilihat akan merancakkan ekonomi negeri ini sedikit masa lagi. Sehubungan itu, beta berharap semua jabatan dan agensi negeri dan persekutuan boleh bekerjasama dengan lebih erat dan berganding bahu dalam memastikan segala perancangan pembangunan yang sedang dilaksanakan ini dapat dijayakan.

Beta juga dimaklumkan di bawah pakej insentif khas Kelantan, para pelabur yang layak boleh menikmati kadar istimewa pengecualian cukai korporat selama lima belas tahun. Pada masa yang sama, di bawah inisiatif ini pekerja bukan warganegara yang memegang jawatan pengurusan kanan dalam syarikat-syarikat akan dikenakan kadar cukai rata sebanyak lima belas peratus. Ia adalah sebagai insentif tambahan untuk meningkatkan daya saing Kelantan sebagai destinasi pelaburan pilihan.

Beta berharap agar perhatian diberikan kepada golongan belia bagi menceburkan diri dalam bidang keusahawanan dan kemahiran dengan mewujudkan lebih banyak peluang perniagaan, latihan kemahiran, serta pendekatan teknologi dan digital dalam perniagaan. Justeru itu, kerajaan negeri telah mengeluarkan satu perancangan strategik seiring dengan kemajuanteknologi masa kini iaitu Pelan Tindakan Ekonomi Digital Kelantan dua ribu tiga puluh (2030). Harapan Beta agar pelan ini mampumengurangkan jurang

digital yang masih tinggi di dalam pentadbiran dan kalangan masyarakat Negeri Kelantan.

Industri Halal Malaysia diunjurkan berkembang kepada lima ratus bilion ringgit (RM500 Bilion) pada tahun dua ribu tiga puluh (2030), makawajarliah Negeri Kelantan yang dasar pentadbirannya Membangun Bersama Islam mengambil peluang menjadi antara pemain utama dalam industri halal. Beta dimaklumkan pelbagai usaha telah dilaksanakan oleh kerajaan Beta, antaranya menggalakkan usahawan mendapatkan sijil pengesahan halal. Selain itu, beta turut dimaklumkan bahawa kerajaan Negeriada menyediakan skim mikro kredit NegeriKelantan sebagai bantuan pembiayaan tanpa faedah kepada usahawan-usahawan mikro di negeri ini.

Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian,

Beta ingin menzahirkan ucapan tahniah dan syabas kepada jajahan Kuala Krai dan Gua Musang kerana telah terpilih antara 10 bandar bahagia di Malaysia sempena Sambutan Hari Kebahagiaan Sedunia tahun dua ribu dua puluh tiga (2023). Beta mendapat maklum kesedaran rakyat beta terhadap kesihatan, keceriaan dan kebersihan telah meningkat seiring dengan gerak kerja Pihak Berkuasa Tempatan. pembangunan taman-taman rekreasi yang baharu seperti Taman Awam Hutan Bandar seluas 20 ekar di Madinah Al-Salam serta menaik taraf taman rekreasi sedia ada seperti Taman Rekreasi Kolam Air Panas Tok Bok di Machang, antara contoh usaha daripada pihak kerajaan dalam menyediakan kawasan rekreasi untuk dinikmati oleh rakyat Beta. Beta menyeru kepada Pihak Berkuasa Tempatan di negeri Beta agar memberi fokus kepada penyelenggaraan taman-taman awam dan tempat-tempat rekreasi agarkemudahan tersebut dapat digunakan dengan selamat oleh rakyat Beta.

Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian,

Beta berharap agar projek-projek rumah mampu milik terus dilaksanakan oleh pihak kerajaan agar setiap keluarga di negeri Beta mampu memiliki sebuah kediaman. Mengikut perancangan pada tahun dua ribu dua puluh empat (2024), Kerajaan Beta akan

memulakan Projek Pembinaan Rumah Mampu Milik Bunut Susu, Pasir Mas dan bagi perancangan masa hadapan, kerajaan Beta telah mengenal pasti tapak-tapak yang sesuai di seluruh negeri untuk pembinaan projek rumah mampu milik.

Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian,

Beta mendapat maklum kerajaan Beta sejak tahun dua ribu sepuluh (2010) telah membekalkan bantuan beras melalui Skim Al-It'am kepada lebih tiga belas ribu keluarga miskin secara bulanan di seluruh Negeri Kelantan. Beta turut dimaklumkan kerajaan negeri dalam usaha mewujudkan dan mengoperasikan kilang padi dan kilang pemprosesan makanan haiwan di negeri ini untuk memastikan keterjaminan makanan di negeri Beta. Pada hemat Beta, usaha ini amat baik dan sejajar dengan hasrat menjadikan Kelantan sebagai "Jelapang Makanan Negara" berteraskan konsep "Bertani Satu Ibadah" yang menjadi tonggak utama pembangunan sektor pertanian negeri ini.

Beta turut berharap agar kerajaan Beta dapat meneroka bidang tenaga boleh baharu seperti hidrogen. Hidrogen kini dilihat sebagai satu sumber tenaga alternatif yang efektif dan mampu mengenyah karbon dalam sektor tenaga. Ia merupakan sumber lebih bersih kerana tidak mengeluarkan gas rumah hijau. Negeri Kelantan yang kaya dengan sumber air seharusnya memanfaatkan tenaga boleh baharu ini. Selain itu Beta mendapat maklum bahawa satu pasukan kajian khas bagi mengadakan kajian kebolehlaksanaan mekanisme perdagangan karbon dan hidrogen telah diwujudkan. Justeru itu, Beta berharap agar langkah tersebut dapat memastikan kelestarian alam sekitar dan menjadi salah satu punca hasil baharu kepada kerajaan Beta pada masa hadapan.

Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian,

Beta sedia maklum tahun dua ribu dua puluh empat (2024) merupakan Tahun Melawat Kelantan, dengan tema family, food and festival. Kelantan mensasarkan seramai sepuluh juta (10 juta) pelawat dijangka berkunjung ke Negeri Kelantan dan bakal menyumbang sekitar empat bilion ringgit malaysia (RM4 Bilion)

HARI ISTIADAT PEMBUKAAN

kepada sektor perkhidmatan. Beta menyeru kepada semua jabatan negeri dan Persekutuan, Pihak Berkuasa Tempatan, GLC negeri, dan pihak swasta supaya dapat memainkan peranan masing-masing sekaligus boleh merencanakan lagi industri pelancongan di Negeri Kelantan. Beta juga berharap semua pihak untuk menfokuskan peningkatan imej negeri dalam aspek kebersihan, kesihatan, keselamatan dan kecerian.

Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian,

Beta mendapat maklum Negeri Kelantan merupakan negeri pertama mendapat pengiktirafan pensijilan kualiti pengurusan hutan. Kejayaan dalam pensijilan tersebut telah membuktikan bahawa Pengurusan Hutan Negeri Kelantan adalah mengikut garis panduan serta ketetapan yang dibuat oleh badan pensijilan.

Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian,

Beta menyarankan bagi menyebar luaskan sifat cakna masyarakat di kalangan rakyat Beta. Perkhidmatan sukarela 'Skuad Kita Cakna' yang turun ke lapangan menyantuni golongan memerlukan seperti golongan miskin, orang kurang upaya, sakit, warga emas, armalah dan anak yatim, perlulah dirancarkan dalam usahamenuju ke arah negeri berkebakikan.

Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian,

Mengakhiri titah Beta, marilah kita sama-sama berdoa ke hadrat Allah Subhanah Wa Ta'ala (S.W.T), agar kita semua berada di bawah lindungan rahmat-nya yang berpanjangan, dengan pemerintahan dan pentadbiran yang menjunjung kesucian Al-Qur'an dan Sunnah Rasulullah Sallallah 'Alaihi Wassalam (S.A.W). Dengan lafaz "Bismillahir Rahmanir Rahim" beta merasmikan, Pembukaan Penggal Kedua Dewan Negeri Kelantan Yang Kelima Belas tahun dua ribu dua puluh empat (2024).

Wabillahi Taufiq Wal Hidayah,
Wassalamu 'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

YB DATO' SPEAKER :

Terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Dato' Panglima Perang Menteri Besar Kelantan di atas ucapan Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Muhammad Ke V yang dibacakan sebentar tadi. Perbahasan Titah Ucapan akan disambung pada persidangan hari esok bermula jam 09.00 pagi. Ahli-Ahli Yang Berhormat saya berhasrat untuk menangguhkan persidangan pada hari ini. Marilah kita sama-sama menangguhkan persidangan dewan pada hari ini dengan membaca Tasbih Kaffarah dan Surah Wal' Asr.

Dewan ditangguhkan dan akan bersidang semula pada hari esok bermula jam 09.00 pagi. Ahli-Ahli Berhormat dan dif-dif jemputan dipersilakan ke Majlis Makan Tengahari di Dewan Bunga Teratai.

Sekian, terima kasih.

[PERSIDANGAN DEWAN DITANGGUHKAN]

[MAJLIS BERSURAI]

**PERSIDANGAN KALI YANG PERTAMA
BAGI TEMPOH PENGGAL YANG KEDUA
DEWAN NEGERI KELANTAN KELIMABELAS**

=====

[24 SYAABAN 1445H / 05HB NOVEMBER 2024]

AHLI-AHLI YANG HADIR

BIL	NAMA	KAWASAN
1.	YB DATO' SRI AMAR D'RAJA DATO' HJ MOHD AMAR B ABDULLAH <i>S.J.M.K.,D.J.M.K.,J.M.K. (Kelantan)</i>	PANCHOR / SPEAKER
2.	YAB DATO' PANGLIMA PERANG USTAZ DATO' HJ MOHD NASSURUDDIN B HJ DAUD <i>S.J.M.K.,D.J.M.K.,J.M.K. (Kelantan)</i> (Pengerusi Jawatankuasa Perancangan, Pentadbiran Awam, Kewangan, Ekonomi & Tanah)	MERANTI / MENTERI BESAR
3.	YB DATO' DR. HJ MOHAMED FADZLI B DATO' HJ HASSAN <i>D.J.M.K.,J.M.K. (Kelantan)</i> (Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wilayah, Sumber Asli, Integriti, Pembangunan Insan & Undang-undang)	TEMANGAN / TIMBALAN MENTERI BESAR
4.	YB MEJ. (B) DATO' HJ MD ANIZAM B AB RAHMAN <i>D.J.M.K.,J.M.K. (Kelantan)</i> (Pengerusi Jawatankuasa Pelaburan, Perindustrian, Sumber Manusia, Perdagangan & Keusahawanan)	KEMAHANG
5.	YB DATO' DR. IZANI B HAJI HUSIN <i>D.J.M.K. (Kelantan)</i> (Pengerusi Jawatankuasa Kerjaraya, Infrastruktur, Air & Pembangunan Luar Bandar)	KIJANG
6.	YB TUAN HJ SARIPUDIN B TUAN ISMAIL <i>J.M.K. (Kelantan)</i> (Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Agromakanan & Komoditi)	SELISING

7.	YB HJ WAN ROSLAN B WAN HAMAT <i>J.M.K., A.S.K.</i> (Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Pengajian Tinggi, Teknologi Hijau, Digital & Inovasi)	PENGKALAN KUBOR
8.	YB MOHD ASRI B MAT DAUD (Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Islam, Dakwah, Penerangan & Hubungan Seranta)	DEMIT
9.	YB TUAN HILMI B ABDULLAH (Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan, Perumahan, Kesihatan & Alam Sekitar)	GUCHIL
10.	YB PUAN HJH ROHANI BT IBRAHIM <i>J.M.K., S.M.K.</i> (Pengerusi Jawatankuasa Kebajikan, Pembangunan Keluarga & Wanita)	TANJONG MAS
11.	YB ZAMAKHSHARI B MUHAMAD (Pengerusi Jawatankuasa Belia, Sukan, NGO & Perpaduan Masyarakat)	APAM PUTRA
12.	YB DATUK KAMARUDIN B MD NOR <i>D.M.S.M.,A.M.N.</i> (Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Kebudayaan, Kesenian & Warisan)	AYER LANAS
13.	YB DATO' MOHAMED FARID B MOHAMED ZAWAWI <i>D.I.M.P.</i>	KOK LANAS / TIMBALAN SPEAKER
14.	YB DATO' BENTARA KANAN USTAZ DATO' HJ AHMAD B YAKOB <i>S.J.M.K.,D.J.M.K.,S.M.K.,J.P.</i>	PASIR PEKAN
15.	YB DATO' SR HJ AZAMI B MOHD NOR <i>D.J.M.K.,J.M.K.</i>	KADOK
16.	YB DATO' HJ ABDUL FATTAH B MAHMOOD <i>D.J.M.K.,J.M.K.</i>	BUKIT PANAU
17.	YB TUAN HJ ABD. RAHMAN B YUNUS <i>J.M.K.</i>	PASIR TUMBOH
18.	YB TUAN HJ MOHD FAUZI B ABDULLAH <i>J.M.K</i>	MANEK URAI

19.	YB TUAN HJ MOHD HUZAIMY B CHE HUSSIN <i>J.M.K.,A.K.</i>	PANTAI IRAMA
20.	YB TUAN ROZI B MUHAMAD <i>J.M.K</i>	TENDONG
21.	YB TUAN AZHAR B SALLEH <i>A.S.K.</i>	PULAI CHONDONG
22.	YB TUAN HJ ZURAIDIN B ABDULLAH	CHETOK
23.	YB TUAN MOHD RUSLI B ABDULLAH	WAKAF BHARU
24.	YB KU MOHD ZAKI B KU HUSIN	DABONG
25.	YB TUAN MOHD RODZI B JAAFAR	GAAL
26.	YB TUAN HJ MOHD ADANAN B HASSAN <i>J.M.K.</i>	KELABORAN
27.	YB TUAN WAN ROHIMI B WAN DAUD <i>A.K.,J.S.M.</i>	MELOR
28.	YB TUAN KAMARUZAMAN B MOHAMAD <i>J.S.M.</i>	GUAL PERIOK
29.	YB TUAN NIK BAHRUM B NIK ABDULLLAH <i>A.S.K.</i>	CHEMPAKA
30.	YB TUAN BAHARI B MOHAMAD NOR	GUAL IPOH
31.	YB NOR ASILAH BT MOHAMED ZIN	LIMBONGAN
32.	YB TUAN ZAMERI B MAT NAWANG	JELAWAT
33.	YB TUAN MOHAMAD NASRIFF B DAUD @ DAUD YATIMEE	PENGKALAN PASIR
34.	YB TUAN SHAARI BIN MAT YAMAN <i>A.K.</i>	BUNUT PAYONG
35.	YB DATO' SHAARI B MAT HUSSAIN <i>D.P.T.J.</i>	PALOH
36.	YB DATO' ABDUL HADI B AWANG KECHIL <i>D.P.S.K., P.S.K. (Kelantan), J.M.N., K.M.N.</i>	KUALA BALAH

37.	YB TUAN ZUBIR B ABU BAKAR	MENGKEBANG
38.	YB TUAN SAIZOL B ISMAIL	SALOR
39.	YB TUAN HARUN B ISMAIL	TAWANG
40.	YB TUAN AHMAD ZAKHRAN B MAT NOOR	KEMUNING
41.	YB TUAN MOHD ALMIDI B JAAFAR	BUKIT BUNGA
42.	YB TUAN NOR SHAM B SULAIMAN	SEMERAK
43.	YB TUAN MOHD AZIZI B ABU NAIM	NENGGIRI
44.	YB DR. HAFIDZAH BT HJ. MUSTAKIM	KOTA LAMA
45.	YB TUAN HJ MOHD SYAHBUDDIN B HASHIM <i>J.M.K.</i>	GALAS

HARI PERTAMA 05 MAC 2024

**AHLI MENURUT
PERKARA X111 (3)
UNDANG-UNDANG PERLEMBAGAAN TUBUH KERAJAAN
KELANTAN,
BAHAGIAN PERTAMA**

YB DATO' HAJI NAZRAN BIN MUHAMMAD
[DATO' KAYA SETIA SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI KELANTAN]
S.P.S.K., D.P.S.K. (KELANTAN), P.S.K., B.S.K., A.S.K.

YB DATO' IDHAM BIN HAJI ABD GHANI
[PENASIHAT UNDANG-UNDANG NEGERI KELANTAN]
D.P.S.K. (Kelantan)

YBM TENGKU KAYA PERKASA
DATO' DR TENGKU MOHAMED FAZIHARUDEAN BIN TENGKU
FEISSAL
[PEGAWAI KEWANGAN NEGERI KELANTAN]
D.J.M.K. (Kelantan)

**SETIAUSAHA DEWAN NEGERI
KELANTAN**

[MOHD ZAIKA YAMANI BIN IBRAHIM]
A.S.K., B.S.K.

**PERSIDANGAN KALI PERTAMA
BAGI TEMPOH PENGGAL KEDUA
DEWAN NEGERI KELANTAN KELIMABELAS 2024
PADA 23, 24, 25 & 26 SYAABAN 1445H BERSAMAAN
04, 05, 06 DAN 07HB MAC 2024/
ISNIN, SELASA, RABU DAN KHAMIS**

SETIAUSAHA :

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Persidangan Kali Pertama Bagi Tempoh Penggal Kedua Dewan Negeri Kelantan Keempatbelas, **Hari Kedua.**

الفاتحة...

SETIAUSAHA : Susunan Urusan Persidangan Yang Pertama, Berdoa...

I .. DOA.

[SAMBIL BERDIRI]

II .. UCAPAN OLEH YB DATO' SPEAKER.

SETIAUSAHA : Susunan Urusan Persidangan Yang Kedua, Ucapan Oleh YB Dato' Speaker.

YB DATO' TIMBALAN SPEAKER :

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, saya ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi terima kasih dan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Dato' Panglima Perang Menteri Besar Kelantan, kepada Yang Berhormat

Timbalan Menteri Besar, Yang Berhormat-Yang Berhormat barisan Exco, Ahli Dewan Negeri Kelantan, Dato'-Dato', tuan-tuan barisan pimpinan tertinggi Kerajaan Negeri Kelantan kerana telah dengan sepenuhnya berjaya menyempurnakan tanggungjawab untuk menjayakan Istiadat Pembukaan Persidangan Kali Pertama Bagi Tempoh Penggal Kedua Dewan Negeri Kelantan Kelimabelas.

III .. KERTAS-KERTAS YANG DIBENTANGKAN.

SETIAUSAHA : Susunan Urusan Persidangan Yang Ketiga, Kertas-kertas Yang Dibentangkan di atas meja.

Kertas-Kertas tersebut ialah Kertas Dewan Bil. 1 tahun 2024 hingga Kertas Dewan Bil. 11 Tahun 2024 sebagaimana yang dibentang di atas meja Ahli-Ahli Yang Berhormat.

- | | | |
|-----------------------------|----|---|
| 1. Kertas Dewan Bil. 1/2024 | .. | Laporan Tahunan Penyata Kewangan Badan Berkanun Perbadanan Perpustakaan Awam Kelantan bagi tahun 2022. |
| 2. Kertas Dewan Bil. 2/2024 | .. | Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan Yayasan Kelantan Darulnaim (YAKIN) Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2022. |
| 3. Kertas Dewan Bil. 3/2024 | .. | Laporan Tahunan Penyata Majlis Perbandaran Kota Bharu Bandar Raya Islam Bagi Tahun 2022. |
| 4. Kertas Dewan Bil. 4/2024 | .. | Penyata Kewangan Majlis Daerah Ketereh Perbandaran Islam Bagi Tahun 2022. |

- | | | |
|-------------------------------|----|---|
| 5. Kertas Dewan Bil. 5/2024 | .. | Laporan Penyata
Kewangan Majlis Daerah
Tumpat Bagi Tahun 2022. |
| 6. Kertas Dewan Bil. 6/2024 | .. | Penyata Kewangan Majlis
Daerah Tanah Merah Bagi
Tahun 2022. |
| 7. Kertas Dewan Bil. 7/2024 | .. | Penyata Kewangan Majlis
Daerah Machang Bagi
Tahun 2022. |
| 8. Kertas Dewan Bil. 8/2024 | .. | Penyata Kewangan Majlis
Daerah Dabong Bagi Tahun
2022. |
| 9. Kertas Dewan Bil. 9/2024 | .. | Laporan Ketua Audit
Negara Tahun 2022- Aktiviti
Jabatan dan Pengurusan
Syarikat Kerajaan Negeri. |
| 10. Kertas Dewan Bil. 10/2024 | .. | Laporan Tahunan
Suruhanjaya
Perkhidmatan Negeri
Kelantan Bagi Tahun 2022. |
| 11. Kertas Dewan Bil. 11/2024 | .. | Penyata Kewangan
Perbadanan Muzium
Negeri Kelantan Bagi
Tahun 2022. |

IV .. SOALAN-SOALAN YANG DIBERITAHU.

SETIAUSAHA : Susunan Urusan Persidangan Yang Keempat, Soalan-Soalan Yang Diberitahu.

Soalan-soalan yang dikemukakan untuk mendapat Jawapan Bertulis.

Soalan-soalan oleh :

YB HAJI MOHD ADANAN BIN HASSAN
YB HAJI MOHD RUSLI BIN ABDULLAH
YB NIK BAHRUM BIN NIK ABDULLAH
YB DR. HAFIDZAH BINTI HAJI MUSTAKIM
YB MOHAMAD NASRIFF BIN DAUD YATIMEE
YB HARUN BIN ISMAIL
YB ZAMERI BIN MAT NAWANG
YB NOR ASILAH BINTI MOHAMED ZIN
YB HAJI AZHAR BIN SALLEH
YB MOHD ALMIDI BIN JAAFAR
YB DATO' ABDUL HADI BIN AWANG KECHIL
YB ZUBIR BIN ABU BAKAR
YB HAJI MOHD FAUZI BIN ABDULLAH
YB DATO' SHAARI BIN MAT HUSSAIN
YB SYAHBUDDIN BIN HASHIM

Jawapan-jawapan bagi soalan adalah sebagaimana yang telah dibentangkan di atas meja di hadapan Ahli-ahli Yang Berhormat yang bertanya.

Soalan-soalan yang dikemukakan untuk mendapat Jawapan Mulut.

YB DATO' TIMBALAN SPEAKER :

Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Gual Periuk.

YB TUAN KAMARUZAMAN BIN MOHAMAD :

السلام عليكم ورحمة الله تعالى وبركاته

Yang Berhormat Dato' Speaker, mohon jawapan soalan saya nombor 1.
Terima kasih.

Soalan 1 :

[Minta YAB Ustaz Dato' Panglima Perang Menteri Besar nyatakan, mengenai status terkini dengan projek tambatan banjir Sungai Golok yang dilihat mengakibatkan banjir besar bagi Kawasan Rantau Panjang dan

apakah langkah segera pihak Kerajaan Negeri bagi memastikan kejadian kemusnahan harta benda rakyat ini tidak berulang.]

YB DATO' DR. IZANI BIN HUSIN :

بسم الله الرحمن الرحيم

السلام عليكم ورحمة الله تعالى وبركاته

Yang Berhormat Dato' Speaker, terima kasih kepada Gual Periuk. Kerajaan mengambil maklum mengenai banjir di kawasan Rantau Panjang dan Kerajaan telah mengambil tindakan-tindakan susulan akibat daripada banjir, bantuan-bantuan akibat banjir. Untuk mengatasi keadaan banjir di Rantau Panjang, pertamanya ialah cadangan pertambahan alur limpah atau spillway di tiga lokasi iaitu Kampung Tok Sangkut, Kampung Tok Derpah dan Kampung Lanchang bagi melancarkan lagi kelajuan laluan air. Cadangan pembinaan struktur ini akan mengurangkan kejadian banjir di kawasan Rantau Panjang, di samping dapat mengelakkan berlakunya kerosakan pada Ban Lemal Lanchang yang boleh menyebabkan kerugian kos setiap kali banjir berlaku. Ianya perlu dilaksanakan segera supaya dapat mengurangkan beban kapasiti air sungai Lemal Lanchang serta mempercepatkan aliran sungai surut.

Pembinaan terusan bypass bagi mengurangkan lagi kejadian banjir bermula dari Sungai Lemal Lanchang iaitu di Kampung Pengkalan Teluk disambung ke Sungai Meranti bagi mengurangkan kejadian banjir. Terima kasih.

YB TUAN KAMARUZAMAN BIN MOHAMAD :

Soalan tambahan.

YB DATO' TIMBALAN SPEAKER :

Silakan Gual Periok.

YB TUAN KAMARUZAMAN BIN MOHAMAD :

Terima kasih Yang Berhormat Exco diatas jawapan yang dikemukakan. Struktur binaan benteng fasa 1 yang ada sekarang adalah antara faktor terkepung apabila berlaku jumlah hujan dengan curahan yang tinggi dan

beberapa kali kejadian banjir besar yang berlaku sejak 2022 surut dengan cepat apabila berlaku pecahan pada struktur benteng sama ada dipecahkan atau pecah secara semula jadi. Dan penambahan 10 unit calvort ataupun spillway bersaiz 5 kaki sebelum ini terbukti gagal untuk menyurutkan air dalam keadaan yang sepatutnya.

Maka... dan tadi Exco memaklumkan bahawa dicadangkan untuk membina 3 unit lagi calvort dan juga untuk membina satu terowong air dan mungkin ianya akan memakan masa yang panjang untuk disiapkan. Jadi soalan saya, adakah pihak Kerajaan bersedia untuk berunding dengan pihak Kerajaan Pusat untuk mengekalkan laluan yang telah struktur yang telah pecah itu untuk mengelakkan kejadian banjir terkepong berulang kembali. Terima kasih.

YB DATO' DR. IZANI BIN HUSIN :

Terima kasih Gual Periuk. Sepertimana yang kita maklum bahawa tebatan banjir yang dibuat di Rantau Panjang ini ialah hasil daripada kajian-kajian oleh profesional dan juga hasil daripada permohonan-permohonan daripada kita sendiri kerana didapati punca banjir, dua. Pertama, dari hujan yang lebat yang melebihi jangkaan. Yang kedua ialah limpahan daripada Sungai Golok itu sendiri.

Apabila Kerajaan Thailand membuat tebatan banjir di pihaknya maka air masuk ke kawasan Rantau Panjang kita tidak dapat bendung. Itu lah penemuan kajian. Maka benteng perlu dibuat di Rantau Panjang dan benteng ini dibuat sekarang ini macam berlaku baru-baru ini, yang berlaku baru ini disebabkan dua, pertama faktor hujan. Dan hujan yang kita tengok baru ini adalah lebih rendah taburannya berbanding hujan sebelum ini. Tetapi limpahan air Sungai Golok di fasa 3 yang belum kita laksanakan itu menyebabkan air terlalu banyak.

Jadi kerana itu lah semasa pertemuan dengan Perdana Menteri dengan Yang Amat Berhormat Dato' Panglima Perang sendiri. PMX telah pun mengumumkan bantuan segera sebanyak RM 6 juta untuk mengadakan laluan-laluan air segera, yang ini telah dibentuk. Jadi kita ada tiga fasa, fasa 1 hampir siap, fasa 2 dalam proses tender, begitu juga fasa 3. Saya mengikut pandangan profesional apabila selesai semua benteng ini ataupun tebatan banjir ini kita jangkakan bahawa limpahan Sungai Golok tidak berlaku, maka itu pertama pengurangan kejadian banjir di Rantau Panjang.

Selain itu, RM 6 juta yang disebutkan oleh PMX ini merupakan spillway sementara. Apabila sudah semuanya sekali, jangkaannya ialah banjir dapat diatasi dengan tidak berlakunya limpahan air Sungai Golok. Semasa lawatan Yang Berhormat Menteri Kerjaraya Dato' Nanta Linggi, kita telah juga mencadangkan kalau possible tempat yang pecah baru ini dibina jambatan, telah kita adukan kepada mereka mengikut pandangannya kalau jambatan itu maka airnya lebih cepat keluar berbanding dengan terowong. Jadi kita serah kepada Menteri dan kita serah kepada profesional yang mengkaji bagaimana benteng ataupun tebatan banjir ini dilaksanakan. Terima kasih.

YB DATO' TIMBALAN SPEAKER :

Silakan Galas.

YB TUAN MOHD SYAHBUDDIN BIN HASHIM :

Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker. Terima kasih atas jawapan yang diberikan oleh Yang Berhormat Exco sebentar tadi. Soalan tambahan saya ialah berkenaan dengan pampasan. Adakah Kerajaan Negeri Kelantan membayar pampasan kepada penduduk yang mengalami kerugian akibat kerosakan harta benda kerana masalah yang dikemukakan tadi. Terima kasih.

YB DATO' DR. IZANI BIN HUSIN :

Terima kasih Galas. Galas ni dok huje dok banjir tempat dio pun tanyo jugok. Gini pampasan pertamanya dari segi bantuan-bantuan segera Kerajaan Negeri telah atur telah bagi. Ada juga kes mahkamah yang berlaku di sini tapi kita serah kepada hoktu untuk perundangan. Kena ingat Galas kena ingat bahawa projek ini projek dasar persekutuan dan kalau dio dakwa pun dakwa Kerajaan Persekutuan deh. Kalau rakyat tok puas hati dengan benteng ini, rakyat akan berhadapan dengan Kerajaan Persekutuan. Kita Kerajaan Negeri akan melihat apa-apa bantuan segera one-off dan sebagainya. Itu pihak Kerajaan Negeri. Untuk pampasan seterusnya saya rasa kita tengok bagaimana Kerajaan Persekutuan dia punya nada dia macam mana deh Galas.

YB DATO' TIMBALAN SPEAKER :

Silakan Pulai Chondong.

YB TUAN HAJI AZHAR BIN SALLEH :

بسم الله الرحمن الرحيم
السلام عليكم ورحمة الله تعالى وبركاته

Yang Berhormat Dato' Speaker,

Salam manis untuk semua,
Mohon jawapan soalan saya nombor 2.

Soalan 2 :

[Minta YAB Ustaz Dato' Panglima Perang Menteri Besar nyatakan, perkembangan terkini projek IBS di Kampung Tok Bok Machang serta sejauh mana peratusan yang telah diusahakan dan apakah manfaat yang diperolehi oleh penduduk setempat melalui projek yang dilaksanakan.]

YB MEJAR (B) DATO' HAJI MD ANIZAM BIN ABDUL RAHMAN :

السلام عليكم ورحمة الله تعالى وبركاته

Yang Berhormat Dato' Speaker, terima kasih kepada Pula Chondong. Pembinaan Taman Perindustrian Sistem Binaan Berindustri (IBS) seluas 200 ekar di atas tanah Kerajaan Lot 1069 Sungai Bagan, Mukim Tok Bok telah bermula pada 15 Ogos 2022 dan tarikh siap kontrak adalah pada 3 April 2025.

Sehingga kini 31 Januari 2024 atau yang latest 29/2/2024 kemajuan fizikal melebihi 30% dan kerja-kerja tanah sedang dijalankan dalam Fasa 1, kerja-kerja infrastruktur untuk bangunan pencawang utama atau PPU, tangki kumbahan, kerja-kerja infra jalan, perparitan, sistem kumbahan.

Manfaat Projek Pembangunan Taman Berindustri atau IBS ini kepada penduduk setempat antaranya ialah :

- a) Dapat memberi peluang pekerjaan kepada rakyat Kelantan khususnya kepada anak tempatan memandangkan projek ini boleh menyediakan lebih kurang 3500 peluang pekerjaan dan

ada 47 lot-lot industri yang akan diisi oleh pengilang-pengilang IBS tempatan.

- b) Selain daripada itu, pembinaan infrastruktur khususnya melibatkan pembinaan air bersih, bekalan elektrik dan loji kumbahan akan memberi kemudahan kepada penduduk setempat juga.
- c) Limpahan ekonomi setempat dan peluang perniagaan akan berkembang dengan adanya kemudahan tapak-tapak pasar malam dan juga lot-lot kedai perniagaan.

Terima kasih.

YB TUAN HAJI AZHAR BIN SALLEH :

Yang Berhormat Dato' Speaker, pertama saya mengucapkan tahniah kepada pihak Kerajaan yang mana telah berjaya menempatkan suatu projek yang besar di Machang. Soalan tambahan saya, setakat ini berapa buah syarikatkah yang telah menyatakan minat untuk melabur dan membina kilang di kawasan IBS Machang. Sekian terima kasih.

YB MEJAR (B) DATO' HAJI MD ANIZAM BIN ABDUL RAHMAN :

Yang Berhormat Dato' Speaker, terima kasih kepada soalan tambahan seorang wakil rakyat yang prihatin kepada tempat Pulai Chondong. Di antara kilang-kilang yang menunjuk hasrat atau telah membuat permohonan semasa setakat ini lebih kurang 32 syarikat. Saya ingin mohon izin Dato' Speaker membacakan syarikat-syarikat tersebut, khususnya pertama Precast Engineering Sdn Bhd iaitu dalam kerja-kerja precast colum dan beam dengan izin, Vertex Central Industries Sdn Bhd, Hidni Holding Sdn Bhd dengan izin ... system, Ikatan Intra Sdn Bhd steel structure Noha Niaga Sdn Bhd, ... IBS Sdn Bhd, Lightweight Wall Panel Dinda Resources Metal Product Bhd, Ready Made CM Jaya Sdn Bhd, Complex Exhibition, Mag Builders Sdn Bhd, ... Furniture, Mahligai Idaman Development construction ataupun component material, KLV Engineering metal future, ... KLV AllumGlass Solution kerja-kerja aluminium, TZ Man Enterprise Roman Pillar tiang-tiang yang merupakan corak roman pillar, KB Piling fail komponen produk, Morvan Modular House, Laksana Cergas Sdn Bhd IBS ventilation block.

Ridzwan Hafizu Development drain calvort ..., VCI Sdn Bhd, Ringkas Concrete Hydro Sdn Bhd, Logistic Services dan terbaru ada 12, Tasblock Malaysia Sdn Bhd, Anggun Armada Holding Sdn Bhd light weight block, Guo Guang Product Supply ceramic ..., Koperasi Bina Ummah ringkas structure, A.K Residential Services Sdn Bhd steel framework system, Reka Jitu NH Enterprise IBS interlocking block, RDH Property Sdn Bhd relevate kitchen cabinet, Gazi Properties Sdn Bhd IBS wall mega system, Bintang Murni Development Sdn Bhd roof tal manufacturer, RAS Homs Sdn Bhd IBS innovative building system, D'Maras Development door manufacture alat-alat pintu dan sebagainya, MCZM Hardware dan Construction polisterine dan panel-panel yang lain. Kesemuanya lebih kurang 32. Terima kasih.

YB DATO' TIMBALAN SPEAKER :

Silakan Galas.

YB TUAN MOHD SYAHBUDDIN BIN HASHIM :

Yang Berhormat Dato' Speaker, walaupun IBS ini tidak berada dalam kawasan Galas tapi dia berada dalam Negeri Kelantan deh. Apa pilihan yang saya ada apabila takdok soalan saya hari ini dibenarkan. Soalan tambahan saya Yang Berhormat Dato' Speaker, bagaimana teknologi IBS dalam pembinaan dapat membantu dalam meningkatkan kualiti dan keberlanjutan bangunan di Negeri Kelantan dan apakah inisiatif ataupun program pembangunan kemahiran yang disediakan untuk mempersiapkan tenaga kerja lokal bekerja dalam industri IBS. Terima kasih.

YB MEJAR (B) DATO' HAJI MD ANIZAM BIN ABDUL RAHMAN :

Terima kasih kepada Yang Berhormat Galas.

*Sudah gaharu cendana pula,
Sudah tahu bertanya pula.*

Kemungkinan tahu doh dok dalam industri moga sebelum jadi wakil rakyat pun kontraktor jugok. Lebih kure gitu lah.

Alhamdulillah kita menyediakan IBS ini jangka panjangnya sekurang-kurangnya ada in situ ataupun di Kelantan ini satu-satunya negeri yang

bekerjasama dengan pihak swasta yang kita menyediakan sendiri daripada kos, bila ada in situ sudah kos transport dan sebagainya akan jimat. Dan keduanya, pelajar-pelajat TVET dan sebagainya boleh secara in situ nya boleh lihat perkara-perkara tersebut dan memberi pengalaman baru kepada penduduk-penduduk Kelantan yang khususnya dalam industri binaa. Jadi itu pada masa hadapan apabila ianya terdiri kelak di lot-lot tersebut akan dapat lah kita lihat bagaimana industri perumahan ini maju di Negeri Kelantan. Itu lah sedikit ringkasan. Terima kasih.

YB DATO' TIMBALAN SPEAKER :

Silakan Yang Berhormat Chempaka.

YB TUAN NIK BAHRUM BIN NIK ABDULLAH :

Tuan Yang Dipertua, saya pohon untuk mendapat jawapan soalan saya nombor 3.

Soalan 3 :

[Minta YAB Ustaz Dato' Panglima Perang Menteri Besar nyatakan status terkini pembinaan Jambatan Sabak serta nyatakan juga perancangan menaik taraf jalan-jalan dari Sabak ke Pengkalan Chepa yang begitu teruk pada masa sekarang.]

YB DATO' DR IZANI BIN HUSIN :

Yang Berhormat Dato' Speaker, terima kasih kepada Chempaka. Untuk pengetahuan Chempaka dengan saya ini satu cawangan. Jadi dua wakil rakyat dalam satu cawangan. Nyohor sikit eh.

Untuk jawapan kepada soalan Chempaka, dia boleh tanya rumoh je ni. Status terkini pembinaan serta perancangan menaik taraf Jambatan Sabak ini dia pun tahu tengah duk buat loni. Kemajuan kerja sehingga 28 Januari 2023 adalah 38% berbanding 33.26% dan ianya dijangka siap pada April 2025.

Dan JKR Malaysia telah membuat perancangan untuk pembesaran jalan dari Kubang Kerian ke Sabak dan dipecah kepada 2 fasa. Fasa pertama bermula daripada Kubang Kerian ke Panchor yang kini dalam peringkat pembinaan. Manakala Fasa 2 bermula daripada Panchor ke Lapangan Terbang Pengkalan Chepa melalui laluan FT 131 dan FT 187 dalam

peringkat perancangan dan akan dimohon dalam Rancangan Malaysia Ke-13 RP 1 2026.

Bagi status pembinaan Fasa 1 adalah kerja fizikal 20% berbanding Jadual 19% dikemaskinikan. Tu jah deh. Terima kasih.

YB TUAN NIK BAHRUM BIN NIK ABDULLAH :

Soalan tambahan saya. Daripada jawapan yang diberikan tadi saya pohon rujuk juga pada soalan asal iaitu dari Jambatan Sabak ke Pengkalan Chepa. Tetapi daripada jawapan yang diberikan itu adalah daripada Kubang Kerian ke Panchor mana tak sampai nak tahu dari segi hasilnya akhirnya adakah ada perancangan untuk baiki sebab kalau dapat untuk dalam keadaan segera pun amat-amat dialukan. Sekian terima kasih.

YB DATO' DR IZANI BIN HUSIN :

Terima kasih Chempaka. Sebenarnya sudah jawab sakni, Fasa pertama Kubang Kerian – Panchor, Fasa kedua daripada Panchor ke Lapangan Terbang Ismail Petra melalui FT 131 dan FT 187 Sabak dah tu lalu ikut Cabang Empat Sabak terus kepada Pengkalan Chepa. Cuma dia nya akan dipohon melalui memohon dalam RMK 13 RP 1 2026. Tok buat lagi baru memohon baru.

Jumlah amaun bayaran kalau nak sambung sikit lagi, semua pengambilan-pengambilan tanah tadi ialah RM 26 juta setakat ini. Dan pembesaran jalan daripada Kubang Kerian adalah 2 line sebelah 4 line, 4 lorong. Dan hok akan dipohon daripada Cabang Empat Sabak ke Lapangan Terbang jugak 4 line tapi dalam perancangan. Jalan Sabak ke Pengkalan Chepa kena ingat dia ini Jalan Persekutuan dan dia dibawah penyelenggaraan konsesi road care.

Jadi sebarang aduan, sebarang penambah baik kita minta kena lalui melalui JKR Jajahan Kota Bharu road care itu dia. Terima kasih.

YB DATO' TIMBALAN SPEAKER :

Silakan Yang Berhormat Pengkalan Pasir.

YB TUAN MOHAMAD NASRIFF BIN DAUD @ DAUD YATIMEE :

السلام عليكم ورحمة الله تعالى وبركاته

Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker, mohon jawapan kepada soalan saya nombor 4.

Soalan 4 :

[Minta YAB Ustaz Dato' Panglima Perang Menteri Besar nyatakan apakah pelan strategik dalam mewujudkan industri penternakan dan pertanian serta berapa target pencapaian bilangan usahawan ternak dan tani untuk setiap daerah.]

YB HAJI TUAN MOHD SARIPUDIN BIN TUAN ISMAIL :

بسم الله الرحمن الرحيم

السلام عليكم ورحمة الله تعالى وبركاته

Yang Berhormat Dato' Speaker, terima kasih kepada Pengkalan Pasir. Kerajaan Negeri Kelantan melalui Jawatankuasa Pertanian Industri Agro Makanan dan Komuditi telah menyediakan Dasar Bertani Satu Ibadah dan Pelan Tindakan Strategik Pertanian 2021-2025 sebagai sumber rujukan gerak kerja semua jabatan dan agensi terlibat di dalam sektor pertanian dan penternakan serta memayungi kesemua aktiviti di bawah portfolio ini.

Pelan Tindakan Strategik ini mencakupi 9 subsektor utama iaitu pertanian, perternakan, perikanan, bio-teknologi, penyelidikan dan pembangunan iaitu R&D, usahawan tani, agro-pelancongan, industri asas tani dan pemasaran.

Dalam masa yang sama, Jabatan Pertanian Negeri Kelantan dalam tindakan menyediakan pelan strategik pertanian bagi tahun 2024-2028 dengan memberi fokus halatuju dan peranan kearah membangunkan dan memperkasakan aktiviti pertanian di Negeri Kelantan dalam tempoh 5 tahun. Aktiviti yang dirancang ini selari dengan pelan strategik Kelantan melangkah ke hadapan (2016-2025), Pelan Strategik Ahli Majlis

Mesyuarat Kerajaan (AMMK) Kelantan Melangkah Ke Hadapan (2018-2023) dan Pelan Strategik Jabatan Pertanian Malaysia. Di dalam pelan strategik ini, sasaran pencapaian bilangan petani akan ditentukan berdasarkan keluasan aktiviti pertanian setiap daerah dengan mensasarkan peningkatan 5% usahawan tani setiap tahun berbanding tahun sebelum. Di bawah Jabatan Pertanian Negeri Kelantan mensasarkan 1000 usahawan tani bagi tempoh 2021 sehingga 2025 iaitu 200 usahawan tani dilahirkan setiap tahun.

Bagi sektor penternakan pula Kerajaan telah menyediakan beberapa pelan strategik di peringkat Jabatan Perkhidmatan Veterinar Malaysia. Kerajaan Negeri dan Jabatan Perkhidmatan Veterinar Kelantan seperti berikut :

- i. DVS Malaysia Pelan Strategik Pembangunan Industri Pedaging Negara (BIF PLAN 2021-2025).
- ii. Pelan Strategik Pembangunan Industri Tenusu Negara (2021-2025).
- iii. Kerajaan Negeri Kelantan Dasar Pertanian dan Pelan Strategik Pertanian (2021-2025).
- iv. Dan dibawah JPV Kelantan Pelan Strategik Pembangunan Perkhidmatan Veterinar Negeri Kelantan (2024-2030) yang sedang dalam kemaskini akhir sebelum dilancarkan dalam masa terdekat.

Dimana target pencapaian bilangan usahawan ternak untuk setiap jajahan adalah seperti berikut :

- i. Lembu pawah - 35 penternak setiap jajahan.
- ii. Rezeki ternak – 10 penternak.
- iii. Agropreneur Muda – 3 penternak.
- iv. Projek Insentif Kadar Kelahiran 60% (PIKK 60%) – 3 penternak untuk seluruh Kelantan.
- v. Pengeluar Makanan Ternakan – 15 orang setiap jajahan.

- vi. Kedai daging - 6 outlets seluruh Kelantan.
- vii. Persijilan Naim bif – 5 penternak untuk setiap jajahan.
- viii. Dan lembu tenusu – 37 orang penternak seluruh Kelantan.

Sekian terima kasih.

YB DATO' TIMBALAN SPEAKER :

Silakan YB Pengkalan Pasir.

YB TUAN MOHAMAD NASRIFF BIN DAUD @ DAUD YATIMEE :

Terima kasih kepada penerangan daripada Exco Pertanian tadi. Soalan tambahan saya, saya difahamkan bahawa kita telah memperkenalkan program NAIM bif. Sejauh manakah perkembangan dan juga pencapaian dan apakah projek ataupun perancangan jangka masa panjang untuk memastikan pembekalan terutamanya daging. Kalau kita tengok setiap kali berlakunya Hari Raya Korban maka lambakan daripada penternak hasil ternakan daripada negeri Siam ke Kelantan. Jadi apakah perancangan jangka masa panjang dan apakah pencapaian yang telah dicapai oleh projek-projek NAIM bif.

YB HAJI TUAN MOHD SARIPUDIN BIN TUAN ISMAIL :

Terima kasih kepada soalan tambahan Pengkalan Pasir. Yang Berhormat Dato' Speaker, NAIM bif adalah satu sistem pengeluaran lembu pedaging yang mendapat akreditasi berasaskan kepada penggunaan induk kacukan charolais generasi F2 dan F3 sebagai keperluan minimum yang telah mencapai tahap piawaian kualiti yang ditetapkan, dipelihara secara gerompok semi-intensif bagi tujuan pembiakan secara tertutup.

Buat masa sekarang, jabatan telah mengiktiraf sebanyak 22 ladang iaitu melibatkan 22 orang penternak dengan sistem NAIM bif. Jumlah ternakan bagi semua peserta adalah sebanyak 195 ekor induk charolais dan 25 ekor jantan baka charolais. Dimana jumlah keseluruhan ternakan seramai 297 ekor pelbagai baka. Begitu juga, JPV Negeri Kelantan berusaha memperkasakan penternakan sistem NAIM bif dengan meramaikan bilangan juru suntik. Sehingga kini Januari 2024 seramai 72 orang mengikut pecahan berikut :

- i. DIY Jabatan – 17 orang.
- ii. DIY Swasta – 55 orang.

Menjadikan Negeri Kelantan mempunyai DIY atau juru suntik bertaualiah yang paling ramai di Malaysia. Dari segi persijilan NAIM bif dan perancangan pada tahun 2024 adalah menambah 10 ladang baru yang diiktiraf sebagai persijilan NAIM bif iaitu membuat penambahbaikan untuk ladang sedia ada dengan khidmat nasihat dan bantuan yang bersesuaian sentiasa diperkasakan.

Manakala, jumlah peruntukan dan bilangan peserta yang telah dibangunkan sehingga tahun ini oleh pihak Kerajaan Negeri dengan kerjasama JPV Negeri Kelantan dan juga Kelantan Biotech Corporation Sdn Bhd adalah seperti berikut :

- i. Pada tahun 2021 – 2022 untuk Siri Pertama, Projek Kandang Lestari NAIM bif dengan peruntukan sebanyak RM 161 000 memberi manfaat kepada 7 orang penternak.
- ii. Untuk Siri Kedua iaitu pada tahun 2023 tahun lepas, Projek Kandang Lestari NAIM bif diperuntukkan sebanyak RM 175 000 dengan memberi manfaat kepada 7 orang penternak.

Sekian terima kasih.

YB DATO' TIMBALAN SPEAKER :

Silakan Limbongan.

YB PUAN NOR ASILAH BINTI MOHAMED ZIN :

Terima kasih kepada Dato' Speaker. Soalan saya, Kelantan membawa masuk sebanyak 300 000 ayam hidup setiap hari daripada negeri Perak atau lebih kurang 9 juta ekor setiap bulan dimana permintaan ayam pedaging cukup besar nisbah kepada 1.4 ke 1.8 juta ekor sehari. Soalan saya, adakah usaha daripada pihak Kerajaan untuk mewujudkan pelan strategik industri penternakan ayam dengan penglibatan seluruh agensi di negeri Kelantan.

YB HAJI TUAN MOHD SARIPUDIN BIN TUAN ISMAIL :

Terima kasih soalan tambahan daripada Limbongan. Memang pihak jabatan telah membuat perancangan untuk memperkasakan penternakan ayam pedaging memandangkan rakyat Kelantan ini antara rakyat yang suka makan terutamanya barang kali kanak-kanak, bukan kanak-kanak sahaja ayam menjadi makanan utama kepada rakyat Kelantan. Jadi semestinya kita telah membuat perancangan bersama dengan Jabatan Perkhidmatan Veterinar di bawah Program Pembangunan Unggas ini In Shaa Allah lebih banyak ladang-ladang pernternakan ayam pedaging akan dibangunkan. Di waktu yang sama, kita telah memberikan kursus kepada pengusaha-pengusaha ladang dan juga khidmat nasihat dan bantuan-bantuan input supaya lebih ramai para penternak dapat menghasilkan ayam daging lebih berkualiti dan selamat. Sekian terima kasih.

YB DATO' TIMBALAN SPEAKER :

Silakan Kelaboran.

YB TUAN HAJI MOHD ADANAN BIN HASSAN :

Yang Berhormat Dato' Speaker, pohon jawapan bagi soalan saya nombor 5.

Soalan 5 :

[Minta YAB Ustaz Dato' Panglima Perang Menteri Besar nyatakan apakah usaha sama yang dibuat oleh Kerajaan Negeri dengan pihak universiti di luar negara bagi menerima pelajar-pelajar lepasan Yayasan Islam Kelantan untuk belajar di universiti-universiti di luar negara.]

YB TUAN HAJI WAN ROSLAN BIN WAN HAMAT :

Yang Berhormat Dato' Speaker, terima kasih kepada Kelaboran yang prihatin, bekas seorang guru kepada pendidikan kita di Kelantan. Kerajaan Negeri Kelantan melalui Yayasan Islam Kelantan dan juga Yayasan Kelantan Darulnaim (YIK dan YAKIN) berusaha untuk memberi peluang Pendidikan terbaik untuk anak-anak Kelantan terutama pelajar-pelajar lulusan Yayasan Islam Kelantan (YIK) untuk melanjutkan pengajian di universiti-universiti luar negara.

Antara kerjasama yang telah dibuat ialah antara negara Mesir, Jordan, Turki, Arab Saudi, Tunisia dan juga Indonesia. Yayasan Islam Kelantan dan Yayasan Kelantan Darulnaim (YIK dan YAKIN) juga sedang berusaha untuk meneroka peluang baru di negara luar yang lain seperti Kuwait, Qattar, Oman dan lain-lain lagi negara Arab di Timur Tengah. Terima kasih.

YB TUAN HAJI MOHD ADANAN BIN HASSAN :

Terima kasih kepada jawapan yang diberikan oleh pihak Kerajaan. Dan Kerajaan kita prihatin kepada masa depan pelajar-pelajar dan berusaha menghantar pelajar ke luar negara. Soalan tambahan saya, bagaimana cara pemilihan pelajar-pelajar untuk masuk ke universiti luar negara dibawah Yayasan Islam Kelantan.

YB TUAN HAJI WAN ROSLAN BIN WAN HAMAT :

Terima kasih soalan tambahan. Cara-cara ataupun syarat telah kita menghantar pelajar-pelajar ke luar negara melalui Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) dan syarat-syarat telah ditentukan oleh pihak KPT, kelayakan-kelayakan yang perlu dimiliki oleh setiap pelajar yang akan melanjutkan pelajaran ke Mesir dan negara-negara yang kita sebutkan tadi. Terima kasih.

YB DATO' TIMBALAN SPEAKER :

Silakan Kota Lama.

YB PUAN DR HAFIDZAH BINTI HAJI MUSTAKIM :

بسم الله الرحمن الرحيم

السلام عليكم ورحمة الله تعالى وبركاته

Dato' Timbalan Speaker, soalan tambahan saya adalah Kelantan mempunyai sebuah kolej iaitu Kolej Universiti Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS). Berapa ramaikah pelajar KIAS hari ini dan adakah ia berdaya saing. Last sekali saya turut serta dalam convocation seramai 200 lebih yang bergraduasi tahun lepas. Adakah KIAS sekarang berdaya saing dan apakah usaha-usaha yang dilakukan untuk menarik pelajar

antarabangsa sekurang-kurangnya daripada negara jiran ASEAN untuk belajar di KIAS. Terima kasih Timbalan Speaker.

YB TUAN HAJI WAN ROSLAN BIN WAN HAMAT :

Yang Berhormat Dato' Speaker, terima kasih Kota Lama. KIAS sekarang ini pelajar dia lebih kurangnya 1500 orang. Kolej universiti dan untuk mencapai taraf universiti dia perlu mencapai pelajar 5000 tak silap. Jadi kita sedang mengusahakan untuk menggalakkan pelajar-pelajar Kelantan khususnya untuk masuk ke KIAS. Kita melantik seorang pegawai dan mengadakan MOU dengan Yayasan Islam Kelantan untuk mengadakan kempen-kempen supaya mereka ini boleh menyambung pelajaran ke KIAS. Dan kebolehan pasaran juga KIAS ini kita mendapat maklumat daripada kementerian pelajar-pelajar kita melebihi 85% ada di pasaran di negara kita lah dalam pelbagai bidang yang dibuka di Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra. Jadi In Shaa Allah kita sedang berusaha melalui ahli lembaga untuk memajukan lagi membangunkan lagi KIAS menjadi pilihan terbaik di negeri Kelantan. Terima kasih.

YB TUAN MOHD SYAHBUDDIN BIN HASHIM :

Speaker...

YB DATO' TIMBALAN SPEAKER :

Silakan Galas.

YB TUAN MOHD SYAHBUDDIN BIN HASHIM :

Yang Berhormat Exco, tahniah lah jawapan yang telah diberikan dan kerjasama yang banyak dilaksanakan di antara Kerajaan Negeri kita dengan universiti-universiti di Timur Tengah. Cuma soalan tambahan saya, bolehkah pihak Kerajaan menjelaskan tentang jenis kerjasama yang telah dijalin antara Kerajaan Negeri Kelantan dengan universiti di Timur Tengah dan bagaimana kerjasama ini telah membantu dalam pembangunan pendidikan dan kebudayaan di negeri Kelantan. Terima kasih.

YB TUAN HAJI WAN ROSLAN BIN WAN HAMAT :

Dato' Speaker, antara kerjasama yang kita lakukan di antara negara luar iaitu pengiktirafan sijil yang kita keluarkan di KIAS contohnya Mesir belajar sampai tahun 3 dan boleh sambung ke Mesir... tahun 3 tahun 4. Dan belajar di KIAS mendapat pinjaman daripada YAKIN dan sambung ke Al-Azhar Mesir tahun 3 juga mendapat pinjaman daripada YAKIN. Begitu juga dengan negara-negara lain di luar macam tu lah dengan Tunisia, dengan Turki dan sebagainya. Kita mengadakan hubungan dengan negara-negara luar mengiktiraf apa yang kita keluarkan sijil di Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra. Terima kasih.

YB DATO' TIMBALAN SPEAKER :

Seterusnya silakan Kota Lama.

YB PUAN DR HAFIDZAH BINTI HAJI MUSTAKIM :

السلام عليكم

Dato' Timbalan Speaker dan semua, soalan saya nombor 6 mohon jawapannya.

Soalan 6 :

[Minta YAB Ustaz Dato' Panglima Perang Menteri Besar nyatakan data-data kes di Mahkamah Syariah Kelantan yang tertunggak bagi tempoh 2019 – 2023 dan usaha-usaha yang telah diambil bagi menyelesaikan tunggakan tersebut.]

YB TUAN MOHD ASRI BIN MAT DAUD :

السلام عليكم ورحمة الله تعالى وبركاته

Yang Berhormat Dato' Speaker, terima kasih kepada Kota Lama. Pada dasarnya, terdapat 4 kes perbicaraan di Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Kelantan ataupun JKSN iaitu yang melibatkan kes perceraian, kes mal, kes faraid dan juga kes jenayah. Jadi cumanya pada asasnya tidak ada kes turtunggak, ia dinamakan kes-kes yang belum selesai ataupun kes dalam prosiding ye ataupun sebabnya kerana tarikh perbicaraan tersebut

telah ditetapkan yang melibatkan keputusan, rayuan dan juga semakan di mahkamah ye.

Umpamanya bagi kes perceraian di JKSJ ini masih terdapat 116 kes yang masih belum diselesaikan dalam tempoh 2 tahun bermula tarikh didaftarkan iaitu bagi kes daftar tahun 2022 ke belakang. Atas beberapa faktor dan jenis kes yang berbeza-beza, tempoh yang agak lama sedikit ini terpaksa di ambil antaranya apabila kedua-dua pihak gagal mencapai persetujuan dan memerlukan lantikan jawatankuasa pendamai dan hakim.

Penyelesaian dalam kes tuntutan perceraian adalah sama ada berpisah ataupun didamaikan. Dan ianya memerlukan suatu tempoh yang munasabah yang ditentukan oleh pihak mahkamah berdasarkan kes. Jika dilakukan jalan damai dan gagal dicapai pihak pemohon secara alternatifnya akan membuka kes pengesahan taklik tinggal, fasakh dan sebagainya berdasarkan persetujuan kedua-dua pihak untuk bercerai tebus talak sebagai langkah penyelesaian.

Dan usaha-usaha yang telah dilakukan banyak sebenarnya yang telah diambil mahkamah syariah bagi mempercepatkan kes-kes. Antaranya penyelesaian pertikaian melalui kaedah Mediasi ataupun Sulh iaitu perdamaian dengan penubuhan Sulh Centre. Yang keduanya, menubuhkan Unit Pengurusan Kes bagi memantau dan melicinkan cara perjalanan semua kes-kes perceraian yang berlaku. Yang ketiganya, menetapkan KPI penyelesaian kes pembubaran perkahwinan hendaklah diselesaikan kurang dari 2 tahun dan kes melibatkan harta seperti hibah, harta sepencarian, nafkah dan sebagainya selesai dalam tempoh 3 tahun. Dan yang keempatnya, melancarkan satu projek inovasi Kumpulan Inovasi Kreatif (KIK) "*I-Mutaah*" bagi mempercepatkan kes-kes Mutaah. Ini bukan nikah Mutaah ini, ini kes-kes pemberian sagu hati selepas daripada berlaku perceraian.

Jadi sebagai tambahan lainnya ialah statistik yang dapat kita lihat dari 2019 sehingga 2023 umpamanya yang melibatkan kes faraid hanya berbaki 198 kes iaitu masih dalam prosiding, 198 kes daripada 5279. Manakala kes mal dalam prosiding 2589 daripada 37 865 kes. Dan bagi kes jenayah dalam prosiding 1739 daripada 13 377. Jadi statistik ini menunjukkan bahawa tidak ada pun lambakan kes-kes yang masih belum diselesaikan dan ia melibatkan proses-proses munasabah sahaja di peringkat Mahkamah Syariah. Terima kasih.

YB DATO' TIMBALAN SPEAKER :

Silakan.

YB PUAN DR HAFIDZAH BINTI HAJI MUSTAKIM :

Terima kasih YB Exco atas jawapan tersebut. Soalan tambahan saya adalah pada Februari 2024 Mahkamah Persekutuan membatalkan 16 kesalahan syariah dalam Enakmen Kanun Jenayah Syariah Kelantan 2019. Soalan saya sejak ia dikuatkuasakan tahun 2019, berapakah kes yang membabitkan 16 kesalahan ini saya sebutkan beberapa seperti liwat, gangguan seksual, mengurangkan skala dan kurang berat, melaksanakan urus niaga riba dan menawarkan perkhidmatan maksiat yang telah dihadapkan ke Mahkamah Syariah di negeri ini. Kalau tidak ada, mengapa ini berlaku sedangkan kes-kes ini terjadi di negeri ini. Terima kasih.

YB TUAN MOHD ASRI BIN MAT DAUD :

Terima kasih Kota Lama. Sebelum saya menjawab soalan tersebut, Kota Lama apa sikap Kota Lama terhadap keputusan kes Nik Elin vs Kerajaan Negeri tersebut ? Kota Lama bersetuju ataupun tidak ?

YB PUAN DR HAFIDZAH BINTI HAJI MUSTAKIM :

Saya jelas bahawa kes ini ataupun apa yang terjadi kes Nik Elin menyaman Kerajaan Negeri adalah tentang isu bidang kuasa DUN Kelantan dalam menggubal undang-undang Mahkamah Syariah. Ianya bukan memperkecilkan atau menghapuskan kuasa Mahkamah Syariah, jauh sekali daripada isu akhirnya tidak mahu Islam dinobatkan. So bagi saya dia clear sebagaimana yang disebutkan oleh Tengku Maimun Ketua Hakim Negara kita yang menyebutkan bahawa apa yang terjadi adalah keputusan itu membetulkan, meletakkan kita di rail yang betul mengikut semangat perlembagaan bahawa apa-apa yang diputuskan dalam Dewan yang mulia ini mesti lah tidak bercanggah dengan apa yang telah tersedia di peringkat persekutuan. Ia adalah tentang bidang kuasa yang boleh dilakukan oleh dua ini, satu ditentukan oleh ahli parlimen dan satu lagi ditentukan oleh kita para penggubal undang-undang di negeri ini. Thank you.

YB TUAN MOHD ASRI BIN MAT DAUD :

Ye, di atas kenyataan Kota Lama tadi kita di negeri Kelantan ini kita semua kesal dan rasa sedih dengan tindakan seorang muslim yang membuat cabaran terhadap seksyen-seksyen yang sudah baik pun yang telah dilaksanakan, sudah setahun dilaksanakan, telah diwartakan, dibincang di Dewan yang mulia ini. Dan kemudian diperkenankan oleh Tuanku Al-Sultan untuk dilaksanakan bukan perkara yang biasa. Dan tadi Kota Lama ada bertanya soal apakah kes-kes jenayah pasca selepas daripada pelaksanaan kita ada Kanun Jenayah Syariah macam mana.

Kita ada tindakan-tindakan walaupun kes itu tetap berlaku. Umpamanya dalam tahun 2022 ada 14 kes liwat berlaku, pada 2023 ada 8 kes liwat berlaku. Kalau lah sekarang ini bagaimana kita nak ambil tindakan terhadap kes-kes yang melibatkan liwat, pasca cabaran, pasca keputusan mahkamah. Jadi perkara seksyen 14 yang berkaitan dengan liwat sudah terbatal, jadi kita nak buat macam mana sekiranya berlaku antaranya ialah jenayah-jenayah yang macam ini. Umpamanya dalam Seksyen 43 Muamalat Riba, kita Kerajaan Negeri Kelantan telah membuat satu perkara yang cukup baik untuk menyelamatkan rakyat ini daripada terlibat dengan hukum yang telah dilarang oleh Al-Quran oleh Allah S.W.T.

Tetapi kalau kita tengok dalam Mahkamah Sivil dalam panel kod apakah justifikasi yang boleh membatalkan seksyen berkaitan dengan muamalat riba, ada ke tidak ? Tidak ada... kerana Persekutuan sendiri tidak boleh untuk menggubal mana-mana hukum yang dianggap diskriminasi. Hukum riba hanya untuk orang Islam, orang bukan Islam tidak terlibat. Jadi bila dalam panel kod tidak ada, dalam negeri pun tidak ada dimanakah tempat untuk kita selamatkan rakyat ini daripada apa yang nak dinyatakan oleh Al-Quran itu, apa yang telah dinyatakan oleh Al-Quran dan oleh Allah S.W.T.

Jadi di negeri ini lah perlunya kita gubal undang-undang yang nak menyelamatkan rakyat yang undang-undang ini sudah tentu yang bersabit terlibat dengan hukum syarak walaupun ia berkaitan dengan takzir. Jadi oleh kerana itu, nak selesai masalah ini perlunya ada gubalan undang-undang itu. Jadi apabila pasca keputusan ini menyebabkan beberapa kes-kes, hukuman-hukuman ini tertangguh. Walaupun begitu, ada kes-kes lain, yang seksyen-seksyen lain yang tidak terbatal yang perlu diteruskan oleh mahkamah.

Jadi saya ingin nyatakan bahawa memang ada kes-kes yang diteruskan oleh mahkamah. Tadi Kota Lama bertanya kes-kes dan sebagaimana saya nyatakan bahawa umpamanya dalam kes jenayah bagi tahun 2019 hingga 2023, kita sudah selesaikan 1739 kes daripada 13 377 kes. Ini di peringkat Mahkamah Syariah dan dalam prosiding itu pun ini angka Januari, angka awal Januari. Maksudnya sekarang ini kita telah masuk Mac, saya yakin bahawa dalam prosiding semakin mengecil, semakin sedikit apabila adanya Mahkamah Syariah. Jadi apabila ada pembatalan kepada beberapa seksyen iaitu 16 baru- baru ini ia menyebabkan kepada kelompangan kepada institusi Mahkamah Syariah untuk dinobatkan apatah lagi menjalankan kes-kes yang ada dalam prosiding. Jadi siapa yang bersalah ?

YB PUAN DR HAFIDZAH BINTI HAJI MUSTAKIM :

Okay Tuan Speaker. Sebab YB Exco dia belum jawab soalan saya. Khususnya contohnya untuk kes liwat dan juga kesalahan tentang riba sebab kita masih mengamalkan atau membenarkan bank-bank riba beroperasi di negeri ini. Saya bagi contoh baru-baru ini ada seorang pendidik daripada Pasir Pekan dihadapkan dan dijatuhkan hukuman di mahkamah atas kesalahan merogol dan meliwat pelajarinya contohnya, mengapa kes ini tidak dibawa ke Mahkamah Syariah ? Saya mahu tahu adakah Mahkamah Syariah kita hari ini kompeten untuk mengendalikan kes-kes seperti ini, contohnya tadi YB Exco menyebutkan bagaimana kes itu dibatalkan menyebabkan kita tidak boleh nak mendakwa. Hikmah daripada pembatalan jenayah liwat itu di Kelantan adalah kerana hukuman untuk penjenayah ini di peringkat persekutuan adalah 30 tahun berbanding dengan hanya 3, 6 dan 5 di Kelantan.

YB TUAN MOHD ASRI BIN MAT DAUD :

Dato' Speaker, Kota Lama... jenayah sekiranya jenayah itu termasuk dalam jenayah rogol itu dibawah sivil. 3,5,6 ini lah yang mengongkong dan menyempitkan hukuman-hukuman dibawah Mahkamah Syariah. Jadi Mahkamah Syariah ini sepatutnya diberi nafas yang baru sebagaimana berlakunya pada Jun 1988 dimana pindaan Perlembagaan Persekutuan telah berlaku, iaitu lah Perkara 121 (1A) dan memberi nafas yang cukup baru kepada Mahkamah Syariah. Dan Mahkamah Syariah ini boleh melaksanakan apa sahaja bidang kuasanya yang tidak ada di dalam Persekutuan.

Jadi baru lah kita dapat laksanakan secara baik dan dapat menetapkan hukuman-hukuman yang telah ada di dalam hukuman syarak itu. Kita belum lagi bercakap soal hukuman hudud, kisas yang Enakmen Kanun Jenayah Syariah nya sudah lengkap di Kelantan. Dan yang kita laksana pun yang takzir yang ini pun bukan setakat hudud, kisas telah pun terbatal kerana cabaran bagi yang tidak ada locus standi pun. Ini menggambarkan suatu perkara yang menyedihkan kita pada hari ini pada fasa ataupun pada zaman ini. Jadi hukum yang berkaitan dengan kes rogol apa semua sekali itu serah kepada sivil lah. Tetapi sivil ini pun satu macam juga, kes liwat macam kes Iki Putra kenapa sampai hari ini Iki Putra tidak didakwa, dibebaskan sampai ke hari ini. Kenapa ?

Dalam sivil maknanya suka sama suka selesai lah tak ada masalah. Jadi banyak kes tidak dapat diselesaikan sekiranya institusi Mahkamah Syariah ini tidak dinobatkan dan legislative lah untuk memberi pindaan kepada ruang pindaan kepada perlembagaan itu sebaiknya.

YB DATO' TIMBALAN SPEAKER :

Silakan Yang Berhormat Wakaf Bharu.

YB TUAN MOHD RUSLI BIN ABDULLAH :

بسم الله الرحمن الرحيم

السلام عليكم ورحمة الله تعالى وبركاته

Yang Berhormat Dato' Speaker, pohon jawapan soalan saya nombor 7.

Soalan 7 :

[Minta YAB Ustaz Dato' Panglima Perang Menteri Besar nyatakan adakah pihak Kerajaan Negeri Kelantan bercadang untuk menyediakan Rumah Mampu Milik Kelantan (RMMK) untuk rakyat dalam Jajahan Tumpat.]

YB TUAN HILMI BIN ABDULLAH :

بسم الله الرحمن الرحيم

السلام عليكم ورحمة الله تعالى وبركاته

Terima kasih kepada Wakaf Bharu. Sebagaimana Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Kelantan semalam, sememangnya Kerajaan Negeri bercadang untuk membina sebanyak mungkin rumah mampu milik di seluruh negeri Kelantan termasuklah di dalam jajahan Tumpat bergantung kepada keberadaan tempat dan tanah yang sesuai untuk dibina projek perumahan mampu milik di Kelantan.

Dan untuk makluman Yang Berhormat Wakaf Bharu, Kerajaan Negeri telah mengangkat permohonan Program Perumahan Rakyat (PPR) di jajahan Tumpat dalam Rolling Plan 5 (RP5) Rancangan Malaysia Ke-12 melalui Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) kepada Kementerian Perumahan dan Kajian Tempatan (KPKT). Permohonan ini tertakluk kepada kelulusan Kerajaan Persekutuan dan dasar KPKT untuk membina sebanyak 500 000 unit rumah sehingga tahun 2025. Itu dasar peringkat nasional dan kita negeri menyambut baik dan kita cuba menjayakan hasrat murni tersebut untuk memastikan satu keluarga mendapat sebuah rumah, In Shaa Allah.

YB DATO' TIMBALAN SPEAKER :

Silakan.

YB TUAN RUSLI BIN ABDULLAH :

Terima kasih Exco diatas jawapan tersebut. Soalan tambahan, apakah Kerajaan Negeri tidak bercadang untuk mengenalpasti ataupun lokasi Wakaf Bharu untuk dijadikan projek berkenaan. Sekian terima kasih.

YB TUAN HILMI BIN ABDULLAH :

Terima kasih YB Wakaf Bharu atas soalan tambahan. Kita ada mengangkat tapak permohonan untuk perumahan rakyat di Kampung Jubakar Pantai bersebelahan dengan Taman Perumahan Seri Bayu, Tumpat kepada negeri dan juga persekutuan. Dan kita tengok yang mana dahulu lah dan kita berharap KPKT dapat memberikan kelulusan atas permohonan ini kerana sekiranya KPKT memberikan kelulusan kita akan mendapat unit yang lebih lah kerana Persekutuan mempunyai sumber kewangan yang lebih berbanding negeri. Dan kita negeri komited akan

memberikan segala bentuk kerjasama untuk menjayakan pembinaan rumah untuk rakyat. Terima kasih.

YB DATO' TIMBALAN SPEAKER :

Silakan Pengkalan Pasir.

YB TUAN MOHD NASRIFF BIN DAUD @ DAUD YATIMEE :

السلام عليكم ورحمة الله تعالى وبركاته

Soalan tambahan saya, apakah halangan sebenar saya tengok pembinaan rumah mampu milik ini dari segi pembinaan construction nya tak ada masalah cumanya dari segi pengisian. Pengalaman-pengalaman kita sebelum ini apabila kriteria menyebabkan dia itu bankable layak untuk memohon bank, itu isu utama. So bagaimanakah Kerajaan Negeri nak memastikan pembinaan-pembinaan rumah itu dibuat pengisian mengikut kelayakan dan dia itu layak untuk bankable. Isu besar di sini adalah bankable. So bagaimana Kerajaan mengambil langkah-langkah memastikan setiap rakyat atau yang memang layak tetapi isunya di bank untuk mengatasi masalah ini.

YB TUAN HILMI BIN ABDULLAH :

Terima kasih soalan tambahan Wakaf Bharu. Isu bankable berkelayakan pembeli rumah ataupun mereka yang telah terpilih senarai pendek untuk ditawarkan unit rumah yang telah kita tapis yang mana masalah bankable ini kewangan. Masalah kewangan merupakan masalah yang berlaku di semua negeri terutama sekali di kawasan-kawasan perbandaran. Unit rumah yang terlalu banyak siap dibina tetapi tak diisi kerana kerana untuk mengisi setiap pembeli atau pemohon yang ditawarkan tidak melepasi di pihak pembiaya ataupun bank. Tambah lagi kita sekarang ini mengalami masalah kemelesetan ekonomi menyebabkan tapisan semakin ketat kerana pembiaya pasti lah nak memastikan keuntungan akan diperolehi daripada jualan rumah tersebut. Dan di peringkat persekutuan telah mencadangkan pada semua negeri untuk melaksanakan kaedah RTO Rent To Own bagaimana dilaksanakan mengurangkan berlaku masalah biasanya pembeli akan berlaku tunggakan membayar sewa bulanan dan benda ini berlaku di negeri kita lah. Sehingga lah projek-projek perumahan yang disiapkan 20, 30 tahun dahulu tidak dapat diserahkan milik kepada penerima kerana berlaku

tunggakan. Dan di Kelantan kita sedang memungut tunggakan kaedah sewa beli ini berjumlah hampir RM 3 juta tertunggak dan menjadi hutang luput. Masalah kewangan yang dihadapi oleh penerima kerana kebanyakan pemohon yang berhasrat untuk membeli rumah mampu milik daripada golongan yang berpendapatan rendah dan pasti lah mereka tiada urusan kewangan yang sempurna ataupun sistematik. Dan kita perlu memberikan ilmu pengurusan kewangan kepada semua rakyat kita lah supaya menguruskan kewangan dengan betul bukan hanya untuk membolehkan mereka mendapatkan rumah mampu milik masing-masing tetapi juga menguruskan kehidupan harian. Terima kasih.

YB DATO' TIMBALAN SPEAKER :

Silakan Yang Berhormat Bunut Payong.

YB TUAN SHAARI BIN MAT YAMAN :

بسم الله الرحمن الرحيم

السلام عليكم ورحمة الله تعالى وبركاته

Saya pohon jawapan bagi soalan saya nombor 8.

Soalan 8 :

[Minta YAB Ustaz Dato' Panglima Perang Menteri Besar nyatakan apakah langkah yang diambil oleh Kerajaan bagi mengurangkan bilangan golongan miskin tegar di seluruh negeri Kelantan.]

YB DATO' DR. IZANI BIN HUSIN :

Yang Berhormat Dato' Speaker, terima kasih kepada Bunut Payong. Data kemiskinan Kelantan. Pertama data kemiskinan Kelantan dikeluarkan oleh Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU) Jabatan Perdana Menteri Negeri Kelantan. Terakhir data terakhir 2024, miskin tegar seramai 14 000 dan miskin tidak tegar miskin 63 000. Miskin tegar pendapatan dibawah RM 1 200. Miskin biasa dibawah RM 2 200 tu duk atas. Dan data ini adalah daripada eKasih dan e-kasih ini data sehal... data sehal, maknanya pemohon isi borang dio oyak pendapatan dio maka kita pun itu lah pendapatan dio.

Kerana itu Kerajaan Persekutuan bowok hok baru ni PADU, PADU tu bakpo pasal dio gi tangok maso terima bantuan tu gi dengan mercedes, ado gi dengan mace-mace pendapatan. Wakil rakyat tahu belako deh. Bilo kito wat gi hok ni maso pembahagian tu kita tengok. Maka Jabatan Perangkaan baru ni mari bentang kito hal PADU dan dia mengatakan juga bahawa data eKasih ini perlu diputihkan semula. Dan saya yakin bahawa kalau data ini diputihkan jumlah kemiskinan ini pertamanya dapat dikurangkan atas data definisi miskin itu sendiri akan dikurangkan. Itu satu.

Baik lah untuk bahagian miskin tegar di seluruh negeri Kelantan. Pertamanya mengaktifkan mesyuarat focus group kesejahteraan rakyat (FGM) di peringkat negeri dan focus group kesejahteraan rakyat (FGD) di peringkat jajahan sebagaimana arahan nombor 1 2023 Mekanisma Penyelarasan Pelaksanaan Pembangunan Negara yang dikeluarkan oleh Jabatan Perdana Menteri Malaysia berkuatkuasa 7 Februari 2023. Kerajaan menfokuskan kepada 4 langkah sebagaimana pelan strategik berkenaan dengan kemiskinan. Pertama, memantapkan data Lock Figure Miskin Tegar Tahun 2024 dan mempergiatkan proses pemutihan data miskin tegar oleh PPNIC IJPM termasuk membuat semakan awal oleh Pejabat Tanah serta jajahan untuk membuat pengesahan status kemiskinan tegar semasa dan laporan pengurangan Lock Figure Miskin Tegar dalam sistem eKasih dalam tempoh 2 bulan sekali.

Yang ini yang cuba dibuat oleh PADU nya ialah supaya borang itu diisi itu dicek balik makna disemak balik supaya tidak disemak melalui secara tidak langsung. Misalnya kenderaan apa dia pakai, rumah macam mana dia pakai dan semuanya akan dinilai.

Tadi kita tengok perumahan, kenapa perumahan ore kelate tok layak tokleh kerana takdok, tidok bankable. Tidok bankable ni kerana takdok penyata bank, penyata bank takdok doh. Dio dok gi sipe duit di bank, dio sipe rumoh jah. Itu menyebabkan data-data yang kita payoh nok selesai masalah perumahan rakyat. Habih tey doh kito nyo cuba tidok bankable nok wat lagu mano sehinggakan ado setengah nok oyak rakyat Kelate ni di Gua Musang contohnya rumoh tidok bankable kito offer bayar cash dio gi bayar cash rumoh. Pah miskin kut mano. Ayam RM 9 juta sakni, lembu tok oyak lagi make banyak mano Kelate, sapo kato miskin. eKasih jah kata miskin, saya kata rakyat Kelate kaya.

Yang kedua, melaksanakan data *cleaning*. Data cleaning secara menyeluruh dengan semua agensi pemberi bantuan seperti MAIK, Jabatan Kebajikan Masyarakat, agensi perbendaharaan negeri, badan sosial yang menyediakan pencen pesara kerajaan dan swasta seperti Jabatan Perkhidmatan Awam, PERKESO dan lain-lain. Maknanya Kerajaan akan membuat satu *cleaning* proses untuk memastikan data-data kemiskinan ini lebih tepat.

Yang ketiga, menyelaraskan focus group di peringkat jajahan merancang Strategi Quick Win jangka pendek dengan mengenalpasti Ketua Isi Rumah Miskin (KIR) yang tidak produktif untuk diberi bantuan kewangan supaya boleh mengenalpasti PGK yakni Pendapatan Miskin Tegar. KIR produktif yang menghampiri atau tidak kurang daripada 250 diberi bantuan. Dito tidak cukup sikit lagi nak naik taraf kepada tok miskin tambah lagi 200 ya. Tambuh 200 ya ni menyebabkan dia tok jadi miskin, mudah ni.

Yang keempat, menyelaraskan Program Kesejahteraan Rakyat dengan bantuan yang mampan bagi memastikan ketua isi rumah miskin tegar melepasi PGK miskin tegar. Kerajaan Negeri Kelantan telah banyak melaksanakan pelbagai program yang bukan sahaja bertujuan membantu meringankan kesusahan mereka, malah turut menekankan program yang mengeluarkan mereka dari status miskin tegar secara berkesan. Pelbagai bantuan dan program yang telah dilaksanakan bagi mengeluarkan mereka dari status kemiskinan melalui agensi Kerajaan Negeri dan juga agensi guna sama antara negeri dengan persekutuan.

Maknanya negeri dan persekutuan bekerjasama untuk mengatasi kemiskinan-kemiskinan tegar ini dan peruntukan melebihi RM 200 juta setahun diperuntukkan untuk membuat semua perancangan-perancangan ini. Jadi inisiatif peningkatan pendapatan ada 14 program, saya tak baca semua hari ini. Saya akan beri jawapan kepada Bunut Payong selepas ini In Shaa Allah. 14 program untuk inisiatif peningkatan pendapatan, 9 program untuk mengoptimumkan saluran bantuan kewangan, 3 program untuk mengoptimumkan bantuan pendidikan, 7 program untuk meningkatkan kualiti hidup. Sekat tu break ngejut... takdok.. tu lah jawapan dia neh.

YB DATO' TIMBALAN SPEAKER :

Silakan.

YB TUAN SHAARI BIN MAT YAMAN :

Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan tambahan saya kalau kita dengar daripada laporan yang telah disampaikan daripada pihak Kerajaan tadi banyak usaha yang telah dibuat oleh pihak Kerajaan Negeri bagi mengatasi isu miskin tegar dan juga kemiskinan di negeri Kelantan. Cuma sekarang ini saya nak tahu sejauh mana kerjasama di antara dua pihak antara Kerajaan Negeri dengan juga Kerajaan Persekutuan selain daripada yang telah disebut oleh Yang Berhormat Dato' Exco sekejap tadi.

YB DATO' DR. IZANI BIN HUSIN :

Terima kasih Bunut Payong. Pertamanya figure kerjasama antara negeri dengan persekutuan tadi lah saya sebut tadi maknanya peruntukan sebanyak lebih daripada RM 200 juta diperuntukkan termasuk dan saya yakin bahawa banyak peruntukan daripada Kerajaan Persekutuan. Terima kasih.

Saya tok boleh nok bui data terperinci mengenai banyak mano persekutuan dan negeri untuk maso ini. In Shaa Allah kalau itu kito bui. Cuma untuk mengatasi kemiskinan ini ado dua tiga perkara. Pertamanya kita sokmo duk mikir one-off. Mace tadi kito nok melepaskan dia daripada miskin tegar kita tamboh sikit pendapatan tetapi benda ni kena banyak pihak, pertama pihak individu itu sendiri. Peranan individu itu sendiri, mesti lah individu itu menambah kecekapan diri, berusaha dan sebagainya. Dan dengan ditambah oleh kerajaan memberi suntikan modal dan juga memberi tunjuk ajar. Selebihnya ialah kepada peserta.

Saya nok oyak lebih kure pengalaman di DUN saya dan sama di DUN-DUN lain. IKS banyak mano kito bui bantuan mesin. Mesin jahit kito bui, mesin buat kuih kito bui, mace-mace jenis mesin. Berjuta enam ore kato setiap tahun kito bagi kepada mereka ini daripada peruntukan Kerajaan Negeri. Tetapi sepatutnya ore kato dengan mesin jahit berkualiti tinggi, bukan bui mesin hok kongo ni, hok RM 2000 lebih... JUKI nama dia. Mesin ingat nama nah. Nok oyak nyo comey. Sepatutnya melepasi dengan jahit tu sajo, kalau boleh jahit 2-3 helai sehari pun boleh banyak mano doh. Mesin kuih kito bui banyak mano, bukan bui setahun, setiap tahun bagi.

Dan saya yakin semua DUN-DUN buat yang sama. Kerana itu peranan individu, komitmen individu, kesungguhan individu. Saya motivasi saya oyak sokmo ore kijo 3 jam dengan 12 jam mano banyak. Pukul 10 baru

bangun, contoh setengah-setengah tidok semo ore dok. Kalu pukul 10 baru bangun, pukul 3 kelik doh. Kalu 3 jam kijo berbanding ore kijo sejak pukul 6 pagi pukul 6 petang 12 jam tentunya komitmen 12 jam bekerja bersungguh smart work ini akan menjadikan hasil. Dan itu lah kita cuba promotkan kepada rakyat kita supaya berusaha lebih selain daripada bantuan-bantuan kerajaan kita kena pupuk nilai positif rakyat untuk berusaha dengan lebih. Terima kasih.

YB DATO' TIMBALAN SPEAKER :

Silakan Kuala Balah.

YB DATO' ABDUL HADI BIN AWANG KECHIL :

Terima kasih Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker. Saya hendak bertanya Yang Berhormat Dato' Exco, adakah kalau saya mengatakan bahawa isu miskin tegar atau tidak tegar ini tidak boleh diselesai kerana kita dari semasa ke semasa di peringkat bawah terutama penghulu kita setiap masa menggalakkan mendaftar dengan eKasih. Jadi setiap masa ia bertambah maka bilangan itu akan bertambah. Itu pertama.

Yang kedua, adakah kita boleh selesai isu miskin ini dengan kenaikan harga yang tidak berhenti-henti dan saya minta pandangan Yang Berhormat Dato' Exco.

YB DATO' DR. IZANI BIN HUSIN :

Terima kasih Kuala Balah. Dia gini jah kalu kito tengok sejarah nyo hok tok terimo zakat ni maso Khalifah Umar Abdul Aziz dok, hok lain tu zakat ado sokmo. Kerajaan nyo rakyat nyo Islam nyo mengajar kito suruh kayo suruh kayo sebab suruh buat keluar zakat. Baik, tadi saya kato doh eKasih ni data sehala yang tidak tepat. Kade-kade kito gi nok tolong ore dok, kito tahu dio tok layak, kito tahu dio gelang sekat lengan, kito tahu belako gini-gini tapi kito tolong isi eKasih pasal untuk mendapat bantuan. Ni salah satu. Jadi kito kena... tapi tu cerdik nyo ore kelate nyo ore panggil. Cerdik ore kelate nyo ore lain takdok dio miskin takpo asal boleh bantuan jah dio. Jadi kito pun senyap jugok doh dio boleh bantuan gege apo kito nyo deh neh.

Untuk soalan jawapan tokleh nok basmi kemiskinan saya rasa tidok tepat, kito boleh sebab zame Umar Abdul Aziz boleh, kenapa kito tokleh. Nok

buleh sene start pimpinan Pusat gapo tu jangan ado rasuah, integriti keno ni, pitih keno kumpul molek supaya tidok tiris. Sebanyak mano pendapatan negara kalu tiris tu banyak, wajib sesok sokmo. Nok suruh kayo selesai hok tu supo Kelate ni 33 tahun integriti Alhamdulillah. Takdok lagi hok keno dek neh. Integriti paling penting supaya pimpinan atas tunjuk contoh yang baik. Duit tidok leaking tidok tubik tidok tubik, Kerajaan duit banyak dea duit banyak buleh tehe bui ko rakyat nok bui gapo pun. Kayo lah rakyat kito In Shaa Allah. Terima kasih.

YB DATO' TIMBALAN SPEAKER :

Silakan Gaal.

YB TUAN MOHD RODZI BIN JA'AFAR :

Terima kasih Dato' Speaker. Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan tambahan saya kemiskinan ini sebagaimana kita tahu ia bukan sahaja berfaktorkan kepada fizikal kadang-kadang masalah sikap. Jadi apakah program kerohanian yang telah dilaksanakan kepada golongan miskin tegar ini supaya dia dapat memotivasikan diri dia. Terima kasih.

YB DATO' DR. IZANI BIN HUSIN :

Ambo nok jawab hok tu payoh sikit program kerohanian neh sebab nyo jawapan ambo mudoh gak setiap ore ni keno reti. Sebab benda asas nya ialah kito benda asas kito ore Islam asas. Ambo oyak doh Islam menggalakkan kayo, tu nombor satu. Islam maroh benar ore malas sehingga dio sebut malas ni takdok ubat sor karo dek neh. Jadi hok ni lah program-program motivasi duk buat ni itu lah program kerohanian doh. Kalu kito nok oyak motivasi untuk dio kijo. Gitu dari segi itu. Nok lebih lagi saya takdok program khusus nok panggil nok syarah sebab kita dengan agama ni. Agama ni sepatutnya saya nok oyak gini jah, kalu kito ore Islam sengoti... meme Islam sengoti pun dih, kecuali hok tolok... hok tolok jenayah sakni tok tahu lagu mano. Saya terganggu sakni dengan Kota Lama, nok jawab tapi portfolio ore lain. Terganggu tu gano sepatutnya kito ore muslim ni netey nerak pun, walaupun kito tahu bercanggah dengan persekutuan kito tok jadi penyokong tegar ore yang menolak neh. Sepatutnya kito paling-paling tidok duduk diam jah. Saya tokse jawab saya takut saya kato berat lagi. Baik toksoh tanyo... baik toksoh tanyo pasal saya tahu belake nuh gapo berlaku luar antara Parti PAN dengan Nik Elin neh. Jadi saya.. saya tok benar lah tanyo pasal saya takut saya ngamuk.

Jadi nok oyak gitu sepatutnya kito muslim walaupun kito tahu bercanggah dengan Persekutuan sebab undang-undang jenayah, jenayah syariah ini jenayah sivil tok serupo. Toksoh kito nyohor bahawa sivil ni undang-undang dio berat daripada ni... dok. Sebab dio tidak melalui proses sepertimana undang-undang syariah. Gitu.. jadi kalau kito tahu doh bercanggah kito pun tahu bercanggah, mugo kito ado LA. Undang-undang dibuat dengan semakan LA bukannya tonyoh-tonyoh dok. Hok ado dio siap belako doh. Jadi benda ni kalau sebagai seorang muslim akidah tepat, ore nok kosek agama ni kito tok rok nok taha dok diam jangan duk sokong. Jadi gitu lah, ni tidak marah nok tegas gitu.

YB MOHD SYAHBUDDIN BIN HASHIM : (MENCELAH)

Speaker...

YB DATO' DR. IZANI BIN HUSIN :

Bakpo ? Nanti... ado goni kalau nok panggil Speaker angkat book tengok nombor berapo.

YB DATO' TIMBALAN SPEAKER :

Galas duduk dulu.

YB DATO' DR. IZANI BIN HUSIN :

Galas duduk dulu. Saya tok bui ruangan Galas. Jadi gitu lah jadi program khusus ni bagi saya hok kito duk ceramah oyak mengenai kepentingan untuk membasmi tu bare-bare agama doh neh. Terima kasih.

YB DATO' TIMBALAN SPEAKER :

Baik kita teruskan dengan Yang Berhormat Pantai Irama.

YB TUAN HAJI MOHD HUZAIMY BIN CHE HUSIN :

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
السلام عليكم ورحمة الله تعالى وبركاته

Yang Berhormat Dato' Speaker, pohon jawapan kepada soalan saya nombor 9.

Soalan 9 :

[Minta YAB Ustaz Dato' Panglima Perang Menteri Besar nyatakan sejauh mana loji AKSB baru di Jelawat boleh menampung keperluan air di Kg Repek, Tangok, Neman dan Telong dan apakah halangan dalam usaha untuk loji ini beroperasi.]

YB DATO' DR. IZANI BIN HUSIN :

Hoh keno pulok.. ingat dok doh. Terima kasih Dato' Speaker. Terima kasih Pantai Irama. Gini lah soalan ni kawasan-kawasan yang disebut sakni iaitu agihan Kg Repek, Tangok, Neman dan Telong. Jajaran dia ialah bukan jajaran daripada tangki hok baru ni, tangki apa tu.. tangki Jelawat. Bukan hok tu. Dia nya adalah daripada LRA Loji Rawatan Air Chicha melalui Tangki Bukit Kechik. Jajaran hok sebut tadi tu disupplykan oleh LRA Chicha melalui Tangki Bukit Kechik.

Dan soalan kedua ialah mengenai sejauh mana loji ini di Jelawat. Di Jelawat sudoh doh, kito try doh, try jale molek doh. Cuma kito nok buh pressure tinggi takut bocor, paip paip lamo. Setakat hari ini kito tok tehe dengan air kito ni kito tamboh pressure dio pecoh. Jadi try ni setakat ni takdok napok pecoh lagi.

Jadi baik lah.. walaupun ore kato LRA Chicha melalui Tangki Bukit Kechik tetapi dengan siapnya nanti kito boleh jugok divert ke tempat-tempat sakni sekiranya air tidak mencukupi. Kalu kito ata tu kito boleh ata dale 50%. Lori... lori pulok doh. Loji LRA mini Jelawat ini membekalkan kapasiti air sebanyak 4 juta liter sehari dan dia boleh memanfaatkan lebih kurang 2000 akaun pengguna. Itu penambahan dari sudut pengguna. In Shaa Allah air akan cukup di kawasan Jelawat terutamanya pengguna di kawasan Jalan Seneng... Seneng dok.. Seneng.. Seneng.. Permatang Pasir, Kampung Surau Bator, Bukit Chendor, Teratak Pulau, Kubang Keladi Rusa, Pekan Hulu Pok Elong, Padang Pak Hamid, Kampung Binjai. Ini jajaran daripada loji air... loji air Jelawat. Terima kasih.

YB DATO' TIMBALAN SPEAKER :

Silakan.

YB TUAN HAJI MOHD HUZAIMY BIN CHE HUSIN :

Yang Berhormat Dato' Speaker, terima kasih diatas jawapan yang padu daripada pihak Kerajaan.. terima kasih. Soalan tambahan saya memahami kadar dan keperluan masalah di Neman dan juga UMK yang kita dapati tidak jauh daripada Loji Jelawat. Adakah kaedah boleh guna kemudahan di Jelawat di Loji Jelawat ataupun kaedah lain bagi memastikan sekarang ini masalah di UMK, masalah persekolahan Tangok, Kampung Neman, Kampung Pak Elong dan sebagainya meme bermasalah, mungkin ada kaedah lain yang boleh membantu menyelesaikan masalah tersebut. Terima kasih.

YB DATO' DR. IZANI BIN HUSIN :

Terima kasih kepada Jelawat... apa tu Jelawat pulok doh... Pantai Irama.. tukar eh. In Shaa Allah benda itu akan akan boleh bila selesai loji ini dio ado lebihan air sikit tu kito raso kito boleh divert kepada tempat-tempat yang apa tu.. YB sebut sebentar tadi In Shaa Allah neh.

YB TUAN ZAMERI BIN MAT NAWANG :

Speaker, soalan tambahan...

YB DATO' TIMBALAN SPEAKER :

Silakan Jelawat.

YB TUAN ZAMERI BIN MAT NAWANG :

Okay. Terima kasih Dato' Speaker. Yang Berhormat Dato' Exco, loji telah siap di Jelawat, ujian pun telah dilakukan, soalnya bila nak mula operasi. Terima kasih.

YB DATO' DR. IZANI BIN HUSIN :

Sebenarnya telah beroperasi, ujian telah buat daripada 28 hari bulan lagi dan telah beroperasi. Cuma operasi tidak sepenuhnya kerana nak tengok, masih lagi nak tengok. Dari segi rawatan air selesai, kuantiti air selesai, kualiti air pun selesai cuma nok bui laju tu takut pecoh paip duk dale ujian

tu lagi. Dan In Shaa Allah kawasan-kawasan yang dibuat In Shaa Allah akan diatasi. Terima kasih Jelawat. Jelawat pun sebut ...

YB DATO' TIMBALAN SPEAKER :

Baik.. terima kasih Yang Berhormat Exco. Banyak jawab soalan dan boleh berehat dulu. Kita teruskan dengan Yang Berhormat Gual Ipoh.

YB TUAN BAHARI BIN MOHAMAD NOR :

بسم الله الرحمن الرحيم

Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker,

*Ramadan akan menjelang tiba,
Saya mengambil kesempatan menyusun jari 10,
Ampun maaf mohon dipinta,
Mohon jawapan soalan saya nombor 10.*

Soalan 10 :

[Minta YAB Ustaz Dato' Panglima Perang Menteri Besar nyatakan apakah langkah-langkah atau usaha yang telah diambil oleh Kerajaan bagi menarik pelancong-pelancong yang ke Negara Thailand agar singgah ke Kelantan bagi meningkatkan ekonomi lebih-lebih lagi sempena Tahun Melawat Kelantan 2024.]

YB DATUK KAMARUDIN BIN MD NOR :

السلام عليكم ورحمة الله تعالى وبركاته

Yang Berhormat Tuan Speaker, terima kasih kepada Yang Berhormat Gual Ipoh atas pertanyaan mengenai langkah-langkah yang boleh kita ambil kepada para pelancong yang datang ke Thailand untuk berkunjung juga ke Kelantan.

Saya ingin membahagi pelancong ini kepada dua. Satu, yang datang ke Thailand secara langsung. Yang kedua, yang datang ke Thailand daripada Malaysia khususnya daripada melalui Kelantan. Yang datang ke Thailand

secara langsung tidak melalui Malaysia yang khususnya berkunjung ke Selatan Thailand, kita telah mengambil tindakan untuk mempamerkan dan mewarwarkan melalui beberapa kegiatan seperti Expo Thailand yang berlangsung di Pattani pada bulan Disember tahun lepas. Penyertaan kita dan kita mempamerkan showcase tempat-tempat yang menarik kepada mereka. Di samping itu juga, kita mendirikan billboard papan-papan iklan mengenai tempat-tempat menarik di Kelantan ini.

Kepada mereka juga ... terutamanya kepada orang-orang Thailand yang khususnya berada di kawasan Selatan Thai, ada yang datang ke Kelantan kita dapat feedback bahawa mereka berminat untuk membeli belah di pasar-pasar raya kerana terdapat pasar-pasar raya kita terutamanya di kedai bebas cukai di Rantau Panjang dan di Pengkalan Kubor bahan-bahan yang bebas cukai terdiri daripada pelbagai perkara yang boleh menarik minat mereka. Saya juga beberapa hari yang lepas telah berkunjung ke tempat-tempat ini melihat sendiri dan saya dapati jumlah pengunjung agak ramai di kedua-dua tempat itu.

Selain daripada itu, ada beberapa perkara yang sedang dan boleh kita adakan yang melibatkan peminat-peminat dalam sesuatu program daripada Thailand yang boleh kita adakan di Kelantan ini. Terutamanya baru-baru ini ada satu persatuan NGO mengadakan pertandingan peringkat antarabangsa yang melibatkan para peserta daripada Thailand mengenai ayam cantik... ayam ratu. Alhamdulillah sambutannya baik dan kalau Kerajaan boleh melibatkan dengan membesarkan penyertaan, itu akan lebih banyak lagi menarik minat orang daripada Thailand.

Kemudian juga, boleh kita extendkan kepada pertandingan burung dan juga taman tema yang terdapat di Kuala Krai itu suatu yang boleh menarik perhatian daripada orang-orang daripada Selatan Thai untuk berkunjung ke Kelantan ini. Kemudian... tapi ada satu halangan yang saya dapat daripada travel agent kita iaitu pelancong-pelancong daripada Thailand, mereka lebih minat datang dengan membawa bas mereka masuk ke Kelantan ini dan ini tidak dibenarkan oleh Pihak Berkuasa Pengangkutan Malaysia. Mereka boleh datang dengan kereta, yes tetapi tidak dengan bas. Dan masalah yang sama dibangkitkan oleh Kedah dan juga oleh Perlis dan kita telah berpakat untuk mengadakan representasi kepada pihak Kementerian Pengangkutan untuk membenarkan bas-bas pelancong daripada Thailand masuk ke negeri-negeri bersempadanan dengan Thailand. Kalau ini dapat kebenaran saya dapat jangkakan lebih ramai lagi pelancong daripada Thailand masuk ke Kelantan ini.

Dan kemudian dari Malaysia... pelancong dari Malaysia khususnya daripada Kelantan nak pergi ke Thailand ini satu... yang dari luar dari Kelantan tu kita boleh atur program seperti soal makanan, kebudayaan, tempat-tempat nature alam semula jadi yang menarik sedang diatitkan sekarang ini di Tumpat. Mengadakan satu tempat khusus untuk kelip-kelip itu apa... satu jenis serangga yang menghasilkan cahaya. Kuney.. kito panggil kuney.. kunang-kunang ye... firefly lah sebenarnya. Dan juga selain daripada itu, menganjurkan river cruise yang sedang berjalan sekarang ini tapi perlu diperbaiki lagi di kawasan Kampung Laut sampai lah ke Pulau Suri dan Pulau Arjuna. Dan ini di antara yang boleh menarik pelancong daripada luar Kelantan yang bercadang untuk ke Thailand. Kita tak boleh nak halang mereka nak pergi Thailand tapi kita boleh menggalakkan mereka untuk duduk 2-3 hari di Kota Bharu ataupun Rantau Panjang ataupun di Pasir Mas, di Tumpat dan tidak lupa di Jeli sebelum mereka ke Thailand. Jadi itu di antara yang sedang dan boleh kita buat dengan banyak lagi tambah baik. Terima kasih.

YB DATO' TIMBALAN SPEAKER :

Silakan Gual Ipoh.

YB TUAN BAHARI BIN MOHAMAD NOR :

Soalan tambahan saya, tema kepada Tahun Melawat Kelantan adalah "Food, Family and Festival", jadi apakah Kerajaan tidak bercadang bagi mengadakan food centre sebagai hub makanan Kelantan bagi lebih mempromosikan negeri ini sebagai destinasi pelancongan makanan. Dan soalan... kalau kita ke negeri Terengganu, Draw Bridge telah menjadi trending atau ikon yang menarik orang melawat negeri Terengganu mutakhir ini. Apakah Guillemard Bridge juga boleh menjadi ikon bagi negeri Kelantan khasnya dari segi sejarah. Sekian terima kasih.

YB DATUK KAMARUDIN BIN MD NOR :

Yang Berhormat Gual Ipoh ni kalau tok tanyo pasal Guillemard dio tok jadi dio. Terima kasih atas soalan tambahan. Saya jawab nombor 2 dulu lah ye... Guillemard dulu. Ye jawapannya yes boleh kita jadikan ikon walaupun tidak jadi draw bridge. Dia ada beberapa keistimewaan di antaranya yang terpanjang *railway bridge* di semenanjung, yang keduanya dia kedua yang tertua selepas Victoria Bridge di Kuala Kangsar, ni yang *the second oldest railway bridge* di semenanjung ini. Dan engineering nya itu masih kekal apa namanya kukuh sampai sekarang walaupun it was build in 1924,

dibina pada tahun 1924 tapi dia punya teknologinya itu masih kukuh sampai sekarang Alhamdulillah. So itu di antara yang... bahkan ada yang usaha yang kita untuk kita jadikan nak angkat jadikan di antara *tangible* UNESCO punya *heritage*. Tapi dalam hari ini saya nak bagitahu pada Yang Berhormat Gual Ipoh supaya dia tidak push saya sangat lah ye. Syarat dia tuan punya tuan empunya bridge itu nak kena buat permohonan.

Jambatan Guillemard ni bukan kita punya, *railway* punya RAC Railway Assets Corporation, dia yang memiliki jambatan ini. So dia yang nak kena angkat permohonan, so kita tengah berunding dengan dia. Harini pegawai saya dari TIC ada di Kuala Lumpur untuk jumpa dengan pihak Keretapi Tanah Melayu. Jadi no problem.. bahkan sudah kita war-warkan di dalam video kita, Tahun Melawat Kelantan pun ada gambar Guillemard Bridge dan sekitar jambatan itu Majlis Daerah Tanah Merah telah mengusahakan satu kawasan yang sangat cantik, sangat menarik dengan kerjasama KESEDAR. KESEDAR pun ada bagi peruntukan. Dan sedang dalam proses untuk menambah baik, saya pun dah pergi tengok.. bahkan dia boleh jadi tempat photoshoot orang yang kahwin... yang suka ambil gambar di situ... very apa namanya beautiful place. Saya apa namanya kena bagi kredit lah kepada Yang Berhormat Gual Ipoh dalam usaha dia untuk memajukan kawasan itu.

Yang kedua, berkenaan dengan food centre. Food centre ini kita kan terkenal dengan makanan yang sedap dan lazat dan *reasonable price* di kalangan orang-orang Malaysia. Kalau datang ke Kelantan mereka fikir soal makan. Alhamdulillah baru semalam Dato' Bentara Kanan ambo pergi ke Laman Warisan di Kampung Laut jupo dengan sekumpulan daripada Johor daripada Gelang Patah, Johor. Gelang Patah terkenal dengan tempat makanan juga makanan laut tetapi dia datang sini, saya kata mana dah pergi, dia pun sebut lah 2-3 tempat, dia duduk Pengkalan Pasir homestay, belum lagi... mari makan je dulu. Sampai kelmarin makan, hari ini nak pergi lagi saya tanya dia nasi dagang dah makan... belum, nasi kerabu dah makan ... belum.

Jadi kalau dah kata nasi dagang belum makan, nasi kerabu belum makan, nasi tupe... belum, jadi yang makan apa... dia kata mee chambo... mee apa tu... mee celup. Jadi banyak lagi yang ikon makanan yang dia belum rasa. So dia kata nak rasa lah harini dan kalau tak habis harini esok pula pergi. Jadi saya nak cerita bahawa sebahagian besar daripada pelancong dalam negeri datang ke Kelantan ini dia fikir soal nak makan. Alhamdulillah YB Gual Ipoh sebut tentang food centre, kita di Kota Bharu saje dah ada

beberapa tempat. Baik kalau you fikir satu *food centre* yang semuanya *in one place*, saya fikir itu apa namanya mungkin tidak begitu sesuai. Biar lah ada beberapa tempat untuk memudahkan orang dan mengurangkan jam untuk mengurangkan kesesakan. So kita *spread out* seperti yang dah ada di Kota Bharu sekarang ini. Dan begitu lah juga di beberapa tempat di daerah-daerah di jajahan seluruh negeri Kelantan Alhamdulillah. Terima kasih.

YB PUAN DR HAFIDZAH BINTI HAJI MUSTAKIM :

Sikit lagi.. laluan.

YB DATO' TIMBALAN SPEAKER :

Silakan Gual Periuk.

YB TUAN KAMARUZAMAN BIN MOHAMAD :

Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker. Berkenaan dengan program pelancongan, menarik pelancong daripada Thailand, adakah pihak kita bercadang untuk melaksanakan program pelancongan bersama dengan Kerajaan Thailand untuk menarik lebih ramai pelancong-pelancong mereka untuk ke Kelantan terutamanya. Terima kasih.

YB DATUK KAMARUDIN BIN MD NOR :

Terima kasih Gual Periuk... Gual Ipoh... Gual Periuk katas cadangan yang sangat bagus sebenarnya saya pun duk tengah apa namanya berkira-kira untuk mengadakan kunjungan ke Gabenor Wilayah Selatan untuk tujuan yang sama. Baru-baru ini 2-3 baru ini ada satu pertandingan lumba perahu di Sungai Golok tapi itu dianjurkan oleh belah Siam tapi kita terlibat sama lah sebagai peserta. Jadi saya fikir why not kita apa namanya anjur bersama dan dengan kadar dan sekala yang lebih besar untuk kita jadikan sebagai satu daripada event yang tetap masuk dalam calendar kita untuk setiap tahun. In Shaa Allah kita akan ambil ini untuk tahun depan punya calendar. Terima kasih.

YB PUAN DR HAFIDZAH BINTI HAJI MUSTAKIM :

Sikit lagi.

YB DATO' TIMBALAN SPEAKER :

Okay silakan terakhir.

YB TUAN KU MOHD ZAKI BIN KU HUSSIN :

Nok tanyo Yang Berhormat Exco adakah bui makluman supaya pelancong daripada Thailand mari Kelate naik kereta api gi ke Dabong.

YB DATUK KAMARUDIN BIN MD NOR :

Kita dah war-warkan Train To Dabong tu ye.. Alhamdulillah. Cuma tidak lah saya sebut khusus tapi dalam billboard kita tu ada Train To Dabong. In Shaa Allah ... good.

YB PUAN DR HAFIDZAH BINTI HAJI MUSTAKIM :

Sikit lagi Dato' Speaker laluan Kota Lama... pendek je... pendek je.

YB DATO' TIMBALAN SPEAKER :

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, saya bercadang untuk menangguhkan sidang kita pada pagi ini. Kita akan berehat selama 30 minit. Kita akan bermula semula pada jam 11.15 pagi. Kita tangguhkan sidang dengan Tasbih Kafarah dan juga Surah Al-Asr.

**PERSIDANGAN DEWAN DITANGGUHKAN PADA JAM 10.45 PAGI DAN
AKAN DISAMBUNG SEMULA PADA JAM 11.15 PAGI.**

PERSIDANGAN DISAMBUNG SEMUALA PADA JAM 11.15 PAGI

YB DATO' SPEAKER :

Dipersilakan Pasir Tumboh.

YB TUAN HAJI ABD RAHMAN BIN YUNUS :

Saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Dewan. Sebagaimana yang kita buka dalam muka surat dalam titah ucapan pada muka surat 2. Yang pertamanya ialah Yang Amat Berhormat Dato' Panglima Perang Ustaz Haji Nassuruddin Bin Haji Daud diatas pelantikan sebagai Menteri Besar, yang kita yakin dan kita percaya dengan pemilihan yang dibuatkan oleh Tuanku Sultan beliau akan dapat melaksanakan tugas sebagaimana yang dikehendaki oleh umat Islam seluruh negeri Kelantan.

Yang kedua, saya juga merakamkan jutaan terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Bentara Kanan Yang Berhormat Ustaz Ahmad Bin Yakob dan segala kakitangannya yang sebelum ini yang sudah pun melahirkan kepada kita ... yakni diatas realitinya kejayaan beliau sebelum daripada ini.

Dan saya ... kalau buka muka surat daripada 15 yakni Kelantan Jelapang Makanan Negara. Kelantan memainkan peranan penting dalam *food security* atau keselamatan makanan negara. Dia memiliki kelebihan dalam pengeluaran makanan tempatan yang pelbagai dan melimpah termasuk beras, ikan, sayur-sayuran dan makanan laut. Selain daripada tanah yang subur dan sumber air yang mencukupi, membantu dalam mengeluarkan bahan makanan melalui program-program pertanian dan aktiviti-aktiviti lain yang dianjurkan oleh Kerajaan Negeri. Kelantan berusaha meningkatkan pengeluaran makanan tempatan untuk memastikan keselamatan makanan penduduknya dalam menggalakkan pertanian lestari dan membantu petani tempatan Kelantan dapat menjadi pengkalan utama dalam penyediaan makanan bagi negara serta menyokong matlamat keselamatan makanan negara. Oleh itu, satu jawatankuasa yakni *food security* negeri hendaklah dikembalikan fungsinya dengan mencari langkah terbaik dengan membangunkan tanah terbiar serta menyediakan inisiatif-inisiatif bagi menarik golongan generasi muda yang berminat kepada pertanian.

Yang Berhormat Dato' Speaker, kalau kita tengok awal-awal pemerintahan, sebelum daripada tahun 1990... sebelum daripada tahun 1990 semasa itu PAS belum lagi memerintah negeri ini tetapi dalam manifesto janjinya ialah bagaimanakah untuk mempertahankan, untuk mempertingkatkan Islam ini. Dan apabila Yang Amat Berhormat Menteri Besar Almarhum Tok Guru Menteri Besar pada ketika itu, maka dia menubuhkan era yakni era Membangun Bersama Islam. Cabaran dan halangan yang diharungi oleh kepimpinan melalui cetusan era Membangun Bersama Islam yakni yang kita sebut MBI oleh Almarhum Tan Sri Dato' Bentara Setia Tuan Guru Dato' Nik Abdul Aziz Bin Nik Mat yang bermula daripada tahun 1990 hingga lah kepada 2013. Tok Guru telah melaksanakan 3 tonggak utama... 3 tonggak kekuatan asas Membangun Bersama Islam yang Ubbudiyah, Masuliyah dan juga Itqan. Diatas kejayaan Membangun Bersama Islam ini lah yang telah memartabatkan syariat dengan menukarkan, yang pertamanya ialah menukarkan bagaimana akaun Kerajaan... akaun bank Kerajaan dari bank konvensional kepada akaun Kerajaan di Bank Islam, menutup semua premis-premis judi di negeri ini serta banyak lagi lebih daripada 150 perubahan yang telah dilaksanakan semasa almarhum.

Dan seterusnya menuju ke era yang kedua, seterusnya ialah menuju ke era yang kedua yakni memerakytakan Membangun Bersama Islam yang telah diteruskan oleh Dato' Bentara Kanan Ustaz Haji Ahmad Bin Yakob yang bermula daripada 2013 hinggalah pada tahun 2023 sebagai anak didik Tok Guru yang penuh dedikasi serta bekerja kuat, maka beliau telah dipilih sebagai penerus kepada legasi Tok Guru. Dan Dasar Rakyat Membangun Bersama Islam telah diperkasakan lagi dengan meletakkan 3 tonggak utama iaitu keberkatan, kemakmuran dan juga kebajikan. Ia adalah fasa penerapan dasar membangun... dasar Rakyat Membangun Bersama Islam (MMBI) secara bersama pemimpin dan rakyat bagi membangun Kelantan sejahtera dan diredhai oleh Allah. Diatas kejayaan serta beberapa tindakan pembaharuan yang telah dilaksanakan di era pentadbiran ini telah menubuhkan Yang Amat Berhormat waktu itu telah menubuhkan yakni Majlis Penasihat Ekonomi Negeri yakni MAPEN, mewujudkan Pelaksanaan Pemantauan Strategik Negeri Kelantan yakni SPARK, menubuhkan lagi Institut Pemikiran Tok Guru serta banyak lagi sebagaimana yang kita ketahui semalam.

Dan sekarang kita masuk ke fasa yang ketiga, disambung oleh... fasa yang ketiga iaitu Penghayatan Membangun Bersama Islam (PMBI) yang telah diterajui kini oleh Yang Amat Berhormat Dato' Panglima Perang Haji

Mohd Nassuruddin Bin Haji Daud Menteri Besar yang perlu dihayati bersama dasar ini dengan sepenuh jiwa dan hendaklah disambung oleh pemimpin semua di peringkat jentera Kerajaan dan rakyat negeri Kelantan. Dalam memperkasakan dasar Penghayatan Membangun Bersama Islam, Kerajaan mengadakan kerjasama dengan Universiti Teknologi Petronas serta pihak berkaitan bagi melaksanakan kajian membina senario semasa depan bagi negeri Kelantan dalam tempoh 10 tahun yang akan datang yakni bermula pada 2023 sehingga lah pada 2033.

Sebanyak 19 kuasa bergerak telah dikenalpasti bagi mendorong kesejahteraan negeri Kelantan meliputi aspek politik, ekonomi, sosial, teknologi, persekitaran dan juga undang-undang. Menaruh harapan yang tinggi agar Pelan Pemerkasaan Kelantan Maju Rakyat Sejahtera ini akan dapat dicapai menjelang tahun 2023. Cabaran dan halangan ini telah pun dikongsi bersama seluruh jentera Kerajaan dalam mengukuhkan pentadbiran dan sumber hasil negeri Kelantan demi kesejahteraan rakyat. Terima kasih diucapkan kepada Kerajaan Negeri Kelantan kerana berjaya mengekalkan sebuah Kerajaan yang berintegriti di bawah dasar Membangun Bersama Islam dalam menerajui Kerajaan Negeri Kelantan sehingga kini.

Yang Berhormat Dato' Speaker, selain daripada itu juga, setelah ketiga-tiga perubahan ini dilaksanakan kita dapati baru lah agenda Kerajaan kita boleh tumpukan boleh bergerak berasaskan kepada 3 perkara ini yang telah dibawa oleh ketiga-tiga pemimpin negeri tadi. Kalau kita masuk kepada fasa, Tuanku ada bertitah mengenai bagaimanakah untuk memperkasakan kembali mahkamah syariah ini. Kalau kita tengok muka surat 3... muka surat 3 ada titah. Sejak Enakmen Kanun Jenayah Syariah Negeri yang telah dicabar dengan dasyat dan hebatnya sehingga terbatal daripada 16 seksyen daripada 18. Bukey satu bukey dua tetapi 16 seksyen sudah pun terbatal. Padahalnya dilaksanakan semua enakmen-enakmen ini diluluskan di dalam Dewan yang mulia ini. Sebelum proses kelulusan itu kita sudah ada beberapa jawatankuasa. Ada jawatankuasa yang terdiri daripada jabatan agama. Ada jawatankuasa yang terdiri daripada Majlis Agama dan ada jawatankuasa yang diterajui oleh Pengerusi Exco Dakwah. Dan dalam itu semua lengkap ada dan kita pun sudah ada wakil kepada Pejabat Peguam Negara yakni Dato' Penasihat Undang-Undang Negeri. Boleh dikatakan semua proses ini mengikut apa yang telah pun ditetapkan baru lah dia masuk di dalam Dewan ini. Saya

tak nak sentuh banyak hal-hal ini. In Shaa Allah Exco akan gulung selepas ini.

Tapi apa yang malangnya saya ingin mencadangkan supaya 16 enakmen yang telah pun dibatalkan ini saya memohon kepada Kerajaan Negeri semak balik dan bawa masuk di dalam Dewan ini dan In Shaa Allah dengan beberapa teknik-teknik kita akan baiki dan kita akan luluskan semula di dalam Dewan ini.

Yang Berhormat Dato' Speaker....

YB TUAN ROZI BIN MUHAMAD :

Yang Berhormat, boleh minta laluan ?

Yang Berhormat Dato' Speaker, boleh mencelah ?

YB DATO' SPEAKER :

Boleh boleh.

YB TUAN ROZI BIN MUHAMAD :

Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker. Terima kasih Yang Berhormat Pasir Tumboh. Saya ada sedikit soalan untuk diajukan kepada Pasir Tumboh berkaitan dengan pembatalan beberapa enakmen dalam Undang-Undang Syariah Negeri Kelantan yang diluluskan dalam Dewan Negeri. Adakah pihak Yang Berhormat merasakan apabila adanya usaha-usaha untuk menggagalkan enakmen yang diluluskan di dalam Dewan Negeri yang mulia ini oleh pihak mahkamah baru-baru ini dan kita tidak hendak pertikaikan keputusan mahkamah. Cuma adakah Yang Berhormat merasai ada usaha-usaha halus daripada pihak-pihak tertentu yang cuba untuk mengurangkan kuasa Islam ataupun kuasa perundangan Islam khususnya di negeri Kelantan dan ada golongan-golongan ataupun pihak-pihak yang memainkan peranan dalam nak mencabar usaha ini. Dan ini merupakan usaha halus yang mempunyai niat yang tak baik kepada syarak Islam itu sendiri. Minta penjelasan Yang Berhormat.

YB TUAN HAJI ABD RAHMAN BIN YUNUS :

Terima kasih Yang Berhormat Tendong. Dia kalau kita perhati lah dan mesti kita kena perhati lah, semua negeri termasuk Sabah dan Sarawak hatta Wilayah Persekutuan sekalipun dia ada mahkamah syariah ini. Buke kato Kelate jah ado nyo, negeri lain pun dio ado jugok. Dan enakmen-enakmen ini hampir sama. Saya perhati tengok dale 16 enakmen yang dibatalkan, 7 daripadanya persamaan betul-betul dengan negeri Kedah. Dan kalau tak silap pula banyak enakmen-enakmen 16 ini adalah sebutir-sebutir daripada persamaan dengan enakmen Mahkamah Wilayah Persekutuan.

Tapi kenapa Kelate ni ... Yang Berhormat Exco Infra tadi sebut dah dok. Tapi kenapa Kelantan menjadi sasaran. Negeri lain tidak menjadi sasaran. Mesti ada satu agenda penting untuk melemahkan negeri umat Islam yang paling ramai di Malaysia ini iaitu Kelantan. Banyak lagi tu dok. Kalu boleh dok... selain daripada hukum takzir yang disebut saya rasa bab bercanggah ni tak jadi masalah, ada ore sebut kerana bertembung dengan undang-undang sivil lah dok... mahkamah syariah... mahkamah syariah ini bertembung dengan undang-undang mahkamah sivil lah, hoktu dok jadi masalah, itu kebiasaannya. Kalu di... dengan PBT lah contohnya nok suruh mudoh jelas, kalu PBT undang-undang parking kereta, dalam parking kereta tu MPKB... kalu di Kota Bharu ni MPKB pun boleh saman, polis pun boleh saman... dok. Bertindih kiro tu... dok. Kalu rokok pulok, dilarang merokok... Majlis PBT pun boleh saman kerana kotor, Kementerian Kesihatan jugok boleh saman. Itu lah alasan bertembungnya... dok.. hoktu dok jadi masalah. Sebab tu lah dalam 16 enakmen yang dibatalkan ini ada yang tidak bertindih... dok... tapi dibatalkan... tapi dibatalkan juga.

Saya sebenarnya Yang Berhormat Dato' Speaker nak cadang pula ni 1990... 1993 sorry. Kita telah meluluskan Kanun Jenayah Syariah 2... hok kito sebut hukum hudud tu, tapi di Kelate ni dio panggil Jenayah Syariah 2. Hok tadi yang pertama, hok ni yang kedua... dok. Hok ni hukum hudud ni, hukum hudud ni dio tokleh bertembung dengan mana-mana mahkamah pasal ini adalah hukum Al-Quran hukum Allah tapi kita angkat ke Kuala Lumpur dan dia tidak dibenarkan untuk dilaksanakan dengan alasan mace-mace. Dan sekiranya kita melaksanakan Undang-Undang Kanun Jenayah Syariah 2 ini maka satu tindakan akan diambil kepada negeri Kelantan. Maka kita masa tu kita hold dan undang-undang itu tetap ada kita tunggu masa sahaja.

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya masuk kepada... cukup lah setakat tu dulu hok tu. Selain daripada itu, saya juga nok ucap tahniah kepada Yang Berhormat Exco Infra diatas usaha yang gigih Yang Berhormat Exco, Yang Berhormat Timbalan dan seluruh jentera Kerajaan, AKSB kita menampakkan sedikit, kita menampakkan satu kejayaan yang mana kalau Exco Infra dulu pun kita ucap terima kasih juga. Boleh jadi nikmat ini disambung oleh Yang Berhormat Exco baru ini pun satu lanjutan daripada Exco yang dahulu.

Di antara senarai loji yang telah pun dibangunkan yang telah selesai dan juga perancangan yakni membina dan menaik taraf 2 buah loji rawatan air yang baru iaitu pembinaan LRA Chicha 2 di kawasan dekat dengan rumah saya ni yang dijangka siap pada pertengahan tahun 2026 dan pembinaan Bukit Cupak yang dijangka siap juga pada pertengahan 2025. Pembinaan Takungan Air Pinggiran sungai (TAP) di Mukim Joh, Machang yang berkapasiti 500 dengan pembiayaan geran daripada Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air dengan kos sebanyak RM 630 juta. Pembinaan loji air di Machang yang baru fasa 1 yang telah pun disebutkan tadi yang berkapasiti 250 juta liter sehari dan tangki yang membangunkan dengan anggaran kos RM 500 juta dan banyak lagi yang disebutkan di sini.

Ini lah di antara kejayaan yang In Shaa Allah walaupun kita rasa sekarang ni boleh doh, kalau dulu air takdok sekarang ni ado doh, di tempat-tempat yang tertentu sahaja.... di tempat-tempat yang tertentu sahaja tidak ada air. Oleh sebab itu lah, saya memohon kepada Kerajaan supaya kembali... supaya kembalikan lori-lori... dio nekat lidoh. Saya memohon kepada Kerajaan supaya kembalikan semula lori air khas kepada setiap DUN di dalam negeri Kelantan ini. Takpo lah kita guna lah CSR yang ada, pasal ini sahaja yang boleh membantu kita, yang boleh membantu wakil-wakil rakyat menyelesaikan sedikit sebanyak masalah air yang tidak ada khususnya kepada di kawasan pedalaman.

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya juga ingin mengucapkan jutaa terima kasih kepada Yang Berhormat Exco Kebajikan, Pembangunan Keluarga dan Wanita diatas SKC, SKC ni dia panggil apa Skuad Kita Cakna (SKC) yang dalam titah pun ada. Kalau kito tengok dalam titah tu muka surat 15.. dok... muka surat 15. Tuanku bertitah dia memuji baginda memuji SKC ini dan saya menyarankan agar pihak Kerajaan melalui Portfolio Kebajikan, Pembangunan Keluarga dan Wanita dapat ditambahkan sedikit lagi

peruntukan agar dapat menyantuni lebih ramai rakyat yang memerlukan perhatian dan bantuan semasa.

Dalam usaha memperluaskan capaian inisiatif ini, harap banyak agensi Kerajaan, kita juga berharap kepada agensi-agensi korporat, yayasan, NGO dan orang perseorangan, dermawan untuk sama-sama turun padang dengan SKC secara teratur dan meluas. Ini akan memastikan bantuan yang disalurkan secara berkesan kepada yang memerlukan. Saya yakin usaha ini akan meringankan beban dan keperluan rakyat yang semakin terkesan dengan ekonomi yang sekarang ini yang tidak menentu. Ia juga diharapkan dapat memperkukuhkan ikatan sosial dalam masyarakat kita di sepanjang masa.

Yang Berhormat Dato' Speaker, banyak lagi tapi nak pendek lah... nak landing. Saya akhiri... saya akhiri ucapan saya dengan dua rangkap pantun.

*Di bumi Kelantan, negeri terbilang,
Kerajaan berusaha wajar dipuji,
Bersama kita teruskan sokongan,
Untuk kemajuan Kelantan yang dihargai.*

Tepuk sikit ... payoh nok tepuk.

*Bulan purnama cahaya berseri,
Duduk bersimpoh hati gembira,
Berkat Tuanku memayungi negeri,
Kelantan maju rakyat sejahtera.*

Pasir Tumboh mohon mencadangkan menjunjung kasih Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Al-Sultan Muhammad V Yang Dipertuan bagi negeri Kelantan Darul Naim. Sekian.

YB DATO' SPEAKER :

Minta sokongan.

YB TUAN AZHAR BIN SALLEH :

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya mohon menyokong cadangan tersebut.

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالْعَاقِبَةُ لِلتَّقِيَّينَ،
وَلَا عُدْوَانَ إِلَّا عَلَى الظَّالِمِينَ

والصلاة والسلام على أشرف الأنبياء والمرسلين وعلى آله وصحبه أجمعين

*Indah berbalang si awan petang,
Berarak di celah pohon ara,
Pemanis kalam selamat datang,
Awal Bismillah pembuka bicara.*

Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker yang memberi ruang dan peluang kepada saya bagi menyokong dan membahaskan Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Muhammad V bersempena Istiadat Pembukaan Penggal Kedua Dewan Negeri Kelantan Yang Kelimabelas Bagi Tahun 2024 yang telah dibaca oleh Yang Amat Berhormat Dato' Panglima Perang Menteri Besar Kelantan pada hari semalam. Dalam kesempatan ini saya ingin mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Ustaz Dato' Panglima Perang Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan semua barisan pimpinan negeri Kelantan yang masih dan terus diberi kepercayaan untuk menerajui Kerajaan Kelantan selepas menang besar dalam PRU Ke-15 yang lepas. Dan semoga Kerajaan yang ada pada hari ini In Shaa Allah akan terus kekal memerintah sampai bila-bila. Firman Allah Taala :

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

النَّاسِ بَيْنَ حَكْمَتِهِمْ وَإِذَا أَهْلِيهَا إِلَى الْأَمَانَةِ تُؤَدُّوا أَنْ يَأْمُرَكُمْ اللَّهُ إِنَّ
سَمِيعًا كَانَ اللَّهُ إِنَّ ۖ بِهِ يَعِظُكُمْ نِعَمًا اللَّهُ إِنَّ ۖ بِالْعَدْلِ تَحْكُمُوا أَنْ

بَصِيرًا

Maksud : Sesungguhnya Allah menyuruh kamu menyampaikan amanat kepada yang berhak dan menyuruh kamu apabila meletakkan hukum di antara manusia supaya kamu meletakkan dengan adil. Sesungguhnya Allah memberi pengajaran yang sebaik-baiknya kepada kamu. Sesungguhnya Allah Maha Mendengar Lagi Maha Melihat.

(Surah An-Nisa, Ayat 58)

Yang Berhormat Dato' Speaker, Alhamdulillah dalam Titah Ucapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Muhammad V telah mengingatkan kita kepada tanggungjawab dan amanah yang wajib kita laksanakan kepada rakyat dengan sebaik yang mungkin. Dalam hadis Rasulullah S.A.W juga disebut, sesuatu yang amat menyentuh hati saya apabila dalam titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Al-Sultan menyebutkan tentang kesinambungan era merakyat Membangun Bersama Islam dibawah kepimpinan mantan Dato' Bentara Kanan Ustaz Haji Ahmad Bin Yakob agar ianya dapat diteruskan melalui strategi penghayatan Membangun bersama Islam.

Dan saya ingin menambah apa yang telah dijelaskan oleh Yang Berhormat Pasir Tumboh sebentar tadi, walaupun telah disebut dalam muka surat 3, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku telah menyebut berkaitan dengan memastikan ketinggian agama Islam terus terpelihara dan menggesa Kerajaan supaya terus memperkasa dan mempertahankan perundangan dan institusi syariah negeri. Perkara ini sangat penting kerana sebuah negara atau sebuah negeri In Shaa Allah akan mendapat barakah daripada Allah Taala sekiranya kita meletak dasar Islam, hukum Islam di tempat yang paling atas. Rasulullah bersabda, Islam itu tinggi dan tidak ada yang lebih tinggi daripadanya. Syukur kerana kita mempunyai seorang Sultan yang cakna dan mengambil berat tentang agama Islam di Negeri Serambi Mekah dan Tadahan Wahyu ini.

Walaupun di sana ada suara-suara sumbang yang mula berani melawan Islam menghina Islam, In Shaa Allah kita mengharapkan supaya Kerajaan Kelantan yang sedia ada ini akan terus mempertahankan syariah Islam hingga akhir hayat dan hingga titisan darah kita yang terakhir. Saya nak mengingatkan kita tidak boleh mempermain-mainkan hukum Islam, syariah Islam kerana ada hadis Rasulullah S.A.W saya tak baca habis takut tokdei maso pulok.

Hadis Riwayat Abu Daud, Ahmad Al-Thabarani yang bermaksud Sesiapa yang memberi syafaat memberi bantuan menyokong untuk menghalang daripada berlakunya hukum Allah sesungguhnya ia menentang Allah Aza Wajalla. Jadi kita kena beringat bilo nok kecek kena beringat, kito tok setuju keno duk diam deh. Hukum Islam ini Allah telah tentukan deh. Hok tokleh buat, boleh buat itu cerita lain. Sekurang-kurangnya kita berasa kita cinta nok kepada hukum Allah Islam tertegak di atas muka bumi ini.

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya juga ingin menzahirkan ucapan terima kasih diatas keprihatinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Al-Sultan melalui titahnya supaya penyelesaian segera kepada projek pembangunan fizikal dan bukan fizikal disebut dalam titah baginda berkaitan dengan projek yang tergendala seperti Projek Central Spine Road dan Lebuhraya Kota Bharu – Kuala Krai yang belum siap sepenuhnya yang mana jika ini tidak dapat diselesaikan dalam tempoh masa yang ditentukan akan menyebabkan berlakunya kesesakan jalan raya terutamanya pada musim-musim perayaan.

Jadi nak kait dengan ayat saya baca, amanah yang diberi kepada kita bermula daripada pimpinan di peringkat Kerajaan terus kepada pegawai-pegawai Kerajaan dan semua sekali yang menerima amanah supaya dapat melaksanakan tugas dengan sebaik mungkin, seupaya mungkin bagi memastikan supaya projek-projek fizikal ataupun bukan fizikal di negeri Kelantan ini dapat dilaksanakan sebaik mungkin.

Saya menyahut titah Tuanku yang menyebut supaya Kerajaan Negeri mengadakan hubungan yang erat dengan Kerajaan Pusat. Dan saya percaya daripada dulu lagi zaman Allahyarham Tok Guru, Dato' Bentara Kanan hingga sekarang. Era Yang Amat Berhormat Menteri Besar Dato' Panglima Perang Haji Nassuruddin Bin Haji Daud akan meneruskan hubungan erat yang sedia ada. Cuma kita bimbang nya hok alik sano tok sahut. Bagi saya In Shaa Allah Kerajaan Kelantan akan bersikap terbuka kerana apa kerana kita nak melihat rakyat Kelantan mendapat manfaat daripada hubungan erat.

Dan kita ucap terima kasih lah diatas sumbangan-sumbangan yang telah diberikan oleh Kerajaan Pusat yang saya sebut tadi adalah lapangan terbang yang sedang dibina. Cuma itu merupakan sumbangan-sumbangan atau projek-projek yang telah diturunkan melalui Kerajaan Pusat. Dan benda-benda ini In Shaa Allah boleh diteruskan lagi supaya rakyat Kelantan tidak menjadi mangsa kepada politik yang sempit. Itu

yang kita nak. Kerajaan Negeri dan Kerajaan Pusat bekerjasama In Shaa Allah manfaat akan diperolehi oleh rakyat kita di negeri Kelantan yang sama-sama kita cintai.

Akhir sekali, saya menyokong harapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan supaya Kerajaan Negeri mengambil inisiatif bagi memperbanyakkan lagi pembinaan rumah-rumah mampu milik kepada rakyat kita. Dan saya rasa di Machang pun tidak banyak. Tok banyak tu kerana takdok tanoh ataupun boleh jadi ada sebab-sebab tertentu. Jadi rumah ini satu keperluan... satu keperluan bagi memastikan rakyat kita boleh hidup dengan aman dan harmoni In Shaa Allah. Saya nak ucap terima kasih kerana dalam titah Tuanku menyebut berkaitan dengan Kolam Air Panas Tok Bok. Kolam Air Panas Tok Bok ni satu nostalgia kepada saya. Saya membesar di Kampung Tok Bok dan setiap petang terjun dalam kolam air panas tu.

Terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Mejar Anizam. Sewaktu dia jadi Exco dulu saya mitok gapo dio bui belako. Harap-harap YB yang baru ni pun lagutu jugok lah. Kerana Kolam Air Panas Tok Bok ni satu aset yang sangat baik **(AUDIO TIDAK BERFUNGSI)** biasa. Kolam air sejuk banyak tapi kolam air panas ni yang kita tahu di Kelate ni ado di Tok Bok, dio ado di Jeli. Bukan suatu benda yang biasa dan In Shaa Allah saya harap Kolam Air Panas Tok Bok ni akan mendapat perhatian sewajarnya dan memohon kepada yang berwajib untuk memastikan Kolam Air Tok Bok yang dibina rasanya menelan belanja hampir RM 5 juta. Campur-campur gi mari hampir RM 5 juta dan In Shaa Allah kena jaga molek. Buke jago Guillemard sajo. Guillemard tu getok lamo doh, tok jago pun dio tok tumbey dio duk gitu doh, cuma buh lampu warna biar comey sikit dok.

Kolam Air Panas Tok Bok ni tempat ore mandi. In Shaa Allah **(AUDIO TIDAK BERFUNGSI)** di Kelantan disebut juga oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku dapat dijaga dengan baik dan dapat menarik ramai pelancong-pelancong luar sama ada dari dalam dan luar negeri untuk berkunjung ke Kelantan bagi memastikan Kelate ni duduk. Saya tokse panggil jauh laa duduk sama tinggi dengan Terengganu. Tokse gi lebih jauh dengan Terengganu takpo doh. In Shaa Allah kalau Guillemard tu comey boleh jadi benchmark kepada negeri Kelantan. Campur pulok dengan kolam air panas dan sebagainya siap getok Jambatan Palekbang dan sebagainya. Saya nak sudahi dengan serangkap pantun.

(AUDIO TIDAK BERFUNGSI)

*Anak dusun pasang pelita,
Kalau tersilap tutur bicara,
Jemari disusun maaf dipinta,*

Sekian.

السلام عليكم ورحمة الله تعالى وبركاته

YB DATO' SPEAKER :

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, persoalan yang berada di hadapan kita sekarang ialah satu cadangan supaya Dewan ini membuat ketetapan merakamkan setinggi-tinggi ucapan Menjunjung Kasih Titah Ucapan Diraja yang telah dititahkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Muhammad V kepada Dewan ini pada hari Isnin 23 Syaaban 1445 Hijriah bersamaan 4hb Mac 2024 Masihi.

Dengan demikian, sekarang saya kemukakan cadangan tersebut bagi Perbahasan.

Ahli-ahli.. silakan Chetok.

YB TUAN ZUR Aidin Bin Abdullah :

السلام عليكم ورحمة الله تعالى وبركاته

Terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Speaker yang telah memberikan peluang kepada saya untuk sama-sama menyertai Perbahasan Menjunjung Kasih Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Muhammad V semalam. Yang Berhormat Dato' Speaker, memetik ucapan titah Tuanku iaitu hasrat menjadikan Kelantan sebagai negeri jelapang padi berteraskan konsep Bertani Satu Ibadah yang menjadi tonggak utama pembangunan sektor pertanian negeri ini. Ini memberi gambaran bahawa pertanian sangat dititikberatkan oleh pihak Kerajaan memandangkan ia merupakan sektor yang benar-benar memberikan impak tinggi kepada kumpulan sasaran yang dianggap penting dan perlu diberikan keutamaan iaitu rakyat dibawah luar sana yang rata-rata tergolong dalam kalangan miskin.

Di tengah-tengah kemelesetan ekonomi yang kian menghimpit rakyat hari ini elok lah sekiranya Kerajaan mengambil peluang meningkatkan

lagi tahap perhatian untuk kita sama-sama melihat sektor pertanian ini dengan lebih serius. Orang kampung yang terlibat dalam sektor pertanian, penternakan ataupun perikanan sebenarnya tidak **(AUDIO TIDAK BERFUNGSI)** bersaiz perusahaan ekoran daripada kekurangan modal untuk menjalankan aktiviti dalam skala yang lebih besar. Tambahan pula mereka berdepan dengan cabaran serangan binatang atau serangga perosak, penyakit bawaan angin, perubahan musim atau cuaca secara mendadak. Hal ini berlaku di kebanyakan pengusaha-pengusaha kecil-kecilan di kampung yang akhirnya menyebabkan kerugian dan kehilangan modal pusingan untuk memulakan pusingan tanaman atau penternakan yang baharu.

Sebagai langkah cadangan, saya mencadangkan 2 pendekatan yang boleh ditekuni oleh pihak Kerajaan bagi manfaat rakyat selain daripada skim-skim ataupun geran-geran yang sedia ada yang telah diteruskan. Pertama, memanfaatkan tanah-tanah terbiar sama ada milik persendirian ataupun milik Kerajaan atau **(AUDIO TIDAK BERFUNGSI)** dengan membuka tawaran untuk diusahakan kepada petani-petani di setiap DUN. Tawaran ini terbuka tanpa sebarang kos yang dilakukan secara bertempoh iaitu pengecualian sewaan ataupun sewaan boleh ubah dalam tempoh tertentu. Saya yakin pendekatan ini memberikan peluang kepada pengusaha-pengusaha di peringkat kampung memaksimumkan pendapatan terutamanya di peringkat awal mengusahakan tanaman ataupun ternakan.

Cadangan yang kedua, Kelantan merupakan antara negeri pengeluar hasil tanaman seperti sayur-sayuran dan buah-buahan yang terbesar di Malaysia. Sebagai langkah untuk memastikan produktivi pengeluaran sentiasa tinggi maka elok lah jikanya kita perkasakan pengusaha di kampung-kampung dengan mewujudkan pusat pengumpulan bekalan makanan hasil daripada sumber pertanian, penternakan dan juga perikanan di setiap DUN. Saya yakin usaha ini dilihat selari dengan usaha Kerajaan Negeri Kelantan untuk menjadikan Kelantan sebagai jelapang makanan negara. Seterusnya dengan mewujudkan satu pasukan khas yang berperanan sebagai orang tengah yang menguruskan hasil-hasil tanaman dan ternakan penduduk setempat kepada pihak ketiga sama ada dalam ataupun luar negeri. Secara tidak langsung pendekatan ini saya yakin akan dapat memperkasakan lagi peranan di DUN-DUN.

Yang Berhormat Dato' Speaker, memetik titah ucapan Tuanku menyeru kepada semua jabatan negeri dan persekutuan, pihak berkuasa tempatan,

GLC negeri dan pihak swasta supaya dapat memainkan peranan masing-masing bagi merancakkan industri pelancongan di negeri Kelantan. Saya mengajak perhatian Dewan yang mulia ini terhadap pembangunan Rong Chenok sebagai kawasan agro-tourism ataupun pusat pelancongan agro yang perlu diberikan perhatian oleh semua agensi persekitaran Mukim Rong Chenok bagi mengekalkan suasana perkampungan yang menarik untuk dikunjungi. Saya juga mengajak semua untuk mengunjungi Rong Chenok untuk melihat sendiri keindahan yang telah tersedia untuk kita sama-sama nikmati.

Cuma saya ingin mencadangkan kepada Dewan yang mulia ini untuk merancakkan lagi pembangunan agro pelancongan di Rong Chenok. Dicapangkan supaya diberikan perhatian kepada pembinaan sebuah jambatan baru yang menghubungkan kampung di luar kepada Rong Chenok iaitu Jambatan Sungai Mahligai yang sebelum ini dilalui menggunakan titian yang lama yang telah usang dan memberikan kesusahan, kesukaran kepada penduduk ataupun orang luar untuk masuk ke Mukim Rong Chenok.

Seterusnya pembangunan Mukim Rong Chenok sebagai kawasan agro pelancongan sememangnya akan memberikan impak yang besar kepada ekonomi masyarakat setempat membolehkan pihak Kerajaan menambahbaik fasiliti terutamanya penambahbaikan jalan-jalan utama dan membangunkan beberapa check point yang menarik dari pintu masuk mukim sehingga ke Masjid Brunei yang menjadi salah satu daripada ikonik masjid di Rong Chenok. Saya yakin dan percaya dengan sentuhan pihak Kerajaan dan juga agensi-agensi yang berkaitan akan mewujudkan satu lagi daya tarikan pelancongan ke Kelantan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, seterusnya Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku merasa sangat bertuah diatas kecaknaan Tuanku untuk menyebar luaskan sifat cakna di kalangan rakyat dengan menyantuni golongan memerlukan seperti golongan miskin, orang kurang upaya, sakit, warga emas, armalah dan anak yatim perlu lah dirancakkan dalam segala usaha menuju ke arah negeri berkebakjikan. Selari dengan hasrat Tuanku, di peringkat Kerajaan juga wajar memberikan perhatian kepada masalah sosial yang berlaku di negeri Kelantan. Dasar Membangun Bersama Islam telah masuk ke fasa penghayatan, Membangun Bersama Islam pada era Yang Amat Berhormat Dato' Panglima Perang Menteri Besar Kelantan bertepatan lah dengan tema PMBI ataupun Penghayatan Membangun Bersama Islam iaitu kebijaksanaan, ketegasan dan

kecepatan yang perlu dihayati oleh semua lapisan masyarakat di negeri Kelantan.

Pada fasa ini seharusnya kita semua tidak lagi beremeh temeh mengambil mudah berkenaan dengan masalah sosial yang wujud dalam kalangan masyarakat kita. Dilaporkan sebanyak 116 kes jenayah seksual bawah umur dilaporkan pada akhir Disember 2023, seramai 18 331 individu ditahan kerana pelbagai kesalahan mengikut akta berbahaya (ADB 1952 Akta Racun 1952) dan ADB langkah-langkah pencegahan khas 1985 sepanjang tahun lalu sebanyak RM 175.8 juta rampasan dadah yang direkodkan pada tahun 2023. Sebagai negeri Serambi Mekah, pendekatan menangani masalah sosial perlu lebih agresif, gerakan institusi masjid sebagai institusi yang mendekati masyarakat. Contohnya hari ini trend Subuh Macam Jumaat menjadi fenomena. Fenomena ini perlu diambil peluang oleh kita semua untuk membawa masyarakat mendekati institusi agama iaitu masjid.

Saya yakin dan percaya bahawa isu-isu yang melibatkan masalah sosial ini mampu diselesaikan dengan pendekatan agama. Bagi menangani masalah ini agensi-agensi tidak lagi relevan untuk bergerak secara bersendirian ataupun solo. Seharusnya usaha menangani masalah sosial ini perlu dilakukan secara kolektif antara semua agensi antaranya Polis Diraja Malaysia, jabatan agama, agensi kerajaan, badan berkanun, NGO dan ahli akademik memikirkan satu pelan tindakan ataupun blueprint yang komprehensif bagi menangani gejala dan masalah sosial dengan adanya data dan statistik. Pengenalpastian masalah akan dapat menjejaki akar umbi masalah dan penyelesaian masalah dapat dilakukan dengan kadar yang segera. Dicadangkan juga agar ditubuhkan satu jawatankuasa taskforce dari gabungan pelbagai agensi kementerian, badan berkanun, NGO dan ahli akademik untuk tindakan pembanterasan yang lebih bersepadu dan juga komprehensif.

Yang Berhormat Dato' Speaker, di dalam titah ucapan Tuanku turut menyatakan harapan agar pihak Kerajaan dapat meneroka bidang tenaga baharu seperti hidrogen. Hidrogen merupakan salah satu sumber tenaga alternatif yang efektif dan mampu menyahkarbon dalam sektor tenaga. Kita juga menyedari bahawa wujudnya tanda-tanda yang menunjukkan terdapat unsur nadir bumi atau lebih popular dikenali sebagai REE di bumi Kelantan dengan anggaran nilai simpanan unsur nadir bumi berjumlah RM 125 bilion sebagaimana yang diumumkan sebelum ini.

Tahun lalu Kerajaan Negeri telah mendapat kebenaran daripada Kerajaan Persekutuan untuk meneroka sumber baharu ini. Kitajuga perlu lebih berterima kasih kepada Kerajaan Negeri telah mendapat kebenaran daripada Kerajaan Persekutuan untuk meneroka sumber baharu ini. Kita berterima kasih kepada Kerajaan Persekutuan atas kebenaran yang diberikan. Kita juga perlu lebih berterima kasih kepada Kerajaan Negeri Kelantan yang lebih serius untuk mengembangkan ekonomi negeri Kelantan.

Bahan-bahan unsur nadir bumi ini REE adalah merupakan satu keperluan dalam sumber tenaga hijau seperti penjanaan elektrik menerusi solar panel dan magnet dalam penggunaan gerbang penjana elektrik, penggunaan bateri untuk kereta elektrik juga harus dilihat sebagai penyumbang kepada ekonomi negeri Kelantan. Pasti REE ini akan memberikan sinar kepada perkembangan ekonomi di negeri Kelantan yang akan meningkatkan pendapatan kepada negeri. Walau bagaimanapun, dasar Kerajaan berkenaan dengan REE ini perlu diperkemas terutama sekali SOP supaya penerokaan berlaku dalam kawalan dan garis panduan yang ditetapkan tanpa mengganggu kawasan sensitif alam sekitar. Kelulusan EIA dan skim perlombongan yang memakan masa sehingga 2 tahun haruslah dimanfaatkan secara yang baik dengan mula meneroka ataupun mencari gali kawasan-kawasan yang dikenal pasti untuk dibangunkan oleh REE. Jadi saya yakin dengan kebijaksanaan kepimpinan Kerajaan Negeri akan memanfaatkan peluang yang ada ini untuk memakmurkan dan demi kesejahteraan rakyat di negeri Kelantan yang tercinta.

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya rasa itu sahaja ucapan Perbahasan saya untuk kali ini dan saya sudahi dengan pantun.

*Semangat jitu berjuang bersama,
Menjaga agama dari dihina,
Ummah bangkit membela bangsa,
Negeri sejahtera rakyat terbela.*

Sekian.

السلام عليكم ورحمة الله تعالى وبركاته

YB DATO' SPEAKER :

Dabong.

YB TUAN KU MOHD ZAKI BIN KU HUSSIN :

السلام عليكم ورحمة الله تعالى وبركاته

أعوذ بالله من الشيطان الرجيم

فَافْسَحُوا لِمَجَالِسٍ فِي تَفَسَّحُوا لَكُمْ قِيلَ إِذَا آمَنُوا الَّذِينَ أَيُّهَا يَا
آمَنُوا الَّذِينَ اللَّهُ يَرْفَعُ فَنَشُزُوا انْشُزُوا قِيلَ وَإِذَا ۖ لَكُمْ اللَّهُ يَفْسَحُ
خَيْرٌ تَعْمَلُونَ بِمَا وَاللَّهُ ۖ دَرَجَاتٍ الْعِلْمِ أُوتُوا وَالَّذِينَ مِنْكُمْ

Maksud : Allah meninggikan darjat orang yang beriman di antara kamu dan orang yang diberi ilmu pengetahuan agama daripada kalangan kamu beberapa darjat dan ingat lah Allah Maha Mendalam pengetahuan-Nya mengenai apa yang kamu lakukan.

(Surah Al-Mujadalah, Ayat 11)

Yang Berhormat Dato' Speaker dan seluruh anggota Dewan yang mulia, terlebih dahulu saya mengucapkan jutaan terima kasih kerana memberikan peluang saya untuk bercakap di Dewan yang mulia ini bagi mewakili suara seluruh rakyat Dabong. Ulama yang ikhlas dalam menyebarkan dakwah Islam pasti menjadi rujukan orang ramai dan setiap usahanya menjadi panduan bermanfaat umat Islam. Begitu lah aturan Allah S.W.T yang menjaga kewujudan Islam dengan golongan ulama yang memahami agama sepertimana yang ditetapkan dalam syariatnya.

Allah S.W.T meletakkan kedudukan ulama atau golongan berilmu lebih tinggi dan mulia di sisi-Nya, ayat-ayat Al-Quran secara jelas menyatakan kelebihan orang berilmu daripada yang selainnya. Nabi Muhammad S.A.W pula bersabda :

Mafhumnya sesungguhnya keutamaan darjat seorang alim yakni ahli ilmu atas seseorang abib, ahli ibadat seperti keutamaan bulan purnama berbanding bintang-bintang. Dan sesungguhnya ulama itu pewaris para Nabi dan para Nabi tidak mewariskan dinar mahupun dirham. Tetapi mereka mewariskan ilmu, maka sesiapa yang mengambilnya ilmu maka mereka telah mengambil bahagian yang besar.

(Hadis Riwayat Daud)

Yang Berhormat Dato' Speaker, terima lah pula serangkap pantun dari saya.

*Dato' Speaker dan YB-YB pakat gi ke Dabong naik keretapi,
Gua Ikan, Air Terjun Jelawang dan Sungai Kenong destinasi utama,
Berdiri nya ambo di Dewan ini bukanlah kerana kepentingan diri,
Tetapi demi rakyat Dabong lah ambo bersentiasa bangkit bersuara.*

Yang Berhormat Dato' Speaker, sebagaimana Dato' dan semua Ahli Dewan semua maklum bahawa jika punyai kesempatan saya sering kali bangkit di Dewan yang mulia ini bagi membangkitkan isu-isu berkaitan kemudahan asas dan sebagainya khususnya untuk rakyat yang saya kasihi dalam DUN Dabong. Justeru, kali ini saya akan membahaskan Titah Ucapan Tuanku dengan menyentuh beberapa perkara-perkara berikut.

Yang pertama, merungkai bebanan tugas Pejabat Agama hok jajahan. Jajahan Kuala Krai merupakan satu jajahan yang luas bermula dari sempadan Machang hingga sempadan Jeli dan juga Gua Musang. Sejauh lebih daripada 100 kilometer. Kuala Krai juga mempunyai dua Majlis Daerah sebagaimana sedia maklum. Maka demi keselesaan rakyat saya memohon pihak Kerajaan mengkaji kekuatan dan kemampuan Pejabat Agama setiap jajahan. Kerana saya difahamkan bahawa bilangan kakitangan setiap Pejabat Agama adalah sama iaitu 15 orang walaupun bilangan mukim yang jauh berbeza. Sebagai contoh, jajahan Kota Bharu mempunyai 140 mukim dengan kekuatan 15 orang kakitangan berbanding dengan Jajahan Jeli yang mempunyai 23 mukim dengan bilangan kakitangan yang sama. Demikian juga, dengan Jajahan Kuala Krai mempunyai 49 mukim bayangkan sebanyak 13 mukim adalah berada dalam Daerah Dabong.

Sehubungan dengan itu, saya mencadangkan buat kali keduanya agar diwujudkan satu Pejabat Agama Daerah Dabong dibawah Pejabat Agama

Jajahan Kuala Krai demi memudahkan urusan orang ramai. Disamping pamantauan serta penguatkuasaan undang-undang syariah yang lebih berkesan serta pemusatan aktiviti dakwah yang lebih menyeluruh kepada penduduk setempat.

Yang Berhormat Dato' Speaker, yang kedua, jadikan Dabong sebagai hub pelancongan agro-tourism utama negeri Kelantan. Bersempena dengan Tahun Melawat bersempena dengan tahun 2024 sebagai Tahun Melawat Kelantan, saya ingin menyatakan Dabong mempunyai ciri-ciri dan bentuk muka bumi yang amat sesuai untuk dijadikan sebagai hub agro-tourism utama negeri. Lebih-lebih lagi apabila tercetusnya fenomena Train To Dabong suatu ketika dahulu dan masih hangat mendapat sambutan hingga ke hari ini. Tempat-tempat yang menjadi destinasi pilihan utama para pelancong ke negeri ini terdapat di dalam DUN Dabong seperti Air Terjun Jealawang yang merupakan air terjun yang tertinggi di Asia. Gua Ikan, Gua Keris yang menjadi pilihan para peminat aktiviti lasak seperti *rock climbing* dan sebagainya. Lata Kertas yang airnya yang mengalir sejuk sudah tentu sangat memikat para pengunjung. Sungai Kenerong yang menjadi tumpuan utama seluruh keluarga berkumpul, berkelah dan mandi-manda di sana. Terbaru Pipe Resort yang turut menjadi tarikan utama para pelancong datang ke Dabong.

Dan pelbagai tempat baru yang boleh diteroka lagi untuk dijadikan tarikan utama para pelancong dalam dan luar negara untuk datang ke negeri ini. Maka untuk menjadikan Dabong sebagai salah satu hub agro-tourism utama negeri buat kesekian kalinya saya tidak pernah serik untuk membangkitkan isu utama yang perlu diberikan perhatian sepatutnya oleh pihak Kerajaan adalah mempercepatkan lagi projek-projek naiktaraf dan mengadakan kemudahan asas di Dabong yang antaranya mengadakan jalan raya yang baik dan memperbaiki jalan yang telah rosak. Laluan untuk makluman semua laluan daripada Dabong ke Jelawang ada satu tempat tanah runtuh, tebing runtuh yang kemungkinan akan runtuh sepertimana berlaku di antara jalan Jeli dan juga Jelawang. Jadi sebelum perkara-perkara ini berlaku... perkara tok molek berlaku patut lah disegerakan pembaikan. Ini sangat perlu kerana ianya sangat memberi kesan kepada kelancaran perjalanan para pelancong ke destinasi-destinasi pelancongan seperti yang saya nyatakan sebentar tadi.

Yang kedua, mengadakan dan menaiktaraf kemudahan asas yang menjadi keperluan utama penduduk. Sebagai contoh... ini yang kedua saya sebut. Sebagai contoh, mewujudkan kemudahan pusat x-ray dan homodialisis bagi pesakit buah pinggang di Dabong. Sekarang ini rakyat Dabong terpaksa berulang alik ke hospital, antaranya Kuala Krai, Gua Musang dan juga Jeli. Baru kelik cuci buah pinggang sapa Dabong kena gi pulok doh, letih pulok doh. Jadi perkara ini patut lah dan x-ray takdok di Dabong. Rakyat Dabong untuk nak dapat x-ray, sakit gapo-gapo terpaksa kena gi Kuala Krai. Jadi jaraknya sangat jauh.

Yang ketiga, mewujudkan *cable car* dan *paragliding* di puncak bukit sebagai satu tarikan baru aktiviti pelancongan seperti yang terdapat di Pulau Pinang dan juga Langkawi.

Yang keempat, dalam mempertingkatkan lagi insentif pelaburan negeri melalui industri pelancongan, kewujudan *cable car* dan *paragliding* ini tentunya akan menjadi satu lagi sumber pendapatan negeri dengan bertambahnya bilangan pelancong sama ada domestik atau antarabangsa yang akan masuk ke negeri ini. Terdapat kawasan di atas Gunung Stong, untuk pengetahuan Exco atas Gunung Stong ini terdapat satu kawasan yang teramat baik di negara ini untuk *paragliding*. Kerana seawal jam 9.00 pagi aktiviti *paragliding* sudah boleh dibuat berbeza dengan btempat-tempat yang lain, antara tempat-tempat lain perlu kepada jam 11.00 pagi kerana dia perlu kepada hawa tu panas. Kalu tok panas dio tokleh nok terbang. Jadi di Dabong ni, pukul 9.00 pagi ni boleh terbang doh. Bahkan sudah beberapa kali percubaan *paragliding* telah berjaya dilakukan dengan baik dan selamat Alhamdulillah.

Yang Berhormat Dato' Speaker....

YB TUAN ZAMERI BIN MAT NAWANG :

Pohon mencelah Dato' Speaker dengan izin. Dengan izin Dato' Speaker... pohon mencelah. Okay... terima kasih Dabong. Soalan kepada Dabong... okay Dabong eh... tadi Dabong ada sebut tentang insentif pelancongan dan sebagainya dan Dabong memang terbaik lah dalam mempromosikan Dabong sebagai satu kawasan pelancongan. Cuma soalan saya nya ada tak insentif daripada YB Dabong sendiri untuk kita ADUN-ADUN lah ike keloh ko rusa ko. Terima kasih.

YB TUAN KU MOHD ZAKI BIN KU HUSSIN :

Terima kasih. Dio biaso nyo kalu tetamu-tetamu kehormat datey Dabong ni kito sedio kea kepala kuba dan juga kepala lembu. In Shaa Allah pakat mari Dabong dan kalu boleh masuk dale ucapan daripada Dabong sakni.

Yang ketiga. Jadikan Dabong sebagai pusat aktiviti belia dan beliawanis negeri. Apabila segala keperluan fasiliti dan kemudahan yang mencukupi di Dabong amat sesuai dijadikan pusat aktiviti untuk para belia seperti kem-kem kepimpinan belia negeri dengan pelbagai model kepimpinan dan aktiviti lasak yang mencabar minda dan fizikal para belia sehingga membentuk bukan sahaja minda yang cerdas tapi boleh melahirkan pimpinan masa depan yang lasak dengan ujian dan mempunyai jiwa juang yang tinggi sepertimana Dato' Panglima Perang Menteri Besar Kelantan kita. Maka segala perancangan dan kerjasama daripada seluruh jabatan kerajaan, bahkan segala yang berkaitan dengan instrumen negeri amat lah didambakan demi menjadikan Dabong sebagai sebuah pusat aktiviti dan kepimpinan belia negeri ini dalam melahirkan lebih ramai lagi bakal pemimpin masa depan negeri ini untuk mewarisi legasi kepimpinan Yang Amat berhormat Dato' Panglima Perang yang sangat kita banggakan ini.

Akhirnya, saya juga ingin menyeru seluruh rakyat Dabong. Saya menyeru kepada seluruh rakyat Dabong agar menyantuni dan melayani seluruh tetamu yang berkunjung ke Dabong dengan layanan terbaik sebagaimana yang diajarkan oleh orang-orang tua kita dahulu-dahulu. Apabila melayan tetamu yang datang berkunjung ke rumah kita layan lah dengan sebaik-baik mungkin.

*Bumi Dabong menghijau indah,
Umpama bulan purnama cerah,
Segala kata sudah dicurah,
Ku dambakan jawapan daripada pihak Kerajaan lah pula.*

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya dengan ini menjunjung kasih dan menyokong penuh Titah Ucapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku. Sekian terima kasih.

السلام عليكم ورحمة الله تعالى وبركاته

YB DATO' TIMBALAN SPEAKER :

Sila Galas.

YB TUAN MOHD SYAHBUDDIN BIN HASHIM :

بسم الله الرحمن الرحيم

السلام عليكم ورحمة الله تعالى وبركاته

Terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Speaker atas kebenaran untuk saya turut sama berbahas Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Muhammad V. Pertamanya Galas menjunjung kasih dan setinggi-tinggi penghargaan ke atas Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Muhammad V. Dan dikesempatan ini juga Galas ingin mengucapkan syabas dan tahniah diatas kepimpinan Yang Amat Berhormat Menteri Besar Dato' Panglima Perang dan ucapan setinggi-tinggi terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Bentara Kanan diatas kecemerlangan dan juga kejayaan memimpin negeri kita ini.

Yang keduanya Yang Berhormat Dato' Speaker, Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Muhammad V ada menyeru PBT Pihak Berkuasa Tempatan agar memberi fokus kepada pembangunan taman-taman awam dan tempat-tempat rekreasi. Oleh kerana Gua Musang juga turut tersenarai bersama dengan Jeli sebagai Bandar Bahagia di negeri Kelantan. Maka Galas mencadangkan supaya yang pertamanya, taman-taman awam dijaga dan diselenggara secara berkala dan baik. Tandas-tandas, landskap, seni bina, pembinaan-pembinaan baru biar lah ada konsep-konsep tertentu. Dan kita negeri kita banyak mengadakan program-program di luar daripada negeri kita contohnya kita acap kali ke timur tengah. Biar lah ada konsep-konsep timur tengah berada di negeri kita.

Yang keduanya taman-taman rekreasi sedia ada. Yang Berhormat Dato' Speaker, saya mencadangkan agar taman-taman rekreasi sedia ada bukan sahaja dalam kawasan Galas tetapi di kawasan-kawasan di DUN-DUN yang lain juga ditambah baik antaranya seperti Taman Rimba Wangi di Galas. Taman Rimba yang mana di sekitar sungai di Taman Rimba ini pokok-pokoknya ditanam sendiri oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Muhammad V sewaktu baginda menjadi Tengku Mahkota.

Dan yang ketiganya, menggalakkan lagi pembangunan-pembangunan taman yang baru seperti yang viral taman tema di Kuala Krai, taman tema baru dibuka di Machang dan taman eco park di.... Muse Eco Park di Gua Musang. Galas ini perlu diberikan kepada warga setempat, warga lokal dalam kita menjaga kebersihan dan sebagainya. Galas telah acap kali menyuarakan beberapa perkara yang difikirkan penting dan wajar diberi pertimbangan umpamanya pembangunan Bandar Lama Gua Musang, Gua Musang sebagai Bandar Mahkota Kelantan. Pembinaan universiti awam di Kelantan Selatan, Kompleks Belia dan Sukan untuk Kelantan Selatan, pembangunan di sekitar Masjid Razali masjid yang membawa rupa Masjidil Haram, pembangunan Kolam Air Panas Sungai Ber. Tahniah lah kepada Pulau Chondong, Tok Bok berjaya menjadi satu tarikan yang baru tetapi di Galas juga ada Kolam Air Panas Sungai Ber yang masih lagi terbengkalai sehingga ke hari ini. Justeru saya memohon Yang Berhormat Speaker dapat kiranya untuk kita memberi perhatian kepada tempat-tempat yang bersejarah dalam Galas dan juga tempat-tempat yang disampaikan diucapkan sebentar tadi.

Seterusnya Yang Berhormat Dato' Speaker, Kerajaan telah memperuntukkan RM 21 juta. Bagi tahun 2023 dan RM 18.36 juta bagi menyiapkan 198 unit rumah mampu milik Bunut Susu, 162 unit rumah mampu milik Badang serta 130 unit rumah mampu milik Kelantan Kampung Paya Lada, Kadok. Saya ingin mengulangi permohonan Galas sebagaimana kata beberapa Ahli Yang Berhormat tadi di kawasan masing-masing juga memerlukan RMMK ini dilaksanakan di kawasan masing-masing.

Di Galas Yang Berhormat Dato' Speaker, kita di kawasan Galas kita ada penduduk-penduduk setingan.....

YB TUAN BAHARI BIN MOHAMAD NOR :

Galas.. minta laluan boleh ? Speaker.. Terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Speaker kerana memberi laluan kepada saya mencelah dan sebagaimana yang kita dengar Galas telah berbahas mengenai dengan apa ni pembangunan ataupun rancangan-rancangan supaya dilaksanakan demi kemakmuran Galas dan Gua Musang serta di kawasan Kelantan Selatan. Saya juga maklumi di Kelantan Selatan ada KESEDAR iaitu Kawasan Pembangunan Kelantan Selatan (KESEDAR), jadi itu lah maksudnya KESEDAR boleh berperanan juga untuk membantu dalam memakmurkan Kelantan Selatan termasuk juga di Gual Ipoh, Tanah

Merah satu-satunya di Gual Ipoh. Untuk makluman Galas, bagi laluan dari Gual Ipoh ke Dabong ataupun Gua Musang selaku Bandar Sejahtera sekarang ini Bandar Bahagia tapi nasib masih belum ada laluan, jadi boleh lah Galas berusaha dengan KESEDAR sebagai kedudukan Galas dengan Persekutuan. Sekian terima kasih.

YB TUAN MOHD SYAHBUDDIN BIN HASHIM :

Terima kasih kepada sahabat saya dari Gual Ipoh. Benar memang benar kita ada KESEDAR, kita ada Kerajaan Negeri, kita ada ayah kita ada mok, kade-kade kita mitok dengan ayah, kade-kade kito mitok dengan mok. Ada senarai-senarai yang boleh kita mitok dengan ayah dan ada senarai-senarai yang boleh kito mitok dengan mok.

Baik saya nak teruskan Yang Berhormat Dato' Speaker. Dan saya berhasrat untuk tidak membenarkan sebarang celahan selepas pada ni. Sebab saya bimbang takut masa kena potong jah.

Yang Berhormat Dato' Speaker, isu setinggalan di Galas memerlukan pembelaan. Justeru saya berharap Yang Amat Berhormat Menteri Besar kiranya dapat membantu merayu kiranya dapat Galas merayu kiranya dapat membantu untuk membina 300 unit Rumah Mampu Milik Kelantan di dalam DUN Galas sepanjang 5 tahun penggal ini. Makanya dapat kita selesaikan isu setinggalan di setinggalan gua, setinggalan sungai, setinggalan KTM dan juga mereka yang berada di berek-berek sawmill.

Jadi hal ini nampaknya sudah berlarutan lama dan saya yakin juga Yang Berhormat Dato' Speaker, program Tadahan Rahmat yang telah mula dilaksanakan di beberapa jajahan dengan kerjasama Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan dapat memberi sinar baru kepada 300 orang pemohon yang saya pohon daripada Kerajaan Negeri Kelantan yang mempunyai sepenuhnya autoriti berkenaan dengan tanah. Dan saya kira masalah setinggalan ini perlu langkah penyelesaian yang tuntas. Dan Kelantan melangkah ke hadapan tahun 2025 setinggalan sifar juga perlu menjadi impian.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Galas juga ingin menarik perhatian sidang Dewan berkenaan dengan dakwah orang asli yang juga ada dalam peruntukan Belanjawan sebelum daripada ini telah pun menunjukkan kejayaan. Saya nak ambil kesempatan ini untuk mengucap tahniah dan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Dato' Panglima Perang yang

sebelum ini menjadi Exco Agama. Sebelum ini dan saya nampak usaha dakwah telah pun yang lepas diharapkan dapat diteruskan pada penggal ini dengan lebih mampan dan mantap lagi dengan membuat kajian keberkesanan, *follow-up*, penerusan pembelajaran serta kursus-kursus pemantapan dan peningkatan skil pada para pendakwah kita.

Ye telah ramai kita syahadahkan, telah ramai kita berjaya mengislamkan masyarakat orang asli. Tetapi *follow-up*, *follow through* selepas daripada mereka peluk Islam. Di sini saya nampak kita memerlukan bantuan daripada Kerajaan Negeri untuk lebih kerap kali dan juga meningkatkan lagi kaedah untuk kita meneruskan kehidupan mereka ini menghayati nilai-nilai Islam.

Dan yang keduanya dalam Bajet peruntukan ada RM 200 000 untuk orang asli. Sebagai wakil rakyat orang asli terbesar di negeri ini, saya juga mahukan kalau boleh diperincikan apakah tujuan peruntukan ini diadakan. Dan pada saya Yang Amat Berhormat Menteri Besar kita memerlukan tambahan kerana RM 200 000 untuk masyarakat orang asli yang semakin banyak bilangannya, bertambah bilangannya ini memerlukan lebih banyak perbelanjaan. Orang asli ini rakyat kita juga.

Saya ucap terima kasih banyak-banyak kepada Kerajaan Negeri yang meluluskan pewartaan RPS Kuala Betis. Lamo nok buleh ko warta nya. Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker yang menjadi pengerusi berkenaan dengan perkara ini. Terima kasih juga kepada Yang Amat Berhormat Dato' Bentara Kanan yang akhirnya Alhamdulillah. Terima kasih banyak-banyak Yang Amat Berhormat Dato' Panglima Perang. Cumanya di kawasan Lojing, pewartaan di kawasan Lojing juga kita perlu ambil perhatian yang sama. Masyarakat orang asli di kawasan Lojing juga berharap kerana mereka sentiasa berada dalam tanda tanya dan kebimbangan. Pembukaan tanah-tanah baru, kebun-kebun baru di kawasan Lojing ini membimbangkan mereka, takut-takut tanah mereka ini terambil oleh syarikat-syarikat ataupun badan-badan yang diberi kelulusan oleh Kerajaan Negeri.

Mengenai pembangunan orang asli ini saya mengharapkan Kerajaan Negeri turut bersama dalam pembangunan infrastruktur orang asli termasuk lah pembangunan infrastruktur digital. Dan saya juga, saya tahu bahawasanya pembangunan orang asli ini tersenarai dalam *federal list* tetapi dalam masa yang sama saya ingin bangkitkan bahawasanya mereka ini lah rakyat kita juga. Maka mari lah sama-sama kita berusaha

terutamanya menyediakan peluang pekerjaan kepada mereka ini. Dan untuk pengetahuan Dewan yang mulia ini, Galas juga telah memulakan Program Anak Angkat untuk kita meningkatkan kualiti hidup masyarakat orang asli dengan mengadakan Program Kampung Angkat diantara universiti tempatan dengan pos-pos masyarakat orang asli. Kita telah menetapkan dan menzahirkan supaya satu pos dijaga oleh sebuah universiti tempatan. Saya juga mengalu-alukan kalau kiranya KIAS juga mengambil satu pos sebagai anak angkat untuk kita zahirkan betapa mereka ini tidak dipinggirkan oleh mana-mana pihak. Dan saya kira jika ada universiti sebagai bustanul ulum tempat gedung ilmu boleh lah kita memastikan agar taraf kualiti kehidupan mereka, program-program kerohanian, program kehidupan, tatacara kehidupan, gaya hidup dan sebagainya ini dapat disantuni dengan sebaiknya.

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya juga nak menarik perhatian Dewan yang mulia ini berkenaan dengan Ladang Rakyat Kelantan. Pada awal pelancaran program 17 tahun lalu, terdapat 19 kawasan ladang rakyat dengan 17 daripadanya diusahakan secara pajakan oleh syarikat. Laporan Ketua Audit Negara 2021 Audit Khas yang dikeluarkan tahun ini mengenai projek ladang rakyat mengenalpasti 12 syarikat gagal membayar sumbangan tahunan kepada akaun Tabung Amanah Ladang Rakyat. Mengikut maklumat Audit Negara juga hanya tinggal 12 syarikat yang mengusahakannya membabitkan 28 695 hektar tanah.

Kegagalan 12 syarikat membayar sumbangan tahunan kepada akaun Tabung Amanah Ladang Rakyat bermakna tiada wang dibayar untuk membolehkan Perbadanan Ladang Rakyat Kelantan membayar dividen kepada 4713 orang peserta. Adakah benar Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Kerajaan Kelantan terpaksa mengeluarkan wang dari kantung negeri sebanyak RM 5.67 juta bagi membolehkan Perbadanan Ladang Rakyat membayar dividen kepada peserta. Denda atas kelewatan membayar sumbangan tahunan itu yang berjumlah RM 4.32 juta tidak dibayar dan tunggakan sumbangan kepada akaun Tabung Ladang Rakyat pula berjumlah RM 18.54 juta.

Galas menyokong usaha Yang Amat Berhormat Menteri Besar yang mensasarkan penguatkuasaan kutipan cukai tanah, notis dan denda lewat bayaran cukai tanah serta premium tanah untuk menambah hasil Kerajaan. Saya harap denda atas kelewatan membayar sumbangan tahunan serta tunggakan sumbangan kepada akaun Tabung Amanah Ladang Rakyat juga dikuatkuasakan secara lebih serius. Saya menyeru

pimpinan Kerajaan Negeri supaya berterus terang kepada rakyat dan ambil tindakan sewajarnya ke atas pemaju. Dan di sini saya ingin mencadangkan supaya Kerajaan Negeri melalui Perbadanan Ladang Rakyat Kelantan memulakan usaha untuk bekerjasama dengan agensi-agensi persekutuan seperti FELCRA, RISDA dan sebagainya bagi memulih dan mengusahakan ladang-ladang yang bermasalah dalam negeri kita ini.

Yang Berhormat Dato' Speaker, bercakap soal pelaburan Yang Berhormat Exco daripada ini ada sebut berkenaan dengan isu yang sering kali diungkit oleh pelabur kita iaitu airport kita bukan airport bertaraf antarabangsa. Di dalam Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Muhammad V telah pun menyatakan bahawasanya Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra telah pun dinaiktaraf dengan kos melebihi RM 440 juta. Dan In Shaa Allah dijangka siap pada tahun ini. Kata Menteri Pengangkutan, walaupun Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra tidak dikategorikan sebagai lapangan terbang antarabangsa atau hub penerbangan serantau, ia masih boleh mengendalikan operasi penerbangan antarabangsa berjadual dan tidak berjadual seperti lapangan terbang domestik lain.

Kita perlukan ramai pelabur. Dalam Belanjawan baru ini pun....

YB DATO' SPEAKER : (MENCELAH)

Yang Berhormat sila ringkaskan ucapan. Boleh berucap 15 minit.

YB TUAN MOHD SYAHBUDDIN BIN HASHIM :

Dalam Belanjawan ada peruntukan misi pelaburan RM 300 ribu, promosi pelaburan juga RM 300 ribu. Saya mencadangkan supaya Yang Berhormat Exco ajok lah Galas dan juga Kota Lama bersama dalam misi-misi pelaburan yang akan datang supaya kita boleh minta bantuan Kota Lama untuk dia terus melaporkan kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri keperluan-keperluan pelaburan dalam negeri kita ini. *Inchanger* penting dan saya juga nak mencadangkan supaya kita membandarkan luar bandar. Buat mari banyak-banyak ke luar bandar terutamanya di kawasan Gua Musang. Tadi Dabong mitok kawasan dio biaso dio lah ni Dewan kita berunding Galas minta untuk membawa kilang-kilang ke Galas, Gua Musang.

Namun demikian, masalah kita ni Yang Berhormat Dato' Speaker, pelabur lah... pelabur. Hok kito sign agreement molek-molek pun ramai lagi hok

tidak melaksananya. Saya ambil contoh Bandar Perabut, Bandar Perabut ni Yang Amat Berhormat Menteri Besar Dato' Bentara Kanan sendiri dan ramai di kalangan kita yang hadir pada waktu itu. Namun sapa harini senyap dik lagi ni. 1500 peluang pekerjaan dijanjikan tapi takdok napok tok gerok air lagi. Bandar Dato' Bentara Kanan menjanjikan 5000 peluang pekerjaan harap-harapnya jadi lah... harap-harapnya jadi.

Begitu juga Yang Berhormat Dato' Speaker kilang simen Chiku 7. Kilang simen Chiku 7 ni pecoh tanoh tahun 2014 lagi, 2000 peluang pekerjaan. Yang Berhormat Dato' Setiausaha waktu itu jadi D.O di Gua Musang dan sehingga hari ini masih lagi belum dilaksanakan. Saya ingin....

YB DATO' SPEAKER : (MENCELAH)

Masa... masa Yang Berhormat dah cukup.

YB TUAN MOHD SYAHBUDDIN BIN HASHIM :

Akhirnya Yang Berhormat takpo lah. Gian ambo meme lah tokdea semace. Patutnya bagi peluang untuk ambo teruskan. Tapi takpo Yang Berhormat Dato' Speaker, saya akur saya minta kesimpulan. Kesimpulannya pada hari ini saya berharap apa yang kita laksanakan mendapat manfaat kita bersama. Cuma Yang Berhormat Dato' Speaker, saya nok bagi respon sikit lah kepada beberapa sahabat-sahabat kito, bilo kecek hal Enakmen Jenayah Syariah ekor mata tuju kepada Galas tuju kepada Kota Lama. Sebenarnya Yang Berhormat Dato' Speaker, dari segi kronologi Enakmen Kanun Jenayah Syariah Kelantan ini 1986 dibawa oleh ADUN BN dalam negeri ini disokong bersama. 1983 dibawa pada zaman Tok Guru disokong oleh ADUN Barisan Nasional. 2015 dibawa sekali lagi disokong oleh kita. 2019 dibawa disokong lagi dan lepas pada ni pun dibawa lagi In Shaa Allah kami akan sokong. Dan kami pun nak masuk syurga serupa ADUN-ADUN yang lain. Jangan kato kito berjuang titisan darah terakhir, ambo pun nok bui daroh kito jugok takdok masalah.

YB DATO' SPEAKER :

Lebih... lebih masa Yang Berhormat.

YB TUAN BAHARI BIN MOHAMAD NOR : (MENCELAH)

Tok kecil hati ko Kota Lama tu ?

YB TUAN MOHD SYAHBUDDIN BIN HASHIM :

Ye ?

YB TUAN BAHARI BIN MOHAMAD NOR : (MENCELAH)

Galas... Kota Lama tok kecil hato ko kato gitu tu ?

YB TUAN MOHD SYAHBUDDIN BIN HASHIM :

Bakpo nyo ? Kota Lama senada dengan kita. Jangan sinis Yang Berhormat. Tok baik lagutu Yang Berhormat. Jange

YB DATO' SPEAKER :

Sila tamatkan. Sila tamat .

YB TUAN MOHD SYAHBUDDIN BIN HASHIM :

Kita sama-sama Islam jangan menganggap perkara sebegini..

YB TUAN BAHARI BIN MOHAMAD NOR : (MENCELAH)

Bukan sinis tu... bukan sinis

YB DATO' SPEAKER :

Gual Ipoh... Gual Ipoh

YB TUAN MOHD SYAHBUDDIN BIN HASHIM :

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya mohon menyokong.

السلام عليكم ورحمة الله تعالى وبركاته

YB DATO' SPEAKER :

Terima kasih. Okay Kuala Balah.

YB DATO' ABDUL HADI BIN AWANG KECHIL :

بسم الله الرحمن الرحيم

السلام عليكم ورحمة الله تعالى وبركاته

Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker. Menjunjung kasih Kebawah Duli yang Maha Mulia Sultan Muhammad V, saya akan menyentuh 4 perkara berdasarkan Titah Yang Amat Mulia Tuanku. Pertama ialah projek infrastruktur rakyat. Kemudahan infrastruktur menjadi pemangkin kepada pembangunan sosial ekonomi sesebuah negara. Infrastruktur memudahkan perhubungan yang boleh membuka peluang pelaburan dan pembangunan ekonomi di kalangan rakyat. Namun, monsun timur laut sering melanda negeri-negeri di Pantai Timur khususnya di negeri Kelantan yang telah memberi satu impak yang besar kepada infrastruktur tanpa budaya penyelenggaraan maintenance dengan izin yang tersusun, kos baik pulih atau pembangunan semula akan menjadi lebih mahal. Kejadian tanah runtuh di beberapa kawasan dalam DUN Kuala Balah sebagai contoh, telah memberi kesan besar kepada sosio ekonomi masyarakat. Kejadian tanah runtuh pada 29 Disember 2023 telah menyebabkan jalan keluar sebuah kampung yang dikenal dengan Kampung Janggut Seberang, Batu Melintang telah terputus hubungan dengan kawasan luar. Sebuah jalan sementara telah siap dibina.

Namun, keadaan masih belum pasti bila kah penduduk memperolehi jalan kekal untuk keluar masuk ke kampung mereka. 3 hari selepas itu pada 1 Januari 2024 berlaku pula satu runtuh yang besar di jalan persekutuan di Kampung Kubur Datu seperti disebut oleh Yang Berhormat Dabong tadi. Musibah ini telah memberi kesan besar kepada penduduk-penduduk di kedua belah kawasan dan juga telah menyebabkan gangguan lalu lintas yang menghubungkan Jeli dengan Gua Musang. Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada pihak pentadbiran dibawah Pegawai Jajahan Jeli dan juga pihak JKR Negeri Kelantan dalam tempoh hanya beberapa jam kami dapat mengadakan mesyuarat di lokasi berkenaan.

Dan pihak JKR Negeri Kelantan telah bersetuju supaya balley bridge dibina dan boleh digunakan dalam tempoh yang lebih awal dari 10 hari seperti yang telah dijanjikan. Saya perlu mengucapkan terima kasih yang tidak terhingga kepada Yang Amat Berhormat Dato' Panglima Perang

Menteri Besar dan Exco Kerjaraya, Infra, Air dan Pembangunan Luar Bandar kerana telah hadir segera ke lokasi ini. Kita juga tidak lupa mengucapkan terima kasih kepada Menteri Pengangkutan kerana telah datang meninjau dan membuat keputusan segera untuk menyelesaikan isu tersebut. Saya harap janji untuk menyiapkan jalan itu sepenuhnya sebelum Hari Raya Aidilfitri tahun ini akan dapat dilaksanakan. Ibrahnya di sini ialah kerjasama antara pimpinan masyarakat dengan pentadbiran amat mustahak supaya dapat memberi khidmat terbaik kepada masyarakat.

Parlimen Jeli khususnya di DUN Kuala Balah sebagai satu kawasan yang terletak di tanah tinggi. Masalah hakisan air telah menyebabkan keadaan di sini sentiasa berhadapan risiko tanah runtuh. Masih banyak lagi kawasan-kawasan yang berisiko tinggi untuk runtuh dan saya berharap supaya budaya penyelenggaraan ini dapat dijalankan dengan sekerap mungkin supaya situasi lebih teruk tidak berlaku di kawasan ini. Kampung Lubuk Bongor sebagai contohnya, banyak perumahan yang memang dibuat di tanah tinggi yang telah diteruskan dan saya dapati banyak perumahan di sini berisiko untuk runtuh dan perlu tindakan pihak berkuasa supaya tidak berlaku perkara-perkara yang tidak diinginkan yang menyebabkan masyarakat di sini dalam keadaan yang tidak menentu.

Jelapang padi jelapang makanan negara. Saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada Exco Pertanian, Industri, Agro Makanan dan Komoditi kerana melaksanakan program bagi mengurangkan jurang antara bidang teknikal dan keagamaan. Satu platform perkongsian antara kemahiran teknikal dan keagamaan diwujudkan kepada para pelajar tahfiz dan pondok dengan menggunakan Kumpulan Pertanian Kelantan Berhad (KPKB). Sebagai perintis-perintis TVET, program TVET sebegini telah dilaksanakan dengan pesat di negara-negara maju. Saya sangat berharap pembangunan insan melalui TVET begini dirancang dan dipantau dengan teliti supaya ianya betul-betul berkesan kepada pembangunan negeri Kelantan.

Belia dan pembangunan negara. Masa depan negara terletak pada belia masa kini. Seperti yang dititahkan oleh Yang Maha Mulia Tuanku, saya ingin mencadangkan setiap belia digalakkan memilih kemahiran teknikal tertentu dibawah konsep TVET untuk mereka menerajui negara kita ke tahap negara maju. Pengiktirafan kemahiran adalah merupakan satu langkah yang telah dilaksanakan di negara-negara maju. Mereka perlu

dilengkap dengan jati diri berasaskan sistem pendidikan Rabbani yang telah dijalankan di negeri Kelantan. Dan ini boleh digabungkan dengan tahap kemahiran yang ada pada setiap belia di sini.

Sebagai langkah yang lebih berkesan, saya ingin mencadangkan supaya rakyat kita yang mempunyai kemahiran diberi pengiktirafan tahap pencapaian kemahiran mereka mengikut bidang-bidang yang ada ataupun yang lebih generik yang boleh diguna pakai oleh semua bidang. Mengiktiraf bidang kemahiran dengan meletakkan tahap tertentu dibawah NOSS National Occupational Skills Standards yang diiktiraf oleh Kerajaan dan swasta bagi memberi peluang pilihan yang lebih luas di peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Didikan Rabbani ini sendiri perlu dilengkapi dengan rasa cinta kepada negara dan negeri, mempunyai konsep jati diri juga boleh merapatkan hubungan kaum di negeri kita. Saya juga ingin mencadangkan kepada mereka terlibat sebanyak mungkin dengan program sukarelawan supaya mereka dapat membantu dalam keadaan kecemasan ataupun keadaan rakyat kita dalam kesukaran. Dan ini lah tujuan kita bukan sahaja memberi kemahiran kepada mereka tetapi juga untuk memasukkan sifat Rabbani bersesuaian dengan konsep K-RABB yang telah dilaksanakan dalam program modal insan kita.

Tahun Melawat Kelantan 2024. Bidang perkhidmatan adalah sumber terpenting dalam meningkatkan KDNK dalam negara kita. Kelantan pula adalah penyumbang utama dalam sektor perkhidmatan untuk meningkatkan KDNK di peringkat nasional dan negeri. Kita telah menetapkan program tahun 2024 untuk Tahun Melawat Kelantan. Saya sangat teruja dengan program-program yang dijalankan oleh Kerajaan untuk memantapkan lagi sektor pelancongan dan meningkatkan lagi perkhidmatan kepada negara. Dan sekali gus meningkatkan pendapatan kepada rakyat.

Jeli khususnya Kuala Balah mempunyai produk pelancongan penting untuk meningkatkan pelancongan di negeri untuk pastikan pelawat dari dalam dan luar negara dapat datang dan mengambil kesempatan dengan keunikan tempat-tempat pelancongan di kawasan Kuala Balah dan Jeli ini. Atas inisiatif Ketua Jajahan Jeli, beliau telah mengumpulkan semua jabatan-jabatan di jajahan ini untuk terlibat dalam aktiviti berakit pada awal minggu lepas dan ini adalah satu perkara yang menakjubkan. Hampir 40 buah rakit berhias telah menjaluri daripada satu kampung Bukit Dendong ke Gunung Reng dan telah berjaya meletakkan sekurang-kurangnya satu benchmark. Apa yang harus kita lakukan untuk

mendapatkan seberapa ramai pengunjung sama ada dari dalam atau luar negeri.

Pembangunan kawasan pelancongan bukan sahaja melibatkan pihak Kerajaan tetapi sudah tentunya memerlukan kerjasama dan penglibatan yang kukuh dan bermakna daripada kalangan penduduk tempatan. Dan ini lah satu kelebihan yang ada pada penduduk-penduduk sebelah Jeli dan Kuala Balah. Saya yakin telah banyak aktiviti-aktiviti yang dirancang oleh pihak Exco Pelancongan untuk diadakan di kawasan Jeli dan juga di kawasan-kawasan lain di seluruh Kelantan. Dan saya berharap satu kajian impak dapat dilakukan selepas pada selesainya Tahun Melawat Kelantan 2024 ini untuk melihat sejauh mana keberkesanan dan sejauh mana *value for money* dengan izin yang telah kita belanjakan itu dapat memberikan manfaat kepada rakyat dan negeri Kelantan.

Majlis Daerah Jeli tentunya dapat memainkan peranan yang penting dalam menentukan kawasan-kawasan pelancongan yang telah pun ditentukan sebelum ini akan dapat diceriakan lagi dan kebersihan di tahap yang maksimum. Dan juga segala perkara yang boleh menghindarkan kehadiran pelancong dapat dielakkan ke tempat berkenaan. Perkara keselamatan perlu diutamakan di samping kebersihan dan juga sambutan oleh penduduk tempatan di kawasan pelancong di kawasan pelancong berkenaan.

Saya ingin mencadangkan supaya kawasan-kawasan pelancongan kita dijaga oleh penduduk tempatan dengan cara sedikit imbuhan kepada mereka. Dan penduduk tempatan ini elok lah diketuai oleh Penghulu di kawasan-kawasan tersebut. Mengadakan latihan pembangunan insan dalam sektor perkhidmatan pelancongan bagi melahirkan anak muda menceburi sektor islamik tourism secara kreatif dan inovatif berasaskan tapak sejarah islam seperti perkuburan ulama, masjid tertua, pondok tradisi dan moden serta merimarahan ilmu berkonsepkan pelancongan ibadah. Akhirnya, saya menyokong penuh Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Muhammad V

والله أعلم

السلام عليكم ورحمة الله تعالى وبركاته

YB DATO' SPEAKER :

Ahli-ahli Yang Berhormat, saya berhasrat untuk menangguhkan Persidangan. Persidangan akan disambung semula pada jam 2.30 petang. Kita baca Tasbih Kafarah dan Surah Al-Asr'.

**PERSIDANGAN DEWAN DITANGGUHKAN PADA JAM 12.50
TENGAHARI DAN AKAN DISAMBUNG SEMULA PADA JAM 02.30
PETANG.**

PERSIDANGAN DEWAN DISAMBUNG SEMULA PADA JAM 2 PETANG.

YB DATO' TIMBALAN SPEAKER :

بسم الله الرحمن الرحيم
السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Perbahasan Usul Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Muhammad ke-V diteruskan. Dipersilakan Yang Berhormat Chempaka.

YB KAMARUZAMAN BIN MOHAMAD :

Gual Periok...

YB DATO' TIMBALAN SPEAKER :

YB KAMARUZAMAN BIN MOHAMAD :

Er... Gual Periok...[SAMBIL TERSENYUM] silakan...

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

dan salam sejahtera.

Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker, Yang Amat Berhormat Dato' Panglima Perang Menteri Besar Kelantan, Yang Berhormat Timbalan Menteri Besar Kelantan, Yang Berhormat Ahli-Ahli Mesyuarat Kerajaan Negeri dan seluruh Ahli-Ahli Yang Berhormat Sekalian.

Alhamdulillah, Terima kasih diucapkan kepada Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker, yang memberikan peluang dan keizinan kepada saya untuk turut serta berbahas dalam usul menjunjung Kasih Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Al-Sultan Muhammad Ke-V bersempena dengan Persidangan Kali Yang Pertama Bagi Tempoh Penggal Yang Kedua Dewan Negeri Kelantan yang Kelima belas pada hari ini. Saya ingin mulakan dengan serangkap pantun

*Terang bulan dipuncak gunung,
Seri terbias menawan angkasa,
Sidang Dewan rancak berlangsung
Mari berbahas demi kebaikan bersama.*

Yang berbahagia Dato' Timbalan Speaker, selaras dengan titah dan harapan Tuanku Sultan supaya Kerajaan terus memperkasa agenda ataupun dasar Membangun Bersama Islam melalui fasa penghayatan Membangun Bersama Islam. Di kesempatan ini saya merakamkan ucapan tahniah kepada Kerajaan yang terus komited dalam melaksanakan agenda Membangun Bersama Islam demi untuk kesejahteraan Kelantan dan rakyatnya dunia dan akhirat.

Allah Taala berfirman dalam Surah Al-Haj ayat 41 yang maksudnya *"yaitu orang-orang yang jika kami teguhkan kedudukan mereka di muka bumi nescaya mereka mendirikan solat menunaikan zakat, menyuruh berbuat makruf dan mencegah dari perbuatan mungkar dan kepada Allahlah Kembali segala urusan.*

Agenda Membangun Bersama Islam terbukti berjaya apabila menjadi peneraju kepada perubahan besar seperti cuti 2 hari seminggu, pentadbiran Kerajaan Negeri bebas riba, cuti bersalin 3 bulan, cuti ihdat' ataupun berkabung, mengharamkan permis judi, kawalan jualan arak dan banyak lagi. Marilah sama-sama kita berdoa semoga Allah S.W.T terus memberikan kekuatan kepada Kerajaan Kelantan dibawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Menteri Besar untuk melaksanakan lebih banyak agenda perubahan dan kemajuan di bawah agenda penghayatan membangun Bersama Islam.

Ada beberapa topik yang saya ingin sentuh dalam perbahasan ini yang pertama berkenaan dengan projek lembangan sungai bersepadu PLSB bersepadu fasa 1 Sungai Golok. Saya memanjatkan syukur dan terima kasih di atas Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku yang menzahirkan rasa simpati terhadap mangsa banjir yang berlaku baru-baru ini. Saya sangat mengharapkan supaya pihak Kerajaan Negeri dan Persekutuan mengiatkan lagi usaha bagi memastikan Projek Lembangan sungai Bersepadu Sungai Golok dan Sungai Kelantan ini dapat disegerakan.

Yang Berhormat Dato' Speaker,

Saya dimaklumkan Projek Lembangan Bersepadu Sungai Golok Fasa 1 ini dari segi keseluruhan peratus kemajuan mengalami kelewatan 10% daripada jadual sebenar dan ianya melibatkan beberapa komponen projek seperti berikut :-

Yang pertama, Ban Banir Sungai Golok sepanjang 26.2 kilometer, Sungai Lancang Lemau sepanjang 19.84 kilometer, ban Sungai Mentua sepanjang 8.1 kilometer, gate Kuala Jambu yang telah selesai di peringkat persiapan. Saya mendapati ada beberapa isu utama yang perlu diatasi oleh Kerajaan Negeri iaitu terutamanya proses pengambilan tanah yang melibatkan kawasan di Sungai Lancang Lemau di beberapa lot yang dalam tempoh perbincangan. Sungai Golok flat ban D dalam Jajahan Pasir Mas beberapa lot tambahan yang perlu diwartakan. Sungai Golok flat ban C dalam Jajahan Pasir Mas, Sungai Golok flat ban D dalam Jajahan Tumpat. Kelewatan proses pengambilan tanah ini akan menyebabkan kelewatan projek ini dijalankan dan akan menyebabkan sekali lagi kesan yang besar kepada penduduk Rantau Panjang terutama sekali apabila banjir berlaku. Banjir yang berlaku pada hujung 2023, dan permulaan 2024 baru-baru ini, mencatatkan tempoh ulang hujan LRI sebanyak 150 milimeter sedangkan reka bentuk ataupun design projek adalah untuk menampung sebanyak 50 LRI. Apakah pihak Kerajaan bercadang untuk mengemaskini projek ini berdasarkan design ataupun reka bentuk mengikut situasi hujan yang dialami sebelum ini dan apakah langkah Kerajaan Negeri dalam menghadapi isu banjir yang berterusan ini.

Baru-baru ini, Kerajaan PMX Dato' Sri Anuar telah mengumumkan untuk mengadakan projek baharu *spill away* ataupun alor limpah di beberapa kawasan di Rantau Panjang dan Tumpat termasuk bagi projek pembinaan PLSB Fasal 1 dan Fasa 3. Sejauh manakah status projek ini yang telah diumumkan dan apakah langkah pihak Kerajaan Negeri bagi memastikan projek ini berjalan dengan sebaiknya. Hal ini kerana kita tidak mahu janji-janji yang dilontarkan sebelum ini hanya sekadar janji dan tidak dilaksanakan dengan sebaiknya. Dalam masa yang sama saya juga ingin bertanya apakah status 6 unit pam air berkuasa tinggi yang diperuntukkan sebanyak RM 12 juta, bagi mengatasi banjir termenung di Jajahan Pasir Mas sebagaimana yang telah diisytiharkan oleh Timbalan Perdana Menteri pada 15 Disember 2022.

Topik kedua, berkenaan dengan cadangan projek-projek di Rantau Panjang. Pada 9 September 2022 yang lalu Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ke-9 telah mengumumkan di Kampung Laut bahawa Kerajaan Persekutuan akan melaksanakan 4 inisiatif lonjakan ekonomi bagi pembangunan bandar-bandar sempadan menerusi projek pembangunan di Pantai Timur. Di antaranya meliputi yang pertama, Pembangunan Bandar-Bandar Sempadan, iaitu Kerajaan bersetuju membina Jambatan Sungai Golok di Rantau Panjang. Yang kedua pembinaan kedua, Jambatan Takbai Pengkalan Kubor. Termasuk juga menwujudkan semula Perkhidmatan Keretapi yang menghubungkan Rantau Panjang dan sempadan Thailand. Saya berharap pembukaan semula laluan keretapi ini dapat disegerakan dengan Kerjasama di antara Kerajaan Negeri, Kerajaan Persekutuan, Bersama dengan Kerajaan Thailand. Projek di atas sangat penting bagi meningkatkan jajaran pelancongan bandar sempadan yang menghubungkan Kelantan dan Thailand. Di samping itu juga dengan pembinaan projek ini akan menjadikan pilihan kepada pelabur-pelabur baru bagi menjana peluang perekonomian setempat di samping merancakkan sektor pembangunan dan keusahawanan di Kelantan.

Sehubungan dengan itu diharapkan pentadbiran Kerajaan di Bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Dato' Sri Anuar akan dapat memberi pertimbangan yang sewajarnya bagi meneruskan pelaksanaan projek-projek yang dinyatakan untuk kemaslahatan rakyat di Negeri Kelantan.

Isu yang kedua, berkaitan dengan pentadbiran Rantau Panjang. Majlis Daerah Rantau Panjang adalah satu Majlis Daerah yang perlu untuk mengurus tadbir Kawasan yang sangat besar. 2 Parlimen iaitu Parlimen Rantau Panjang dan Pasir Mas, terpaksa di tadbir urus oleh Majlis Daerah Pasir Mas dan pastinya saiz kawasan tadbir yang besar ini akan menyebabkan penumpuan terhadap Rantau Panjang mungkin sedikit terkurang disebabkan oleh kekangan-kekangan kakitangan dan sebagainya. Maka sedangkan Rantau Panjang mempunyai potensi yang sangat besar untuk dimajukan sebagai destinasi pelancongan sempadan antarabangsa sekiranya diberikan fokus yang sebaiknya. Di kesempatan ini saya ingin mencadangkan supaya Rantau Panjang ini diberikan suatu daerah pentadbiran kecil sebagaimana juga Lojing dan Dabong supaya satu kumpulan pegawai dapat memberikan satu perhatian khusus terhadap agenda pembangunan di Rantau Panjang.

Isu seterusnya Yang Dipertua, iaitu berkenaan dengan Pertanian. Negeri Kelantan merupakan pengeluar misi utama Kerajaan Negeri selaras dengan sebagaimana Titah Tuanku iaitu Kelantan sebagai Jelapang Makanan Negara dengan Dasar Bertani suatu Ibadah. Dalam pada itu juga Kelantan turut menyumbang kepada peratus keterjaminan makanan negara termasuk dalam penghasilan padi negara. Ini menunjukkan Kelantan begitu komited Bersama-sama dengan Kerajaan Persekutuan dalam sama-sama meningkatkan SSL bagi aspek keterjaminan makanan sehingga menyumbang kepada melebihi 100% iaitu 114 %... 144% dalam SSL beras. Soalan saya, apakah Kerajaan Negeri bercadang untuk mengenakan royalti kepada Kerajaan Persekutuan dalam meningkatkan pendapatan Kerajaan Negeri untuk kesejahteraan para petani di Negeri Kelantan. Apabila kita terpaksa mereservekan tanah-tanah kita untuk aktiviti-aktiviti pertanian sedangkan kita boleh gunakan tanah ini untuk aktiviti pembangunan yang lain maka sewajarnya kita diberikan pampasan terhadap tanah yang terpaksa kita *reserve* kan untuk kegunaan pertanian.

Seterusnya ialah berkenaan dengan topik pemerkasaan Syariah... Yang Berhormat Dato' Speaker, Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia telah menyebut dengan jelas *dalam memastikan ketinggian agama Islam terus terpelihara Beta menggesa Kerajaan Beta terus memperkasa mempertahankan perundangan dan institusi Syariah Islam*. Ini petikan daripada ucapan Tuanku. Ini menunjukkan bahawa keprihatinan yang mendalam Kebawah Duli Tuanku dalam memartabatkan perundangan Syariah di Negeri Kelantan dan juga Institusi yang menggubal perundangan Syariah itu sendiri iaitu Dewan yang mulia ini, dan merasakan bahawa perundangan yang digubal ini adalah bertepatan dengan aspirasi Rakyat Kelantan seluruh Ahli-Ahli Dewan termasuk saya yakin Kota Lama dan juga Galas, yang berada dalam Dewan yang mulia ini. Kita menghormati keputusan Mahkamah Persekutuan dan dalam masa yang sama ini adalah gambaran bagaimana lemahnya komitmen Kerajaan Persekutuan yang ada pada hari ini dan parti komponennya dalam mempertahankan dan memartabatkan Undang-Undang Syariah. Sederhana sahaja... mengapa draf RUU 355 yang telah dibentang kepada negeri-negeri dalam Persidangan Penyelarasan Undang-Undang Syarak dan Sivil kali yang ke-27 pada 11 hingga 12 Oktober 2021 serta telah melalui segala proses penggubalan mengikut tertib yang sepatutnya diteruskan tetapi sehingga ke hari ini tidak dibentangkan. Dan untuk makluman Dewan yang mulia, draf RUU 355 yang ada sebelum ini telah pun disemak dan diluluskan oleh bahagian gubalan Jabatan Peguam

Negara pada 7 Oktober 2022 dan sepatutnya sudah sedia untuk dibawa ke Parlimen pada bila-bila masa.

Seterusnya, selari dengan Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku saya ingin mencadangkan kepada Dewan yang mulia ini untuk terus menggesa pindaan dilakukan oleh Kerajaan Persekutuan melalui Parlimen iaitu pindaan perlembagaan.... *Preclusion clause* dalam butiran 1 Senarai Negeri jadual ke Sembilan seperti berikut :

Creation and punishment of offences by person professing the religion of islam against precept of that religion dengan izin.... sama ada ia dipinda dengan menukar perkataan federalis dalam *preclusion clause* kepada *federal law* supaya pendekatan Tun Hamid iaitu perbandingan peruntukan undang-undang yang boleh diterima pakai. Dengan Pindaan perlembagaan ini ianya membolehkan kuasa Negeri melalui Dewan Undangan Negeri dapat dikembalikan. Saya ingin menyentuh sedikit Yang Berhormat Dato' Speaker, berkenaan dengan perkembangan ekonomi negara apa yang berlaku apa juga peraturan yang dikenakan di peringkat Persekutuan pastinya akan terkesan dan memberi kesan kepada keseluruhan rakyat Kelantan. Menurut Laporan Jabatan statistik Negara pada 16 Februari 2024 KDNK Malaysia yang dianjurkan oleh Kerajaan iaitu 4% sehingga 5% pada 2023 gagal mencapai sasaran apabila hanya merekodkan pertumbuhan 3.7% pada suku tahun ke-4 2023 manakala eksport dan import mencatatkan penurunan 7.9% dengan eksport bersih mencatatkan penyusutan 11.3% pada 2023. Dalam pada itu juga, nilai ringgit terus mencatatkan penurunan ketara apabila ianya mencecah paras 4.733 hari ini dan pernah mencatat 4.80 sebelum ini. Di mana berbanding dengan dollar iaitu penurunan sebanyak 4% paras terendah dalam sejarah 26 tahun semenjak 1998.

Yang amat mendukacitakan sekali dalam keadaan ekonomi yang berkembang perlahan dalam penyusutan nilai ringgit berbanding dollar dan matawang yang lain pihak Kerajaan Persekutuan telah mengenakan penguatkuasaan cukai perkhidmatan ataupun SST daripada 6 kepada 8% dinaikkan dan rasionalisasi subsidi dilakukan di saat rakyat tersepit dengan kenaikan harga barang. Dan saya amat yakin Kota Lama dan Galas turut merasai kesan yang dirasai oleh seluruh rakyat ini. Walaupun pengecualian telah dikenakan ke atas 3 sektor iaitu perkhidmatan F&B, perkhidmatan telekomunikasi dan perkhidmatan parkir kenderaan. Bagaimanakah dengan cukai yang melibatkan cukai penggunaan elektrik yang dikenakan ke atas rakyat sebagai contoh pengilang pasaraya dan

penyewa akan memindahkan kos cukai ini dengan menaikkan kadar jualan barang kepada pengguna dan pengguna terkesan dengan kenaikan harga barang ini.

Kita dulu pernah diperdengarkan dengan ucapan kenapa ringgit jatuh? Sebab hang tak reti jaga negara. Sekarang tempoh bulan madu Kerajaan sudah berakhir. Kerajaan Persekutuan hari ini perlu membuktikan kemampuan mereka untuk menjamin kestabilan ekonomi untuk memastikan rakyat dapat terus hidup dengan aman Makmur dan selesa. Apa yang berlaku ditengah-tengah kemelut ekonomi ini Kerajaan GALAK untuk menghapuskan pencen kepada Penjawat Awam termasuk membatalkan keistimewaan Penjawat Awam mendapat khidmat rawatan di Institut Jantung Negara. GALAK juga melantik penasihat dengan bergaji besar, GALAK juga memecat pegawai MOTEC di saat keperluan ekonomi berkembang melalui sector pelancongan.

Tuan Yang Dipertua, berikutan dengan isu kelemahan tadbir urus ini saya amat berharap Kerajaan Negeri Kelantan terkehadapan untuk membantu rakyat dalam menangani krisis kenaikan yang membebankan rakyat ini dengan memperluaskan usaha-usaha Kerajaan dalam aspek peluang pekerjaan kebajikan dan penyediaan keperluan asas kepada rakyat.

Tuan Yang Dipertua,... Yang Berhormat Speaker,

Saya ingin akhiri ucapan saya ini dengan 2 rangkap pantun...

*Ke pekan Rantau Panjang mandi di kali,
singgah Gual Periok mengikat bahtera,
aman Sentosa dasar Membangun Islam memerintah negeri,
Kelantan maju rakyat sejahtera.*

Gual Periok mohon menyokong Usul Menjunjung Kasih Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Al-Sultan Muhammad Ke-V dan Yang Dipertuan bagi Negeri Kelantan Darulnaim.

Sekian terima kasih.

YB DATO' TIMBALAN SPEAKER :

Terima kasih Yang Berhormat Gual Periok, dipersilakan Mngkebang... Yang Berhormat Mengkebang.

YB TUAN ZUBIR BIN ABU BAKAR :

الحمد لله رب العالمين, والصلاة والسلام على اشرف الأنبياء والمرسلين, وعلى آله
وصحبه أجمعين
السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Yang Berhormat Dato' Speaker, Yang Amat Berhormat Dato' Panglima Perang Menteri Besar Kelantan, Yang Berhormat Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan, seluruh sahabat-sahabat Ahli-Ahli Yang Berhormat yang dikasihi Allah S.W.T sekalian.

Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker, kerana memberi saya peluang untuk mengambil bahagian dalam Perbahasan Titah Duli Yang Maha Mulia Al-Sultan Muhammad Ke-V pada hari semalam. Mengkebang Menjunjung Kasih atas Titah Duli Yang Maha Mulia Tuanku yang begitu cakna dengan kemakmuran dan kesejahteraan negeri kita pada hari ini. Pembangunan negeri ini perlu dilihat dalam pelbagai aspek termasuk dan tidak terhad dalam aspek pembangunan insan semata-mata malah kelestarian dan kemampuan kehidupan kita sebagai khalifah Allah S.W.T yang perlu diperkasakan dengan jitu pada setiap masa.

Yang Berhormat Dato' Speaker,

Hasil perhutanan merupakan salah satu hasil utama bagi negeri Kelantan Darulnaim. Belanjawan Kelantan 2024 telah diluluskan oleh Dewan yang mulia ini pada tahun lepas dengan memperuntukkan sebanyak RM12.8 juta bagi tujuan kelestarian alam sekitar dan sebanyak RM 92.7 juta anggaran daripada hasil hutan. Penekanan berterusan ke atas aspek-aspek pemeliharaan hutan pemuliharaan, penggunaan secara lestari dan perkongsian secara saksama dan adil perlu dibuat secara terus menerus dan dengan jelas dan tegas.

Negara kita Malaysia telah menerima pengiktirafan sebagai salah sebuah negara daripada 12 negara yang mempunyai mega kepelbagaian di dunia keindahan dan kepelbagaian biologi serta kekayaan flora dan fauna yang membentuk ekosistem hutan perlu dijadikan salah satu agenda di bawah Jabatan Perhutanan Negeri Kelantan dengan jalinan kerjasama dengan agensi Persekutuan seperti FRIM dengan izin *Forest Research Institute*

Malaysia. Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia Universiti-Universiti dan para pengkaji berkaitan. Peruntukkan perbelanjaan bagi kelestarian hutan perlu dilaksanakan secara seimbang dengan anggaran perolehan hasil tersebut. Industri hasil hutan negeri yang dianggarkan di bawah Belanjawan 2024 ini perlu dilaksanakan secara strategik melalui syarikat yang dipercayai dan berintegriti seperti syarikat berkaitan Kerajaan Negeri atau agensi negeri yang berkaitan. Perancangan projek secara lestari seperti ladang hutan boleh digazetkan secara integrasi untuk pembangunan semula ladang hutan dengan izin *reforestation* dan pembangunan tenaga baharu biomas, karbon kredit ataupun hidrogen sebagaimana yang di titahkan oleh Duli Yang Maha Mulia Al-Sultan Muhammad Ke-V. Zon ladang hutang juga patut diperkenalkan, saya cadangkan agar zon ladang tidak boleh dipindahkan bagi mengekal dan memudahkan pengawalan hutan asli dan ladang hutan.

Yang Berhormat Dato' Speaker,

Kerajaan Malaysia telah mewujudkan pelan hala tuju teknologi dan ekonomi hidrogen Malaysia dan membuat jangkaan pendapatan negara dianggarkan dapat dijana sehingga RM 12.1 billion menjelang 2030 melalui sektor tenaga hidrogen. Perkara ini wajar sekali diberi perhatian dan dijadikan sasaran negeri kita dan bukan sahaja boleh meningkatkan hasil negeri malah boleh membantu membuka peluang pekerjaan kepada rakyat. Penglibatan aktif agensi Kerajaan Negeri pihak swasta dan pelabur serta ahli akademik perlu digarapkan bagi membuahkan hasil yang optimum. Kerjasama agensi Negeri dan Persekutuan juga perlu dipertingkatkan atas satu matlamat iaitu Kelantan maju rakyat sejahtera. Tiada rugi, tiada dengki rezeki yang ada dapat dikongsihiduplah aman dan diberkati.

Yang Berhormat Dato' Speaker,

Keindahan alam ini wajar dijadikan satu alternatif eco pelancongan dan membendung kepada aktiviti tidak sihat masyarakat. Keasyikan kepada dunia digital dan media sosial kelemahan aspek sosial dan tekanan hidup di kalangan masyarakat pada hari ini antara faktor yang membawa kepada gangguan kesihatan mental yang selalunya lewat dikesan ataupun enggan diakui dalam keluarga kita seperti dengan izin "*depression, mental disorder atau mental instability,*" kecelaruan minda bunuh diri dan seumpamanya.

Yang Berhormat Dato' Speaker,

Saya melihat sektor eco pelancongan wajar sekali diberikan penekanan utama dalam negeri kita yang kita ketahui yang mempunyai liputan hutan yang mencukupi. Kelantan merupakan penyumbang hutan simpan kepada negeri ini, Kuala Krai merupakan penyumbang hutan simpan di negeri kita selain daripada Gua Musang dan Jeli. Pelaburan dalam sektor ini perlu diberi perhatian agar tempat-tempat yang strategik dapat dibangunkan dan infrastruktur dapat ditambah baik bagi memenuhi keperluan rakyat dalam negeri dan bagi menarik pelabur dan pelancong luar. Kita dapati banyak pantai-pantai pada hari ini banyak terhakis dan tidak sesuai untuk dijadikan tempat istirehat dan mandi manda berikutan berapa kes lemas akibat ombak besar berlaku baru-baru ini.

Justeru, lata-lata khususnya di Mengkebang iaitu Lata Berangin, Lata Papan, Lata Bali dan lata-lata yang lain yang ada di negeri ini yang ada dipinggir hutan wajar sekali ditambah nilai sebagai pilihan tepat kepada masyarakat. Namun begitu jumlah pelancong masih tidak memberangsangkan berikutan kekurangan infrastruktur dan nilai tambah dari segi penginapan, tarikan makanan, aktiviti riadah, sampingan dan kemudahan lain yang perlu diperluaskan oleh sebuah keluarga yang lengkap. Sebagai contoh jika aktiviti lasak seperti jungle tracking sesuai kepada golongan belia yang berkebolehan dan tahan lasak. Bagaimana pula warga emas dan golongan Wanita yang boleh menikmati kemesraan alam di tempat tersebut.

Yang Berhormat Dato' Speaker,

Pensijilan pengurusan hutan adalah mekanisma pengurusan-pengurusan hutan bagi membantu pengurangan proses penyahutan dan melindungi kawasan tadahan dan kualiti air, memulihara alam sekitar dan mengekalkan kelangsungan sumber daya hutan serta meningkat ekonomi bagi penduduk setempat yang bergantung kepada hasil hutan selaras dengan Dasar Perhutanan Semenanjung Malaysia. Saya mohon mencadangkan agar pensijilan pengurusan hutan ini dijadikan sebagai satu syarat wajib kepada kawasan hutan sama, atau hutan asli atau ladang hutan dimiliki oleh syarikat atau individu. Jika ada Kerajaan Negeri melalui Jabatan Perhutanan Negeri perlu komited merealisasikan pensijilan pengurusan hutan mengikut standard kebangsaan iaitu kriteria petunjuk Malaysia untuk pengurusan hutan mampan atau singkatannya MCNISMFM.

Yang Berhormat Dato' Speaker,

Saya juga mencadangkan agar isu perubahan iklim dan pemanasan global yang berlaku pada hari ini diberi perhatian yang jelas di bawah prinsip dengan izin *sustainability development goals and environment social and government*. Dalam pelaksanaan hasil hutan bagi melaksanakan alam ini dapat dinikmati oleh generasi anak cucu kita dalam keadaan yang selesa, sejahtera, dan berkualiti. Semua pihak yang terlibat dalam industri hasil hutan hendaklah mematuhi dan melaksanakan prinsip di bawah SDG dan ESG ini secara optimum.

Firman Allah,

وَلَا تُفْسِدُوا فِي الْأَرْضِ بَعْدَ إِصْلَاحِهَا وَادْعُوهُ خَوْفًا وَطَمَعًا إِنَّ رَحْمَتَ اللَّهِ قَرِيبٌ مِّنَ الْمُحْسِنِينَ ٥٦

Maksudnya:- dan janganlah kamu berbuat kerosakan di bumi ini sesudah Allah menyediakan segala yang membawa kebaikan kepadanya dan berdoalah kepadanya dengan perasaan bimbang kalau-kalau tidak diterima dan juga dengan perasaan terlalu mengharap yakni supaya makbul sesungguhnya rahmat Allah itu dekat kepada orang yang memperbaiki amalannya.

Surah al-a'araf ayat 56

*Akhirnya pokok cengal pokok jati,
tibalah saya mengundur diri,
sirru ala barakatilah.*

Saya sudahi perbahasan saya hari ini dengan

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

YB DATO' TIMBALAN SPEAKER :

Terima kasih Yang Berhormat Mengkebang.. saya persilakan Yang Berhormat Chempaka, dulu...ok, silakan.

YB TUAN NIK BAHARUM BIN NIK ABDULLAH :

Terima kasih Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker, untuk tujuan perbahasan pada hari ini saya ingin menyentuh beberapa perkara sebagai menyambut Titah Ucapan Diraja yang telah disampaikan semalam. Sesungguhnya titah yang disampaikan tersebut oleh dijadikan sebagai rujukan kepada Ahli-Ahli Dewan Negeri dan seluruh jentera pentadbiran untuk melihat apakah penambahbaikan yang boleh dilaksanakan terhadap Elemen yang ditekankan berdasarkan kepada Titah tersebut.

Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker,

Pertamanya, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Al-Sultan pada awal Titahnya iaitu seawal mukasurat 3 teks ucapan, menyatakan dalam memastikan ketinggian agama Islam terus terpelihara, Beta menggesa Kerajaan Beta terus memperkasa dan mempertahankan perundangan dan Institusi Syariah Negeri. Pada hemat saya Titah yang sebegitu tegas haruslah diambil tindakan seberapa segera oleh Kerajaan Negeri bagi memastikan kedudukan institusi yang menjaga Syariah di negeri ini dapat diperkasa dan dipertahan.

Bagi tujuan tersebut izinkan saya membuat sedikit perbandingan antara punca kuasa kewujudan Mahkamah Negeri kita ini dengan kewujudan Mahkamah pada peringkat Persekutuan. Dalam Perlembagaan Persekutuan kewujudan perhakiman secara jelas telah diperuntukkan pada Perkara-Perkara 121 sehinggalah Perkara 131 A Perlembagaan Persekutuan yang merangkumi secara terperinci kuasa-kuasa kehakiman sehinggalah berkenaan dengan ketidakupayaan seorang Hakim. Sebaliknya apabila kita meneliti Undang-Undang Perlembagaan Tubuh Kerajaan Kelantan saya dapati tidak ada satu pun peruntukan khas yang menyentuh berkait dengan perhakiman. Memang sebegitulah keadaannya kerana peruntukan berkaitan penghakiman kita hanya tersedia dalam Enakmen Pentadbiran Mahkamah Syariah 1982.

Yang Berhormat Dato' Speaker,

Walaupun Enakmen Pentadbiran Mahkamah Syariah 1982 tersebut agak lengkap dalam memperihalkan Mahkamah dalam Negeri Kelantan ini tetapi kedudukan punca kuasa yang mewujudkan Mahkamah-Mahkamah di Negeri ini sebenarnya berada pada tahap yang lebih rendah dari peruntukan yang mewujudkan Mahkamah pada peringkat Persekutuan.

Terjadi begitu kerana Mahkamah pada peringkat Persekutuan diperuntukkan di bawah Perlembagaan manakala Mahkamah di peringkat Negeri hanyalah tertubuh di bawah Enakmen.

Justeru itu, saya mencadangkan sudah sampai masanya bagi menyahut Titah ucapan Ucapan Diraja tersebut direalisasikan. Pertama-tamanya adalah dengan membuat Pindaan terhadap Undang-Undang Tubuh Kerajaan Kelantan bagi memasukkan peruntukan perkara khusus berkait penghakiman agar kedudukan institusi yang menjaga Syariah ini dipasak dengan paku yang kukuh. Insya Allah dengan keterjaminan itu akan membolehkan kita pada masa akan datang berhujah dengan lebih kukuh pada masa hadapan sekalipun ada yang ingin mencabar.

Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker,

Isu kedua yang ingin saya sentuh dalam ucapan Titah Ucapan Diraja semalam, adalah berkenaan dengan status pembesaran Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra di mana Tuanku Al-Sultan bertitah Beta berasa gembira melihat satus pencapaian semasa projek menaiktaraf dan pembesaran Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra adalah mengikut jadual pelaksanaan. Justeru besar harapan Beta, agar perkhidmatan refilling service dapat disediakan bagi menambahbaik servis industri penerbangan di Negeri Beta.

Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker,

Memandangkan Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra ini berkebetulan ada dalam kawasan Undangan Negeri Chempaka.... tempat lain tidak ada yang saya wakili dan memandangkan ia merupakan pintu masuk utama dan paling berprestij bagi Negeri Kelantan. Maka atas alasan tersebut izinkan saya mengulangi semula pertanyaan yang belum dijawab secara tuntas seusai sesi Persidangan yang lalu apakah perancangan selepas ini? Bagaimana dengan peluang-peluang industri yang berada di Lapangan Terbang tersebut perniagaan satey di Baung, kilang keropok yang tinggal hanya 2 setakat ini di Pantai Sabak, Tuak di Tebing Tinggi dan Pulau Gajah. Apakah tidak ada perancangan untuk menjenamakan industri mereka agar setiap yang akan menaiki penerbangan balik ke tempat masing-masing sekurang-kurangnya ada sekotak atau sebotol made in Kelantan di antara luggage di tangan mereka.

Isu ketiga, Timbalan Yang Dipertua, Titah Ucapan Diraja semalam juga menyentuh berkenaan dengan kesedaran rakyat Kelantan terhadap kesihatan, keceriaan dan kebersihan yang telah meningkat seiring dengan gerak kerja Pihak Berkuasa Tempatan bila mana Tuanku bertitah Beta mendapat maklum kesedaran rakyat Beta terhadap kesihatan, keceriaan dan kebersihan telah meningkat seiring dengan gerak kerja Pihak Berkuasa Tempatan.

Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker,

Saya ingin merakamkan ucapan setinggi tahniah kepada pimpinan Kerajaan Kelantan yang telah berjaya mengerakkan PBT di Negeri Kelantan ke arah Kelantanku Bersih. Walaupun masih banyak liku dan onak yang terpaksa dihadapi untuk mencapai ke tahap bersih tetapi saya percaya dengan semangat kerjasama antara semua pihak Insha Allah gagasan Kelantanku bersih dapat direalisasikan.

Justeru itu, pada kesempatan ini saya ingin menyarankan agar beberapa undang-undang kecil PBT yang sedia ada dapat di semak semula terutamanya berkaitan peruntukan-peruntukan yang melibatkan frasa kebenaran untuk kompaun kerana saya difahamkan bahawa syarat untuk mendapatkan kebenaran tersebut adalah pertamanya PBT perlu membuka dan menyiapkan kertas siasatan terlebih dahulu kemudian barulah dihantar kepada Pejabat Timbalan Pendakwaraya. Kalau tak lengkap di hantar balik ke PBT dan PBT terpaksa menyiapkan apa yang diperlukan, dihantar balik ke Pejabat Timbalan Pendakwaraya bagi mendapatkan kebenaran untuk kompaun sebelum kemudiannya PBT mengambil tindakan mengeluarkan kompaun. Bermaksud notis kompaun tidak boleh dan tidak akan dikeluarkan dengan serta merta oleh Penguatkuasa PBT semasa pemeriksaan di lokasi kejadian kerana perlu mendapat izin daripada Pendakwaraya terlebih dahulu berdasarkan kepada peruntukkan dalam undang-undang kecil yang diselaraskan bagi semua PBT di Negeri Kelantan. Saya difahamkan bahawa peruntukan-peruntukan tersebut telah menyebabkan kesukaran bagi PBT untuk bertindak dan ini boleh menyebabkan kelewatan tindakan kerana ianya juga turut mengambil kira tarikh lapang Pejabat Timbalan Pendakwaraya bagi mengemukakan fail-fail kes bagi penelitian di pejabat. Akhirnya apa yang terjadi? Tidak ada siapa pun yang didakwa.....

Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker,

Berkait dengan PBT juga saya ingin menyentuh berkenaan dengan peruntukan seksyen 9, Akta 171 iaitulah berkait dengan kuasa Kerajaan Negeri dalam memberi arahan am tentang dasar-dasar Kerajaan Tempatan. Dan saya percaya arahan-arahan tersebut memang sentiasa diberikan untuk menjadi panduan dan ikutan oleh PBT. Walaubagaimanapun sepanjang pengalaman saya selama 9 tahun sebagai Ahli Majlis di Majlis Perbandaran Kota Bharu Bandaraya Islam, arahan-arahan yang dikeluarkan tersebut adalah bersifat terlalu umum sedangkan sepatutnya arahan-arahan dasar yang dikeluarkan oleh Pihak Berkuasa Negeri hendaklah berdasarkan kajian menyeluruh terhadap pelaksanaan dan kebolehlaksanaan oleh PBT dengan model pelaksanaan yang jelas.

Sebagai contohnya, semasa perkhidmatan saya dahulu pelaksanaan pengurusan tapak pelupusan sampah PBT oleh kumpulan utiliti Mubaarakan KUM. Ketika itu tidak ada arahan yang jelas apa peranan KUM, apa pula peranan PBT, siapa perlu bayar, bayaran untuk apa, isu siapa tuan punya tanah kemudiannya dan sebagainya sehingga menyebabkan terhasilnya beberapa set perjanjian yang berbeza-beza di antara satu PBT dengan satu PBT yang lain. Bagi mengatasi isu arahan yang terlalu umum tersebut saya mencadangkan agar pihak Kerajaan dapat memperkasakan bahagian Kerajaan Tempatan SUK. Saya difahamkan hanya terdapat 3 orang pegawai dan termasuk seorang mystep dengan seorang Pengarah bagi menyelia seluruh PBT dalam Negeri Kelantan. Tentunya ini amat membebankan mereka. Dengan menambah bilangan pegawai secukupnya ia sekali gus dapat membuat penambahbaikan dan pen"detail"an terhadap arahan Kerajaan terhadap PBT di bawah seksyen 9 Akta 171.

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya rasa sekadar itulah saja ucapan Perbahasan terhadap Titah Ucapan Diraja ini semoga Negeri Kelantan Makmur sejahtera bersama gagasan penghayatan Membangun Bersama Islam.

*Enak rasa tuak Tebing Tinggi,
Petua sejati di salin warisan,
Segak bergaya bijak berperni,
Semoga diberkati pemimpin Kelantan.*

Sekian, terima kasih... Chempaka mohon menyokong..

YB DATO' TIMBALAN SPEAKER :

Terima kasih Yang Berhormat Chempaka, saya persilakan Yang Berhormat Tendong.

YB TUAN ROZI BIN MUHAMAD :

بسم الله الرحمن الرحيم

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

الحمد لله رب العالمين, والصلاة والسلام على اشرف الأنبياء والمرسلين, وعلى آله وصحبه أجمعين



Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker, Yang Amat Berhormat Dato' Panglima Perang, saff kepimpinan Kerajaan, sahabat-sahabat Ahli-Ahli Yang Berhormat, Ketua-Ketua Jabatan, Tuan-tuan muslimin muslimat yang dihormati sekalian.

Pertamanya terima kasih di atas kebenaran untuk kesempatan kepada saya mengambil bahagian dalam ucapan Perbahasan Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Muhammad Ke-V yang telah dibacakan teksnya oleh Yang Amat Berhormat Dato' Panglima Perang pada hari kelmarin. Alhamdulillah dalam kesempatan ini hanya sedikit saja saya nak mengutarakan apa yang telah disampaikan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku. Yang mana perkara pertama yang disentuh dalam Ucapan Titah Tuanku adalah berkaitan bermula daripada kepentingan isu syariat Islam sehinggalah kepada kecaknaan kita kepada rakyat jelata. Yang sudah tentunya kita merasakan terharu dengan keprihatinan yang begitu tinggi oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku dalam memastikan Negeri Kelantan Kerajaan dan juga rakyatnya berada di bawah suatu

naungan untuk melihat keseluruhan negeri dan rakyatnya dalam keadaan yang sejahtera dalam semua aspek.

Yang Berhormat Dato' Speaker,

Saya suka menyentuh apa yang diutarakan ataupun apa yang dititahkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku terutama berkaitan dengan isu syariat Islam bagaimana juga yang disebut oleh sahabat-sahabat Ahli-Ahli Yang Berhormat sebelum daripada ini bahawa dalam Titah Tuanku diletakkan sebagai satu titah permulaan dalam Titah Tuanku dan kalau boleh saya kod kan apa yang dititahkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku iaitu *"Beta menggesa Kerajaan Beta terus memperkasa dan mempertahankan perundangan dan Institusi Syariat Negeri"*. Ini memberi gambaran kepada kita khususnya rakyat Negeri Kelantan bahawa Tuanku begitu prihatin dengan apa yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri sejak bermulanya pentadbiran di era Almarhum Dato' Bentara Setia Tok Guru Nik Aziz bermula daripada tahun 1990, bagaimana kita di Negeri Kelantan ini Kerajaan meletakkan Dasar Membangun Bersama Islam dan di dalamnya diterapkan segala dasar program dan agendanya mematuhi syariat dan juga memartabatkan syariat Islam.

Oleh kerana itu, pentadbiran yang hampir 33 tahun ini dilihat sebagai Kerajaan yang senantiasa memperkasakan syariat Islam. Lebih-lebih lagi dalam era terbaru selain kita memperkukuhkan dasar dan juga program ke arah mendekatkan setiap program itu dalam kaedah mematuhi syariat juga kita memperkasakan perundangan Islam. Jadi oleh kerana itu kita begitu gembira dan rakyat Kelantan khususnya boleh menyatakan ucapan tahniah kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat, Kerajaan dan juga Dewan yang mulia ini kerana sebelum ini kita telah meluluskan undang-undang syariat sebagaimana yang kita sedia maklum. Tapi oleh kerana mungkin di sana ada sedikit pertindihan dan juga pertembungan dengan undang-undang sivil di peringkat Persekutuan maka berlakulah apa yang telah pun berlaku. Cuma di kalangan kita Ahli-Ahli Yang Berhormat khususnya dan juga seluruh rakyat Negeri Kelantan apabila berlaku sebagaimana diputuskan di Kuala Lumpur baru-baru ini di Putrajaya dan tentu kita merasa kecewa yang teramat sangat kerana memartabatkan Undang-Undang Islam ini sebagai satu kewajipan kita semua, walaupun ini bukanlah sesuatu yang besar dalam pemindaan dan juga penambahbaikan hanya sedikit sahaja penambahbaikan yang dilakukan. Tetapi oleh kerana bagi saya secara peribadi di sana ada unsur-unsur dan

juga ada pihak-pihak tertentu yang tidak senang dengan apa yang dilihat sebagai memperkasakan syariat Islam ini.

Jadi oleh kerana itu saya amat bersetuju dengan cadangan Yang Berhormat Pasir Tumboh dan juga sahabat-sahabat yang lain supaya kita di Dewan ini perlu bertegas walaupun Pindaan sebelum daripada ini telah dibatalkan di peringkat Mahkamah Persekutuan, selaku Wakil Rakyat yang bertanggungjawab dan sayang kepada Islam saya menyokong supaya kita bentangkan lagi undang-undang ataupun syariat Mahkamah Syariah di Negeri Kelantan dan di Dewan yang mulia ini mungkin di masa-masa yang akan datang.

Jadi oleh kerana itu, kita semua saya menyeru supaya kita mengambil berat tentang hal ini dan kita yakin sebagaimana yang disebut oleh Galas, Yang Berhormat Galas sebut tadi dalam kita pindaan Enakmen Syariat II waktu itu pun sama ada UMNO pada waktu itu dalam Dewan ini dan jua kita masing-masing menyokong...masing-masing menyokong, semua menyokong tetapi di sana kita juga kecewa jika ada pihak yang cuba untuk melemahkan undang-undang Syariat ini maka ada pula di kalangan kita ini yang cuba mengambil kesempatan untuk menyokong pihak yang menentang Mahkamah Syariah ataupun Pindaan kepada....

YB DATO' TIMBALAN SPEAKER : [MEMOTONG]

Melor, mohon menceleh..

YB TUAN ROZI BIN MUHAMAD :

Sila...

YB TUAN WAN ROHIMI BIN WAN DAUD :

Yang Berhormat ada orang kata keputusan 09 Februari 2024 Nik Elin ni, tidak melemahkan Mahkamah Syariah pun sebaliknya dia memperkukuhkan dan meletakkan rel yang betul mengikut Perlembagaan. Boleh komen sikit Yang Berhormat?

YB TUAN ROZI BIN MUHAMAD :

Terima kasih Yang Berhormat Melor, sebagaimana pantun daripada EXCO kelmarin ..pagi tadi, *sudah gaharu cendana pula sudah tahu bertanya pula.*

Soalan ini sepatutnya lawyer yang jawab. Cuma boleh kita gambarkan antara Undang-Undang Mahkamah Syariah ini pada pemahaman saya dengan Mahkamah Sivil ini mana-mana sudut pun kita lihat tidak akan ada kesamaan walaupun ada mungkin sedikit sebagai contoh mungkin di Mahkamah sivil judi itu menjadi halal apabila mendapat kebenaran dengan mendapat lesen. Tetapi pada pandangan syariah Islam dan kita cuba memperkasakan di Negeri Kelantan kita ini sama ada ada lesen ataupun tak ada lesen dari sudut Mahkamah Syariahnya ialah ia tetap haram kerana diharamkan oleh agama. Jadi untuk pertindihan ataupun bagaimana kuasa Mahkamah itu mungkin selepas daripada ini Melor boleh berucaplah untuk perjelasan kepada kita semua.

Yang Berhormat Dato' Speaker,

Berkaitan dengan soal isu Mahkamah Syariah ini saya menyerulah sahabat-sahabat Ahli-Ahli Yang Berhormat termasuk juga 2 sahabat dan juga jiran saya ini supaya kita menzahirkan sokongan dan saya yakin saya tengok jiran saya ni Kota Lama begitu tekun dalam nak menyiapkan ucapan selepas daripada ini. Kita yakin selepas daripada ini dia akan menyatakan ia menentang apa yang dibuat oleh Nik Elin membawa isu Mahkamah Syariah ini ke Mahkamah. Saya yakin, betul yer YB ? [SAMBIL TERGELAK] kena ada tuh..

YB TUAN HJ SYAHBUDDIN BIN HASHIM :

Boleh celah sikit Tendong...pertamanya Nik Elin ni sapo dio? Keduanya dia mesra dengan sapo, yang ketiganya pada waktu zaman mana sebenarnya undang-undang negeri dicabar dan dibenarkan dan yang keempatnya Tendong bersetuju tak kalau kita kata kita *way forward* maknanya atas apa yang berlaku ini kita dalam Dewan ini mesti sepakat, kita ada ramai pengamal undang-undang kita di sini, mari kita sepakat supaya tidak ada lagi *mistake* ataupun orang boleh cabar kita apabila kita bentangkan Enakmen Syariah untuk masa akan datang, terima kasih.

YB TUAN ROZI BIN MUHAMAD :

Terima kasih sahabat Galas.... banyak tu 4, kalau Dato' Speaker pun dia bui soalan tambahan sekat 2 jah [SAMBIL TERSENYUM] saya tak nak menjawab sama ada dia baik dengan siapa dan sebagainya tapi lebih kepada kita melihat tindakan dia kepada apa yang telah dilakukan. Jadi oleh kerana tu kita tidak bersetuju dengan apa yang diusahakan sebab

hari ini rata-rata kita tengok di Negeri-Negeri lain juga Enakmen yang sama dalam Enakmen Syariah dan saya tertarik dengan satu soalan daripada wartawan waktu ditanya kepada Nik Elin dengan izin di sebut nama ni dalam Dewan ini. Apabila wartawan bertanya adakah apa yang dibuat di Kelantan ini yang dilakukan kepada Enakmen di Negeri Kelantan ini juga akan dibuat di negeri-negeri lain? Tu soalan daripada wartawan... pemahaman saya kepada soalan itu adalah selepas Kelantan Negeri-Negeri lain juga terbuka dengan tindakan yang sama dan boleh dicabar sebagaimana di Kelantan ini. Maknanya tindakan yang dibuat itu bukan sahaja mencabar yang telah dibuat dalam Dewan Undangan Negeri ini berkaitan dengan isu Mahkamah Syariah.. memperkasakan Undang-Undang Syariah tetapi juga mencabar perundangan Islam di seluruh Malaysia bukan sahaja di Kelantan, itu mengecewakan kita dan malanglah kalau ada di kalangan kita rasa terdetik dihati bersetuju dengan tindakan ini. Saya tak tuduh Kota Lama ataupun Galas tetapi kalau terasa kita harap cepat-cepatlah padam supaya kita juga turut tidak bersetuju dengan tindakan Nik Elin.

Yang Berhormat Dato' Speaker,

Perkara kedua yang saya nak sebutnya ialah berkaitan dengan er...hile doh la....errr...juga saya nak mengucapkan Junjung Kasih kepada Kebawah Duli Tuanku dalam Titah Ucapannya juga disebutkan secara khusus berkaitan dengan kepentingan rakyat untuk mendapatkan rumah ... untuk memiliki rumah dan juga tahniah saya ucapkan kepada pihak Kerajaan dalam kehendak dan juga Titah Tuanku itu, Kerajaan telah mengambil langkah awal dengan memperkasakan program Rumah Mampu Milik dan disitu disebut khusus soal pembangunan ataupun pembinaan Rumah Mampu Milik Bunut Susu. Jadi dikesempatan ini sekali lagilah bukan nak mempersoalkan apa yang telah dilakukan oleh Kerajaan cuma saya bimbang tengok ko EXCO sebab dia kata tiap kali Tendong bangun mesti sebut rumah Mampu Milik Bunut Susu dan saya ucap terima kasih sebab ada komitmen daripada pihak Kerajaan untuk mula membina rumah Mampu Milik seawal tahun ini, Insha Allah deh EXCO betul dok..[SAMBIL TERSENYUM]

YANG Berhormat Dato' Speaker, perkara yang seterusnya saya nak sentuh sikit berkaitan dengan belia dan juga isu belia kita di Negeri Kelantan kita ini, saya ucapkan tahniah kepada pihak Kerajaan dan juga pihak EXCO Sukan dalam kecaknaan dan juga melibatkan program-program untuk memperkasakan belia-belie di Negeri Kelantan. Kita tahu belia-belie di

Negeri Kelantan ini merupakan belia-belia yang hebat anak-anak muda yang mempunyai wawasan dan juga cita-cita yang tinggi dan banyak di luar daripada Kelantan anak-anak muda kita ini mencebur dalam pelbagai bidang termasuk dalam bidang perniagaan, mencipta nama sukan dan sebagainya. Dan program-program yang dilakukan oleh EXCO Belia amat-amat membanggakan kita apabila program-program yang melibatkan belia bermula daripada membina akhlak ataupun yang disebut sebagai anak muda Kelantan bermaruah, membina sahsiah diri sehinggalah kepada pembinaan kerjaya-kerjaya. Cuma dalam kita membina anak muda ini juga secara tak langsung perkara yang diminati ramai oleh anak muda antaranya adalah program-program sukan.

Dalam program sebagaimana yang kita sedia maklum bahawa Kelantan ini akan menjadi tuan rumah kepada SUKMA pada tahun 2028 dan SUKMA 2024 berlangsung di Sarawak. Oleh kerana itu saya ingin bertanya pihak Kerajaan apakah kritiria dan juga sasaran kita untuk mendapat pingat dan juga kejayaan pada Temasya SUKMA 2024 di Sarawak kita ini. Semoga dengan kita adanya sasaran-sasaran yang kita boleh ambil sebagai sasaran yang serius untuk kita dapatkan kejayaan dalam setiap sukan yang kita ceburi itu yang kita sertai mungkin selepas pada ini boleh jadi panduan kepada kita untuk kita menjadikan sebagai satu asas bagaimana kita nak mencapai kejayaan yang lebih besar dalam kita nak berdepan dengan selaku tuan rumah kepada SUKMA 2028 ini tak lama doh 4 tahun dalam keadaan fasaliti di Negeri Kelantan ini kita tahu sukan tidak begitu..tidak begitu...

YB TUAN HJ ABD RAHMAN BIN YUNUS :

Minta jalan...

YB TUAN ROZI BIN MUHAMAD :

Fasilitinya tidak begitu banyak dan tidak terlalu banyak kemudahan-kemudahan untuk anak-anak muda kita ini menceburkan diri. Jadi oleh kerana itu, kita harap supaya Kerajaan memfokuskan dalam keadaan fasiliti yang kekurangan ini bagaimana kita nak mengorak supaya kejayaan anak-anak muda dan juga kejayaan atlet-atlet kita ini dapat dicapai dalam setiap temasya yang kita ceburi datang..silakan, terima kasih.

YB TUAN HJ ABD RAHMAN BIN YUNUS :

Terima kasih YB Tendong.... Ambo ada 3 soalan... Speaker bagi 2 jah, tapi saya minta 3. Soalan pertama kebiasaannya kalau dalam Persidangan Dewan ini benda yang paling banyak sekali soalan daripada Wakil Rakyat ni mengenai padang bola. Rata-rata Wakil Rakyat akan minta padang bola dan paling tidaknya satu Parlimen satu padang bola. Yang hok duk minta sokmonya satu DUN satu padang. Jadi ambo nak minta pandangan YB Tendonglah, apakah pandangan ni untuk membina padang bola ni kena buat ataupun kena bagi pitih.

Soalan yang kedua ialah sebagai Presiden KUFC lah YB Tendonglah... bagaimanakah cara untuk menaiktarafkan mutu pemain-pemain bola tu. Kita tak sir main kalah, main kalah. Kita nak menang main bola nih, dok..?

Jadi soalan yang ketiga, bagaimanakah untuk menyedia pelapis supaya kita tidak beli doh orang-orang luar, kita ada pelapis kita sendiri. Wallahu'alam. 3 soalan Dato' Speaker.

YB TUAN ROZI BIN MUHAMAD :

Terima kasih Yang Berhormat Pasir Tumboh, ia betul antara fasiliti yang menjadi satu keperluan kepada anak-anak muda ialah salah satunya ialah padang bola dan kalau kita lihat di Kelantan ini untuk satu padang bola, satu Parlimen itu saya rasa sudah mencukupi dan setiap Parlimen itu kita yakin sudah ada padang bola tetapi oleh kerana minat yang keterlaluan daripada rakyat Kelantan ini kepada bola maka di setiap DUN itu walaupun di setiap DUN satu DUN satu padang bola masih tidak lagi mencukupi. Dan Alhamdulillah dengan inisiatif Wakil-Wakil Rakyat sekalian, berkaitan dengan padang bola ini saya lihat cukup minat untuk membantu anak-anak muda dan dalam usaha Wakil Rakyat walaupun dalam keadaan kita di Kelantan ini kita kekurangan tanah sebenarnya. Saya sendiri contohnya di Tendong..sekarang ni saya sedang mengusahakan untuk siapkan 3 padang bola sekarang ni dan kita tak de tanah untuk padang bola. Kita tidak ada tanah Kerajaan untuk tempat-tempat strategik. Tapi walau macam mana pun kita buat juga untuk keperluan anak-anak muda melahirkan ataupun membentuk bakat-bakat mereka dan di Tendong tu kita buat 3 padang bola semuanya ditepi Sungai Tendong di tapak pertanian tapak tol yang tempat orang kampung tanam jagung sebelum daripada ini. Tapi Alhamdulillah ada kawasan-kawasan yang boleh kita bangunkan sebagai padang bola. Dan saya nak cadangkan

juga berkaitan dengan padang bola ini kepada EXCO lah, ..terutamanya kalau kita tengok permintaan ini boleh katakana setiap kali persidangan Dewan ada Wakil-Wakil Rakyat memohon untuk padang bola peringkat DUN. Kalau Kerajaan tak dapat nak kenal pasti mana tanah untuk kita nak bangunkan padang bola saya harap mungkin Kerajaan boleh menyediakan peruntukan untuk Wakil-Wakil Rakyat khusus untuk padang bola. Saya rasa kalau ada duit mesti ada padang, kalau ada duit akan terbinanya padang bola. Mungkin ini nak membantu EXCO juga la bagi memudahkan fasiliti sukan terutamanya bola padang bola ini ditapak disediakan berkaitan dengan bola ni saya ucapkan tahniahlah kepada pihak Kerajaan dan juga EXCO Sukan atas kejayaan melaksanakan program Liga Elit DUN dan telah berakhir pada baru-baru ini minggu lepas dan juga tahniah kepada Yang Amat Berhormat Dato' Panglima Perang kerana pasukan Meranti mendapat Naib Johan dalam Piala Menteri Besar Kelantan. Sebut Naib Johan dulu tu sebab sek MB, jadi kena rai ko Mb mana tahu lepas ni. Jadi tahniah juga kepada Kijang atas kejayaan mendapat juara Piala Menteri Besar Kelantan untuk musim 2023.

Menjawab soalan Pasir Tumbuh tadi pemain-pemain yang bermain untuk kedua-dua DUN ini yang bermain di final ini, saya perhatikan malam tu dan saya hadir pada perlawanan akhir tu... kebanyakan pemainnya telah dilatih oleh kelab profesional. Kebanyakan pemain, bermakna bakat yang ada kepada anak muda kita ini boleh ditonjolkan dan ada yang boleh kita ketengahkan untuk kerjaya mereka untuk dia pergi lebih jauh dan untuk rekod Dewan yang mulia ini untuk anak-anak muda kita yang terlibat dengan bola sepak ini. Boleh dikatakan yang bermain dengan kelab-kelab Liga Malaysia ini di seluruh Malaysia ada pemain-pemain daripada Negeri Kelantan. Maknanya anak muda Kelantan ni mempunyai bakat besar terutamanya dalam bola sepak dan juga sukan-sukan lain.

Jadi oleh kerana itu, saya mengucapkan terima kasih kepada pihak Kerajaan....

YB DATO' TIMBALAN SPEAKER :[MEMOTONG]

Yang Berhormat Tendong, sila buat rumusan.

YB TUAN ROZI BIN MUHAMAD :

.... Kepada pihak EXCO atas sokongan yang tak pernah berhenti menyokong anak-anak muda dan juga kelab-kelab bola sepak di Negeri Kelantan ini. Jadi untuk bagaimana kita nak menang Insha Allah ambo harap semua Wakil-Wakil Rakyat, semua sahabat-sahabat Ketua-Ketua Jabatan dan agensi sekalian di Kelantan ini untuk musim ini selepas daripada Hari Raya bulan Mei ini akan berlangsung sekali lagi Liga „bola sepak Liga Malaysia ataupun Liga Super Malaysia. Jadi saya harap semuanya memberi sokongan kepada kelab kita yang akan mewakili dan membawa nama Kelantan untuk melangkah ke tinggi lagi untuk berada dalam carta yang lebih jauh lagi dan memartabatkan nama Kelantan sebagai satu pasukan untuk kita julang sebagaimana pernah berlaku pada tahun 2012 dahulu bahawa Kelantan sinomin dengan bola sepak dan rakyat Kelantan lebih separuh daripada rakyat Kelantan tanpa mengira latar belakang dan jantina adalah peminat-peminat bola sepak dan mereka kecewa kalau selalu kalah. Insha Allah untuk Kelantan United tahun ini, hari ini pemain Import sampai ke negeri Kelantan yang Kelantan United import daripada Palestine. Selain daripada bermain ini professional pemain sepenuhnya pada Liga Qatar baru-baru ini juga kita ambil pemain Palestine kerana sokongan dan solidariti kita kepada rakyat Palestine walaupun dalam sudut lain kita telah membantu di sudut sukan juga kita akan memperlihatkan apa sahaja dalam bentuk aktiviti yang kita buat palestine tetapi di hati selamanya Insha Allah.

Yang Berhormat Dato' Speaker, satu lagi saya nak ambil kesempatan sebelum saya berundur berkaitan dengan pelancongan. Juga tak lari daripada bola... saya tengok program-program pelancongan ini tahniah saya ucapkan dalam tempoh Tahun Melawat Malaysia 2024 ini, saya tengok kalender yang ada di depan ini banyak program-program yang telah dibuat dan sasaran kita untuk dapat 10 juta pelawat dalam setiap program dan juga sepanjang tempoh 10 tahun ini, Insha Allah akan berjaya. Cuma ada sedikit cadangan kepada pihak EXCO lah pertamanya saya nak cadangkan kepada pihak Kerajaan supaya kita libatkan sama bola sepak ini dalam sektor pelancongan. Saya nak cadangkan supaya kita adakan program perlawanan 4 penjuru asia dan cadangan ini saya dah berbisik dengan EXCO, Cuma Insha Allah dalam penelitian EXCO supaya bend aini dimasukkan sebagai satu program pelancongan iaitu pertandingan 4 penjuru Asia ini yang melibatkan negara-negara jiran Brunei, Thailand, Indonesia dan juga kita Kelantan bagi mewakili Malaysia.

Dan Insha Allah saya berharap kalau benda ini boleh buat ianya bukan sahaja untuk sukan tetapi juga untuk program-program ekonomi rakyat dalam temasya yang berlaku mungkin dalam tempoh 2,3 hari itu mungkin rakyat boleh libat sama dalam program ekonomi dalam program kita memperkenalkan makanan dan sebagainya. Jadi kalau boleh biar dalam kalender of event 2024 ini dimasukkan Tarikh ataupun program pelancongan pertandingan bola sepak 4 penjuru Asia.

Jadi Yang Berhormat Dato' Speaker, oleh kerana masa tidak mengizinkan saya mengucapkan terima kasih atas kesempatan yang diberi dan saya menyokong penuh ucapan Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Al-Sultan, walahua'lam...

YB DATO' TIMBALAN SPEAKER :

Terima kasih Yang Berhormat Tendong...saya persilakan Yang Berhormat Pantai Irama dulu, silakan.

YB TUAN HJ HUZAIMY BIN HUSSIN :

بسم الله الرحمن الرحيم
السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Yang Berhormat Dato' Speaker, terima kasih atas peluang yang diberi.

الحمد لله رب العالمين, والصلاة والسلام على اشرف الأنبياء والمرسلين, وعلى آله
وصحبه أجمعين

Alhamdulillah syukur ke hadrat Allah S.W.T di atas limpah rahmatnya Yang Berhormat Dato' Panglima Perang Dato' Menteri Besar, Ahli-Ahli Mesyuarat Kerajaan dan seluruh rakan-rakan sahabat Yang Berhormat yang dihormati sekalian. Kesempatan yang berharga ini saya daripada Pantai Irama juga rakamkan jutaan dan Junjung Kasih Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Al-Sultan atas Titah Ucapan Baginda di hari Perasmian Dewan kelmarin.

Berkat kata-kata Islam Memimpin, Raja menaungi Negeri Berkat itulah kata hikmat menjadi tema Negeri masa kini. “Negeri Berdaulat Rakyat Sejahtera, Nilai Muafakat Kerajaan Kelantan makmur di bawah Tuanku yang dikasihi.

Yang Berhormat Dato’ Speaker,

Di muka 2 teks ucapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku dalam Titah Baginda kepada semua Ahli-Ahli Dewan Tuanku juga mengingatkan semua Ahli Dewan akan tanggungjawab yang besar kepada rakyat dan mencari jalan terbaik dalam memastikan kemakmuran Negeri dan Pantai Irama mengambil peluang yang terbaik ini di Dewan yang mulia akan menyentuh beberapa perkara juga mengemukakan beberapa pandangan dan cadangan dan usaha menjadikan Kelantan sejahtera berkeadilan, Makmur dan diberkati.

Yang Berhormat Dato’ Speaker,

Merujuk teks ucapan atau Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku di muka surat 6, Alhamdulillah usaha menangani masalah bekalan air sentiasa diberi perhatian. Menyelesaikan masalah bekalan air di negeri kita yang tercinta ini perlu adakan usaha yang serius oleh Kerajaan Negeri dan juga Kerajaan Persekutuan. Selain daripada pembinaan loji di tempat-tempat yang terpilih masalah paip-paip lama juga perlu diberi perhatian. Perlu diganti dan saya difahamkan melebihi 35% air hilang di tengah jalan daripada loji sebelum sampai kepada pengguna.

Paip-paip bawah tanah ini pecah akibat tekanan air daripada loji. Usaha untuk menangani masalah ini perlu diteruskan masalah air masih berlarutan. Setakat ini usaha Kerajaan melalui lori air kontrak mampu membantu menyelesaikan sedikit permasalahan rakyat dengan melibatkan jutaan ringgit.

Saya menyokong penuh ucapan daripada Pasir Tumboh sekejap tadi yang menyarankan agar projek lori air kontrak ini diteruskan dalam usaha menangani masalah yang ada di hadapan kita. Untuk makluman pihak Kerajaan, DUN Pantai Irama khususnya amat terkesan dengan penamatan lori kontrak. Ianya memberi kesan terutamanya di kawasan hot spot uptown Jelawat iaitu dalam DUN Pantai Irama. Iaitu Bandar Baru Rusa dalam ..yang mana juga melibatkan Kompleks Sekolah-Sekolah di Tangok, UMK, Pusat Pengajian dan juga asrama UMK, Kampung Neman walaupun

sudah acap kali disebut dalam soalan tadi. Tapi inilah menjadi tekanan kepada kita sebagai Wakil Rakyat dan dicadangkan satu usaha tindakan sewajarnya perlu diambil oleh pihak Kerajaan.

Yang Berhormat Dato' Speaker,

Perkara yang kedua, mengenai Rumah Mampu Milik Pantai Irama menyokong penuh Titah Tuanku di muka surat 11. Setiap keluarga perlu memiliki sebuah kediaman dan Pantai Irama mencadangkan tempat-tempat strategik di Bachok tanah Kerajaan tersedia bagi memenuhi hasrat tersebut. Kita ada 80 ekar di Telong, 20 ekar di Bandar Bachok, 38 ekar di Kemasin mungkin boleh dipertimbangkan untuk rumah-rumah tersebut.

Yang Berhormat Dato' Speaker,

Perkara ketiga, Pantai Irama mengalu-alukan pihak Kerajaan dalam usaha menangani permasalahan kekurangan bekalan haiwan dan cadangan pihak Kerajaan bagi mengadakan kilang makanan haiwan adalah yang terbaik. Masalah bekalan makanan haiwan mahal amat terkesan dengan industri penternakan terutamanya di Bachok yang menjadi pusat aktiviti penternakan lembu utamanya di Kelantan. Pantai Irama mencadangkan tapak seluas lebih kurang 8 ekar milik PKINK yang sebelum daripada ini digunakan tempat memproses tembakau TPK dijadikan kilang makanan haiwan.

Yang Berhormat Dato' Speaker,

Perkara keempat, Tahun Melawat Kelantan 2024... dengan tema "Family Food And Festival" yang mensasarkan pengunjung 10 juta pelawat. Tahun Melawat Kelantan 2024

*"Negeri Berbudaya Warisan Sejagat",
Mokyong menoro tarian dan silat,
warisan budaya negeri berkat".
Silang budaya menunai hajat,*

Patut diluaskan negeri berempat, di Perlis pernah kita buat dengan semangat muafakat. Silang budaya menyambut menantu, sempena pelancaran TMK 2024 Pantai Irama johan menunggu, dayakan hajat penuh semangat.

Majlis sambutan menantu silang budaya yang berlangsung pada 26hb 2 2024 di Akademik Nik Rashidin Pantai Kandis Bachok berlangsung dengan jayanya. Program cetusan 2 orang sahabat karib yang dikenali ramai seorang popular di Kelantan dan seorang popular di peringkat Malaysia iaitu saudara Mustafa Kamal, pelakon dan juga Pengarah Filem dan dikenali dengan nama glamour Raja Sahak ..Dato' Sahak dan saudara Muhammad Ali Akhbar yang kejayaan program ini.... Program yang hebat ini sehingga dipelawa di beberapa tiktok dan juga FB meningkat jutaan minat dan program ini sempena Tahun Melawat Kelantan 2024 dan selaku ADUN Pantai Irama saya mengucapkan jutaan terima kasih kepada Yang Berhormat Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan Seni Warisan dan Kerajaan Negeri yang telah menjadikan memilih Pantai Irama sebagai Tuan Rumah dan telah mencatatkan sejarah yang besar dalam DUN Pantai Irama berjaya melaksanakan program ini yang telah mengembalikan nostalgia perkahwinan era tahun 60-an, 70-an dan 80-an lebih kurang. Rata-rata yang hadir begitu teruja dengan majlis ini yang disajikan dengan gulai zaman dahulu gulai buku besar dan hidangan dengan menggunakan khidmat jong kako disamping juga dengan persembahan Dikit Barat, budak-budak main tin, pekong selipar, main congkak, dan lain-lain yang paling unik semuanya pengunjung yang hadir memakai pakaian era 70-an dan pakaian orang terdahulu.

Sehari sejarah juga tercatat apabila Menteri Besar turut menyempurnakan sembelih kerbau di bakwoh ini. Terima kasih Dato' MB. Anak-anak muda yang hadir merasakan suasana majlis perkahwinan di zaman datuk nenek mereka. Majlis sambutan ini meraikan perkahwinan Sabri Yunus dan Angeline Tan dan saya rakamkan sekali lagi jutaan terima kasih kepada semua yang terlibat.

Akhir sekali Yang Berhormat Dato' Speaker, dalam usaha mengukuhkan pelaksanaan dasar OKU Muqarabbun sesuai dengan Titah Tuanku yang menginginkan kesejahteraan rakyat termasuk golongan OKU, saya mencadangkan pihak Kerajaan perlu menggerakkan usaha lebih bersepadu termasuk langkah-langkah progresif memantapkan lagi peranan Majlis Penasihat OKU Negeri MPON, melihat keperluan golongan ini kita perlu faham keperluan golongan OKU ini bukan hanya tanggungjawab portfolio Kebajikan semata-mata ianya merentasi portfolio yang ada. Ada usahawan OKU, ada Belia OKU yang terlibat dengan sukan dan sebagainya dan golongan ini perlu diberi pembelaan.

Justeru melalui MPON saya harap pelbagai isu OKU kita dapat tambahbaik. Juga usaha untuk memperkukuhkan lagi keupayaan para pengiat OKU melalui Majlis Persefahaman OKU Kelantan MPPOK supaya mereka mampu berada di pelbagai lapangan masyarakat meskipun berdepan dengan ketidakupayaan mereka. Saya sarankan supaya dapat dilaksanakan bagi melahirkan lebih ramai para pengiat OKU yang berwibawa agar kelangsungan usaha yang ada ini dapat kita teruskan.

Yang Berhormat Dato' Speaker,

Pantai Irama mohon menyokong....

YB DATO' SPEAKER :

Gaal, gaal dulu..

YB TUAN MOHD RODZI BIN JAAFAR :

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

بسم الله الرحمن الرحيم

الحمد لله رب العالمين, والصلاة والسلام على اشرف الأنبياء والمرسلين, وعلى آله

وصحبه أجمعين

Terima kasih Yang Berhoramt Dato' Speaker, kerana memberi peluang kepada Gaal untuk sama-sama mengambil bahagian dalam perbahasan Titah Ucapan Diraja pada petang ini. Gaal mengambil kesempatan menjunjung kasih kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Al-Sultan Muhammad ke-V di atas Titah Ucapan Pembukaan Penggal Kedua Dewan Negeri Kelatan Kelimabelas.

Yang Berhormat Dato' Speaker,

Dalam Titah Diraja Tuanku amat mengambil berat terhadap pengukuhan kedudukan agama Islam dan saya setuju dengan semua ucapan daripada Ahli-Ahli Yang Berhormat terhadap pengukuhan agama Islam di Negeri kita ini. Dan Tuanku mengharapkan agar perundangan dan Institusi Syariah terus diperkasakan di negeri kita ini. Gaal ingin berkongsi

harapan yang sama dengan Titah Tuanku supaya Undang Syariah di negeri ini dapat sama-sama dipertahankan saya mewakili rakyat Gaal melahirkan rasa kekesalan dan dukacita di atas pembatalan beberapa Enakmen Undang-Undang Syariah yang telah berlaku dan telah diputuskan pada 9 Februari yang lalu dan Gaal ingin mencadangkan supaya Enakmen-Enakmen ini digubal semula dengan beberapa penambahbaikan supaya ianya tidak bercanggah dengan Enakmen yang sedia ada dalam Undang-Undang Persekutuan.

Yang Berhormat Dato' Speaker,

Titah Tuanku juga agar semua agensi Kerajaan yang ada berganding bahu bagi menjayakan projek-projek pembangunan supaya taraf sosio ekonomi rakyat dapat ditingkatkan. Tahniah kepada Kerajaan Negeri yang telah berjaya membangunkan negeri kita ini dengan acuan Islam. Pembangunan yang seimbang antara keperluan fizikal dan keperluan rohani supaya pembangunan yang berlaku di Kelantan ini tidak melanggar kehendak agama.

Yang Berhormat Dato' Speaker,

Selaras dengan Titah Tuanku tersebut supaya projek-projek pembangunan di negeri kita ini dirancakkan, maka Gaal ingin mencadangkan supaya pihak Kerajaan mempercepatkan perancangan projek-projek pembangunan sama da berbentuk industri ataupun projek pembangunan untuk ekonomi terutama sekali di Kawasan stesen ECRL di Cherang Tuli, Pasir Puteh yang berkongsi Kawasan antara Limbongan dan Gaal supaya kepesatan pembangunan di Kawasan stesen ECRL ini akan dapat dirasakan oleh rakyat di sekitar kawasan tersebut.

Yang Berhormat Dato' Speaker,

Rakyat Gaal sangat ketandusan pertumbuhan ekonomi ini terutama sekali pertumbuhan dalam jajahan Pasir Puteh yang masih lagi belum mempunyai apa yang disebutkan sebagai Bandar Baru adalah DUN Gaal dan kita menyediakan tanah seluas lebih kurang 500 ekar dalam Mukim Kandis untuk dirancang sebagai tapak Bandar Baru atau pembangunan bercampur yang berhampiran dengan laluan ECRL.

Yang Berhormat Dato' Speaker,

Dalam bidang pertanian, Gaal amat mengharapkan agar cadangan untuk membina rumah sejuk beku di dalam DUN Gaal dapat disegerakan. Insha Allah dengan penyegeraan pembinaan rumah sejuk beku ini ianya akan dapat memberi manfaat kepada pengusaha-pengusaha sayuran di dalam DUN Gaal khususnya kepada para peserta tanaman cili di bawah seliaan PPK Bukit Awang yang diusahakan di satu Kawasan yang telah dimajukan Bersama oleh MAIK dan Pusat Zakat Selangor yang diberi nama Desa Alam Shah dan Kawasan ini merupakan pengeluar cili terbesar di negeri Kelantan. Jika pembinaan ini dapat direalisasikan ianya juga dapat dimanfaatkan oleh pekebun-pekebun durian yang sedang berkembang penanamannya di sekitar Jeram Linang dan Kg Chekar.

Gaal juga mengambil kesempatan untuk mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat EXCO dalam bidang Pertanian ini yang telah banyak memberi bantuan kepada sektor pertanian khususnya dalam DUN Gaal, sehingga beberapa hari yang lepas Yang Berhormat EXCO telah bersetuju untuk membina satu kilang memproses jus nenas yang diusahakan oleh Syarikat Gaal Pineapple Venture Enterprise yang dimiliki oleh Saudara Nazri yang merupakan salah seorang penanam MD2 yang agak luas di kawasan Gaal.

Yang Berhormat Dato' Speaker,

Dun Gaal adalah Kawasan yang sangat sesuai untuk pertanian. Justeru sekali lagi Gaal mengharapkan agar DUN Gaal dapat dijadikan sebagai hub pengeluaran hasil pertanian bagi Negeri Kelantan dengan bantuan dan inisiatif yang akan disediakan oleh pihak Kerajaan sejajar dengan Titah Tuanku supaya pihak Kerajaan menyediakan pelbagai skim dan bantuan pembiayaan tanpa faedah terutama sekali kepada para belia.

Yang Berhormat Dato' Speaker,

Kebawah Duli Tuanku juga menyentuh berkenaan Tahun Melawat Kelantan 2024. Sempena Tahun Melawat Kelantan 2024, Gaal ingin mencadangkan supaya semua pintu-pintu masuk di Kelantan dapat dipindahkan terutama sekali sebagai contohnya bersempadan di Terengganu pintu masuk di Bukit Yong Gaal mengharapkan supaya cadangan untuk mengalihkan laluan kuari atau perlaluan lori batu-batan daripada kuari yang berdekatan supaya dapat disegerakan. Selagi adanya

lalu pemindahan batu-batan ini maka sempadan pintu masuk di Bukit Yong itu akan tetap tidak terurus. Gaal juga mencadangkan di pintu masuk tersebut dibina arca-arca yang menarik pelancong dan diperbaiki semula potret Tuanku yang ada di situ yang satu masa dulu semasa pemerintahan Dato' Kaya Setia sebagai DO pasir Puteh dan sekarang ini tidak terurus. Gaal juga mencadangkan supaya dibina kios-kios untuk jualan pelbagai produk dan juga kraftangan di pintu masuk di samping Gaal mencadangkan supaya menaiktaraf medan selera di Kawasan Bukit Yong itu sebagai Kawasan Rehat dan Rawat.

Yang Berhormat Dato' Speaker,

Sekali lagi Gaal menjunjung kasih di atas Titah Diraja yang sarat dengan harapan dan pujian kepada kepimpinan Kerajaan Negeri dan Gaal mohon menyokong.
Terima kasih.

YB DATO' SPEAKER :

Kota Lama...

YB PUAN HJH DR. HAFIDZAH BINTI HJ MUSTAKIM :

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
السلام عليكم ورحمة الله وبركاته
وَالْمُؤْمِنُونَ وَالْمُؤْمِنَاتُ بَعْضُهُمْ أَوْلِيَاءُ بَعْضٍ يَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَيَنْهَوْنَ عَنِ الْمُنْكَرِ
وَيُقِيمُونَ الصَّلَاةَ وَيُؤْتُونَ الزَّكَاةَ وَيُطِيعُونَ اللَّهَ وَرَسُولَهُ ۝

Surah al-taubah ayat 71

"wahai orang-orang yang beriman lelaki dan perempuan sebahagian mereka menjadi penolong kepada sebahagian yang lain mereka menyuruh kepada yang makruf dan mereka mencegah daripada yang mungkar."

Yang Berhormat Dato' Speaker Dato' Amar Diraja Yang Berhormat Dato' Hj Mohd Amar Bin Abdullah, semua Ahli-Ahli Yang Berhormat pegawai Kerajaan izinkan Kota Lama merakamkan setinggi ucapan Junjung Kasih di atas Titah Ucapan Baginda Diraja Titah Diraja yang telah dititahkan

oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Muhammad V kepada Dewan yang mulia ini.

Terima kasih di atas kesempatan yang telah diberikan kepada Kota Lama untuk mengambil bahagian dalam Perbahasan Titah Diraja 2024 ini..

*Istana Lama tidak berpaku,
Ditelan zaman tidak berubah,
Rakyat Kota Lama menjunjung Titah Tuanku,
Agar damai bumi kita yang bertuah.*

Tahniah juga saya ucapkan kepada Kerajaan kita Negeri Kelantan di bawah pimpinan Yang Berhormat Dato' Panglima Perang Ustaz Hj Mohd Nassuruddin Bin Hj Daud atas kejayaan-kejayaan yang telah dititahkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Muhammad ke V, Kota Lama juga mahu menghargai jasa dan legasi yang telah ditinggalkan oleh mantan Menteri Besar Yang Berhormat Ustaz Dato' Bentara Kanan Ahmad Bin Yakob dan seluruh saff kepimpinan sebelum ini.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Titah Duli Yang Maha Mulia Tuanku begitu komprehensif bagi Kota Lama sarat dengan saranan dan harapan agar kesejahteraan segenap lapisan rakyat ini terjamin dan diberi keutamaan di negeri ini. Kota lama menyambut seruan Tuanku ini dengan sepenuhnya kerana apabila ditanya dan kita buat kajian sikit tentang apa yang dimahukan oleh warga Kota Lama maka rakyat rata-rata mahukan pembangunan dalam 4 bidang. Iaitu yang pertama sosioekonomi, kedua kesihatan, ketiga, Pendidikan dan yang keempat kemudahan infrastruktur dan prasarana awam. Maka kita lihat peningkatan dalam taraf hidup sosioekonomi rakyat dalam 4 bidang ini menjadi keutamaan bukan sahaja kita tetapi Kerajaan Persekutuan dan Kelantan tidak pernah dianaktirikan dalam penyampaian bantuan daripada Pusat.

Usaha Kerajaan Negeri yang telah membekalkan lebih daripada secara bulanan bantuan beras lebih daripada 13 ribu keluarga miskin iaitu lebih kurang 17% daripada jumlah keseluruhan golongan miskin dan miskin tegar di Kelantan yang dicatatkan sehingga 31 Januari 2024 iaitu seramai 78,346 Ketua Isi Rumah dengan menggunakan pendapatan garis kemiskinan PGK terkini. Persoalannya apakah dia persediaan jangka pendek dan jangka panjang Kerajaan Negeri untuk menangani kemiskinan yang kita bincang pagi tadi pelbagai dimensi orang kita, rakyat kita, yang tuan puan telah tangani bertahun-tahun lamanya bukan sahaja miskin harta tetapi terdiri daripada mereka yang berpenyakit

kronik. Sesak harta, sudah lagi berpenyakit dan sebahagiannya warga emas dan ada yang telah selesa duduk dalam kancah kemiskinan. Di Kota Bharu khususnya di Kota Lama kita mempunyai rakyat miskin yang perlu dibantu. Kalau miskin di kampung di Dabong, di Kuala Krai er.. kemungkinan mereka masih boleh bercucuk tanam makan nasi ulam budu. Tetapi di bandar keadaannya cukup memeritkan. Jadi saya ingin menyebutkan kesungguhan Perdana Menteri dalam menoktahkan kemiskinan patut disambut oleh kita semua dengan menggunakan hold state *approach* ataupun pendekatan keseluruhan negeri kita. Jadi saya mengalu-alukan YB EXCO Infrastruktur yang percaya yang kita sama-sama percaya miskin ini kita boleh noktahkan. Sebagaimana saranan ataupun inspirasi daripada apa yang pernah dicapai Ketika zaman Khalifah Umar.

Jadi dalam hal ini ia saya tertarik pendekatan berasaskan data di mana dengan penyelarasan data ini kita boleh memetakan, kita boleh map dia dengan izin... golongan miskin dan mengadakan road map mengeluarkan keluarga miskin daripada garis kemiskinan agar mereka dapat berdiri di atas kaki mereka sendiri. Saya juga ingin bertanya kepada Yang Berberhormat....

YB TUAN ROZI BIN MUHAMAD :

Minta laluan Yang Berhormat boleh tak? Sikit jah...

YB PUAN HJH NOR HAFIDZAH BIN HJ MUSTAKIM :

Okey...

YB TUAN ROZI BIN MUHAMAD :

Terima kasih Yang Berhormat, saya nak tanya berkaitan dengan sebagaimana yang disebut skni menoktahkan kemiskinan. Saya tertarik dengan kenyataan PMX Perdana Menteri kita dalam kenyataan dia pada 19 Januari tak silap 19 Februari berkaitan dengan pembasmian miskin tegar dalam kenyataan Perdana Menteri menyatakan setahun dalam pentadbiran dia, dia boleh menoktahkan kemiskinan 100% untuk 3 negeri. Kuala Lumpur, Melaka dan Negeri Sembilan. Jadi adakah kenyataan ini betul-betul realiti ataupun kalau realiti kita nak belajarlal macam mana dia boleh menoktahkan dalam tempoh satu tahun boleh menoktahkan 100% menghapuskan miskin tegar di 3 buah negeri

ataupun ini sebagai sembang kosong sebagaimana yang diamalkan sebelum daripada ini.

YB PUAN HJH NOR HAFIDZAH BIN HJ MUSTAKIM :

Saya rasa saya bukan PMX untuk menjawab kenyataannya tapi yang penting tuan-tuan dan puan-puan, kita sebagai Kerajaan perlulah mempunyai pertama tekad dan yang kedua vical cara lagumana nak menghapuskan kemiskinan. Kita bimbang kita berada dalam satu dia panggil satu pusingan vesearch yang mana kita beri bantuan

YB TUAN ZAMERI BIN MAT NAWANG :

Yang Berhormat Speaker, pohon mencelah. Soalan saya kepada Kota Lama untuk membasmi kemiskinan menoktahkan kemiskinan ni adakah dengan cara menaikkan beras madani kepada beras putih asalnya RM2.60 sekilo kepada RM3.50 sekilo itu merupakan satu cara untuk menoktahkan kemiskinan. Terima kasih..

YB PUAN HJH NOR HAFIDZAH BIN HJ MUSTAKIM :

Terima kasih, masing-masing Alhamdulillah tidak tidur dah dekat pukul 4 ni. Yang Berhormat Dato' Speaker, saya rasa kita perlu fokuskan pada hari ini memang ada pandangan-pandangan tersebut saya alu-alukan tapi in realiti tapi di atas bila kita bergerak di lapangan di akar umbi kita memang nampak bahawa miskin ini tidak boleh dipukul rata. Saya pasti YB EXCO Infra setelah bertahun-tahun ni mengetahui di kawasan kita, kita perlu menyelesaikan kes by kes. Jadi janganlah larikan daripada sudut hal nak turunkan kemiskinan isu beras mahal tu bukan sahaja di Negeri Kelantan di luar itu adalah masalah global. Yang kita bicarakan hari ini adalah apa peranan kita, apa perancangan kita tapi Alhamdulillah disebutkan oleh YB EXCO antara perancangannya saya nak menarik perhatian semua warga Dewan yang mulia ini kita sama-sama fikirkan. Boleh tak kita jadikan Jabatan Kebajikan Masyarakat sebagai lead agensi yang mempunyai detal ini. Kita tahu bahawa Kerajaan tidak mungkin ada secukupnya *all the time* untuk menyelesaikan masalah tapi boleh tak contohnya JKM kita namakan badan-badan ini sebagai penyelarass dan ada pihak-pihak swasta, NGO untuk membantu. Jadi saya lontarkan hari ini untuk sama-sama kita fikirkan ia tadi dengan menginspirasikan daripada agama kita ajarkan batul-betul tadi boleh mengurangkan ketirisan. Kita boleh boleh mengelakkan rasuah mengagihkan kekayaan negeri dan negara ini

dengan sewajarnya. Insha Allah kita boleh, cuma soalan saya yang keduanya adalah adakah Kerajaan yang bercadang sebab sekarang in 70% sekurang-kurangnya nak naikkan tak ke 50% tambahan kepada yang miskin ini supaya 26,000 lagi keluarga miskin di seluruh negeri dapat Al-It'am ini. Itu soalnya..

Antara kejayaan Persektuan menangani sosioekonomi rakyat ialah dengan berjaya menurunkan kadar kepada 1.5% dan pengangguran kepada paras rendah 3.6% namun semakan di Jabatan perangkaan kadar pengangguran di Negeri ini masih lagi di tahap 4.1%. kalau PMX boleh menarik pelaburan sebanyak 3.29 billion apakah perancangan Kerajaan Negeri dalam meningkatkan peluang pekerjaan bagi rakyat kita apakah di sana petanda-petanda yang menunjukkan kadar pelaburan luar kita meningkat sebagai satu ukuran kepada pertambahan peluang-peluang kepada rakyat kita untuk mencari nafkah di negeri ini berbanding di luar.

Ia, Yang Berhormat Dato' Speaker, Khairul Aming.. siapa tak kenal Khairul Aming what's up Guys...anak Kelantan yang mencipta fenomena apabila berjaya menjual dendeng nyett berapi secara online dalam masa 3 minit 39 saat yang bernilai RM 1.2 juta. Khairul Aming ini istimewa bagi Kota Lama kerana beliau kreatif memberi peluang kepada Wanita-wanita kita di Flat Buluh Kubu ia sebagai tenaga memproses cili untuk sambal nyet nya. Ia persoalan yang lebih penting adakah fenomena Khairul Aming menunjukkan bagi saya fenomena Khairul Aming ini menunjukkan Kelantan kita tidak kuarng anak muda dan bakat yang baik untuk diketengahkan dalam bidang usahawan, adakah Kerajaan Negeri bercadang untuk mengketengahkan anak muda seperti Khairul Aming juga ramai usahawan-usahawan yang berjaya untuk mendorong lebih ramai anak muda berkecimpung dalam dunia usahawan. Jadi seterusnya...

YB DATO' SPEAKER :

Sila ringkaskan ucapan....

YB PUAN HJH NOR HAFIDZAH BIN HJ MUSTAKIM :

Ok..rakyat Kota Lama sebahagiannya mencari nafkah dengan berniaga mereka berniaga kecil-kecik jadi saya berharap pihak... mereka juga berhadapan antaranya kadang-kadang susah nak dapat lesen berniaga,

kadang-kadang tempat berniaga mereka mungkin mendapat pelbagai kacau ganggu dan sebagainya.

Jadi Dato' Speaker, Kota Lama mengucapkan terima kasih atas kerjasama pihak Berkuasa Tempatan selama 6 bulan saya bertugas ini dan Kota Lama berharap isu-isu yang saya sebutkan ini adalah isu terpencil dan tidak berterusan. Sikit lagi tentang pelancongan saya nak ucapkan tahniah kepada Tahun Melawat Kelantan kepada EXCO Pelancongan dan kita berharap RM10 juta yang akan datang dan RM4 billion yang kita bakal kutip tu sebahagiannya akan masuk dalam poket warga Kota Lama. Cuma saya kalau *Guillemard bridge* ada di Tanah Merah..kita di Kota Lama juga sebenarnya ada tapak pondok Tok Tabal yang boleh dijadikan satu produk kerohanian ini. Jadi ianya berusia lebih 150 tahun, ayah kepada Tok Guru Nik Aziz belajar di situ dan kita berharap usaha-usaha seperti ini dan saya sebut pelancong kerohanian sebab saya jumpa seorang yang beragama Buddha datang sini untuk melihat wat-wat ini dan ini pun satu cara lain kalau kita boleh pakejkan la saya pernah sebut di Dewan ini mungkin kita boleh *on hop-off* bukan bas tapi van untuk membantu capture this pelancong.

Saya nampak di secular tu ada Tahun Melawat Kelantan tu ada Festival Sri Kandi sempena Hari Wanita Antarabangsa. Saya nak menjemput ataupun dapat tahu bahawa kerana saya tengok dia punya tema tu amat-amat menarik tuan-tuan dan puan-puan. Wanita mendunia Che Siti Wan Kembang menginspirasi keterangkuman demi kegemilangan. So saya amat berharap tuan-tuan dan puan-puan dapat memberikan Kerjasama dan ini menjadikan satu modul penyatuan Wanita dari pelbagai latar belakang. Iya, supaya Insha Allah akhirnya kita dapat membangunkan negara ini dan *hopefully* festival ini berjalan tanpa langkah ataupun karenah birokrasi.

Akhirnya Dato' Speaker, ramai yang sebutkan pasal dan saya juga terkena tempias jugaklah pasal kes Nik Elin dan juga Kerajaan Negeri Kelantan. Saya ingin menegaskan di sini bahawa saya bukan penentang perjuangan Islam. Saya menyokong sepenuhnya Enakmen Kanun Jenayah Syariah Kelantan. Cuma yang saya mahu tuan-tuan dan puan-puan fikirkan bagaimana kita yang bijak pandai di Dewan yang mulia ini....

YB DATO' SPEAKER :

Tak ada tuan-tuan dan puan-puan..yang ada Ahli-Ahli Yang Berhormat.

YB PUAN HJH NOR HAFIDZAH BIN HJ MUSTAKIM :

Maaf.. Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, maafkan saya...boleh membenarkan institusi penting kita atas nama apa pun diganggu gugat sedemikian rupa. Kenapa kita tidak menjaganya dan ini kita kena sampaikan dengan betul kepada rakyat supaya dia tidak melabel. Label adalah paling mudah untuk kata dengan kami. Itu yang saya hadapi... jadi akhirnya...terima kasih kepada Tuan Speaker, berharap isu ini dapat kita bahaskan secara tenang dalam Dewan yang mulia ini..

YB DATO' SPEAKER :

Masa dah cukup Yang Berhormat...

YB PUAN HJH NOR HAFIDZAH BIN HJ MUSTAKIM :

Saya pun dah cukup disitu.... Insha Allah mudah-mudahan kita menjaga penjurupenjurup kita. Yang baik datangnya dari Allah dan yang tak baik datangnya dari saya.

وبالله توفيق والهداية, السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

YB DATO' SPEAKER :

Ada boleh saya tahu berapa orang lagi nak berucap.

YB TUAN ROHIMI BIN WAN DAUD :

Melor Dato' Speaker..

YB DATO' SPEAKER :

Ada lagi..ramai lagi nih.. sambung sampai pukul 6 nih[SAMBIL TERSENYUM] saya berhasrat untuk menangguhkan Persidangan Dewan pada jam 5. Jadi kita akan bagi sape yang sempatlah dan saya harap dapat menepati masa 10 minit sorang. Mula dengan Melor. Sila....

YB TUAN WAN ROHIMI BIN WAN DAUD :

Terima kasih Yang Berhormat Dato' Sri Amar Diraja Dato' Speaker, atas izin yang diberikan untuk saya Melor turut bersama dalam sesi

Perbahasan Titah Diraja pada kali ini. Terlebih dahulu ingin saya rakamkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Dato' Panglima Perang Menteri Besar, Yang Berhormat EXCO-EXCO dan seluruh jentera Kerajaan atas inisiatif memacu negeri ini ke arah yang lebih cemerlang keberkatan dan kesejahteraan. Yang menyambung inisiatif dan juga legasi kelangsungan pemerintahan sejak zaman Almarhum Dato' Bentara Setia Tan Sri Tok Guru Nik Abdul Aziz dan seterusnya Yang Berhormat Dato' Bentara Kanan masih bersama-sama dalam Dewan yang mulia ini.

Dato' Speaker, semalam kita sama-sama menekuni Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Al-Sultan Muhammad Ke V, sempena pembukaan Sidang Dewan yang kelima ini dan saya sangat teruja apabila intipati pemerksaan ...memperksa dan mempertahankan perundangan dan Institusi Syariah Negeri menjadi agenda yang paling utama dalam ucapan ataupun Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku.

Titah ini walaupun ringkas tetapi sangat padu dan padat kepada Kerajaan dan kita semua Ahli-Ahli Dewan yang mulia ini supaya kita bersama mengerah tenaga dan mencari jalan untuk mempertahankan perundangan Syariah di negeri ini, kita perlu Bersama mencari akal untuk mengubal semula Peruntukan 16 seksyen yang telah dibatalkan oleh Mahkamah Persekutuan pada 9 februari 2024.

Yang Berhormat Dato' Speaker,

Alhamdulillah semalam kita mendengar Titah Diraja Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Kedah dalam ucapan sidang DUN Kedah di mana Tuanku Sultan Kedah bertitah untuk perkasakan Undang-Undang Syariah Negeri Kedah, dan perlu memasukkan Mahkamah Syariah dalam Undang-Undang Tubuh Kerajaan Negeri Kedah sebagaimana Mahkamah Sivil yang disebut secara jelas dalam Perlembagaan Persekutuan. Dan dengan itu saya menyokong penuh ucapan Yang Berhormat Chempaka tadi berkenaan dengan keperluan untuk kita meminda Undang-Undang Tubuh bagi memberikan peruntukan yang jelas kepada perundangan Syariah dan peranan Mahkamah Syariah dalam negeri ini. Hal ini menunjukkan Sultan Melayu dan Raja-Raja Melayu menyedari bahawa kesan kepada kes Nik Elin adalah semakin merungkaikan kuasa Dewan-Dewan Undangan Negeri dalam menggubalkan Enakmen Syariah, bahkan merungkai kuasa Sultan dan Raja-Raja Melayu sebagai Ketua Agama bagi setiap negeri. Malang sekali terdapat di kalangan kita yang seolah-olah meremehkan kesan Penghakiman Mahkamah Persekutuan tersebut.

Saya pagi tadi dengar Yang Berhormat Kota Lama masa YB EXCO sebut isu tentang yang berkait dengan isu kes Nik Elin. Saya dengar Kota Lama sebut “kes Nik Elin ni bukan mempekecilkan atau menghapuskan bidang kuasa Mahkamah Syariah jauh sekali daripada isu tidak mahu Islam dinobatkan. Kota Lama sebut kepada saya dia clear sebagaimana dia sebutkan oleh Ketua Hakim Negara Tun Tengku Maimon. Kononnya keputusan itu membetulkan, meletakkan di rail yang tidak mengikut perlembagaan.

Tak cukup dalam Dewan ini, Kota Lama keluar Dewan dan menyatakan dalam facebook live mengulangi yang sama bahawa kononnya kes Nik Elin bukan berhubung dengan mahu menghapuskan Mahkamah Syariah tapi mengukuhkan lagi Syariah. Jadi adalah tak betul melabel saya sebagai penentang Islam atau label saya penyokong Nik Elin.

Yang Berhormat Dato’ Speaker,

Saya kira apa yang yang disebut oleh saya tak tahu sama ada Kota Lama sedar atau tak sedar tentang apa yang dia cakap itu seolah-olah telunjuk lurus kelingking bersait berkait. Keputusan Nik Elin ni kita *apply common sense* logik akal. Kita tak payah jadi Peguam, kita tak payah jadi Hakim, kita tak payah jadi Ketua Hakim Negara. Dalam EKJS Enakmen Kanun Jenayah Syariah (I) 2019 ada 68 peruntukan ataupun seksyen yang menjawab Galas. Memang EKJS ni asalnya dibuat digubal daripada tahun 1984 zaman Kerajaan Barisan Nasional. Terima kasih banyak kita bersama dan tapi malangnya Kerajaan Barisan Nasional pada tahun 1985 meletakkan limit yang kecil pada Akta 355 menghadkan peranan Mahkamah Syariah kepada 3 tahun penjara, RM5,000 dan 6 sebatan. Meletakkan Mahkamah Syariah sebagai inferior tribunal...tribunal kecil yang kalau kita rujuk Mahkamah Adat di Sabah dan Sarawak lebih rendah daripada itu. Bahkan pernah kita cuba dengan Ahli Parlimen Marang membawa *private member’s bill* usul persendirian yang dibentangkan pada Julai 2017 tapi Kerajaan Barisan Nasional pada ketika itu tidak menerima. Tapi apa pun..apa pun kita ucapkan terima kasih. Maknanya EKJS 2019 bukan muncul lahir daripada 2019 tapi dia awal lebih daripada itu berkuatkuasa 1985 di review di update menjadi 2019.

Saya nak sebut begini terutama kepada Yang Berhormat Kota Lama yang membawa naratif kononnya kes Nik Elin ni memperkukuhkan Mahkamah Syariah pada rail. Saya nak kata begini, EKJS 1 ada 68 peruntukan. Peruntukan yang memberikan kuasa kepada Mahkamah Syariah

terkandung dalam bab II kesalahan Takzir berhubungan dengan penjagaan diri dan maruah. Bab III kesalahan Takzir penjagaan akal dan konsumsi, bab IV kesalahan Takzir berhubungan kesalahan penjagaan harta, bab V penjagaan keturunan.

Ada 49 punca kuasa yang diberikan melalui 49 seksyen kepada Mahkamah Syariah tapi bila Nik Elin masuk ...kes Nik Elin masuk, mahkamah batalkan 16 yang tinggal hanya 33. 49 tolak 33.. bukankah itu menguncupkan bidang kuasa Mahkamah Syariah. Dan kalau kita mengambil narrative Nik Elin dan mengukuhkan Perlembagaan.. takzir ini sama saja dengan Mahkamah sivil dan Mahkamah Syariah... untuk apa ada Mahkamah Syariah? Serahkan semua kepada Mahkamah Takzir dan Kerajaan Negeri tak payah bayar gaji kepada Kadi. Tak perlu bayar gaji kepada Kadi Mahkamah Syarie. Jadi *narrative* yang dibuat oleh Kota Lama dan partinya yang saya tengok dengan jelas dengan Galas adalah nerative yang sangat bahaya kerana kita meremeh-remehkan kesan itu sedangkan kesan itulah yang menguncupkan bidang kuasa Mahkamah Syariah. Bukan negeri Kelantan sahaja.. ada 7 negeri yang mempunyai pertindihan kuasa seksyen-seksyen yang sama.

YB TUAN BAHARI BIN MOHAMAD NOR :

YB Saya pohon mencelah, boleh sedikit?

YB TUAN WAN ROHIMI BIN WAN DAUD :

Iya, sila...

YB TUAN BAHARI BIN MOHAMD NOR :

Berikutan dengan pengharaman 16 seksyen berkenaanPembatalan..

YB DATO' SPEAKER :

...16..16..

YB TUAN BAHARI BIN MOHAMD NOR :

16 pembatalan..jadi bagaimanakah dengan kes-kes yang dibicarakan di Mahkamah berkaitan di Mahkamah Syariahlah yang berkaitan dengan kes-kes yang ada kaitan dengan 16 seksyen tersebut?

YB TUAN WAN ROHIMI BIN WAN DAUD :

Owh jawapan mudah saja... segala prosiding itu adalah *null and void* terbatal dan tidak sah. So pada masa sekarang Mahkamah Syariah tidak ada kuasa lagi dan Mahkamah Syariah di Negeri-negeri lain yang mempunyai peruntukan yang sama juga hendaklah di apply moratorium...

YB DATO' SPEAKER :[MEMOTONG]

Minta ringkaskan, masa Yang Berhormat terhad.

YB TUAN ROHIMI BIN WAN DAUD :

Dato' Speaker, apa yang saya nak sebut ialah dalam rangka ruang terhad ini kita jangan pandang narrative Nik Elin...kes Nik Elin dalam ruang yang terkepung ataupun *in isolation* jangan kita pandang dia saja. Kita kena padang keseluruhan serangan-serangan terhadap Syariah dan bermula dari tahun 1990 an lagi dan paling besar kes Indira Ghandi pada tahun 2018. Indira Ghandi selesai 2018 ada pula jelmaan Indira Ghandi 2.0 yang difailkan di Mahkamah Syariah Kuala Lumpur 23 Mac 2023 menyerang 8 negeri. Perlis, Kedah, Perak, Johor, Negeri Sembilan, Melaka dan Wilayah-Wilayah Persekutuan memohon pengisytiharaan pemelukan Islam secara unilateral terbatal dan tidak sah. 2021 ada kes Iki Putra seksyen 28 Enakmen Mahkamah Syariah Selangor telah terbatal. 2022 ada kes Sisters In Islam, kuasa Kehakiman Jenayah Syariah di Selangor Seksyen 66A terbatal. Mereka datang ke Kelantan 16.. satu demi satu mereka menyerang dan mematahkan sendi-sendi mempertahankan Islam dan pelaksanaan syariat.

Jadi kalau Yang Berhormat Kota Lama mengambil enti saya minta maaf, saya mahu menegur kerana narrative itu adalah bahaya..sila...

YB PUAN HJH DR. HAFIDZAH BIN HJ MUSTAKIM :

Saya pun kena membetulkan fakta bila kita kata kes ini membawa kepada satu pembaharuan dan penambaihan adalah dengan wujudnya kes ini tertubuhnya Jawatankuasa Kehakiman Syariah di peringkat Persekutuan yang melihat. Jadi Dewan ini kalau la sekurang-kurangnya ia mengambil seperti..

YB DATO' SPEAKER : [MEMOTONG]

Soalan..soalan Yang Berhormat..bukan penjelasan. Minta soalan..

YB PUAN HJH DR. HAFIDZAH BIN HJ MUSTAKIM :

Seperti Terengganu mahu melihat Kembali dan mahu mengukuhkan. Itu saja point saya.... Ok..cukup..cukup..

YB TUAN WAN ROHIMI BIN WAN DAUD :

Soalan pun dah salah tu... Jabatan Kehakiman Syariah lama dah tubuh dan masa saya berada dengan Menteri Agama sesi lepas, Jabatan Kehakiman Syariah sekarang adalah Menteri Agama Datuk Dr. Naim dulu di mantan Ketua Pengarah. Dia adalah Urusetia yang menjayakan kertas untuk Pindaan kepada 355 sehingga menyebabkan pada 26 Ogos 2022 kita dapat kelulusan dasar di Kabinet dan kita dapat *approval green light blue bill* daripada Peguam Negara pada 7 Oktober 2022. Sayangnya 10 Oktober Parlimen dibubarkan..maknya everything dah siap tapi kalau nak sebut JKSM salah saya rasa. Yang Berhormat mungkin nak sebut lain.

YB DATO' SPEAKER : [MEMOTONG]

Masa Yang Berhormat..masa cukup.

YB TUAN WAN ROHIMI BIN WAN DAUD :

Jadi gitulah..untuk kesimpulannya Yang Berhormat Dato' Speaker,... saya tak ada apa-apa personal indivendor dengan Yang Berhormat tapi narrative yang dibawakan oleh Yang Berhormat yang meremeh-remehkan kesan ini adalah sangat bahaya untuk seluruh penganut Islam seluruh negara. Jadi saya harap narrative ini boleh dihentikan oleh Parti Yang Berhormat. Dato' Speaker, saya mohon mencadangkan.

YB DATO' SPEAKER :


Terima kasih, oleh kerana masa terhad dan ramai yang nak berucap, saya menggunakan budi bicara untuk memilih hanya 2 orang sahaja. Salor kemudian tadi Kemuning yer....

YB TUAN SAIZOL BIN ISMAIL :

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

الحمد لله رب العالمين, والصلاة والسلام على اشرف الأنبياء والمرسلين, وعلى آله وصحبه أجمعين



وَتَعَاوَنُوا عَلَى الْبِرِّ وَالتَّقْوَىٰ ۖ وَلَا تَعَاوَنُوا عَلَى الْإِثْمِ وَالْعُدْوَانِ ۚ وَاتَّقُوا اللَّهَ ۚ إِنَّ اللَّهَ شَدِيدُ الْعِقَابِ ۚ

Surah al-maidah ayat 2

“tolong menolonglah kamu kepada perkara kebaikan dan taqwa janganlah kamu tolong menolong dalam berbuat dosa dan kemungkaran dan permusuhan dan bertaqwalah kepada Allah. Sesungguhnya Allah sangat berat siksanya.

Terima kasih saya rakamkan jutaan terima kasih kepada Yang Berhormat Dato’ Speaker kepada saya untuk turut sama dalam Perbahasan menjunjung kasih ke atas Titah Duli Yang Maha Mulia Sultan Muhammad ke V yang telah dibacakan oleh Yang Amat Berhormat Dato’ Panglima Perang dalam Istiadat ke-15 semalam.

Yang Berhormat Dato' Speaker,

Dalam kesempatan yang ringkas saya cuba ringkaskan pada petang ini saya menjunjung kasih atas kecaknaan Tuanku berhubung dengan pembangunan dan kemajuan Negeri Kelantan dalam Titah tersebut yang ingin melihat Negeri Kelantan tidak tercicir dan terus maju tidak ketinggalan berbanding pembangunan negeri-negeri lain. Fokus saya dalam kesempatan ini satunya berhubung dengan pembangunan negeri dengan insentif-insentif pelaburan galakan pelaburan industri kecil dan sederhana.

Yang Berhormat Dato' Speaker, sebagaimana kita maklum Kelantan atau negeri yang turut terlibat dalam agenda besar pembangunan Negara khususnya dalam pembangunan wilayah ekonomi timur ECER yang bermula sejak era pemerintahan Almarhum Dato' Bentara Setia Tan Sri Tuan Guru Nik Abdul Aziz Nik Mat sebagai pengamal percukaian saya melihat kadar istimewa cukai korporat selama 15 tahun dalam Titah yang dibacakan semalam buat para pelabur yang terlibat dalam projek pelaburan dalam Wilayah pembangunan ini yang merupakan suatu yang amat membantu. Terima kasih kepada Kerajaan Persekutuan atas insentif yang diberikan cuma saya harap hubungan baik antara Kerajaan Negeri dengan Kerajaan Persekutuan kita dapat tingkatkan lagi lebih-lebih lagi insentif-insentif percukaian yang dapat kita panjangkan dan perluaskan untuk kita pertimbangkan pihak Kerajaan dalam sektor-sektor lain juga bagi memacu hasrat Kerajaan yang harus kita lihat dan memberi fokus Insha Allah.

Yang kedua, saya menyambut baik inisiatif Kerajaan memperluaskan skop kepada pegawai dagang ataupun expertaerial dengan izin dalam keterlibatan sama pembangunan Wilayah Timur di negeri kita. Kadar cukai yang ditetapkan 15% yang kita sedia maklum kurang sekitar 5 ke 15% berbanding professional lain kita lihat amat membantu dan negara kita Malaysia merupakan salah satu daripada top 5 negara yang diperakui baik untuk expertaerial dan kita perlu kepada tenaga-tenaga mahir ini untuk pembangunan sektor-sektor baru bidang-bidang yang mempunyai kepakaran khusus ini dan namun bagi saya kita tidak seharusnya bergantung kepada expertaerial begini kita ambil kesempatan untuk kita lahirkan tenaga tempatan yang kita lihat berpotensi melalui kapasiti building dengan izin atau setidak-tidaknya inisiatif ini kita tawarkan kepada tempatan yang berada di luar negara dengan kadar insentif yang

sama ataupun lebih rendah yang bagi saya tidak menjadi satu kerugian kepada negara andai tawaran ini dapat diberikan.

Yang Berhormat Dato' Speaker,

Saya juga rakamkan junjung kasih kepada Duli Yang Maha Mulia serta Kerajaan Negeri atas kecaknaan buat warga usahawan kecil dan sederhana di negeri kita pada peruntukan DUN-DUN dengan kerjasama dengan pihak perbankan bagi menjayakan hasrat ni sebagaimana dalam Titah Tuanku semalam kita ada skim mikro kredit pembiayaan tanpa faedah yang bagi saya sepatutnya bukan sekadar tanpa faedah semata-mata tapi tiada terus caj-caj tambahan..caj-caj sampingan yang harus dikenakan kepada para warga IKS ini. Perkara ini boleh dilaksanakan dengan cara bagaimana CSR diperingkat dalaman syarikat-syarikat yang menyediakan perbankan sendiri mereka mungkin boleh gunakan dana-dana tersebut untuk menampung kos-kos tambahan ini. Sedikit sebanyak dapat membantu para peniaga para usahawan kita.

Di negeri kita walaupun kita namakan usahawan di negeri kita ini.. kebanyakan mereka adalah kelompok berniaga sendiri dalam semua sektor pertanian, penternakan, makan minum, perkhidmatan merekalah bosnya, merekalah kulinya. Cukup untuk mereka makan tapi belum cukup untuk menjadi usahawan sebenar dalam membantu Kerajaan terutamanya dalam menyediakan peluang pekerjaan kepada insan lain. Satu peringkat sudah selesai kerana kemampuan mereka untuk berdikari namun kita tidak mahu mereka berada pada tahap itu saja. Bagaimana untuk kita angkat mereka ke peringkat sedikit atas untuk mereka menjadi usahawan sebenar yang untuk turut membantu insan lain. Sekurang-kurangnya satu perniagaan itu dapat menyediakan satu peluang kerja kepada insan lain sekitar mereka.

Kelompok yang kedua realiti di negeri kita perniagaan yang diwarisi oleh 2,3 generasi yang merupakan kelompok yang sudah mempunyai produk ataupun mempunyai ataupun perkhidmatan yang khusus yang mempunyai kepakaran dalam perkara tersebut. Kelompok ini harus kita bantu dengan inisiatif tambahan bagi mengekalkan *survival* mereka. Supaya mereka terus berdaya saing dan kelompok ini sebenarnya kalau kita lihat yang cukup terkesan bila sebarang dasar baru sebarang perubahan kepada sistem percukaian, sebarang dasar-dasar yang melibatkan gaji pekerja sebagai contoh kelompok inilah yang juga harus dibantu bagaimana pengurusan yang lebih baik dapat kita tingkatkan.

Perubahan teknologi yang berlaku insentif-insentif yang ditawarkan juga bagaimana nilai tambah yang harus diberikan produk dan perkhidmatan yang mereka sediakan. Biasanya kelompok ini ditawarkan geran-geran Cuma mereka sendiri terlepas pandang mereka sendiri tidak ada pihak yang membantu menyalurkan kepada saluran-saluran ini. Dari segi pelancongan sendiri kelompok ini berpotensi untuk kita libat-samakan berdasarkan kelebihan mereka yang mempunyai produk khas yang mungkin boleh jadi satu tarikan kepada para pelancong.

Yang Berhormat Dato' Speaker,

Saya juga merakamkan jutaan terima kasih atas keprihatinan Tuanku melihat isu keterjaminan makanan yang merupakan satu perkara yang harus dipandang secara serius dan secara kita bersama. Salor merupakan DUN yang kebanyakan penduduknya yang mengusahakan sawah. Di Salor kita ada 1 lebih hektar yang diusahakan lebih 400 pesawah. Cuma dalam sehari dua ni kita cukup sedih dengan suasana yang berlaku bila kita bicara untuk meningkatkan produktiviti mereka, kita bicara teknologi revolusi IR 4.0 dengan izin, tapi hakikatnya kita berhadapan dengan kemelut asas para petani. Infra utama, saliran air ke petak-petak sawah padi para petani kita. Saat kita bersidang sekarang saya yakin para petani di kampung-kampung sedang bergelut memikirkan nasib bagaimanakah hasil pertanian yang bakal mereka tuai kelak. Memikirkan bagaimana memenuhi air di petak-petak sawah padi mereka sekarang. Menghitung hari saya yakin andai mungkin perkara ini tidak dapat diselesaikan dalam sebulan dua ini apa yang diharapkan hasil yang diharapkan untuk dituai yang merupakan satu ang jauh dari sasaran. Jadi saya harap pihak khususnya pihak KADA sendiri mengambil langkah proaktiflah. Pasal kita dimaklumkan salah satu rumah pam kubur di Salor harap dapat diberi keutamaan segera. Saya dapat makluman peruntukan untuk rumah pam ini telah diluluskan....

YB TUAN ZAMERI BIN MAT NAWANG :

Er.... Salor.. minta laluan sikit.

YB TUAN SAIZOL BIN ISMAIL :

Sila..sila..

YB TUAN ZAMERI BIN MAT NAWANG :

Ok, berhubung dengan masalah yang dihadapi oleh penanam padi ni Salor, jelas sekarang air kekeringan di kawasan bendang padi dan salah satu caranya ialah dengan mengadakan.. menyediakan satu alat yang dipanggil post pam untuk mengalirkan air dari sungai ke petak-petak sawah ataupun di Jelawat dipanggil sebagai jewok..orang Jelawat panggil jewok mungkin EXCO Pertanian tahulah Jewok tuh. Jadi adakah Salor setuju dengan saya bahawa bantuan segera khas patut diberi kepada para petani ini untuk membeli jewok ini dan juga menjalankan kerja-kerja boring air di kawasan masing-masing.
Terima kasih.

YB TUAN SAIZOL BIN ISMAIL :

Terima kasih kepada Jelawat atas soalan. Saya sendiri menyokong penuh cadangan tersebut. Cuma isu kita sebenarnya macam di Salor ni kawasannya cukup luas, peruntukan pun telah diluluskan 2 kali. Saya dimaklumkan alat sendiri pun sudah dibeli Cuma dipindahkan ke tempat lain.

YB DATO' SPEAKER :[MEMOTONG] Sila ringkaskan ucapan.

YB TUAN SAIZOL BIN ISMAIL :

Bagi saya satu pengkhianatan kepada rakyat yang harus kita lihat. Saya dengar dari pesawah sendiri ada yang sebut kata apa yang untung untuk tolong. Sebut perkataan ..tergamak keluar dari sesetengah individu sebut ni daripada pesawah-pesawah yang menyatakan kekesalan merekalah. Ok Yang Berhormat Dato' Speaker, saya mengambil kesempatan juga merakamkan jutaan terima kasih kepada Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Negeri Kelantan MAIK kerana telah memilih Salor dengan perasmian Maahad Tahfiz Al-Quran MAIK yang dirasmikan oleh Yang Berhormat Mulia Tengku Tan Sri Dato' Haji Mohamad Nizam Bin Tengku Abdul Aziz, Yang Dipertua MAIK kini Salor mempunyai 2 institusi Pendidikan yang memfokuskan Al-Quran di Maahad Tahfiz Al-Quran Darul Saadah Lilbanat di Beta Hulu, dan yang terbarunya Maahad Tahfiz Mad ini yang baru dirasmikan. Saya harap semoga dengan adanya Maahad Tahfiz yang baru ini Salor menjadi salah sebuah daripada gelung ilmu yang menjadi pilihan rakyat termasuk dengan institusi pondok yang sedia ada dalam Salor sendiri.

Akhirnya saya menutup dengan pantun..Cuma pantun saya ni, saya harap dapat buat betul lah. Mukasurat 210 daripada hansard kita nih salah tukar bulih nya taip. Tukar robbi dengan roti lain maksud kalau boleh buka tengok.

*Pelancaran TMK meriah berlangsung,
Zapin Salor hebat dipersembah,
Ribuan ampun kasih dijunjung,
Izinkan Salor membahas Titah.*

Saya dengan itu mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Speaker.

YB DATO' SPEAKER :

Sila, Kemuning...

YB TUAN AHMAD ZAKHRAN BIN MAT NOOR :

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Yang Berhormat Dato' Speaker, Yang Amat Berhormat Dato' Panglima Perang Menteri Besar, Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan, Sahabat-Sahabat, Ahli-Ahli Yang Berhormat serta semua pegawai-pegawai Kerajaan yang hadir pada hari ini. Terima kasih saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Speaker, kerana memberi peluang kepada saya untuk menyertai Perbahasan Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Muhammd ke V, sempena Istiadat Pembukaan Dewan Negeri Kelantan Yang Kelimabelas Tahun 2024. Saya ingin memetik Titah Tuanku muka surat 12 yang berhasrat untuk menjadikan Kelantan sebagai Jelapang Makanan Negara berteraskan konsep Bertani Satu Ibadah yang menjadi tonggak utama pembangunan sektor pertanian negeri ini dengan mewujudkan pemprosesan kilang padi dan kilang makanan haiwan di negeri ini.

Yang Berhormat Dato' Speaker,

Bekalan beras dan harga beras adalah menjadi isu utama yang menjadi perhatian diperingkat nasional mutakhir ini. Peningkatan kos sara hidup rakyat tambah-tambah lagi di negara ini merupakan satu cabaran kepada

rakyat terutamanya yang berpendapatan rendah. Aspek sekuriti makanan negara khususnya yang melibatkan beras iaitu makanan rugi rakyat Malaysia adalah perkara penting dan perlu ditangani dengan baik terutamanya beras putih tempatan BPT yang semakin berkurangan di pasaran.

Yang Berhormat Dato' Speaker,

Faktor kekurangan bekalan beras saya dapati ada 2 faktor yang pertama adalah sekatan eksport beras oleh negara pengeluar oleh India dan yang kedua adalah pengeluaran beras dalam negara yang semakin merosot. Merujuk kepada Titah Tunku bahawa Kerajaan Negeri Kelantan sejak tahun 2020 adalah membekalkan bantuan beras melalui skim Al-Itam kepada rakyat miskin setiap bulan di negeri ini yang diagihkan sebanyak 4 gantang ataupun bersamaan 10.8 kilogram. Yang mana ini merupakan dapat mengurangkan membantu rakyat-rakyat yang memerlukan bagi meringankan bebanan ekonomi sejajar dengan sabda Rasulullah A.S

وَأَطْعِمُوا الطَّعَامَ وَصَلُّوا الْأَرْحَامَ وَصَلُّوا بِاللَّيْلِ وَالنَّاسُ نِيَامٌ تَدْخُلُوا الْجَنَّةَ بِسَلَامٍ).

Berikanlah makanan hubungkanlah silaturahim solatlah diwaktu malam ketika orang lain sedang tidur nescaya kamu akan masuk syurga dengan sejahtera.

Hasil daripada skim Al-It'am yang telah dijalankan selama 11 tahun bermula daripada 2011 sehingga 2022 negeri telah memperuntukkan sebanyak RM41.1 juta kepada 13 ribu penerima skim Al-It'am bagi kesemua 45 DUN dalam negeri Kelantan. Cuma Dato' Speaker, saya bagi membantu menangani krisis bekalan beras yang saya katakan sebentar tadi terutamanya dalam negara kita saya percaya Kerajaan Negeri Kelantan boleh menyumbang kepada pengeluaran beras negara. Ini kerana pengeluaran beras tempatan harus menjadi keutamaan dalam penyelesaian isu ini Dato' Speaker, Kelantan boleh menjadi jelapang makanan negara sepertimana yang dihasratkan kerana negeri ini mempunyai kawasan sawah yang luas dengan syarat ianya diuruskan dengan baik dan mengikut perancangan yang betul.

Saya difahamkan setakat ini sebanyak 2,800 hektar tanah di Machang sedang dalam proses untuk dinaiktaraf oleh Kerajaan Negeri Kelantan

bagi membolehkan tanaman padi 2 kali setahun. Saya juga difahamkan bahawa setakat ini juga sebanyak 121 hektar sawah padi di Machang sedang diusahakan sebagai Kawasan penanaman padi dalam Jelapang bagi meningkatkan pengeluaran beras. Dua-dua usaha ini sangatlah dihargai terutamanya bagi DUN Kemuning yang mana saya mewakili DUN Kemuning mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan Negeri atas usaha-usaha tersebut memandangkan DUN Kemuning juga mempunyai sawah padi yang luas untuk dimajukan.

Cuma sebagai tambahan Dato' Speaker ... Yang Berhormat Dato' Speaker, saya mengesyorkan agar Kerajaan Negeri Kelantan menumpukan pelaburan dalam bidang teknologi dan inovasi Pertanian dan penanaman bagi membantu meningkatkan bekalan makanan khususnya beras negara. Selain itu penyediaan infrastruktur pengairan dan saluran disawah-sawah padi di seluruh negeri juga amat wajar untuk diberikan perhatian.

Seterusnya saya ingin mencadangkan agar Kerajaan Negeri mengawal penukaran status kategori tanah daripada tanah pertanian terutamanya tanah kategori padi pertanian padi ke kategori lain. Menukar syarat-syarat tanah daripada padi kepada kediaman kepada perindustrian kerana itu sekiranya berleluasa boleh merugikan Kerajaan akan kehilangan banyak tanah padi di negeri ini.

Yang Berhormat Dato' Speaker,

Selain mempunyai sawah padi yang luas Machang terutamanya DUN Kemuning mempunyai kawasan tanah tinggi yang boleh memacu ekonomi setempat terutamanya Tahun Melawat Kelantan 2024 iaitu 2 tempat yang saya perhati yang boleh memacu ekonomi iaitu Bukit Baka dan Bukit Kepang. Bukit Baka bukan sahaja mempunyai bentuk muka bumi yang menarik untuk dilawati tetapi juga terkenal sebagai pusat rekreasi minda dan pusat perkelahan keluarga. Manakala Bukit Kepang juga yang terletak di DUN Kemuning yang masih lagi diterokai sepenuhnya mempunyai potensi yang besar untuk menjadi tempat tumpuan para pendaki yang gemar berfoto. Malah tidak keterlaluan jika saya katakan selama ini kita sering tertumpu kepada Bukit Keluang yang berada di Terengganu bagi aktiviti mendaki kenapa tidak selepas ini kita bangunkan tempat hiking ...tempat mendaki kita sendiri

YB TUAN RODZI BIN JAAFAAR :

Yang Berhormat Kemuning minta laluan sikit...

YB TUAN AHMAD ZAKHRAN BIN MAT NOR :

Iya...iya...

YB TUAN RODZI BIN JAAFAAR :

Yang Berhormat Kemuning sedar atau tidak bahawa

YB DATO' SPEAKER :

Duduk Yang Berhormat Kemuning...kalau dah bagi laluan sila duduk.

YB TUAN RODZI BIN JAAFAAR :

..Yang Berhormat Kemuning sedar atau tidak bahawa 2 pusat rekreasi iaitulah Hutan Lipur Jeram Linang dan Hutan Lipur Lata Tujuh yang berhampiran dengan kediaman baru YB Pasir Tumboh berada dalam DUN Kemuning. Terima kasih.

[KEDEGARAN GELAK KETAWA AHLI-AHLI YANG BERTHORMAT]

YB TUAN AHMAD ZAKHRAN BIN MAT NOR :

...Terima kasih Yang Berhormat Gaal.. ia sebenarnya kedua-dua tempat itu juga termasuk dalam DUN Kemuning juga sebenarnya. Terutamanya Jeram Linang cuma apa yang saya nak sebutkan tadi adalah Bukit Baka dan juga Bukit Kepang juga di mana kedua-dua ini masih belum diterokai sepenuhnya. Yang mana ia mempunyai potensi yang besar untuk dimajukan. Terima kasih Yang Berhormat Gaal.

Saya ingin menyambung bahawasanya sekiranya kita selama ini memandang kepada Bukit Keluang yang bukan di tempat kita bukan di negeri kita, kenapa selepas ini kita mengajak orang lain untuk membuat aktiviti di negeri kita terutamanya bagi organisasi-organisasi datang untuk mengadakan kursus, retreat dan sebagainya. Kita bangunkan sama-sama apa yang ada di negeri kita yang setaraf dengan negeri lain ataupun lebih lagi dari negeri lain, Insha Allah.

Oleh itu saya mencadangkan agar Kerajaan Negeri agar memberi lebih perhatian kepada 4 tempat rekreasi ini terutamanya 2 tempat yang saya sebutkan ini yang mana saya percaya sangat berbaloi untuk dimajukan sebagai pusat pelancongan negeri sebagai menyahut seruan Tahun Melawat Kelantan 2024.

Akhirnya saya menyokong penuh dan menjunjung kasih Titah Ucapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Muhammad Ke V semalam dan saya akhirnya dengan serangkap pantun,'

*Bersidang pagi sampai ke malam
Demi untuk rakyat gembira
Penghayatan Membangun Bersama Islam
Kelantan maju rakyat sejahtera.*

Sekian, terima kasih.

YB DATO' SPEAKER :

Alhamdulillah seramai 16 orang Ahli telah mengambil bahagian dalam Perbahasan Usul Menjunjung Kasih di atas Titah Ucapan Diraja pada kali ini. Pihak Kerajaan diminta untuk membuat Penggulangan pada hari esok. Ahli-Ahli Yang Berhormat saya berhasrat untuk menangguhkan Persidangan dan Persidangan disambung semula pada hari esok jam 9.00 pagi. Marilah sama-sama kita akhiri dengan membaca Tasbih Kafarah dan Surah Al-Asr.

Sekian....

**PERSIDANGAN DEWAN DITANGGUHKAN PADA JAM 4.30 PETANG DAN
AKAN BERSIDANG SEMULA PADA 9.00 PAGI ESOK.**

**PERSIDANGAN KALI YANG PERTAMA
BAGI TEMPOH PENGGAL YANG KEDUA
DEWAN NEGERI KELANTAN KELIMABELAS**

=====

[25 SYAABAN 1445H / 06HB NOVEMBER 2024]

AHLI-AHLI YANG HADIR

BIL	NAMA	KAWASAN
1.	YB DATO' SRI AMAR D'RAJA DATO' HJ MOHD AMAR B ABDULLAH <i>S.J.M.K.,D.J.M.K.,J.M.K. (Kelantan)</i>	PANCHOR / SPEAKER
2.	YAB DATO' PANGLIMA PERANG USTAZ DATO' HJ MOHD NASSURUDDIN B HJ DAUD <i>S.J.M.K.,D.J.M.K.,J.M.K. (Kelantan)</i> (Pengerusi Jawatankuasa Perancangan, Pentadbiran Awam, Kewangan, Ekonomi & Tanah)	MERANTI / MENTERI BESAR
3.	YB DATO' DR. HJ MOHAMED FADZLI B DATO' HJ HASSAN <i>D.J.M.K.,J.M.K. (Kelantan)</i> (Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wilayah, Sumber Asli, Integriti, Pembangunan Insan & Undang-undang)	TEMANGAN / TIMBALAN MENTERI BESAR
4.	YB MEJ. (B) DATO' HJ MD ANIZAM B AB RAHMAN <i>D.J.M.K.,J.M.K. (Kelantan)</i> (Pengerusi Jawatankuasa Pelaburan, Perindustrian, Sumber Manusia, Perdagangan & Keusahawanan)	KEMAHANG
5.	YB DATO' DR. IZANI B HAJI HUSIN <i>D.J.M.K. (Kelantan)</i> (Pengerusi Jawatankuasa Kerjaraya, Infrastruktur, Air & Pembangunan Luar Bandar)	KIJANG
6.	YB TUAN HJ SARIPUDIN B TUAN ISMAIL <i>J.M.K. (Kelantan)</i> (Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Agromakanan & Komoditi)	SELISING

7.	YB HJ WAN ROSLAN B WAN HAMAT <i>J.M.K., A.S.K.</i> (Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Pengajian Tinggi, Teknologi Hijau, Digital & Inovasi)	PENGKALAN KUBOR
8.	YB MOHD ASRI B MAT DAUD (Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Islam, Dakwah, Penerangan & Hubungan Seranta)	DEMIT
9.	YB TUAN HILMI B ABDULLAH (Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan, Perumahan, Kesihatan & Alam Sekitar)	GUCHIL
10.	YB PUAN HJH ROHANI BT IBRAHIM <i>J.M.K., S.M.K.</i> (Pengerusi Jawatankuasa Kebajikan, Pembangunan Keluarga & Wanita)	TANJONG MAS
11.	YB ZAMAKHSHARI B MUHAMAD (Pengerusi Jawatankuasa Belia, Sukan, NGO & Perpaduan Masyarakat)	APAM PUTRA
12.	YB DATUK KAMARUDIN B MD NOR <i>D.M.S.M.,A.M.N.</i> (Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Kebudayaan, Kesenian & Warisan)	AYER LANAS
13.	YB DATO' MOHAMED FARID B MOHAMED ZAWAWI <i>D.I.M.P.</i>	KOK LANAS / TIMBALAN SPEAKER
14.	YB DATO' BENTARA KANAN USTAZ DATO' HJ AHMAD B YAKOB <i>S.J.M.K.,D.J.M.K.,S.M.K.,J.P.</i>	PASIR PEKAN
15.	YB DATO' SR HJ AZAMI B MOHD NOR <i>D.J.M.K.,J.M.K.</i>	KADOK
16.	YB DATO' HJ ABDUL FATTAH B MAHMOOD <i>D.J.M.K.,J.M.K.</i>	BUKIT PANAU
17.	YB TUAN HJ ABD. RAHMAN B YUNUS <i>J.M.K.</i>	PASIR TUMBOH
18.	YB TUAN HJ MOHD FAUZI B ABDULLAH <i>J.M.K</i>	MANEK URAI

19.	YB TUAN HJ MOHD HUZAIMY B CHE HUSSIN <i>J.M.K.,A.K.</i>	PANTAI IRAMA
20.	YB TUAN ROZI B MUHAMAD <i>J.M.K</i>	TENDONG
21.	YB TUAN AZHAR B SALLEH <i>A.S.K.</i>	PULAI CHONDONG
22.	YB TUAN HJ ZURAIDIN B ABDULLAH	CHETOK
23.	YB TUAN MOHD RUSLI B ABDULLAH	WAKAF BHARU
24.	YB KU MOHD ZAKI B KU HUSIN	DABONG
25.	YB TUAN MOHD RODZI B JAAFAR	GAAL
26.	YB TUAN HJ MOHD ADANAN B HASSAN <i>J.M.K.</i>	KELABORAN
27.	YB TUAN WAN ROHIMI B WAN DAUD <i>A.K.,J.S.M.</i>	MELOR
28.	YB TUAN KAMARUZAMAN B MOHAMAD <i>J.S.M.</i>	GUAL PERIOK
29.	YB TUAN NIK BAHRUM B NIK ABDULLAH <i>A.S.K.</i>	CHEMPAKA
30.	YB TUAN BAHARI B MOHAMAD NOR	GUAL IPOH
31.	YB NOR ASILAH BT MOHAMED ZIN	LIMBONGAN
32.	YB TUAN ZAMERI B MAT NAWANG	JELAWAT
33.	YB TUAN MOHAMAD NASRIFF B DAUD @ DAUD YATIMEE	PENGKALAN PASIR
34.	YB TUAN SHAARI BIN MAT YAMAN <i>A.K.</i>	BUNUT PAYONG
35.	YB DATO' SHAARI B MAT HUSSAIN <i>D.P.T.J.</i>	PALOH
36.	YB DATO' ABDUL HADI B AWANG KECHIL <i>D.P.S.K., P.S.K. (Kelantan), J.M.N., K.M.N.</i>	KUALA BALAH

37.	YB TUAN ZUBIR B ABU BAKAR	MENGKEBANG
38.	YB TUAN SAIZOL B ISMAIL	SALOR
39.	YB TUAN HARUN B ISMAIL	TAWANG
40.	YB TUAN AHMAD ZAKHRAN B MAT NOOR	KEMUNING
41.	YB TUAN MOHD ALMIDI B JAAFAR	BUKIT BUNGA
42.	YB TUAN NOR SHAM B SULAIMAN	SEMERAK
43.	YB TUAN MOHD AZIZI B ABU NAIM	NENGGIRI
44.	YB DR. HAFIDZAH BT HJ. MUSTAKIM	KOTA LAMA
45.	YB TUAN HJ MOHD SYAHBUDDIN B HASHIM <i>J.M.K.</i>	GALAS

HARI KEDUA 06 MAC 2024

**AHLI MENURUT
PERKARA X111 (3)
UNDANG-UNDANG PERLEMBAGAAN TUBUH KERAJAAN
KELANTAN,
BAHAGIAN PERTAMA**

YB DATO' HAJI NAZRAN BIN MUHAMMAD
[DATO' KAYA SETIA SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI KELANTAN]
S.P.S.K., D.P.S.K. (KELANTAN), P.S.K., B.S.K., A.S.K.

YB DATO' IDHAM BIN HAJI ABD GHANI
[PENASIHAT UNDANG-UNDANG NEGERI KELANTAN]
D.P.S.K. (Kelantan)

YBM TENGKU KAYA PERKASA
DATO' DR TENGKU MOHAMED FAZIHARUDEAN BIN TENGKU
FEISSAL
[PEGAWAI KEWANGAN NEGERI KELANTAN]
D.J.M.K. (Kelantan)

**SETIAUSAHA DEWAN NEGERI
KELANTAN**

[MOHD ZAIKA YAMANI BIN IBRAHIM]
A.S.K., B.S.K.

**PERSIDANGAN KALI PERTAMA
BAGI TEMPOH PENGGAL KEDUA
DEWAN NEGERI KELANTAN KELIMABELAS
PADA 24, 25 DAN 26 SYAABAN 1445 H
[05HB, 06HB DAN 07 MAC 2024/ SELASA, RABU DAN KHAMIS]**

SETIAUSAHA :

بسم الله الرحمن الرحيم
السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Persidangan Kali Pertama, Bagi Tempoh Penggal Kedua, Dewan Negeri Kelantan Kelimabelas.

الفاتحه

I. .. DOA.

SETIAUSAHA : Susunan Urusan Persidangan Yang Pertama, Berdoa....

[Sambil Berdiri]

II - SOALAN-SOALAN YANG DIBERITAHU

SETIAUSAHA : Susunan Urusan Persidangan Yang Kedua, Soalan-soalan Yang Akan Diberitahu.

Soalan-soalan yang dikemukakan untuk mendapat **Jawapan Mulut.**

YB DATO' SPEAKER :

Dipersilakan Yang Berhormat Salor...

YB TUAN SAIZOL BIN ISMAIL :

بسم الله الرحمن الرحيم
السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Yang Berhormat Dato' Speaker, mohon jawapan soalan saya nombor 1.

Soalan 1:

[Minta YAB Ustaz Dato' Penglima Perang Menteri Besar nyatakan, prestasi kewangan PMBK dan PKINK dari tahun 2018 sehingga 2023 serta anak-anak syarikat di bawahnya serta Langkah memacu ekonomi GLC tersebut.]

YAB DATO' PENGLIMA PERANG USTAZ DATO' MENTERI BESAR :

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Yang Berhormat Dato' Speaker, terima kasih kepada Yang Berhormat Salor yang mengemukakan soalan. Berkenaan dengan maklumat prestasi kewangan dari sudut keuntungan/ kerugian yang didiperolehi oleh Perbadanan Menteri Besar Kelantan (PMBK) dari tahun 2018 sehingga 2023 adalah sebagaimana berikut:-

Pada tahun 2018 PMBK dan kumpulan telah mencatatkan keuntungan RM46,804,808, pada tahun 2019 keuntungan sebanyak RM6,775,599. Manakala tahun 2020 keuntungannya sebanyak RM182,980. Pada tahun 2021 RM2,443,416. Tahun 2022: RM62,000,000; Tahun 2023 RM29,866,000

Maklumat terperinci berkenaan dengan prestasi keuntungan sebelum cukai PKINK serta anak syarikat tahun 2018 sehingga 2023 sebagaimana saya jelaskan sekejap tadi. Antara Langkah-langkah bagi memacu ekonomi GLC adalah sebagaimana berikut:-

- 1) Penjanaaan pendapatan baharu menerusi penerokaan industri dan sumber-sumber baharu yang berpotensi.
- 2) Pengukuhan pengurusan kewangan melalui pemerkasaan tadbir urus, kutipan hasil pendapatan GLC.
- 3) Pemerkasaan pelaburan dengan menilai kredibiliti dan kapasiti pelabur-pelabur berdasarkan kepakaran dan letar belakang perniagaan.
- 4) Pembinaan kapasiti organisasi melalui pembangunan dan pemerkasaan modal insan.
- 5) Pemerkasaan ICT sebagai pemudahcara melalui penyampaian perkhidmatan secara digital.

Manakala prestasi PKINK dari tahun 2018 sehingga tahun 2023 adalah sebagaimana berikut:-

Perbadanan Iktisad Negeri Kelantan telah mencatat keuntungan setelah diaudit sebanyak RM5,309,400.. tahun 2019; RM6,351,751... Tahun 2020;RM36,768... Tahun 2021;RM4,917,698.. Tahun 2022; RM11,664,840.. Tahun 2023; belum diaudit lagi..tahun ni belum diaudit lagi RM 11,835,812.

Manakala prestasi kemajuan anak-anak syarikat PKINK dari tahun 2018 sehingga 2023 adalah sebagaimana berikut:-

Saya sebut secara keseluruhan yer.. sebab banyak anak-anak syarikat Binaraya, PKINK Sdn, Bhd, Profil Impian Sdn. Bhd, senarai Pantai Timur konsertium Sdn. Bhd. Anak-anak syarikat tahun 2018 mencatat keuntungan RM27,934,832.00 manakala tahun 2019 RM25,554,622.00 tahun 2020 RM43,388,308.00 tahun 2021 RM 71,868,681.00 manakala tahun 2022 RM65,556,677.00 tahun 2023 belum diaudit RM63,170,757.00

Sekian...

YB DATO' SPEAKER :

Silakan Salor...

YB TUAN SAIZOL BIN ISMAIL :

Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker dan Yang Amat Berhormat Menteri Besar atas jawapan yang diberikan. Terlebih dahulu saya ucapkan tahniahlah kepada PMBK dan PKINK atas prestasi. Cuma melihat kepada suasana sekarang dan perkembangan ekonomi sekarang yang agak mencabar kepada syarikat-syarikat kumpulan di bawah Kerajaan Negeri dan saya sendiri dimaklumkan sasaran dalam 5 tahun mendatang oleh pihak PKINK sendiri dengan sasaran 100 juta keuntungan sebelum cukainya. Jadi satu cabaran yang besar saya lihat kepada data-data yang diberikan sebelum ini. Apapun terima kasih sekali lagi diucapkan kepada Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar.

Sebelum ini saya ada bangkitkan juga dalam skop yang luas mengenai Majlis Penasihat Ekonomi Kelantan yang diberi nama oleh Yang Amat Berhormat Dato' Panglima Perang. Jadi boleh saya tahu apakah

perkembangan terkini status Majlis Perundingan Ekonomi Kelantan dan siapa penyertaannya dan kalau ada perkembangan terkini untuk makluman kita bersamalah.

Terima kasih.

YAB DATO' PANGLIMA PERANG USTAZ DATO' MENTERI BESAR :

Sebelum saya menjawab soalan tambahan saya nak sebut bimbang takut ada kekeliruan. Prestasi kewangan PMBK tahun 2018 RM46,804,808.00.. tahun 2019 RM6,775,599.00.. tahun 2020 RM182,980.00... tahun 2021 RM2,443,416.00... tahun 2022 ni keuntungan yer... RM62,448,337.00 manakala yang belum diaudit lagi tahun 2023 keuntungannya RM 29,866,304.00

Berkenaan dengan soalan tambahan Majlis Penasihat Ekonomi Kelantan.. untuk makluman Yang Berhormat kali terakhir Majlis Penasihat Ekonomi Kelantan bersidang adalah sebelum PKP. Selepas PKP berlaku perubahan lanskap politik negara yang menyebabkan berlaku perubahan dalam keanggotaan Majlis ini. Selepas Pilihanraya Umum ke 15, keanggotaan Majlis ini masih lagi dalam peringkat kemaskini keseluruhan anggota dan kini dalam proses kemaskini surat-surat pelantikan baru. Walaubagaimanapun Kerajaan Negeri sentiasa menerima pandangan dan nasihat daripada tokoh-tokoh koporat dalam pelbagai bidang khususnya yang berkenaan dengan pembangunan ekonomi negeri termasuk tokoh anak Kelantan yang berada di perantauan menerusi siri-siri kunjungan hormat rasmi kepada pimpinan Kerajaan Negeri Kelantan dan ada pandangan tertentu yang akan dibawa ke Majlis Mesyuarat Kerajaan untuk dipertimbangkan. Yer..saya rasa sudah selesai.

YB DATO' SPEAKER :

Sila, Yang Berhormat Chempaka...

YB TUAN HJ NIK BAHARUM BIN NIK ABDULLAH :

Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker, pertamanya saya ingin ucapkan tahniah kepada anak-anak syarikat Kerajaan Negeri Kelantan yang menunjukkan satu prestasi yang tinggi keuntungan dalam jangka tersebut. Cuma saya ingin dapat sedikit maklumat adakah Kerajaan ada mewujudkan Majlis Penasihat Pengawasan Syariah di peringkat PKINK, PMBK dan anak-anak syarikat tersebut. Ketika ada bolehkah kami

mendapat maklum siapakah anggotanya dan sejauhmana peranan mereka dalam memastikan urusan niaga perniagaan PMBK GLC tersebut patuh syariah kerja-kerja kontrak urusan niaga dilaksanakan. Terima kasih..

YAB DATO' PANGLIMA PERANG USTAZ DATO' MENTERI BESAR :

Iya terima kasih Chempaka, yer...jawabnya Kerajaan telah menubuhkan Majlis telah menubuhkan Pengawasan Syariah di peringkat PKINK dan juga PMBK yang dianggotai oleh pakar-pakar dalam bidang muamalah syariah. Berperanan memastikan urusan tadbir perbadanan dan juga anak-anak syarikat patuh syariah terutama dalam kontrak-kontrak dan urusan niaga dilaksanakan. Berkenaan dengan nama-nama pakar-pakar dan perlu kepada notislah.

YB DATO' SPEAKER :

Dipersilakan Yang Berhormat Kuala Balah

YB DATO' HJ ABDUL HADI BIN AWANG KECHIL :

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan saya nombor 2.

Soalan 2:

[Minta YAB Ustaz Dato' Panglima Perang Menteri Besar nyatakan, apakah perancangan dan Langkah-langkah Kerajaan untuk memaju serta meningkatkan pembangunan sektor pelaburan dan perdagangan di Negeri Kelantan.]

YB MEJAR (B) DATO' HJ MD ANIZAM BIN ABDUL RAHMAN :

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya mohon untuk menjawab soalan ini Bersama-sama dengan soalan nombor 7 daripada Paloh yang dijadualkan esok hari 7 Mac 2024.

Di dalam konteks pembangunan sektor pelaburan, Kerajaan Negeri Kelantan kini memberikan fokus kepada pembangunan pelaburan di dua Kawasan utama iaitu di Kawasan Tunjong, Kota Bharu dan Tok Bali, Pasir Putih. Dengan mengambil kira potensi kedua-dua Kawasan ini yang menjadi kawasan ECRL keretapi laju pada masa hadapan, perancangan

pembangunan bagi kedua-dua Kawasan ini dijangka akan memberi kesan yang besar kepada bidang pelaburan dan pembangunan ekonomi di Negeri Kelantan.

Contoh semasa ialah pembangunan infrastruktur bagi Tanam Industri seluas 200 ekar di Tok Bali oleh pihak ECERDC. Selain itu Kerajaan juga telah melancarkan Rancangan Kawasan Khas Tunjong 2035 pada tahun 2023 bagi memastikan pembangunan di Bandar Baru Tunjong dilaksanakan dengan sistematik dan terancang. Sebagaimana kita lihat pada hari ini pun sudah nampak autocity dan bangunan-bangunan di kawasan Tunjong.

Bermula pada tahun 2023 juga Kerajaan Negeri Kelantan telah mula menyediakan satu dokumen yang dikenali sebagai “Kit Pelaburan” yang telah mengandungi beberapa maklumat asas berkaitan dasar dan prospek pelaburan di Negeri Kelantan. Melalui kita pelaburan ini, pihak pelabur akan mendapat maklumat yang lebih jelas berkaitan dasar serta prospek pelaburan di Negeri Kelantan.

Mewujudkan ruang komunikasi yang lebih efektif dan efisien Bersama komuniti pelabur sedia ada dan prospek pelaburan baru di negeri Kelantan. Memperkenalkan portal E-Pelaburan sebagai Langkah mudah pihak pelabur untuk membuat permohonan pelaburan di Negeri Kelantan. Dan mengadakan sesi libat urus dan kajian dari masa ke semasa bagi memastikan insentif yang ditawarkan adalah kekal kompetitif.

Terima kasih.

YB DATO' SPEAKER :

Kuala Balah...

YB DATO' HJ ABDUL HADI BIN AWANG KECHIL :

Terima kasih Dato' Speaker, dan juga Dato' Yang Berhormat EXCO. Soalan tambahan saya berkenaan dengan kemudahan-kemudahan yang diberikan mohon sebutkan syarikat-syarikat luar negara terutamanya yang telah memutuskan untuk membuat pelaburan di negeri kita.

Terima kasih.

YB MEJAR (B) DATO' HJ MD ANIZAM BIN ABDUL RAHMAN :

Yang Berhormat Dato' Speaker, terima kasih soalan tambahan daripada Kuala Balah. Sebagaimana kita mengenalpasti di negara kita dan Asia dan juga di belah dunia Rohmwako Electronic Sdn.Bhd ialah daripada JepunNegara Jepun yang telah bertapak hampir 30 tahun saya rasa dan juga Trans Nusantara Top Glove Sdn. Bhd dan juga daripada Jermany iaitu untuk membekalkan baju-baju winter untuk dieksport dan juga syarikat-syarikat yang lain yang local dan ada juga alat-alat seperti alat-alat bangunan seperti plywood dan sebagainya atau rooftop ataupun keluli untuk membuat atap keluli juga ada di Kawasan Tanah Merah dan itulah lebih kurang 14..15 syarikat utama di Pengkalan Chepa, Terima kasih.

YB DATO' SPEAKER :

Ok, Galas..

YB TUAN HJ SYAHBUDDIN BIN HASHIM :

Terima Kasih Yang Berhormat Dato' Speaker, bila kita sebut sektor pelaburan dan perdagangan ini , ia tidak dapat lari daripada beberapa usahasama syarikat Negeri dengan syarikat swasta. Apakah Kerajaan Negeri Kelantan dalam memastikan usahasama ini tidak lagi menyebabkan Kerajaan Negeri menanggung kerugian darisegi guna tanah. Sepertimana yang berlaku kepada projek usahasama Cik Siti Village dengan syarikat Sensatimur Sdn. Bhd. yang bersebelahan tanah tersebut yang dilelong oleh Bank sedangkan syarikat itu sebelum ini sudah dapat wang percuma jutaan ringgit dari cagaran menggunakan tanah itu kepada bank sebelum end it up ataupun menggulung syarikat itu kepada bank. Kini tanah tersebut terbiar begitu saja sejak sekian lama sejak tahun 2011. Terima kasih.

YB MEJAR (B) DATO' HJ MD ANIZAM BIN ABDUL RAHMAN :

Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan tambahan tu bagus tapi tak de kaitan dengan ini. Bagi saya tak da kaitan dengan ini... nanti dulu saya jawab duduk dulu. Itu sensatimur itu perkara yang telah lalu dan untung rugi itu...maklumat yang dapat itu kena terus kepada Kerajaan mungkin ada maklumat-maklumat yang tidak ada pada YB. Dan maklumat yang YB ada tu mengikut penggal-penggal yang lepas. Jadi kita sekarang tahun 2024 tahun ke hadapan, jadi kita pastikan benda-benda yang berlaku

yang tidak baik yang ada kebaikan pada negeri apa jua *Joint Venture* ataupun *BOT Build Operate Transfer* kita akan pastikan kedua-dua pihak itu *win-win Situation* dan mendapat keuntungan kepada Kerajaan dan juga kepada rakyat.

Jadi kalau Kawasan lelong dan seluas sekeping tanah yang di daftar atas nama PMBK itu PMBK Corporation ada jawapan-jawapan tertentu. Dan saya tidak bercadang untuk menjawab secara detail dalam Dewan ini kerana kalau asalnya kalau Bertulis kita akan jawab secara Bertulis dan jika ingin bertanya berkenaan dengan apa yang berlaku kepada ni, 2019 lagi yang Ioni 2019 lagi mengikut pada maklumat-maklumat iaitu kes lelong 11 keping tanah yang didaftarkan atas nama PMBK. Dan kita tidak mengalami kerugian yang sebenarnya... terima kasih.

YB DATO' SPEAKER :

Dipersilakan Yang Berhormat Melor.

YB TUAN WAN ROHIMI BIN WAN DAUD :

Dato' Sri Amar Diraja Dato' Speaker, saaya pohon jwapan kepada soalan saya nombor 3:

Soalan 3:

[Minta YAB Ustaz Dato' Penglima Perang Menteri Besar nyatakan, mempunyai perancangan bagi melebarkan jalan-jalan kampung yang sedia ada yang terlalu sempit dan sukar untuk berselisih, melalui peluasan rizab jalan kampung demi keselesaan dan keselamatan pengguna.]

YB DATO' DR IZANI BIN HUSIN :

بسم الله الرحمن الرحيم

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Yang Berhormat Dato' Speaker, terima kasih Melor..., mengenai jalan kampung yang ditanya oleh Melor itu ialah pertamanya kita menggunakan tatacara urusan penyelenggaraan jalan negeri 3.0 yang dikeluarkan oleh Perbendaharaan Malaysia yang akan memberikan peruntukan penyelenggaraan jalan-jalan berkenaan sebagaimana yang ditetapkan dibawah 109(1)(b) Perlembagaan Persekutuan. Definasi jalan kampung ini ialah kelebaran dia 2.44 meter hingga 2.247 meter. Saya

ulang yakni kelebaran jalan kampung ialah 2.44 meter hingga 4.27meter. Di Kelantan ada sepanjang 12,224 kilometer jalan-jalan yang di definasikan sebagai jalan kampung. Dan jalan kampung pula kalau ikutkan kretiria tadi yang lebar di bawah 4meter sepanjang 11,530 kilometer yakni merangkumi 94%. Maknanya 94% daripada jalan-jalan kampung ini adalah dibawah 4meter dan inilah jalan-jalan yang sukar berselisih. Lebar jalan 4 meter sepanjang 330kilometer dan lebar jalan 4.27 meter ialah sepanjang 432 kilometer.

Jalan-jalan kampung yang sukar berselisih ialah jalan-jalan yang lebarnya tidak mencapai 4 meter iaitu 11,531 kilometer. Untuk melebar jalan-jalan ini Kerajaan Negeri akan melihat kepada perkara berikut:-

- 1) Dari sudut kewangan kerana untuk melebarkan ini melibatkan kos pengambilan tanah rizab dan juga biasanya jalan-jalan ni termasuk rumah bangunan dan sebagainya dan kosnya terlalu tinggi. Kemudiannya isu-isu berkaitan dengan pengambilan tanah itu sendiri juga ada masalah juga kadang-kadang juga pakat tak terima, bawa ke mahkamah dan sebagainya.

Jadi pendekatan yang diambil oleh Kerajaan Negeri sehingga kini ialah jalan-jalan tertentu yang difikirkan atau kesesakan melampau barulah diambil Tindakan-tindakan untuk pembesaran yang kurang daripada 4m kepada lebih daripada itu. Terima kasih.

YB DATO' SPEAKER :

Yang Berhormat Melor..

YB TUAN WAN ROHIMI BIN WAN DAUD :

Dato' Speaker, terima kasih EXCO di atas jawapan tadi. Soalan tambahan saya, berkaitan dengan kita biasa tahu kalau musim perayaan atau musim-musim puncak cuti dan perayaan terdapat jalan-jalan alternatif yang telah dikenalpasti di jalan kampung yang dijadikan jalan alternatif yang dikenalpasti oleh Majlis Daerahlah. Jadi saya kalau boleh nak tahu adakah Kerajaan telah mengenalpasti jalan-jalan ini dan adakah rancangan pelebaran akan dilakukan untuk jalan-jalan alternatif ini, terima kasih.

YB DATO' DR IZANI BIN HUSIN :

Terima kasih kepada Melor, soalan tambahan tu saya..kena dengan notislah. Untuk mengenalpasti jalan-jalan yang apa tu...yang perlu diangkat. Cuma saya rasa perkara ini perlu ada kerjasama di antara ADUN-ADUN dan juga PBT untuk diangkat kepada Kerajaan jalan-jalan yang mempunyai impak yang terlalu sibuk ataupun diperlebarkan dan seperti kata tadi kalau pun ada perkara-perkara tersebut Kerajaan memikirkan dari sudut kos untuk pengambilan tanah dan sebagainya. Terima kasih.

YB DATO' SPEAKER :

Sila, Gual Ipoh...

YB TUAN BAHARI BIN MOHAMAD NOR :

Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan saya bolehkah sekiranya parit-parit ataupun longkang itu kita buat secara bertutup untuk memberi ruang bahu jalan untuk kereta-kereta berselisih dia boleh menggunakan laluan di atas parit ataupun longkang yang bertutup. Ini dengan kerjasama PBT lah juga, sebab setengah-setengah jalan kampung ni di dalam kawasan PBT dan yang kedua boleh mengelakkan pembiakan nyamuk dan sebagainya. Terima kasih.

YB DATO' DR IZANI BIN HUSIN :

Terima kasih... pertamanya jalan-jalan kita ni terbahagi kepada jalan kampung, jalan Negeri dan juga jalan Persekutuan. Dan ke semua itu berbeza tugas dan tanggungjawab serta perancangan. Kalau jalan-jalan Persekutuan tu biasanya ada longkang tertutup dan ada longkang yang tidak tertutup dan yang tertutup tu kena *heavyduty* lah yang boleh dilalui oleh kenderaan berat. Kerana ada longkang-longkang kita tu duk tengah jalan raya pun ada lori tetapi menggunakan Tetapi untuk jalan-jalan PBT tu kena minta PBT lah jawab wey...jadi perancangan tadi saya silap floor tadi.. bahawa perancangan itu telah ada di peringkat UPEN untuk meneliti jalan-jalan yang perlu ditambahbaik, Insha Allah.

YB DATO' SPEAKER :

Dipersilakan Yang Berhormat Chetok...

YB TUAN ZURAININ BIN ABDULLAH :

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Yang Berhormat Dato' Speaker, mohon jawapan soalan saya nombor 4.

Soalan 4:

[Minta YAB Ustaz Dato' Panglima Perang Menteri Besar nyatakan, apakah perancangan Kerajaan dalam memastikan hasil pertanian tanah tinggi Lojing dapat memberi kredit kepada Kerajaan dan menyumbang Agro ekonomi di sana.]

YB HJ TUAN MOHD SARIPUDIN BIN TUAN ISMAIL :

بسم الله الرحمن الرحيم

Yang Berhormat Dato' Speaker, terima kasih kepada Chetok...tanah tinggi Lojing merupakan Kawasan pengeluaran sayur-sayuran yang menyumbang pengeluaran hasil pertanian tanah tinggi serta yang menyumbang pengeluaran hasil pertanian tanah tinggi serta mencapai pengeluaran yang banyak setiap tahun. Merujuk kepada booklet statistic tanaman (sub-sektor tanaman makanan) 2023 yang dikeluarkan oleh Jabatan Pertanian Negeri Kelantan merupakan pengeluar kedua tertinggi bagi tanaman tomato dan kacang buncis masing-masing dengan pengeluaran 70,706 matrik tan bagi (tomato) dan 1,714 matrik tan bagi (kacang buncis) serta ketiga tertinggi bagi tanaman kobis bulat (536)matrik tan di Malaysia.

Antara perancangan Kerajaan dalam memastikan hasil pertanian tanah tinggi Lojing dapat memberi kredit kepada Kerajaan adalah dengan mengenakan fee atau hasil-hasil pertanian komersial melalui pelaksanaan Enakmen Kemajuan Pertanian Negeri Kelantan 2022. Melalui pelaksanaan Enakmen ini nanti pengusaha komersial Tanah Tinggi hendaklah menyediakan laporan penilaian kesesuaian tanah LPKP dan juga telah mendapat hasil mereka perlu membuat permohonan permit pemindahan hasil pertanian.

Dengan pelaksanaan Enakmen ini yang bertujuan untuk memastikan pembangunan pertanian lebih terkawal, tersusun dan lestari selain memberi hasil kepada Kerajaan Negeri. Sekian, terima kasih.

YB DATO' SPEAKER :

Sila, Chetok..

YB TUAN ZURAININ BIN ABDULLAH :

Yang Berhormat Dato' Speaker, terima kasih kepada Yang Berhormat EXCO yang telah memberikan jawapan. Soalan saya ialah, syarikat manakah yang telah mengusahakan kawasan pertanian perladangan yang berskala besar di Tanah Tinggi Lojing.

YB HJ TUAN MOHD SARIPUDIN BIN TUAN ISMAIL :

Terima kasih kepada soalan tambahan daripada Chetok. Yang Berhormat Dato' Speaker, untuk makluman Ahli Dewanlah pengeluaran hasil di Lojing untuk tahun lepas berjumlah 79,885.39 matrik tan. Dengan pecahan dari segi buah 2046 matrik tan dan sayur 77,317.41 matrik tan dan tanaman ladang 521 matrik tan.

Mengikut Jabatan Pertanian Negeri Kelantan pendaftaran setakat ini sebanyak 91 syarikat berdaftar dengan jabatan. Senarai-senarai ni kalau untuk saya bacanya sangat panjanglah. Banyak syarikat-syarikat yang membangunkan tanah-tanah pertanian secara komersial di Tanah Tinggi Lojing.

YB DATO' SPEAKER :

Yang paling besar, Yang Berhormat... dia minta yang paling besar... syarikat yang paling besar..

YB HJ TUAN MOHD SARIPUDIN BIN TUAN ISMAIL :

Antaranya Sindiyon group lah...yang mengusahakan tanaman durian premium yang seluas 9,000 hektar.

YB DATO' SPEAKER :

Sila, Galas..

YB TUAN HJ SYAHBUDDIN BIN HASHIM :

Terima kasih Dato' Speaker, terima kasih bui peluang kepada Galas. Lojing ni berada dalam kawasan Galas. Soalan tambahan saya Yang Berhormat Dato' Speaker, berapakah syarikat bumiputera anak Kelantan daripada 91 yang dikemukakan oleh Yang Berhormat EXCO tadi yang menjalankan

projek pertanian di kawasan Tanah Tinggi Lojing dan berapakah peluang pekerjaan yang terhasil dari projek agro ekonomi ini untuk penduduk di kawasan Lojing terutamanya untuk masyarakat orang asli. Terima kasih.

YB HJ TUAN MOHD SARIPUDIN BIN TUAN ISMAIL :

Terima kasih soalan tambahan daripada Galas.. Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan ini memerlukan notislah oleh kerana berbentuk fakta kerana sebenarnya masih banyak syarikat-syarikat yang mengusahakan pertanian di Tanah Tinggi Lojing termasuk syarikat pelabur luar dan juga anak tempatan. Insha Allah jawapan bertulis akan dikemukakan selepas daripada ini kerana perlu kepada notis.

YB DATO' SPEAKER :

Dipersilakan Yang Berhormat Pulai Chondong.

YB TUAN HJ AZHAR BIN SALLEH :

بسم الله الرحمن الرحيم
السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Pagi hari dapat kurma, mohon jawapan saya nombor 5.

Soalan 5:

[Minta YAB Ustaz Dato' Penglima Perang Menteri Besar nyatakan berapakah jumlah peruntukkan yang telah diberikan oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) bagi membantu sekolah-sekolah di bawah kelolaan Yayasan Islam Kelantan (YIK) bagi tempoh 2020-2023].

YB DATO' SPEAKER :

Kurma apa Yang Berhormat, Ajwa ker? [SAMBIL TERSENYUM]

YB TUAN HJ WAN ROSLAN BIN WAN HAMAT :

Yang Berhormat Dato' Speaker, terima kasih soalan Pulai Chondong yang merupakan bekas Pengetua cemerlang di Yayasan Islam Kelantan YIK, bekas Pengetua Maahad Muhammadi Perempuan yang telah melahirkan pelajar cemerlang negara yang rekodnya tidak dapat dikalahkan sehingga ke hari ini.

[DIIKUTI KETUKAN MEJA OLEH AHLI-AHLI YANG BERHORMAT]

....dengan pencapaian 20A, sekarang ni.... sehingga sekarang tidak boleh dipecah mana-mana sekolah di seluruh negara. Dan juga bekas Pengetua Maahad Muhammadi Lelaki. Dua-dua maahad dia jadi Pengetua, yang mana pernah dinobatkan sekolah terbaik negara juga, Maahad Muhammadi Lelaki.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) menerusi program Peruntukan Khas Kerajaan Persekutuan Selenggara dan Naik Taraf Institusi-Institusi Pendidikan Islam telah menyalurkan peruntukan kepada sekolah-sekolah di bawah pentadbiran Yayasan Islam Kelantan (YIK) adalah sebagaimana berikut:-

Tahun 2020 jumlah peruntukan diluluskan sebanyak RM3, 211,460.00 dan pada tahun 2021, sebanyak RM3,118,800.00 dan pada tahun 2022 sebanyak RM4,869,700.00 dan pada tahun 2023 sebanyak RM5,858,300.00.

Jumlah keseluruhan Peruntukan Khas Kerajaan Persekutuan Selenggara dan Naik Taraf Institusi-Institusi Pendidikan Islam untuk tempoh 4 tahun tersebut adalah RM17,058,260.00 melibatkan 70 buah sekolah di bawah kelolaan Yayasan Islam Kelantan. Kerajaan Negeri Kelantan merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Kerajaan Persekutuan di atas penyaluran peruntukan khas ini bagi membantu sekolah-sekolah untuk menambahbaik fasiliti dan infrastruktur bagi keselesaan pelajar-pelajar dan guru.

*Terima kasih daun keladi
kalau boleh minta tambah lagi.*

terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker.

YB DATO' SPEAKER :

Terima kasih, sila Pulai Chondong.

YB TUAN HJ AZHAR BIN SALLEH :

Terima kasih jawapan yang telah diberikan oleh Yang Berhormat EXCO. Soalan tambahan saya..kita ucap tahniah kepada pihak Kerajaan kerana setiap tahun telah membelanjakan lebih daripada RM100 juta untuk Pendidikan Yayasan Islam Kelantan. Soalan tambahan saya selain

daripada punca pendapatan yang diberikan oleh Kerajaan adakah punca lain yang ada bagi memastikan kos pengurusan sekolah-sekolah Yayasan Islam Kelantan dapat ataupun tidak hanya bergantung kepada pihak Kerajaan, sekian terima kasih.

YB TUAN HJ WAN ROSLAN BIN WAN HAMAT :

Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker, di atas soalan tambahan. Jadi pihak YIK telah mengambil inisiatif dengan menubuhkan anak syarikat iaitu Akademik YIK Sdn. Bhd untuk mencari dana dan kewangan bagi menampung kos yang diurus oleh Yayasan Islam Kelantan untuk melancarkan pengurusan urustadbir dan memastikan YIK terus cemerlang di arus perdana di Malaysia.

Terima kasih.

YB DATO' SPEAKER :

Sila Kota Lama.

YB PUAN DR. HAFIDZAH BIN HJ MUSTAKIM :

Terima kasih YB Dato' Speaker, soalan saya adalah berapa ramai ataupun adakah semua guru-guru YIK ini sudah memilih untuk KWSP mereka dan berpindah kepada akaun patuh Syariah.

Terima kasih.

YB TUAN HJ WAN ROSLAN BIN WAN HAMAT :

Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker, terima kasih di atas soalan tambahan dari Kota Lama. Jadi semua urusan tadbir urus di Yayasan Islam Kelantan bermula 1990 lagi telah diumumkan oleh Mantan Menteri Besar, arwah Tok Guru lagi semua akaun dialih kepada patuh Syariah. Termasuk di Yayasan Islam Kelantan, gaji dan elaun dan semua urusan berkaitan dengan kewangan dan sebagainya.

Jadi kesemua guru-guru, pegawai dan kakitangan yang berada di Yayasan Islam Kelantan diurus secara patuh Syariah, terima kasih.

YB DATO' SPEAKER :

Dipersilakan Yang Berhormat Kemuning.

YB TUAN AHMAD ZAKHRAN BIN MAT NOOR :

بسم الله الرحمن الرحيم

Yang Berhormat Dato' Speaker, mohon jawapan kepada soalan saya nombor 6.

Soalan 6:

[Minta YAB Ustaz Dato' Panglima Perang Menteri Besar nyatakan, usaha-usaha Kerajaan Negeri dalam memperkasakan prinsip Ubudiyyah, Mas'uliyah dan Itqan (UMI) dalam pentadbiran dan pengurusan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).]

YB DATO' SPEAKER :

Tak dop pantun, Yang Berhormat [Sambil tersenyum]

YB TUAN MOHD ASRI BIN MAT DAUD :

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Yang Berhormat Dato' Sri Amar Diraja Dato' Speaker, menjawab kepada soalan Kemuning tadi Kerajaan Negeri pada dasarnya sentiasa memberi keutamaan kepada pemerkasaan prinsip UMI ataupun Ubudiyyah, mas'uliyah dan Itqan di setiap Pihak Berkuasa Tempatan dan Kerajaan melalui Institut Pemikiran Tok Guru Dato' Bentara Setia dengan kerjasama Kerajaan Tempatan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri telah pun mengadakan program kefahaman Dasar Membangun Bersama Islam pada pengurusan tertinggi Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Kelantan yang terdiri daripada Yang Dipertua, Setiausaha, Penolong Setiausaha dan Ketua-Ketua Unit iaitulah pada 12 September 2022 yang bertempat di Dewan Bunga Teratai Kompleks Kota Darulnaim.

Jadi fokus pelaksanaan ini adalah untuk memantapkan kefahaman khusus kepada (5) perkara utama iaitu yang pertama; konsep pentadbiran berasaskan Islam, yang kedua; sejarah pentadbiran Islam di Kelantan, yang ketiganya; Pentadbiran Negeri Kelantan (1990-kini), yang keempatnya; Dasar Membangun Bersama Islam (MBI) dengan plan strategiknya MMBI Merakyat Membangun Bersama Islam dan kemudiannya dan kemudiannya yang kelima; konsep 'Ubudiyyah,

Mas'uliyah dan Itqan menurut neraca pentadbiran MBI. Ada 5 yang ditekankan dalam program tersebut.

Jadi impak daripada program tersebut pelbagai aktiviti telah dilaksanakan bagi memperkasakan prinsip UMI di setiap PBT. Iaitulah;

- 1) Bekerjasama dengan Pejabat Agama Jajahan dalam mengadakan tazkirah/ kuliah UMI secara berkala setiap minggu dan ada yang setiap bulan.
- 2) Ketua-ketua jabatan/ unit ini dapat memberi tazkirah sekarang ni tak perlu import daripada luar. Ketua-ketua Jabatan dan unit dapat memberikan tazkirah ringkas dengan membaca petikan-petikan ayat Al-Quran dan juga hadis.
- 3) Mengadakan kempen dan kelas Al-Quran dan membaca kepada kakitangan serta diberi galakan untuk memasang alunan bacaan ayat-ayat suci Al-Quran melalui alat siaraya.
- 4) Dilakukan pengauditan di dalam UMI secara berkala bagi mengenalpasti tahap penguasaan dan pematuhan mereka kepada prinsip UMI ini.
- 5) Penguatkuasaan prinsip UMI ini stop 15 minit sebelum solat Maghrib di pasar-pasar malam dan antara yang berjaya juga menghantar wakil pegawai-pegawai di Pihak Berkuasa Tempatan untuk mengikuti Program Diploma Tassawur Islam di KIAS dan ada yang dah bergraduasi.

Alhamdulillah ini kejayaan pemerkasaan UMI yang telah dilakukan oleh PBT, terima kasih.

YB DATO' SPEAKER :

Kemuning...

YB TUAN AHMAD ZAKHRAN BIN MAT NOOR :

Terima kasih kepada Yang Berhormat EXCO di atas jawapan yang telah diberikan. Soalan tambahan saya adalah berkenaan dengan impak yang telah dinyatakan iaitulah saya merujuk kepada impak yang keempat iaitu pengauditan secara dalaman telah dibuat kepada pegawai-pegawai berkaitan dengan konsep UMI ini. Jadi soalan saya bagaimanakah cara pengauditan dibuat dan mohon juga jawapan penjelasan berkenaan dengan siapa yang membuat pengauditan tersebut.

Terima kasih.

YB TUAN MOHD ASRI BIN MAT DAUD :

Terima kasih Kemuning... Yang Berhormat Dato' Speaker, untuk maklumat juga Ahli-Ahli Yang Berhormat di sini bahawa jentera yang melaksanakan urusan pemahaman prinsip UMI ini ialah bahagian dakwah di Bahagian Jabatan Hal Ehwal Agama Islam JHEAIK dan juga dengan Kerjasama pihak Instituti Pemikiran Tok Guru Dato' Bentara Setia IPTG, kemudian Yayasan Tok Kenali YTK dan juga Institut Darul Naim iaitu ILN. Dan tidak terhenti kepada pelaksanaan pemahaman sahaja. UMI ni juga telah diaudit bukan setakat di PBT, di semualah agensi-agensi yang telah diadakan. Dan apa cara pengauditan ini pihak Juruaudit ini akan pergi dan memberi taklimat ringkas tentang berjumpa dengan pihak yang diaudit dan memberikan taklimat ringkas berkaitan dengan pelaksanaan prinsip UMI yang sebenar supaya mereka dapat mengenalpasti apakah yang mereka laksanakan tu mengikut apa perkara yang telah diputuskan oleh pihak yang melaksanakan penyediaan UMI tersebut.

Yang keduanya setelah pembentangan pelaksanaan UMI tersebut pihak Juruaudit akan memberi penjelasan berkenaan dengan perkara-perkara yang diaudit. Antara perkara yang diaudit ini mereka akan temuramah pihak yang diaudit termasuklah pegawai tertinggi, pegawai unit-unit semua sekalilah. Dan juga Juruaudit ini akan menyoal jugak tentang ilmu-ilmu asas berkaitan dengan pengetahuan islam tahu ke tidak. Kadang-kadang ada ditanya juga rukun solat. Takut-takut rukun awal takbir, rukun akhir sekali lipat sejadah. Kita bimbang benda tu.

Jadi maksudnya ilmu asas mesti jelas di peringkat pegawai-pegawai termasuklah ditanya juga tentang fatihah, tafsir fatihah. Kalau kita tidak mahu di negeri Kelantan ini ada pegawai-pegawai yang tidak boleh baca Al-Fatihah. Jadi itu dilakukan juga antara perkara-perkara yang diauditlah.

Kemudiannya setelah semuanya diaudit maka akhir sekali mesyuarat penutup akan dipanggil semua pihak yang diaudit kemudian diberi rumusan serta dapatan dari audit yang dilakukan. dan untuk maklumat Yang Berhormat Dato' Speaker, Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, secara ringkas audit 12 PBT ini telah dilakukan antara Tarikh pada masing-masingnya pada 13 Ogos sehingga 14 Disember 2020,itu fasal yang

pertama dan fasal yang keduanya ialah pada 8-30 Mac 2021 yang melibatkan 50 jabatan dan agensi. Ini termasuklah PBT. Saya fokuskan kepada 12 PBT yang telah diaudit, pertama dengan penarafan baik 3 bintang iaitulah Majlis Daerah Jeli dengan 62.5%, Majlis Daerah Pasir Puteh dengan 67%, Majlis Daerah Kuala Krai dengan 72.25%, Majlis Daerah Machang dengan mendapat 73.75%.

Diikuti dengan penarafan amat baik 4 bintang, diperolehi oleh Majlis Daerah Gua Musang dengan 79.2%, Majlis Daerah Bachok - Bandaraya Pelancongan Islam dengan 80%, Majlis Daerah Tanah Merah 83%, Majlis Daerah Tumpat 83.75%, Majlis Ketereh Perbandaran Islam sebanyak 85.5% dan 3 PBT yang menunjukkan prestasi UMI yang berkesan dengan cemerlang dengan mendapat penarafan 5 bintang iaitulah yang pertama Majlis Daerah Pasir Mas dengan 87.5%, Majlis Perbandaran Kota Bharu Bandaraya Islam 90% dan Majlis Daerah Dabong 92%.

Alhamdulillah, tahniah semua PBT yang menunjukkan prestasi yang baik ini dan ini hasil kejayaan daripada penerapan UMI yang berkesan, tahniah kepada semua. Terima kasih.

YB DATO' SPEAKER :

Sila, Galas...

YB TUAN HJ SYAHBUDDIN BIN HASHIM :

Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan tambahan saya dalam memperkasakan Ubudiyah, Mas'uliyah dan Itqan dalam PBT Kelantan, adakah Kerajaan Negeri untuk mengarahkan semua PBT memperketatkan lesen premis perbankan di Negeri Kelantan kita ini supaya jika mahu meneruskan perkhidmatan perbankan di negeri ini semua premis perniagaan...semua premis perbankan ini menghentikan penawaran urusan konvensional di negeri Kelantan sebagaimana di PBT tidak memberikan lesen kepada sebarang premis perjudian di negeri Kelantan kita ini. Ini sebagaimana yang disebut oleh EXCO semalam.

Terima kasih.

YB TUAN MOHD ASRI BIN MAT DAUD :

Terima kasih kepada Galas... ia asasny cadangan tersebut boleh diterima. Cuma kita ada juga perbankan yang peringkat professional itu kerana kita

meraikan rakyat atau rakan-rakan kita daripada yang bukan Islam sebagai alternatif mereka pergi kepada bank konvensional itu dan untuk rakyat Kelantan kita memberikan Pendidikan kepada orang Islam supaya mereka bebas daripada riba. Sebab itulah soalan Kota Lama semalam pun, maknanya apabila kita ada Enakmen berkaitan dengan seksyen yang memperuntukan kesalahan muamalat secara riba, muamalat yang tidak bercanggah dengan syarak inilah sebenarnya untuk memastikan bahawa walaupun ada bank konvensional tapi rakyat umat Islam tak pergi pun. Itu untuk bukan Islam.

Jadi kalau kesedaran ini maknanya berpanjangan dan di mana-mana pun ada Insha Allah tidak akan timbul nak adakan satu bank Islam.. di Kelantan ni tak ada langsung bank riba dan bank sistem bank 2 windows ini sebenarnya ia praktikal juga kerana bagi meraikan sebuah masyarakat majmuk itu sendiri. Begitulah juga dengan tempat-tempat ibadat dan sebagainya. Jadi tu respond awal saya ... terima kasih.

YB DATO' SPEAKER :

Dipersilakan Yang Berhormat Kota Lama..

YB PUAN DR. HAFIDZAH BIN HJ MUSTAKIM :

Telah berlalu sudah musim tengkujuh, mohon soalan saya nombor 7.

Soalan 7:

[Minta YAB Ustaz Dato' Panglima Perang Menteri Besar nyatakan, Tindakan-tindakan Kerajaan negeri bagi menjaga kebajikan penduduk Jalan Atas Paloh yang telah dirobohkan rumah mereka.]

YB TUAN HILMI BIN ABDULLAH :

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Kota Lama bertanyakan tindakan Kerajaan Negeri bagi menjadikan kebajikan penduduk jalan Atas Paloh yang telah dirobohkan rumah mereka. Cadangan pembangunan tanah milik Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan PKINK atas Lot 79 seksyen 5 Jalan Atas Paloh, Bandar Kota Bharu Kelantan seluas 4.496 ekar melibatkan 53 orang pemilik rumah setinggan. Maknanya penduduk di sini ni baki penduduk

yang belum yang telah dirobohkan rumah mereka ataupun penduduk saya tak pasti tapi saya akan jawab secara umumlah. Kebajikan semua penduduk telah terjaga dengan sebaiknya oleh Kerajaan Negeri sejak sebelum dirobohkan rumah mereka.

Semua penduduk berjumlah 53 buah keluarga telah diberikan kebenaran untuk tinggal selama mana tanah tersebut belum di ambil alih oleh Kerajaan Negeri. Sampai masalah setelah 2,3 generasi rumah penduduk telah mendiami rumah tersebut, sampai masa Kerajaan mengambil alih untuk mendirikan projek pembangunan dan sekiranya kita mengambil kira kita dikenakan sewa RM300 sebulan contohnya.. sekiranya penduduk telah tinggal selama 30 tahun, nilai pendudukan sebenar nilai pendudukan tapi kita tak ambil sewa itu bahagian daripada kebajikan. Penduduk juga tidak dikenakan sebarang cukai tanah, tak dikenakan sebagai cukai pintu dan segala kebajikan mereka selama mereka tinggal daripada 53 buah keluarga sebanyak 36 buah keluarga telah pun berpindah ke Projek Perumahan Rakyat PPR Jalan Kelechor. Yang mana nilai rumah sekarang 3 bilik, 2 bilik air bernilai antara RM180,000 ke RM200,000. Dan nilai rumah kepada 16 buah keluarga lagi yang ditawarkan di Badang juga Insha Allah Isnin saya akan solat hajat di RMMK Badang dan kita peruntukkan 16 buah rumah kepada baki penduduk di Atas Paloh. Yang mana nilai sebuah rumah, 3 bilik 2 bilik air juga bernilai RM182,000 dan ke atas. Tinggal lagi satu keluarga yang enggan berpindah yang mana bersamanya juga ada beberapa penduduk yang membawa kes Mahkamah Tinggi dan isu-isu ini telahpun selesai peringkat Mahkamah Tinggi dan kita telah mengadakan rundingan. Dan kita peringkat awal bersetuju untuk memberikan bayaran saguhati perpindahan tidak ada istilah pampasan kerana mengikut undang-undang semua setinggaan tidak layak untuk diberikan pampasan dan kita memberikan bayaran saguhati untuk berpindah. Dan semua penduduk telah menerima bayaran saguhati bahkan ada penduduk yang dirunding dengan kita, kita membayar bayaran sewa rumah RM500 sebulan sehingga 2 tahun untuk memulakan rumah baru PPR siap dan juga boleh dimasuki. Dan ada seorang penduduk kita bagi rumah Dhuafat. Itu antara kebajikan yang telah diberikan oleh Kerajaan Negeri.

Sekarang kita balik kepada baki penduduk yang telah dirobohkan rumah mereka yang mana mereka telah memilih kaedah perundangan. Kita raikan kaedah perundangan dan mahkamah telah memutuskan mereka

tidak ada legal right untuk menuntut sebarang pampasan dan tawaran yang diberikan untuk berpindah ke rumah PPR ditolak, ke rumah Badang pun ditolak.. jadi tak ada lagi tawaran untuk mereka. Walaubagaimanapun kita masih lagi membuka pintu rundingan untuk mencari penyelesaian jalan keluar. Dan jika ada apa perlukan bantuan daripada Kerajaan Negeri baki penduduk berhubung dengan ADUN masing-masing. Bagaimana kita untuk membantu kemungkinan mereka ada tanah sendiri dan baki penduduk tidak menerima ni biasanya mereka dah ada tapak rumah. Dan mereka yang bersetuju untuk berpindah memang daripada golongan miskin yang tak ada tapak rumah mereka bersetuju berpindah seramai 36 buah keluarga majoriti penduduk sekiranya YB ada masa YB pergi ke PPR kelocho; temuramah perasaan mereka setelah mendapat sebuah rumah 3 bilik, 2 bilik air bernilai RM200,000 berbanding mereka berada di Kawasan setinggan. Tidak akan menyelesaikan masalah mereka kerana mereka akan mendapat geran strata dapat mewariskan harta mereka kepada anak cucu mereka. Itu antara yang difikirkan oleh Kerajaan Negeri.

Begitu juga rumah di Badang, mereka akan mendapat geran hak milik harta dapat diwariskan kepada anak cucu mereka. Itulah kebajikan terbaik yang Kerajaan Negeri dapat berikan kepada penduduk Jalan Atas Paloh. Setakat tu saja.... silakan tambahan..

YB DATO' SPEAKER :

Ada soalan tambahan? Silakan Kota Lama..

YB PUAN DR HAFIDZAH BIN HJ MUSTAKIM :

Terbaik pagi ni. ..Alhamdulillah terima kasih kepada YB EXCO yang memberikan jawapan yang... sebenarnya adalah berita baik untuk rakyat. Bagi saya soalan dalam Dewan ni tak semestinya untuk bercanggah dan sebagainya. Ini adalah secara rasminya mendapatkan penjelasan. Cuma ada sedikit lagi, kita tahu 500 penduduk kampung Setia Jaya Kuala Lumpur yang sudah mendapatkan keputusan mahkamah untuk keluar daripada kampung mereka. Namun pihak berkaitan masih membenarkan mereka duduk di situ sehingga penyelesaian penempatan.

Jadi mungkin tambahan sedikit daripada EXCO, kita tahu tadi ada beberapa kumpulan yang memang sudah dan mereka rasakan dapat rumah PPR itu suatu nikmat yang bagi saya Kerajaan dapat berikan.

YB DATO' SPEAKER : [MEMOTONG]

Soalan..soalan Yang Berhormat...

YB PUAN DR. HAFIDZAH BINTI HJ MUSTAKIM :

.....soalannya adalah bagaimana baki penduduk tadi yang mereka sebenarnya mahu janji yang mereka rasa ni pandangan mereka.. yang pernah diberikan kepada mereka dan oleh kerana itu termasuklah rumah RMMK Badang tersebut. Jadi isu ni maknanya rumah Badang pun tak siap, tapi mereka terpaksa keluar. Betul EXCO kata mereka mungkin ada tanah. Jadi itu bagaimana proses rundingan kalau mungkin sikit lagi pencerahan dari sudut itu ..terima kasih..

YB DATO' SPEAKER :

Dia nak cerah lagi...

YB TUAN HILMI BIN ABDULLAH :

Cerah lagi dih...sebab tu saya jawab kot Kelate jah. Sebab tu saya jawab mereka yang berpindah merupakan penduduk yang daif seramai 36 keluarga. Itulah keputusan yang tepat malangnya ada pihak tertentu sebatang kara menyebabkan mereka terlepas untuk mendapatkan tawaran yang amat baik dari Kerajaan Negeri. Janji kita dulu kita akan bagikan rumah ganti kepada penduduk, kita dah ganti. Tawarkan PPR kepada 53 keluarga, 36 keluarga yang layak atas dasar melepasi tapisan PPR tapisan yang dibuat oleh Kerajaan Pusat rumah PPR. Dan ada keluarga lagi tak melepasi untuk mendapat rumah PPR... yang ditawarkan rumah di Badang. Mereka kena buat pinjaman perumahan dengan harga RM45,000 yang mana nilai tersebut mustahil untuk membina sebuah rumah. Nilai sekarang rumah Badang kita RM180,000 1 unit dan ada penduduk yang runding dengan kita saya baru tahu tadi kita bayar sewa rumah RM500 selama 2 tahun untuk memastikan rumah tersebut siap. Dan Isnin ini saya akan solat hajat di Badang maknanya rumah Badang akan siap. Kita tawarkan rumah cuma berbeza lokasi sahaja. Asalnya kita tawarkan rumah dibina tapaknya Atas Paloh memandangkan masalah gangguan yang dibuat oleh penduduk

menyebabkan pemaju pun takut nak masuk proses-proses akan menjadi terbantut. Jadi kita ganti rumah di PPR Kelochoh dan RMK Badang. Dan ada penduduk kita bagi rumah Dhuaafat kerana dia ada tanah percuma bernilai RM55,000 rumah percuma.

Sekiranya baki penduduk berunding dengan kita dan tidak membuat provokasi kita membuka kepada perundingan. Insha Allah mereka akan mendapat sewa rumah sebagaimana diberikan pada salah seorang penduduk kita bayar selama 2 tahun sehinggalah rumah yang kita janjikan siap. Tapi mereka telah memilih jalan mahkamah dan proses of floor kita kena ikutlah dan penghakiman telah dikeluarkan bahawasanya mereka itu tiada hak *legal right* untuk duduk atas tanah PKINK. Dan kita menghormati keputusan mahkamah dan kita membuka pintu rundingan tapi mereka masih lagi memilih untuk provokasi dengan Kerajaan menyebabkan rumah mereka dirobuhkan secara sah baki 5 buah rumah lagi walaupun kita buat perubahan secara berperingkat. Fasal 1 kita buat 20 buah rumah dan mereka diberi peluang untuk rombak sendiri rumah mereka ambil kayu jual. Fasal ke 2 kita rombak 20 buah rumah, fasal 3, 3 buah rumah sehinggalah memakan masa hampir 5 tahun. Barulah kita dapat penghakiman Mahkamah barulah kita roboh baki 5 buah rumah tersebut. Dan sekiranya pemilik 5 buah rumah perlukan apa-apa sumbangan boleh berjumpa dengan ADUN masing-masing kita bincang, Insha Allah.

YB DATO' SPEAKER :

Ada soalan tambahan lagi? Ramai bangun ni..hok mana dekat Kota Bharu..[SAMBIL TERGELAK]Chempaka la dekat sikit dengan Kota Bharu..orang lain jauh.

YB TUAN NIK BAHARUM BIN NIK ABDULLAH :

Saya ucap terima kasih di atas jawapan yang telah diberikan...penjelasan yang telah diberikan tu yang kita dapat tengok betapa toleransinya Kerajaan dalam menghadapi penghasut-penghasut berkenaan dengan tapak tanah tersebut. Jadi saya nak... dalam jawapan yang disebut tadi antaranya ialah ada anasir-anasir yang tidak bertanggungjawab. Jadi saya nak tanyanya, adakah Kerajaan mengenalpasti anasir-anasir penghasut-penghasut tersebut tu. Dan kalau sekiranya dikenalpasti apa tindakan yang akan diambil terhadap mereka?.

YB DATO' SPEAKER :

Soalan lawyer...

YB TUAN HILMI BIN ABDULLAH :

Terima kasih Chempaka atas soalan... soalan pun provok soalan tu,... ialah kita menerima bahawasanya ada yang mereka tidak puashati atas semua program atau keputusan negeri walaupun keputusan yang kita capai yang terbaik untuk rakyat Kelantan. Kita carilah apa-apa keputusan yang dibuat oleh Kerajaan mana-mana Kerajaan sekalipun itu adalah keputusan yang terbaik untuk rakyat tidak ada satu niat menstria iaitu mala fide niat jahat ataupun buruk untuk menaniaya mana-mana rakyat yang tinggal dalam Kelantan. Malangnya ada rakyat yang terhasut dengan tohmahan daripada mereka yang mengamalkan sikap populis ambo kata bakar karok tadi yang mana memprovoke rakyat yang kita telah bagi betis mereka minta paha dan juga dakyah-dakyah yang juga menyebabkan penduduk menyatakan ketidakpuasan hati mengikut saluran yang betul. Malangnya gajah sama gajah berlaga, kancil mati ditengah-tengah rugilah..rugilah. Dan kita tidak lagi berhasrat untuk mengambil tindakan kepada mana-mana pihak kerana kita meraikan perbezaan pendapat pada semua rakyat tanpa mengira parti. Walau kita kurangkanlah membuat fitnah-fitnah yang tidak benar dengan niat jahat untuk memburukkan nama Kerajaan Negeri yang mana kita letakkan kepentingan, kebajikan, kesejahteraan rakyat sebagai dasar utama kita.

Wallahu'alam.

YB DATO' SPEAKER :

Ahli-Ahli Yang Berhormat saya berhasrat untuk menangguhkan Persidangan ..persidangan ditangguhkan dan akan bersambung semula pada jam 10.40 pagi.

Sekian, terima kasih.

**PERSIDANGAN DEWAN DITANGGUHKAN PADA JAM 10.10 PAGI DAN
AKAN BERSAMBUNG SEMULA PADA JAM 10.40 PAGI.**

PERSIDANGAN DEWAN DISAMBUNG SEMULA PADA JAM 10.40 PAGI

YB DATO' SPEAKER :

Persidangan dewan disambung semula.

YB TUAN WAN ROHIMI BIN WAN DAUD:

YB Dato' Sri Amar D'Raja Dato' Speaker, saya pohon untuk mengemukakan satu Usul berdasarkan kepada peruntukan Standing Order Dewan Negeri Kelantan Perkara 30(1) iaitu Cadangan Menangguhkan Persidangan Dewan kerana merundingkan perkara-perkara mustahak bagi orang ramai.

YB DATO' SPEAKER : Sila, Melor.

YB TUAN WAN ROHIMI BIN WAN DAUD:

YB Dato' Sri Amar D'Raja Dato' Speaker, saya pohon untuk mencadangkan satu Usul iaitu : -

“BAHAWA DEWAN UNDANGAN NEGERI YANG BERSIDANG PADA HARI INI, MERAKAMKAN KEKESALAN DAN SANGAT BERDUKACITA ATAS PEMBATALAN 16 PERUNTUKAN DI BAWAH ENAKMEN KANUN JENAYAH SYARIAH (1) 2019 [ENAKMEN 14], DAN MENGGESA PENGGUBALAN SEMULA PERUNTUKAN-PERUNTUKAN YANG DIBATALKAN TERSEBUT’.

YB DATO' SPEAKER :

Sila YB Melor serahkan apa ni kenyataan bertulis cadangan ...

[PETUGAS DEWAN MENGHANTAR KENYATAAN BERTULIS KEPADA YB DATO' SPEAKER]

Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, satu cadangan telah dibuat oleh Yang Berhormat Melor iaitu

“BAHAWA DEWAN UNDANGAN NEGERI YANG BERSIDANG PADA HARI INI, MERAKAMKAN KEKESALAN DAN SANGAT BERDUKACITA ATAS PEMBATALAN 16 PERUNTUKAN DI BAWAH ENAKMEN KANUN JENAYAH SYARIAH (1) 2019 [ENAKMEN 14], DAN MENGGESA PENGGUBALAN SEMULA PERUNTUKAN-PERUNTUKAN YANG DIBATALKAN TERSEBUT’.

Ada sokongan?

[SEMUA AHLI DEWAN BANGUN UNTUK MEMBERI SOKONGAN]

Ramai yang sokong. Ok terima kasih. Saya telah meneliti cadangan ini dan saya mendapati dan berpendapat cadangan ini telah memenuhi tiga syarat. Yang pertama perkara yang tertentu dan mustahak. Yang kedua untuk kepentingan orang ramai. Dan yang ketiga perlu disegerakan. Dengan itu saya menerima cadangan ini. Sila Yang Berhormat Melor kemukakan ucapan cadangan.

YB TUAN WAN ROHIMI BIN WAN DAUD :

Terima kasih Yang Berhormat Dato’ Speaker,

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Yang Berhormat Dato’ Sri Amar D’Raja Dato’ Speaker, terlebih dahulu izinkanlah saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih di atas keizinan dan memberi laluan kepada saya untuk membawa usul di Dewan yang mulia ini. Usul persendirian ini ingin dibawa ke hadapan dewan ini untuk pertimbangan adalah berbunyi bahawa Dewan Undangan Negeri yang bersidang pada hari ini merakamkan kekesalan dan sangat berdukacita atas pembatalan 16 peruntukkan dibawah Enakmen Kanun Jenayah I 2019 Enakmen 14 dan menggesa penggubalan semula peruntukan-peruntukan yang dibatalkan tersebut.

Yang Berhormat Dato' Sri Amar D'Raja Dato' Speaker, izinkanlah saya mulakan ucapan perbentangan usul ini dengan memetik sepotong hadis yang berbunyi,

عن أبي امامة الباهلي

عن رسول الله صلى الله عليه وسلم قال

لتنقضن عرى الإسلام عروة عروة، فكلما انتقضت عروة تشبث الناس بالتي

تليها، وأولهن نقضا الحكم، وآخرهن الصلاة

Daripada Abi Umar Albahili R.A. daripada Rasulullah SAW bersabda,

Demi sesungguhnya akan berlaku pada suatu zaman nanti ikatan ajaran Islam dirombak dan dirungkai satu demi satu. Maka apabila setiap satunya dirombak menjadikan para penganut islam berpegang kepada simpulan berikutnya yang masih ada.

Simpulan pertama yang dirombak ialah pelaksanaan hukum islam. Dan simpulan terakhir yang akan dirombak ialah perlaksanaan solat.

Riwayat Iman Ahmad.

Yang Berhormat Dato' Speaker, kita semua tahu bahawa watan ini sejak ratusan tahun dahulu dibina atas kerangka hukum berteraskan konsep keadilan islam yang bersumberkan Al-Quran, Al-Sunnah, Ijmak dan Kias. Ia menjadi latar perbentukan negara dalam semua cabang hukum kenegaraan lantas berjaya membina satu tamadun melayu islam dan memacu kemakmuran masyarakat. Undang-undang Melayu lama seperti Hukum Kanun Melaka 1450, Undang-Undang Laut Melaka 1400, Undang-Undang 99 Perak 1596, Undang-Undang Kedah 837 Masihi. Undang-Undang Pahang 1972 dan Undang-Undang Johor 1789 telah membuktikan bahawa hukum islam dengan penyesuaian adab telah berjaya mengubah kehidupan masyarakat Melayu sejak kurun ke 14 sehinggalah kedatangan penjajah Inggeris.

Pengiktirafan diberikan kepada undang-undang Islam sebagai *law of the land* bagi negeri-negeri Melayu telah dibuktikan seperti di dalam kes ***Ramah Iwn Laton*** pada tahun 1927. Bahkan dalam kes *Regina against*

Williams 1858, Hakim Maxwell telah menyokong Islam sebagai undang-undang tempatan serta mengiktiraf undang-undang Islam dengan memutuskan bahawa dengan izin As a system of law which according to its own principles, can only be administered by Mohamedan Judges and Mohamedan arbitrators, upon the testimony of Mohamedan witnesses.

Undang-undang Islam hanya boleh ditadbir oleh hakim-hakim Islam dan penimbang tara Islam terhadap keterangan saksi-saksi yang beragama Islam.

Yang Berhormat Dato' Speaker, kita tentu sekali dapat melihat kesan pada masa kini *fast forward* hukum Islam dan bidang kuasa mahkamah Syariah telah di asing dan semakin diperkecilkan peranannya. Dan dihadkan kepada perkara-perkara peribadi sahaja seperti perkahwinan, perceraian dan pewarisan harta pusaka. Dan di kelewatan 7 8 tahun ini kita menyaksikan satu persatu apa yang disebut oleh Baginda SAW berlaku dihadapan mata kita dan dalam negeri kita. Satu persatu simpulan sendi-sendi agama dipatahkan dan dirungkaikan akibat serangan legitasi strategic yang bertali arus dan tidak pernah berhenti.

Pada tahun 2018 kita mendengar mahkamah Persekutuan dalam kes Indira Gandhi menasirkan perkataan *parent* sebagai bermaksud ibu dan bapa wajib kedua-duanya justeru mematahkan sendi agama islam dalam hal pemelukan agama islam oleh salah seorang pasangan agama anak oleh salah seorang pasangan yang memeluk islam.

Pada tahun 2021 kita mendengar Mahkamah Persekutuan dalam kes Iki Putra Mubarak telah membatalkan seksyen 28 Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah Selangor 1995 berkaitan dengan peruntukkan kesalahan liwat. Sendi kedua Enakmen Syariah Islam dirungkaikan. Pada tahun 2022 kita mendengar sistem islam mencabar fatwa kerajaan Negeri Selangor dan telah mempengaruhi Mahkamah Persekutuan untuk memutuskan bahawa kuasa Kehakiman Syariah yang diperuntukkan melalui Seksyen 66a telah dibatalkan. Satu lagi sendi syariah telah dirungkaikan.

Pada 18 April 2023 kita mendengar bagaimana penarikan balik rayuan dalam kes kalimah Allah dalam kes *Jill Ireland* Dilakukan oleh kerajaan Madani dengan menarik balik suatu rayuan yang telah difailkan pada 12 Mac 2020 dan dengan itu telah menyebabkan penghakiman Mahkamah

Tinggi Shah Alam yang membatalkan pekeliling Kementerian Dalam Negeri berkaitan pengharaman penggunaan 4 kalimah suci Islam sebagai muktamad. Dengan itu sehingga kini sudah hampir setahun Negara berada dalam pengharaman penggunaan dalam kalimah suci Islam, Allah, Baitullah, Kaabah dan solat. Hampir setahun kerajaan Persekutuan masih terkapai-kapai untuk memperkenalkan semula peruntukkan tersebut.

Pada 09 Februari 2024 kita semua maklum bahawa 8 daripada 9 hakim mahkamah Persekutuan telah membenarkan cabaran perlembagaan yang dibawa melalui petisyen Nik Elin Zurina dan anaknya Tengku Yasmin Natasha. Keputusan ini telah membatalkan 16 daripada 49 peruntukan dalam Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah I 2019 yang berkait langsung dengan syariah Takzir yang memberikan bidang kuasa kepada mahkamah syariah dalam negeri Kelantan untuk menguatkuasakan kesalahan Takzir. Hampir satu per tiga daripada peruntukan kesalahan ini bersepai menyembah bumi, simpulan demi simpulan, sendi-sendi agama Islam dalam negeri ini dirungkai dan dipatah-patahkan.

Dewan yang mulia ini sewajarnya saya merasa sangat kesal dan sangat berdukacita di atas keputusan ini. Apatah lagi atas alasan dewan ini tidak mempunyai kompetensi untuk menggubal peruntukan-peruntukan tersebut.

Yang Berhormat Dato' Sri Amar D'Raja Dato' Speaker, setelah meneliti alasan penghakiman mahkamah Persekutuan setebal 88 mukasurat khususnya berkaitan alasan pembatalan bagi setiap 16 seksyen yang dibatalkan. Saya percaya masih terdapat ruang penambahbaikan pengkhususan bagi peruntukan-peruntukan yang bersifat umum dan tidak jelas definisinya serta semakan semula semua peruntukan yang dibatalkan.

Saya percaya di negeri ini bahkan dalam negara kita terdapat ramai pakar-pakar perundangan yang boleh membantu mengkaji dan membuat penelitian dan pengkajian semula 16 peruntukan ini yang telah dibatalkan tersebut dalam maksud untuk membolehkan ianya dibentangkan semula kepada dewan yang mulia ini. Oleh itu melalui ini saya mohon mencadangkan agar kerajaan negeri Kelantan mengambil langkah segera bergerak ke arah penggubalan semula 16 peruntukan

tersebut dengan mengumpulkan semua agensi-agensi, majlis-majlis agama dan pakar-pakar yang berkaitan.

Sungguhpun mahkamah Persekutuan telah membatalkan 16 peruntukan tersebut atas alasan-alasan kompetensi dewan namun dalam perjuangan perkasakan enakmen syariah kita tidak sewajarnya menyerah kalah. Tidak wajar bagi kita Ahli-ahli Dewan yang mulia ini berputus asa dan menyerahkan sepenuhnya kepada Kerajaan Persekutuan dalam mempertahankan bidang kuasa dewan ini, sebagai cabang *legislative* dalam hal-hal yang berkaitan agama Islam. Saya percaya usul ini selaras dengan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Tuanku Al-Sultan Muhammad V yang secara terang dan jelas bertitah bahawa dalam memastikan ketinggian agama Islam terus terpelihara, Beta menggesa kerajaan Beta terus memperkasa dan mempertahankan perundangan dan institusi syariah negeri.

Yang Berhormat Sri Amar D'Raja Dato' Speaker dengan itu Melor mohon mencadangkan usul sebagaimana yang disebutkan pada awal ucapan tadi. Sekian terima kasih.

YB DATO' SPEAKER :

Ahli-Ahli Yang Berhormat sekarang saya kemukakan cadangan ini bagi perbahasan. Sila Chempaka.

YB TUAN NIK BAHRUM BIN NIK ABDULLAH :

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Yang Berhormat Mulia Dato' Speaker, saya bangun pada hari ini dengan penuh emosi untuk menyokong usul yang disampaikan oleh Melor tadi. Ibarat ibu dan bapa yang telah melahirkan seorang anak tapi belum sempat melihat anak itu membesar tiba-tiba mendapati anak tersebut dicatat dengan terpotong tangan dan kakinya, dikerat oleh hantu yang *out of character, out of each world* sebagaimana keputusan *minority* yang disebut dalam keputusan *minority* tersebut. Apakah perasaan kita?

Yang Berhormat Dato' Speaker, Enakmen Kanun Jenayah Syariah I, 2019 telah digubal dengan begitu rupa oleh pakar dalam bidang masing-masing. Ada pakar undang-undang sivil, ada pakar undang-undang syariah alim ulamak peguam syarii dan sivil. Kemudiaanya telah mendapat panduan dan pandangan dari pakar bahagian gubalan dari

agensi. Dikemukakan dari agensi yang bertanggungjawab sebelum dibawa ke hadapan dewan yang mulia ini. Dibahas serta diluluskan oleh Ahli Dewan dan akhirnya mendapat perkenan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku. Maknanya undang-undang tersebut, enakmen tersebut telahpun melalui berbagai proses mengikut undang-undang sehinggalah ke peringkat pewartaan.

Dari segi pengalamannya saya boleh mengesahkan bahawa semasa proses penggubalan sumber utamanya adalah Al-Quran, hadis ijmak ulama' dan kias serta mendalami juga Maqasid Syariah yang sememangnya dalam gubalan tersebut yang telah dibentangkan pada Tuanku dan diluluskan oleh tuan-tuan sebelum pada ini adalah diatur dengan sebegitu rupa dengan pecahan 49 kesalahan syarii yang tersebut dibahagikan mengikut pecahan penjagaan agama, penjagaan diri dan maruah, penjagaan akal, penjagaan harta dan penjagaan keturunan. Lengkap.

Dan semasa kita menggubal kanun tersebut memang telahpun ada dalam pemikiran kita bahawa berkenaan dengan kekangan kuasa *federal*, kuasa *state*, tetapi berdasarkan pada pentafsiran yang dipakai pada ketika itu dalam penghakiman Tun Hamid, dalam Sulaiman Takrib dan Tun Raus dalam *see publication* dimana secara mudahnya selagi mana kesalahan itu termasuk dalam perkara berkaitan agama Islam, ajaran agama *three step of Islam* maka kita berhak menggubal. Sebagai contoh, sebagai sedikit pengenalan dalam kes Sulaiman Takrib lawan kerajaan Terengganu. Kes Sulaiman Takrib adalah merupakan kes Ayah Ping, Sulaiman Takrib itu adalah nama sebenar kepada Ayah Ping.

Tun Hamid, Tun Abdul Hamid, Ketua Hakim Negara pada ketika itu, telah menggunakan pendekatan perbandingan peruntukan. Kalau ada peruntukan yang sama dalam undang-undang Persekutuan maka undang-undang Negeri boleh terbatal.

Manakala dalam satu kes lagi dalam kes yang kedua yang juga diputuskan diperingkat mahkamah Persekutuan dalam kes ZI Publication Sdn Bhd lawan Kerajaan Negeri Selangor, Tun Raus Takrib menggunakan pendekatan lebih terbuka. Beliau mengiktiraf *dualism* ialah sistem dua mahkamah ini dan menyatakan selagi mana undang-undang negeri yang digubal tersebut adalah berkait dengan perintah agama Islam *recep of Islam* maka ianya adalah sah sekalipun bertindang dengan undang-

undang pada peringkat Persekutuan. Itulah panduan yang kita gunakan semasa menggubal undang-undang tersebut. Dan dikatakan dalam kes tersebut juga sekiranya seklaipun ada pertindihan-pertindihan tidak mengapa, kerana undang-undang Persekutuan sendiri membenarkannya. Seksyen 59 Akta Taksiran dan keputusan dalam satu kes Sukara Dermawan yang menjadi bekait dengan PMX pada masa sekarang ini.

Dalam kes tersebut membenarkannya. Mana-mana dulu yang mendakwa mana-mana dahulu yang menghukum adalah dibenarkan. Jadi apa masalahnya? Sehingga terpaksa dibawa ke mahkamah untuk dibatalkan. Tiba-tiba tanpa ada sebarang pertuduhan, tanpa ada sebarang hukuman. Tidak ada sebarang siasatan seseorang yang disifatkan sebagai hantu yang sebagaimana saya sebut dalam permulaan tadi dan disifatkan juga oleh hakim minoriti keputusan minoriti menyebut bahawa jika sekiranya seorang bukan Islam yang membawa kes tersebut untuk dibatalkan dia tidak merasa hairan tetapi ini adalah merupakan seorang yang mengaku beragama Islam. Sebab itulah hakim menyatakan bahawa *out of character, out of this world*, tok tahulah nak terjemah apa. Saya tak tahu nak terjemah apa, *out of this world, out of this character*.

Jadi dalam keadaan tersebut ya kita akur dengan keputusan tersebut kerana ia adalah merupakan mahkamah tertinggi tetapi tugas kita sebagaimana yang telah disebut di dalam ucapan perbahasan, dalam usul sebentar tadi adalah bahawa sebagaimana pembahagian yang telah dibuat terhadap kerajaan demokrasi. Ada *executive*, ada *judiciary* dan ada *legislative* maka tugas kita sebagai *legislative* adalah untuk membuat undang-undang itu.

Jadi berdasarkan kepada premis tersebut saya bersetuju dengan dan menyokong usul bahawa enakmen tersebut perlu digubal semula dan perlu diperkenalkan semula oleh dewan yang mulia ini dan marilah sama-sama kita mengambil tekad bahawa kitalah yang akan memperkenalkannya semula untuk menyelesaikan isu itu. Sekian, terima kasih.

YB DATO' SPEAKER :

Yang lain? Sila... siapa tu Gual Periok.

YB TUAN KAMARUZAMAN BIN MOHAMAD :

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk menyokong usul yang dibawa oleh Melor berkaitan dengan untuk membina semula peruntukan ataupun undang-undang untuk memperkasakan mahkamah syariah. Hadis Nabi SAW yang dibacakan oleh Melor sebentar tadi menyebutkan dengan jelas yang pertama terurai ialah hukum islam. Dan umat islam akan berpegang kepada simpulan seterusnya. Ini menunjukkan bahawa hukum islam inilah yang menjadi benteng kepada kekuatan umat islam di sepanjang sejarah kerajaan islam.

Dan benteng inilah sebenarnya yang di cemburui oleh musuh islam kerana selagi mana ada benteng ini yang menjaga umat islam, maka kekuatan akidah, kekuatan umat islam akan dijaga dengan kekuatan benteng ini. Dan benteng inilah yang perlu dihapuskan supaya dengan terhapusnya benteng ini maka simpulan-simpulan lain akan terurai satu demi satu. Dan kita patut bersyukur kerana dewan yang mulia ini telah memperkasakan simpulan ini untuk menjaga kekuatan akidah umat islam terutama sekali dalam konteks negeri Kelantan.

Sedikit latar belakang sebagaimana yang di usulkan oleh Melor sebentar tadi di mana sebelum ini negeri-negeri di Tanah Melayu, kerajaan-kerajaan di Tanah Melayu telah mengguna pakai sistem perundangan islam sebelum kedatangan penjajah. Apabila Portugis menjajah Melaka maka Portugis telah mengambil langkah menghapuskan sepenuhnya perundangan islam di negeri Melaka yang kemudiannya datang, datang Belanda. Belanda kemudian melunakkan dengan membenarkan sebahagian perundangan islam yang berkaitan dengan kekeluargaan yang kemudiannya datang British yang kemudiannya menjajah seluruh tanah air kita yang kemudian mencairkan undang-undang islam sebagaimana yang kita warisi hari ini. Dan sepatutnya selepas 67 tahun kemerdekaan sepatutnya sudah sampai masanya untuk kita perkasakan Mahkamah Syariah dan juga undang-undang syariah ini. Tetapi apa yang berlaku adalah sebaliknya apabila selepas 67 tahun kita merdeka, apabila kita pernah mencadangkan RUU 355 untuk memperkasakan Mahkamah Syariah, tiba-tiba datang satu bala kepada umat islam dengan mencabar peruntukan yang telah diluluskan oleh Dewan yang mulia ini.

Jadi Dato' Speaker, saya melihat bahawa sepatutnya kalau lah alasan yang digunakan untuk memperkasakan mahkamah syariah sepatutnya segala ruang yang ada perlu digunakan untuk memperkasa mahkamah syariah. Kalaulah alasan untuk membetulkan meletakkan kembali undang-undang syariah ini pada railnya, bukannya dengan kita menghumban kenderaan tadi keluar daripada rail dan kita betulkan rail. Sepatutnya kita betulkan rail itu terlebih dahulu dan kita menjalankan kereta tadi pada rail yang telah dibetulkan.

Ini kita telah mengambil tindakan kita humban kenderaan tadi keluar daripada rail dan alasannya adalah untuk kita betulkan rail supaya kenderaan tadi boleh lalu dengan baik. Jadi saya melihat sepatutnya pada tahap ini kita perlu mengambil segala langkah yang perlu untuk memperkasakan semula undang-undang syariah kerana undang-undang inilah yang akan menjadi benteng yang akan menjaga umat islam terutama sekali dalam keadaan era yang penuh dengan cubaan ini.

Jadi Tuan Yang Dipertua saya ingin mengambil petikan Tun Salleh Abbas semasa menyampaikan penghakiman beliau dalam kes Che Omar Che Soh melawan *public prosecutor* yang menyatakan bahawa sebelum kedatangan British ke Tanah Melayu, Sultan bukan sahaja ketua Agama Islam dalam negeri pemerintahan baginda tetapi memainkan peranan yang lebih besar iaitu sebagai ketua politik dalam negeri baginda.

Baginda merupakan wakil Allah di muka bumi dan bertanggungjawab untuk mentadbir dan memerintah berdasarkan hukum syara'. Jadi saya dengan ini menyokong sepenuhnya usul yang dikemukakan oleh Melor. Sekian, terima kasih.

YB DATO' SPEAKER :

Saya mempersilakan Yang Berhormat Dato' Timbalan Menteri Besar untuk membuat penggulungan.

YB DATO' DR. HJ MOHAMED FADZLI BIN DATO' HJ HASSAN :

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ وَالْعَاقِبَةُ لِلْمُتَّقِينَ وَلَا عُدْوَانَ إِلَّا عَلَى الظَّالِمِينَ وَالصَّلَاةُ
وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ
رَبِّ اشْرَحْ لِي صَدْرِي وَيَسِّرْ لِي أَمْرِي وَاخْلُلْ عُقْدَةً مِّن لِّسَانِي يَفْقَهُوا قَوْلِي
قالوا سبحانه لا علم لنا إلا ما علمتنا إنك أنت العليم الحكيم
«لا حول ولا قوة إلا بالله العلي العظيم
السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker dan Ahli-Ahli Yang Berhormat yang dikasihi sekalian, setinggi-tinggi terima kasih saya ucapkan di atas keizinan yang telah diberikan Yang Berhormat Dato' Speaker kepada saya bagi mewakili kerajaan untuk menggulung dan memberikan pandangan kerajaan di atas usul persendirian yang telah dibawa oleh ADUN Melor sekejap tadi dan telah disokong oleh Yang Berhormat daripada Chempaka dan juga Gual Periok.

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya juga ingin mengambil kesempatan yang ringkas ini untuk mengucapkan junjung kasih Kebawah Duli Yang Maha Mulia Al-Sultan atas titah ucapan yang telah dibacakan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Panglima Perang, Dato' Menteri Besar Kelantan semalam yang mana dalam titah ucapan tersebut dengan jelas Baginda Al-Sultan menyebut dan telah pun disebut beberapa kali oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat dalam perbahasan semalam dalam memastikan ketinggian agama Islam terus terpelihara. Beta menggesa kerajaan Beta kita semua terus memperkasa dan pertahankan perundangan dan juga institusi syariah negeri.

Saya ingin mengambil kesempatan ini Yang Berhormat Dato' Speaker untuk juga menggulung perbahasan sebab menyentuh isu yang sama boleh dikatakan ramai Ahli-Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil peluang membahaskan titah ucapan tersebut menyentuh perkara yang sama bersesuaian dengan usul yang telah dibuat pada hari ini maka saya

mengambil peluang ini untuk menggulung, membuat penggulungan bagi kedua-duanya.

Sebenarnya titah ucapan tersebut bukan sahaja menjadi panduan kepada kita Kerajaan Negeri Kelantan dalam mentadbir kerajaan negeri malah ianya sudah tentu menjadi inspirasi kepada rakyat seluruh negeri Kelantan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, hadis yang dibacakan tadi sangat menyentuh perasaan ketiga-tiga Ahli Yang Berhormat menyentuh hadis yang sama. Dan saya rasakan bahawa hadis ini sangat bertepatan dengan isu yang kita bincangkan ini, ianya benar-benar menyentuh tentang perkara-perkara yang sedang berlaku dalam negara kita terutamanya yang menyentuh tentang pengamalan agama kita islam di Malaysia ini. Izinkan saya sekali lagi menyebut hadis tersebut

لتنقضن عرى الإسلام

Saya tanya kepada Yang Amat Berhormat Dato' Panglima Perang,

لتنقضن

ini maksudnya ikatan islam itu akan terurai tapi dalam kaedah Bahasa Arab ianya mashyur maknanya ada orang yang menguraikannya. Bukan diuraikan ataupun terurai dengan sendiri, tidak. Tetapi ianya diuraikan. Maknanya ada pihak yang akan berusaha untuk menguraikan ikatan islam itu. Ikatan islam ini kukuh ya tetapi ia boleh terurai dan ia tidak terurai dengan sendiri. Ada pihak yang sentiasa mencuba daripada masa ke semasa, kalau tak kena dengan cara ini, tak berjaya dengan cara ini maka mereka beralih menggunakan strategi yang lain dan akhirnya mereka berjaya. Kalau tidak satu, mereka tambah dua. Kalau berjaya dua mereka akan bergerak kepada tiga.

Sebab itulah dalam hadis ini menyebut

لتنقضن عرى الإسلام عروة عروة

Satu persatu. Mohon maaf ya. Satu persatu akan diuraikan. Kalau ada 100 tinggal 99, kemudian tinggal 98 ya.

فكلما انتقضت عروة

Dan setiap kali satu terurai

تشبث الناس بالتي تليها

orang yang datang seberikutnya dia dah lupa yang satu itu.

Dan dia berpegang kepada 99. Maka ia menganggap bahawa islam itu 99 sahaja. Bukan 100. Dah kurang satu daripada sendi islam. Dan apabila terurai dan ini terurai akhirnya yang tinggal satu sahaja.

Itulah yang Nabi sebut bahawa

تشبث الناس بالتي تليها

akhirnya semakin berkurang, semakin berkurang, semakin berkurang.

وأولهن نقضا

yang pertama yang akan diuraikan, akan di pecat daripada ikatan islam itu adalah pemerintahan dan hukum hakam islam. Itu dulu yang akan terurai. Dan itu dulu yang akan dipecat dan itu dulu lah yang menjadi fokus kepada musuh-musuh islam yang ini kita kena ingat. Hilangnya kilafah islamiah, apabila hilangnya kilafah islamiah kira-kira 100 tahun yang lalu ditangisi dua hari yang lepas dalam Facebook kita lihat hilangnya Kilafah Islamiah maka satu per satu ikatan islam terurai,

وآخرهن الصلاة

Hari ini ramai orang menganggap bahawa islam itu yang pentingnya sembahyang, yang pentingnya puasa, yang pentingnya berzakat. Tapi tuan-tuan percayalah kalau ianya terurai satu per satu akan ada generasi kita nanti yang akan menyatakan bahawa zakat juga tidak penting. Yang pentingnya sembahyang. Puasa juga tidak penting, yang pentingnya sembahyang.

Sebab itulah Rasulullah SAW kata akhirnya yang akan terurai sembahyang itu sendiri. Maka apabila sembahyang sudah tidak ada

dengan itu terhapuslah agama islam dan inilah yang sentiasa dirancang oleh musuh-musuh islam. Saya rasa kita semua kena mengingati hadis ini dan patut kita hafal semua hadis ini.

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya berada di mahkamah Persekutuan ketika kes ini mula dibicarakan bagi mengiringi Yang Amat Berhormat Dato' Panglima Perang Menteri Besar Kelantan dan juga pimpinan-pimpinan Ahli-Ahli Yang Berhormat daripada Kerajaan Negeri Kelantan di sana dan saya juga berada di sana bersama dengan pimpinan Kerajaan Negeri sewaktu ianya diputuskan. Walaupun sebenarnya kita bersedia menerima apa sahaja cabaran yang mendatang kerana beberapa rentetan peristiwa sebelum itu sudah boleh menggambarkan kepada kita apakah keputusan nanti yang akan dibuat.

Tetapi sebagaimana yang disebutkan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat tadi bahawa sebenarnya sukar untuk kita menerima hakikat bahawa 16 perkara dalam Enakmen Kanun Jenayah Syariah 2019 yang telah diluluskan di sini, di dewan ini dan sebahagian daripada Ahli Yang Berhormat yang ada pada hari inilah yang meluluskan dan diluluskan juga secara sebulat suara sama ada Ahli-Ahli Yang Berhormat daripada kerajaan ataupun Ahli-Ahli Yang Berhormat daripada pembangkang. Tidak ada seorang pun yang menentang. *Unanimously*. Kita luluskan di sini tetapi ianya telah terbatal sebanyak 16 perkara. Oleh siapa? Oleh kerana apa? Oleh kerana satu cabaran yang telah dibuat oleh seorang islam anak Kelantan yang walaupun ianya sebenarnya tidak pernah didakwa, tidak pernah terkesan pun dengan mana-mana peruntukan yang telah pun dibatalkan.

Sebab itulah antara alasan utama peguam-peguam kita adalah dia sebenarnya tidak ada *locus standi*, *locus standi* dalam istilah undang-undang untuk mencabar. Dan sebab itulah saya rasa kita semua sangat bersetuju dengan Tan Sri Abdul Rahman Sabri, Hakim Minority apabila dia dalam litarlah yang sudah menunggang yang begitulah ya dalam *statement* yang dibuat, dalam penghakiman itu dia kata pohon maaf kerana saya tidak mahu menterjemah, saya takut salah terjemahan menyebut dalam Bahasa Inggeris "*It is understandable if non Muslim were to raise goes ground in challenging the constitutional validity of the implement prohibition but for muslim like the petiounous to do so it quit out of the world.*"

Dia pelik. Dia kata saya tidak pelik kalau orang bukan islam tapi saya rasa sangat pelik kalau orang islam sendiri yang mencabar undang-undang yang dibuat oleh Dewan Undangan Negeri Kelantan berhubung dengan kesalahan-kesalahan jenayah-jenayah islam. Itu yang menjadi satu perkara yang sebenarnya pelik bagi kita yang baca hadis لتقضى diuraikan.

Saya pihak kerajaan tidak ingin menyentuh tentang keputusan yang telah dibuat sebagaimana yang telah disebutkan tadi bahawa ianya dibuat oleh mahkamah yang paling tinggi dalam sistem mahkamah kita tetapi cabaran itu dibuat terhadap diri kita. Hak kita selaku Ahli-Ahli Dewan Negeri disini. Dan dewan ini adalah dewan yang paling tinggi dalam membuat undang-undang dan diperingkat negeri dan dewan ini bukan sahaja di sini. Undang-undang yang kita luluskan di sini nantinya akan diberi *the royal assent* oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Al-Sultan sebelum ianya dilaksanakan.

Dan cabaran yang dibuat tadi adalah berhubung dengan hak kita untuk membuat undang-undang negeri terhadap rakyat kita. Berkenaan dengan perkara-perkara yang berkaitan dengan agama kita. Dan apa sahaja yang berkaitan dengan agama Islam ini telah diperuntukkan di dalam perlembagaan nantinya In Shaa Allah saya akan jelaskan sedikit masa lagi dan telahpun dijelaskan tadi.

Memang ada bidang kuasa kita yang disebut dalam perlembagaan dan telahpun diputuskan dalam beberapa kes. Dan sebagai *preamble* juga disebutkan tadi bahawa undang-undang Islam ini sebelum daripada kita dijajah adalah *the law of the land* disebut dalam kes *Regina VS Williams, Fatimah VS Logan*. Ini cerita sewaktu penjajahan dulu bahawa undang-undang bagi Tanah Melayu adalah undang-undang Islam dan *Mohamedan Law* disebutkan sebegitu *Muhamedan Law, Islamic Law* dia kata.

Tetapi kita faham tragedi kepada mana-mana negara umat Islam yang dijajah adalah perkara pertama yang akan dilakukan oleh penjajah sebagaimana yang disebut oleh hadis tadi ialah meruntuhkan sistem negara. Dan dengan sendiri undang-undang juga akan diruntuh. Maka mereka memperkenalkan undang-undang mereka ya dengan berbagai cara *residency system, residency system* dengan cara penasihat undang-undang yang dibawa daripada Inggeris dan sebagainya. Dan akhirnya

sedikit demi sedikit undang-undang Islam yang telah dilaksanakan itu terbatal satu demi satu.

Apabila kita mendapat kemerdekaan ini juga adalah satu benda yang sebenarnya sangat menyentuh dan sangat menyedihkan kita. Memang dalam perlembagaan itu diperuntukkan Perkara 3(1) *Islam of the religion of the federation* Islam adalah agama bagi Persekutuan. Agama bagi Persekutuan maksudnya negara kita ini negara Persekutuan Malaysia ada agamanya. Agamanya apa? Islam. Kita sebagai seorang individu ada agama. Agama kita apa? Islam.

Apabila kita mempunyai agama bermaksud kita mestilah patuh kepada seluruh ajaran agama kita. Maka Negara kita juga sepatutnya mesti patuh pada seluruh ajaran agama Islam. Dalam perlembagaan tidak disebut pun. *But* istilah *the formal religion*. Agama rasmi tidak tetapi agama bagi negara bukan agama rasmi bagi negara.

Orang berhujah agama rasmi hanyalah diguna pakai dalam majlis-majlis rasmi sahaja. Itu yang di hujah. Sebenarnya tidak. Begitu perlembagaan menyebut agama bagi negara. *The religion of federation*. Sepatutnya semua pihak daripada rakyat sampailah kepada pihak yang paling tinggi dalam negara kita mahkamah dan juga para peguam hendaklah menterjemahkan peruntukan Perkara 3 itu sebegitu. Tetapi malangnya sehingga kini ia hanya diterjemahkan sebagai agama rasmi bagi negara.

Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, ini hak kita sekali lagi saya tegaskan dan saya ingin mengambil kesempatan ini untuk menegaskan, penegasan terhadap hak kita dan sangat setuju bahawa kita patut untuk melihat kembali 16 seksyen itu In Shaa Allah. Pihak kerajaan akan ambil komitmen itu. Dalam dewan ini tuan-tuan untuk makluman ada tujuh orang peguam yang bukan sahaja mendapat didikan guaman sivil tetapi juga syariah. Cukup di sini dan mereka cukup faham dalam hal ini tuan-tuan. Tetapi dalam kes Nik Elin ini kita nak bincangkan secara panjang lebar bukan keputusan yang dibuat. Tetapi kita berhak untuk mempertikaikan apakah niat sebenar disebalik cabaran tersebut. Dan apakah pula kesannya terhadap perlaksanaan undang-undang jenayah islam dan juga status mahkamah syariah. Bukan sahaja di negeri kita ini malah dalam negara kita.

Kita mempunyai hujah yang cukup apabila kita ingin mempertikaikan niat sebenar kerana kita telah melihat rentetan-rentetan peristiwa sebelum ini dan kita melihat juga siapa di sebaliknya. Orang-orang ataupun institusi-institusi disebaliknya kita melihat. Maka adalah valid untuk kita mempertikaikan niat sebenar mereka itu. Sebelum ini telah ada ciri-ciri sebenarnya yang cuba untuk mengambil hak mahkamah syariah ini. Kes yang terbaru iaitu kes cabaran Nik Elin ini bukannya kes terpencil. Bukan kes baru tetapi ia adalah ada dalam siri-siri kes-kes sebelum ini dan ini merupakan dan yang terbaru ya.

Kita semua tahu bahawa kedudukan mahkamah syariah dalam negara kita adalah sangat-sangat rendah. Ia hanyalah mahkamah negeri kalau nak dibandingkan dengan mahkamah sivil, kedudukan mahkamah syariah jauh lebih rendah daripada mahkamah yang paling rendah dalam sistem mahkamah sivil. Ambiklah orang yang paling alim dalam negara kita untuk menjadi hakim mahkamah tinggi syariah. Tetapi ianya hanya boleh membicarakan dan boleh menghukum lebih rendah daripada Majistret dalam mahkamah sivil hakim yang paling rendah dalam mahkamah sivil. Itulah kedudukan mahkamah syariah. Kuasa menghukum mahkamah syariah yang paling tinggi adalah Akta 355. Akta mahkamah syariah (Bidang Kuasa Jenayah 1984) yang hanya memperuntukkan tiga, lima, enam.

Tiga tahun penjara, denda setakat RM5 000 dan rotan setakat enam kali sebatan sahaja. Itulah bidang kuasa mahkamah syariah walaupun katakan yang menjadi hakim mahkamah itu, Allahyarham Qordawi dibawa ke sini. Ya kita tolong betulkan kalau salah.

Ahli Yang Berhormat sekalian satu tragedi dan satu penghinaan kepada kita umat islam negara kita yang kita warisi daripada nenek moyang kita yang disebut sebagai islam. Perundangan islam adalah *lack laweall* tapi akhirnya begitu. Dan dalam keadaan sebegitu kecil pun ianya sentiasa dicabar dan dicabar. Dalam banyak siri sebenarnya sebelum ini. Sebab itu saya kata kes baru ini bukan kes yang mula bukan kes terpencil, ia adalah siri dan ia adalah merupakan kes yang terbaru mempunyai maksud yang sama. Sebelum ini ia telah dicabar dan dicabar. Dan dicabarnya apa? Kononnya bidang kuasa mahkamah syariah sepatutnya terbatal kerana bertindih dengan bidang kuasa mahkamah sivil. Dan ini berlaku banyak kali sebelum ini.

Apa sahaja keputusan ada di antara keputusan yang sepatutnya dibuat oleh mahkamah syariah tetapi dibawa ke mahkamah sivil. Dan kadang-kadang keputusan itu telah pun dibuat oleh hakim mahkamah syariah ataupun pihak-pihak yang ber*authority* dalam hal ehwal undang-undang dibatalkan oleh mahkamah sivil. Tetapi Alhamdulillah sikap orang dulu-dulu ya terpuji termasuklah pihak kerajaan yang mana mereka melihat bahawa ini sepatutnya tidak boleh dibenarkan.

Sepatutnya mahkamah syariah dibenarkan berjalan kerana ianya diiktiraf ada dalam perlembagaan, ada bidang kuasanya. Mengapa mesti diperlakukan sebegitu dan mengapa mesti ada *interference*, ada gangguan daripada mahkamah sivil. Dan seolah-olah memberi gambaran kepada rakyat bahawa kalau boleh saya tidak bersetuju dengan mahkamah syariah. Bawak saja ke mahkamah sivil. Apa sistem sebegini? Sedangkan kita ada dua sistem undang-undang. Perlu dihormati. Maka kerajaan Alhamdulillah telah menubuhkan satu jawatankuasa teknikal syariah dan sivil pada tahun 1988. Ini di ambil oleh kerajaan, tanggungjawab ini diambil oleh kerajaan Persekutuan.

Dibawah Majlis Kebangsaan Hal Ehwal Islam maka untuk menyelesaikan masalah itu untuk menyelesaikan masalah pertindihan kuasa ini, masalah cabaran kepada mahkamah syariah ini dipinda perlembagaan. Nak pinda perlembagaan ini tuan-tuan memerlukan 2/3 majoriti Ahli-Ahli Yang Berhormat tetapi dipinda perlembagaan. Maknanya ahli Parlimen bersetuju semua masyarakat bersetuju untuk dipinda perlembagaan ini memberikan hak eksklusif kepada mahkamah syariah. Jangan ada lagi gangguan.

Dimasukkan perkara (1a) kepada perkara 121, 121(1a) buka perlembagaan akan ada perkara 121(1a). Yang mana 121(1a) ini memberikan hak eksklusif kepada mahkamah syariah untuk membicarakan dan menghukum apa sahaja kes yang termasuk dalam bidang kuasa mahkamah syariah tanpa ada lagi gangguan-gangguan. *Interference* ataupun dibatalkan oleh mahkamah civil. Dan kita lihat ada beberapa kes lepas itu. Dalam kes Muhammad Habibullah Datuk Talib pada tahun 1992, empat tahun selepas itu dan dalam kes Muhammad Hakimli lawan Majlis Agama Islam Majlis Persekutuan Tahun 1998 yang 10 tahun selepas itu mahkamah mengatakan bahawa mahkamah syariah ada hak dan tidak boleh dicabar. Bidang kuasa mahkamah syariah itu

adalah hak eksklusif mahkamah syariah. Dan ia adalah bidang kuasa hakim mahkamah syariah untuk membuat keputusan dan ianya tidak boleh dicabar lagi.

Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, *settle* sepatutnya tidak ada lagi perdebatan. Tetapi itu yang saya katakan bahawa ini bukan satu perkara yang datang dengan tiba-tiba tetapi disusun, dirancang

لتنقضن

Haa ada pihak yang berusaha maka mereka mengusahakan dengan cara lain. Mereka tak cabar lagi bidang kuasa mahkamah syariah. Tapi mereka bawak cara baru, strategi baru. Hokni saya nak bagitahu Ahli-Ahli Yang Berhormat jangan terpedaya. Jangan kita mudah rasa apa istilahnya macam terkesima kea pa istilahnya begitu. Ya kita mudah terpedaya sangat. Orang alih sedikit strategi, kita pun percaya terus. Matlamat dia sama. Kita kena lihat, jangan lihat apa yang dia buat. Kadang-kadang dia buat nampak baik, tetapi

يراد بها باطل

Apa yang dia nak sebenarnya adalah kebatilan.

قول حق يراد بها باطل

Kata-kata yang nampaknya macam comel tapi apa yang sebenarnya dia nok itu, hoktu yang kita kena tengok. Kita kena berhati-hati dengan orang yang kita nampak dia ni sentiasa untuk merendahkan martabat islam, undang-undang islam ataupun mahkamah syariah. Kalu dia buat sesuatu kita jangan tengok apa yang dia buat. Tengok sebenarnya apa yang dia nak. Maka dia ubah strategi sebab dia tahu bahawa kalau gi kotni ada Perkara 121 yang menghalang kita. Maka apa dia buat strategi baru yang dia cabar adalah kita, Dewan Undangan Negeri. Dia kata ini bukan masalah mahkamah syariah. Ini masalah ini adalah undang-undang yang dibuat itu, undang-undang yang dibuat itu sebenarnya tidak sah daripada awal lagi. Maka mahkamah syariah itu mangsanya sahaja.

Mahkamah syariah itu tidak ada hak membicarakan sebab undang-undang itu dibatal. Siapa yang buat undang-undang itu batal? Dewan

Undangan Negeri sebenarnya buat undang-undang yang bukan dalam bidang kuasanya. Tok reti ko Dewan Undangan Negeri nya? Tok ngaji ko Dewan Undangan Negeri nya? Tahu doh bukan dalam bidang kuasa kita buat juga. Ha itu kesimpulannya.

Maka ramai orang yang, yang percaya, yang menerima perbahasan ini lihat saja dalam Tiktok, lihat saja dalam media sosial. Orang mula menyalahkan Dewan Undangan Negeri Kelantan. Tok kaji dulu ko nok buat undang-undang? Tok tengok dulu ko apa yang nak buat undang-undang? Ya maka tadi disebut istilah *strategy indication*. Ini istilah yang digunakan oleh kami pihak undang-undang untuk menggambarkan bahawa mereka berusaha. Tak berjaya hari ini bukan bermaksud esok juga tak berjaya. Gagal hari ini tak bermaksud esok juga gagal. Mungkin hari ini tak berjaya esok kita berjaya. Mungkin hari ini kita berjaya satu esok kita akan berjaya dua. Inilah yang digunakan istilah yang kita namakan *strategy indication*. Kita pun tahu lah niat dia yang sebenarnya.

Kalaulah hujjahnya semata-mata atas dasar bahawa berlaku pertindihan bidang kuasa maka ia nya telahpun diselesaikan. Dalam pindaan 121(1a) 1988. Tapi apabila mereka meneruskan juga cubaan sebegitu barulah kita tahu sebenarnya bukan itu isunya. Ada isu yang lain. Dan kita pun lihat dalam kes di Perak, Indira Gandhi. Satu dia menang di Perak dia akan pergi kepada lapan buah negeri untuk membatalkannya. Ini sedang berjalan. Lapan buah negeri. Dan kita masih lagi tak rasa apa-apa ke? Masih lagi kita tak rasa apa-apa ke dengan ini? Satu dia menang dalam kes Iki Putra di Selangor, dia datang ke Kelantan 16 kes dia batalkan di Kelantan. Tak rasa apa-apa ke lagi kita? Tak faham apa-apa ke lagi kita? Masih lagi kita tak mampu ke nak lihat niat sebenar ini?

Dan tuan-tuan apabila 16 kes di Kelantan terbatal ada enam buah negeri dalam Persekutuan Malaysia ini yang mempunyai peruntukan yang hampir sama dengan Kelantan. Masa itu apa mereka nak kata? Adakah nak kata bahawa kita Dewan Undangan Negeri Kelantan ini tidak pandai? Bagaimana dengan 16 buah negeri lagi yang mempunyai peruntukkan yang sama. Dan percayalah mereka akan bergerak ke sana. Kalaupun tidak satu per satu mereka akan pergi sekaligus 16 buah negeri satu masa, lihat. Mintak maaf bukan 16, 6 buah negeri, 6 buah negeri.

Dan tuan-tuan wilayah Persekutuan, wilayah Persekutuan, negeri wilayah Persekutuan dia tidak ada Dewan Undangan Negeri. Dewan

Undangan bagi wilayah Persekutuan adalah Parlimen. Dan wilayah Persekutuan ada Enakmen Kanun Jenayah Syariah. Dan yang meluluskan 1980 akta, dia panggil akta. Sebab diluluskan oleh Parlimen. Ya diluluskan oleh Parlimen. Dan akta wilayah Persekutuan berkenaan dengan jenayah syariah ini diluluskan oleh Parlimen dan mempunyai peruntukan-peruntukan yang, yang ada yang sama dengan kita. Diluluskan oleh Ahli-Ahli Parlimen tuan-tuan.

Jadi adakah mereka nak kata bahawa Ahli-Ahli Parlimen itu juga tidak faham undang-undang. Meluluskan perkara yang bukan dalam bidang kuasa kita yang nantinya akan disaman. Yang nantinya akan dicabar. Dan mungkin juga akan diisytiharkan sebagai terbatal. Kita tuan-tuan menjadi tanggungjawab. Tanpa mengira siapa. Tadi pun saya merujuk kepada dua orang pembangkang bangun menunjukkan kebersamaan apabila kita nak supaya perkara ini digerakkan dan ditimbang semula dalam dewan pada bulan ini. Terima kasih kepada semua.

Dalam masa yang sama kita tidak boleh berhenti setakat itu dan mesti berjalan dan mesti menjelaskan kepada rakyat peranan kita. Ya bahawa kita mesti fahamkan kepada rakyat sebelum ianya diluluskan. Berapa kali *sitting*, bengkel yang kita buat melibatkan berbagai kepakaran, pegawai-pegawai kerajaan, penasihat undang-undang kemudian Ahli ulamak, JAHEIK, kemudian ada pula Majlis Agama Islam, kemudian barulah dibawa ke sini dalam bentuk draf. Rang undang-undang dibincangkan disini kemudian diluluskan. Barulah mendapat royal Ehsan untuk dilaksanakan.

Tuan-tuan saya ingin menjawab lagi beberapa benda dengan izin Yang Berhormat Dato' Speaker, dibangkitkan kononnya DUN Kelantan diluluskan enakmen di luar bidang kuasa hal itu saya sudah jelaskan tadi tapi sebagai tambahan.

Ianya diluluskan pada tahun 1985 lagi tuan-tuan ya diluluskan pada tahun 1985 lagi dan kali terakhir dipinda pada tahun 2019. Sebab itulah namanya dia 2019 bukan baru tahun 1985 lagi. Ia nya berjalan dengan lancar secara selari dengan mahkamah sivil. Sebelum ini tidak ada masalah pun kita. Kenapa perlu ditimbulkan sebegitu? Bahkan dua undang-undang bagi kesalahan yang sama ini diiktiraf dalam amalan guaman kita. Disebutkan tadi oleh Chempaka dalam kes Ayah Pin Sulaiman Takrib lawan kerajaan Negeri Kelantan.

Begitu juga dalam kes Zee Publication Sdn. Bhd. Lawan kerajaan Negeri Selangor pada tahun 2019. Yang mana Tun Raus Sharif mengiktiraf dualism mahkamah. Yang mana Tun pada waktu itu menyatakan bahawa selagi mana undang-undang negeri yang digubal tersebut adalah berkait dengan perintah agama islam ia adalah sah sekalipun bertindan dengan undang-undang Persekutuan. Bahkan dalam kes SUKMA Sasmita Atmadja Sukama dermawan Sasmita Atmadja yang sangat mahsyur. Lawan Ketua Pengarah Penjara Malaysia Tahun 1999. Ada dua undang-undang yang bertindih ianya boleh diselesaikan ada *devise*. Ada alat, ada cara untuk menyelesaikannya.

Dan cara ini juga melalui kaedah undang-undang iaitulah seksyen 59 Akta Taksiran 1967 yang mana seksyen ini menyebut bahawa *where any action commission constitution of any offence*, satu perkara yang boleh dikira sebagai satu jenayah. *Under two or more return laws* dibawah dua undang-undang yang berbeza ataupun mungkin tiga, umur dia kata. Atau mungkin empat. Dua, tiga, empat undang-undang yang mengatakan benda ini salah.

Disoffender yang melakukan kesalahan itu *shall be liable to be prosecutor*, ianya boleh didakwa *and punish* dan boleh dihukum *under* di mana dibawah *either* mana-mana satu undang-undang *or any others law*. Mana-mana satu undang-undang. Undang-undang A pun boleh, B pun boleh, kalau ada C, C pun boleh. Dengan syarat ianya tidak boleh didakwa dibawah dua undang-undang serentak dan di hukum dibawah dua undang-undang serentak kerana ianya dicegah oleh perlembagaan. Tidak ada masalah dan itu yang berjalan sebelum ini.

Pertindihan undang-undang adalah perkara biasa dalam Negara kita dan dibenarkan. Dan sebagaimana yang saya katakan tadi ada *devise* yang boleh menguruskan. Ini contohnya lagi, kesalahan membuang sampah. Ini ada ahli wakil rakyat kita sebut semalam. Kesalahan membuang sampah boleh dihukum dibawah undang-undang kecil negeri tersebut ataupun pihak Majlis Perbandaran dan juga ianya boleh dihukum dibawah Akta Alam Sekeliling 1974. Pilihlah ya.

Kesalahan mencuri boleh didakwa di bawah Kanun Keseksaan *panel code*, didakwa dibawah anti *money laundry* dan anti *Terrorism Financing Act 2001*, boleh. Perbuatan rasuah boleh dibawah Akta SPRM atau boleh juga dibawah kanun keseksaan. Ada dua undang-undang yang dilihat sebagai

dalam amalan guaman kita. Ada yang mengatakan bahawa kalau begitu kenapa tidak dibiarkan sahaja undang-undang sivil menjalankan undang-undang ini? Kerana hukumannya lebih berat, kan baik begitu? Menjawab semalam dalam perbahasan.

Berbeza tuan-tuan dengan undang-undang sivil dengan undang-undang syariah jangan disamakan. Sumbernya berbeza. Apa itu undang-undang sivil? Ada orang yang mengatakan ini bukan, bukan, bukan Qisas pun, bukan jenayah pun. Kalau Qisas memanglah sumbernya Al-Quran dan Hadis. Kalau jenayah memanglah sumbernya Al-Quran dan Hadis tapi Takzir sahaja. Betul Takzir sahaja tetapi Takzir sahaja ini adalah salah satu daripada cabang perundangan jenayah syariah.

Ada undang-undang jenayah yang berbentuk Qisas dan juga yang berbentuk Hudud sekiranya tidak menepati dan tidak memenuhi kriteria Qisas dan kriteria Hudud ia tidak boleh dihukum Hudud, dan tidak boleh dihukum Qisas. Tapi dia dibawa kepada Takzir dan jangan samakan, kena faham. Jangan bercakap tanpa ilmu, ya. Takzir itu ada undang-undang yang sebenarnya melibatkan Qisas dan juga Hudud. Tetapi tidak cukup syaratnya maka dia diturunkan kepada Takzir.

Dan Takzir itu sendiri bergantung ataupun dibahaskan mengikut masalah Qawaid Syariah mengikut kaedah-kaedah usul fiqh bersandarkan kepada kaedah-kaedah yang ada dalam Al-Quran dan Sunnah oleh para mujtahidim. Maqasid kaedah dia dipandukan kepada kaedah Maqasid Al-Syariah. Maqasid Al-Syariah bukannya main-main. Yang bukan kata ambik aar ini hukum dia maka ia jadi Takzir sama dengan mahkamah-mahkamah persekutuan. Tidak ada asasnya tuan-tuan, ya. Sumbernya berbeza kaedah perbicaraan, **قانون الإجراءات**

berbeza daripada kaedah sivil.

Kaedah kesaksian dan pensabitan kesalahan berbeza dengan kaedah sivil. Kelayakkan hakim juga bukannya sama malah berbeza daripada hakim-hakim mahkamah sivil jangan disamakan. Ya saya nak jawab hoktu dulu sebab ramai orang kata, orang kata Takzir. Takzir ini samalah dengan mahkamah sivil? Tak sama. Kalau ada negara-negara bukan islam menjalankan hukuman mati bagi kesalahan bunuh, boleh kita kata dia laksanakan Qisas? Boleh? Tak boleh. Walaupun kesalahan Qisas bunuh hukumnya bunuh. Tapi dia bukan kesalahan, dia bukan hukum Qisas. Dia

ada kaedah dia. Kita Qisas ada kaedah kita. Tak boleh nak katakan rupanya mereka juga melaksanakan hukum Qisas. Sebab apa? Sebab mati kepada orang yang membunuh, tak boleh. Jangan di samakan.

Tinggal lagi ada orang kata perbahasan di luarlah bukan di dalam ini ya. Mereka lebih baik sebab hukumannya lebih berat. Kenapa lebih berat? Kerana negara kita memperuntukkan kepada mahkamah syariah. Undang-undang, kuasa menghukum yang terlalu kecil. Sebab itu kita kecil. Sebab itu undang-undang kita kurang. Sebab kita tidak ada kuasa. Itu yang dikatakan tadi oleh Yang Berhormat Gual Periok tadi. Sepatutnya apabial melihat bahawa mahkamah sivil ada bidang kuasa yang besar, ada bidang kuasa yang kecil jangan di ambil kuasa mahkamah syariah. Apa yang perlu dilakukan adalah perkasakan mahkamah syariah.

Ini yang kita katakan Akta 355 itu perlu diperkasakan. Ada orang kata kenapa masa kerajaan PN itu tak buat. Saya ada senarai yang panjang. Kalau saya ada masa saya boleh baca apa yang dibuat. Dan sepatutnya disambung. Saya ada senarai satu per satu apa yang telah dibuat dan diperingkat akhir pun dan sepatutnya disambung oleh kerajaan sekarang. Perkasakan. Itu bukan memperkasakan mahkamah syariah, itu meruntuhkan. Tindakan itu bukan memperkasakan, meruntuhkan mahkamah syariah.

[TEPUKAN MEJA DARI SEMUA AHLI DEWAN NEGERI]

YB DATO' SPEAKER :

Panjang lagi ke Yang Berhormat ?

YB DATO' DR. HJ MOHAMED FADZLI BIN DATO' HJ HASSAN :

Kalau boleh saya nak tanya Yang Berhormat Dato' Speaker, ...

YB DATO' SPEAKER :

Sebab kita ada penggulungan titah ucapan selepas ini.

YB DATO' DR. HJ MOHAMED FADZLI BIN DATO' HJ HASSAN :

Sebenarnya panjang lagi Dato' Speaker, Dato' Speaker hentikan saya saja apabila dirasakan perlu.

YB DATO' SPEAKER :

Terpulang pada Yang Berhormat.

YB DATO' DR. HJ MOHAMED FADZLI BIN DATO' HJ HASSAN :

Tegok doh la Dato' Speaker tegur kita. Ok saya ada beberapa lagi perkara yang saya mohon Dato' Speaker untuk benarkan sebab ada beberapa perkara yang disebut diluar sana yang kita perlu jawab....

YB DATO' SPEAKER :

Kalau boleh Yang Berhormat boleh sambung dalam penggulangan perbahasan titah boleh sambung...

YB DATO' DR. HJ MOHAMED FADZLI BIN DATO' HJ HASSAN :

Ada lagi masa ?

YB DATO' SPEAKER :

Ada, ada ...

YB DATO' DR. HJ MOHAMED FADZLI BIN DATO' HJ HASSAN :

Ok saya percaya saya punyai masa lagi, saya habis dalam masa 5 minit untuk penggulangan kali ini Yang Berhormat Dato' Speaker. Ok ada orang kata dan semalam pun saya rasa dibangkitkan oleh Kota Lama tapi Kota Lama tidak bermaksud sebegitu. Berapa kes sebenarnya yang telah pun didakwa berhubung dengan kesalahan 16 seksyen ini sebenarnya.

Tarikh kuatkuasa kanun ini adalah pada 21.11.2021. Dan daripada tarikh itu 21.11.2021 sehingga 08.02.24, lebih kurang berapa tu, lebih kurang dalam dua tahun lebih ya, tidak saya dimaklumkan oleh hakim, Ketua Hakim Mahkamah Syariah Negeri Kelantan tidak ada satu kes pun yang didakwa. Dia nak tanya saya apa? Dia nak bagitahu saya YB apa sibuk sangat, takde pun didakwa. Undang-undnag ini tak perlu pun dia kata. Kenapa nak sibuk sangat, tak perlu pun undang-undang ini.

Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, undang-undang adalah untuk mencegah daripada jenayah dilakukan oleh rakyat dan sifatnya kerajaan mesti buat undang-undang sebelum ada rakyat melakukan kesalahan. Bukan nak tunggu rakyat buat kesalahan baru kita buat undang-undang,

tidak. Dan satu benda satu berita baik apabila tidak adanya satu kesalahan pun menunjukkan bahawa undang-undang **[MASALAH AUDIO]**

YB DATO' SPEAKER :

..... Timbalan Menteri Besar ada siri yang kedua selepas pada ini. Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian persoalan yang ada dihadapan kita sekarang ialah satu cadangan bahawa Dewan Undangan Negeri yang bersidang pada hari ini merakamkan kekesalan dan sangat berdukacita atas pembatalan 16 peruntukan dibawah Enakmen Kanun Jenayah Syariah (1) 2019 Enakmen 14 dan menggesa penggubalan semula peruntukan-peruntukan yang dibatalkan tersebut.

Dengan demikian saya kemukakan cadangan tersebut bagi diundi.

**AHLI-AHLI YANG BERHORMAT YANG BERSETUJU, KATA "SETUJU",
AHLI-AHLI YANG TIDAK BERSETUJU, KATA "TIDAK".**

Usul dipersetujukan.

Cadangan tersebut diterima dan diluluskan.

YB DATO' SPEAKER :

Semalam seramai 16 orang ahli telah mengambil bahagian dalam membahaskan usul junjung kasih Titah Ucapan D'Raja. Dan hari ini kita mintak pihak kerajaan untuk membuat penggulungan kepada perbahasan yang telah dilakukan semalam. Silakan mana-mana Ahli Exco yang nak membuat penggulungan. Sila.

YB DATUK KAMARUDIN BIN MD NOR :

بسم الله الرحمن الرحيم

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker, Ahli-Ahli Yang Berhormat terima kasih kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan menjunjung kasih atas Titah Tuanku di dewan semalam. Dan beliau juga telah menyentuh mengenai isu industri perlancongan. Saya mengambil sikap bahawa hampir kesemua yang bercakap dan menyebut tentang perlancongan itu menandakan bahawa

mereka sangat cakna dan bahawa perlancongan sebagai satu industri untuk memajukan di antara lain-lain. Industri memajukan ekonomi negeri ini sangatlah penting dan wajarlah sesuai yang diterap oleh Kebawah Duli Tuanku untuk kita semua mengembleng tenaga untuk memajukan industri pelancongan di negeri kita ini.

Yang keduanya banyak cadangan yang di kemukakan saya mengambil maklum dan saya mencatat banyak perkara dan In Shaa Allah di mana terdapat kemampuan kita dari segi kewangan kita akan cuba laksanakannya. In Shaa Allah, mungkin mengambil masa yang agak lama sedikit ialah macam Yang Berhormat Dabong mintak *cable car*, haa itu, saya kata bagus itu, saya pun seronok juga naik *cable car* ini. Dan sewajarnya orang Kelantan dpun kena beso-beso dengan *cable car* tapi mengadakannya mungkin tidaklah pada masa yang terdekat ini, In Shaa Allah.

Dan cadangan juga daripada Yang Berhormat Dabong berkenaan para *gliding* punya aktiviti. Sebenarnya kita pun sedang merancang benda yang sama untuk Gunung Reng di Jeli. Dan In Shaa Allah sedang mengenalpasti beberapa persatuan yang terlibat di dalam aktiviti ini. Jadi nanti apabila dia datang ke Gunung Reng di Jeli kita bawa ke Dabong jugak.

Dan satu hal juga berkenaan dengan Air Terjun Jelawang ataupun Air Terjun apa itu Air Terjun Dabong kan, aar Stong, Stong aar Gunung Stong. Betul dia yang tertinggi bukan sahaja di Kelantan tapi juga di Malaysia tetapi kategori dia bukan air terjun yang *straight*. Dia *multi tier*, tiga tingkat itu, haa kategori itu kita tertinggi, *yes*.

Kemudian berkenaan dengan program berakit yang disebut oleh ADUN dari Galas, saya berkesempatan untuk sama-sama mengikuti program ini, saya rasa macam budak-budak pulak kita, Alhamdulillah kembali pada umur 15 tahun, 16 tahun berakit. Saya sangat-sangat nak rekomen kalau dapat, kalau masa ada kita akan mengadakan program ini kalau tuan-tuan, kalau Ahli-Ahli Yang Berhormat tengok dalam *calendar of event*. Program berakit ini akan diadakan di tempat yang sama pada bulan September nanti In Shaa Allah dengan anjuran bersama dengan Pejabat Tanah Jeli. Ooo saya nak rekomen, nak cadangkan supaya semua Ahli-Ahli Yang Berhormat cuba daftar untuk mengambil bahagian di dalam acara ini. *Very interesting*.

Dan Tendong ada mencadangkan satu pertandingan bola empat pejuvu, ASEAN melibatkan empat buah negara anggota ASEAN saya sangat mengalu-alukan program ini, In Shaa Allah kita boleh duduk bincang bagaimana kalau dapat diadakan pada tahun ini. Ataupun kalau tidak kalau duit mencukupi kalau tidak kita tunda tahun depan. Kita sebenarnya perlu kepada lebih banyak *international exposure*. Pendedahan di peringkat Antarabangsa ni, Kelantan ini sangat-sangat memerlukan lagi. Beberapa tempat diluar negara kita pergi orang tanya Kelantan itu dekat mana. So saya ingat program seperti ini di mana banyak terlibat penyertaan Antarabangsa boleh membantu dalam memperkenalkan Kelantan ke dunia luar. In Shaa Allah.

Jadi itulah lebih kurang perkara-perkara yang ingin saya bangkitkan dalam masa penggulangan ini. Terima kasih Dato' Speaker.

YB DATO' SPEAKER :

Yang Berhormat?

YB TUAN ZAMAKHSHARI BIN MUHAMAD :

بسم الله الرحمن الرحيم
السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker, Yang Amat Berhormat Dato' Panglima Perang Ustaz Dato' Hj Mohd Nasarruddin Haji Daud Menteri Besar, Ahli-Ahli Mesyuarat, Ahli-Ahli Yang Berhormat, pegawai-pegawai kerajaan dan juga para pemerhati yang turut bersama pada pagi ini. Saya memanjatkan setinggi-tinggi kesyukuran kepada Allah SWT kerana diberi kesempatan bersama-sama dalam membuat penggulangan pada pagi ini sempena penggulangan junjung kasih di atas Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Muhammad Ke V sempena Istiadat Pembukaan Penggal Kedua Dewan Negeri Kelantan Yang Kelimabelas Tahun 2024.

Terlebih dahulu saya ingin mengambil kesempatan untuk merakamkan penghargaan dan syabas kepada semua Ahli-Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan dan menunjukkan komitmen yang tinggi dalam sesi perbahasan menjunjung kasih khususnya ahli-ahli yang telah menyentuh portfolio Belia Sukan, NGO Dan Perpaduan Masyarakat.

Yang Berhormat Dato' Speaker, bersempena dengan Titah Ucapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Muhammad Ke V yang menekankan kita tentang golongan belia bagi menceburi diri di dalam bidang keusahawanan dan kemahiran dengan mewujudkan lebih banyak peluang-peluang perniagaan, latihan kemahiran serta pendekatan teknologi digital dalam perniagaan bertepatan dengan hasrat kerajaan untuk membina generasi anak muda Kelantan yang kalis masa depan.

Diperingkat Kerajaan Negeri berbagai aktiviti telah dirangka pada tahun 2024 selaras dengan konsep keenam, dokumen induk penghayatan "Membangun Bersama Islam", anak muda sebagai generasi kalis masa hadapan. Melalui plan strategik U-BES (Urusetia Belia Dan Sukan) bagi tahun 2024 kita telah menggariskan lima strategi untuk mencapai hasrat membina usahawan anak muda usahawan yang kalis masa depan.

Strategi pertama adalah memperbanyakkan kursus kemahiran kepada anak muda. Di mana kita telah merangka 14 kursus kemahirannya In Shaa Allah yang akan kita jalankan sepanjang tahun 2024 yang mana kita mensasarkan penglibatan belia seramai 325 orang. Di mana antara cadangan kursus-kursus adalah kursus-kursus yang bersifat kemahiran yang sama ada yang telah dijalankan sebelum ini dan juga pengurusan bagi kursus-kursus yang baru In Shaa Allah.

Manakala bagi siri kedua ialah mendidik usahawan muda tentang pengurusan perniagaan. Kita sedar selain daripada kemahiran asas ataupun kemahiran teknikal tentang sesuatu bidang, pada masa yang sama *soft skill* ataupun kemahiran pengurusan juga perlu. Lantas kita merancang lima program, lima program yang melibatkan pengurusan yang kita mensasarkan penglibatan lebih kurang 125 orang belia yang mencakupi Kursus Pengurusan Perniagaan, Pengurusan Kewangan, Pemasaran, Pengurusan Cukai, dan juga Pengurusan Roadmap Perniagaan.

Manakala bagi strategi ketiga untuk membantu usahawan muda dalam menyediakan dana perniagaan. Kita juga sedar bahawa selepas mereka mempunyai kemahiran *hard skill*, mereka mempunyai kemahiran *soft skill*, mereka juga memerlukan dana untuk memulakan perniagaan.

Jadi kita menyediakan melalui dana belia niaga, bantuan dana perniagaan terpilih dengan syarat usahawan belia tersebut perlu mengikuti program-

program yang telah dianjurkan oleh U-BES. Jadi bermaksud mereka menyertai program *hard skill*, mereka mempunyai *soft skill*, so selepas itu mereka mempunyai peserta-peserta yang terpilih kita menyediakan dana bagi mereka.

[DATO' TIMBALAN SPEAKER MENGAMBIL ALIH TUGAS SEBAGAI SPEAKER]

Jadi buat permulaannya kita akan fokus kepada tiga bidang. Pertamanya kedai gunting lelaki, yang kedua kedai gunting wanita dan In Shaa Allah selepas ini kita akan memulakan juga untuk dana bagi kursus servis telefon In Shaa Allah dengan kerjasama syarikat swasta.

Yang keempat ialah strategi meningkatkan ekonomi belia Kelantan. Kita sedar bahawa ramai juga dikalangan belia yang tidak mempunyai pekerjaan hok ado di kampung-kampung. Jadi kita bekerjasama dengan pihak industri untuk program penempatan belia bagi tujuan pekerjaan yang kira sebagai langkah mengeksport tenaga daripada Kelantan untuk berkhidmat di negeri lain dan dengan kepakaran ilmu dan kemahiran yang ada In Shaa Allah suatu hari nanti mereka akan pulang untuk berkhidmat di Kelantan.

Bagi program ini kita mesti mensasarkan seramai 300 orang anak muda. Manakala strategi yang kelima, adalah Kebudayaan Usahawan Belia ataupun Usahawan Digital Kelantan. Program ini kita mengadakan kerjasama dengan MDEX bagi membimbing belia Kelantan berkemahiran dalam industri perkhidmatan digital. Dan kita mensasarkan lebih kurang 200 orang usahawan yang akan terlibat. Dan In Shaa Allah bagi merealisasikan usaha ini pihak kerajaan bercadang mentransformasikan Pusat Belia di medan usahawan untuk kita tukar kepada Pusat Usahawan Digital Kelantan ataupun Kelantan Digital Entrepreneurship Central, In Shaa Allah.

Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker, dalam Titah Tuanku Al-Sultan juga ada menyentuh berkenaan pembinaan projek Madinah Ar-Riadah iaitu Kompleks Sukan Bukit Merbau. Alhamdulillah dengan kerjasama pelbagai pihak termasuk pihak Kementerian Belia Dan Sukan, Jabatan Kerjaraya dan Agensi-Agensi Persekutuan Dan Negeri. Untuk makluman dewan yang mulia ini, sehingga kini kemajuan fizikal melibatkan kerja-kerja tanah telah mencapai lebih 50%. In Shaa Allah kita harap agar

pembangunan Ar-Raudah ini dapat dilaksanakan mengikut jadual yang telah ditetapkan.

Seterusnya saya ingin respon pada beberapa perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat, Yang Berhormat Dabong ada menyentuh tentang cadangan menjadikan Dabong sebagai pusat aktiviti belia dan beliawanis di daerah Dabong berikutan banyak tempat-tempat yang sesuai untuk diadakan kem di daerah Dabong.

Untuk makluman Yang Berhormat melalui plan strategik yang telah dirangka juga pihak U-BES telah merangka program khusus untuk diadakan di kawasan Dabong pada tahun 2024 iaitu anak muda tawan Gunong Stong. In Shaa Allah program ini akan melibatkan sebanyak tiga siri yang melibatkan 40 orang peserta setiap siri, jadi kita menjangkakan sasaran peserta seramai 120 orang yang akan berada di Dabong selama 3 hari dan 2 malam di kem, In Shaa Allah.

Antara pengisian yang khusus yang dicadangkan adalah meliputi modul kerohanian, motivasi dan kepimpinan. YB Kuala Balah, YB Kuala Balah ada mencadangkan belia di Kelantan digalakkan untuk memilih bidang kemahiran dibawah TVET termasuk memberi pengiktirafan kepada rakyat yang memberi kemahiran mengikut bidang di bawah *National Occupational Skill Standard* ataupun NOSS.

Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat di dewan yang mulia ini, pihak Exco ataupun Jawatankuasa telah mengadakan beberapa perbincangan awal dengan pihak Universiti Sains Islam Malaysia dan pihak Jabatan Pembangunan Kemahiran Kelantan (JPKK) berkenaan pelaksanaan TVET khusus pada golongan belia Kelantan.

Antara Program yang akan ditawarkan makna dalam perbincangan awal ataupun sebenarnya boleh dikatakan perbincangan akhirlah kita In Shaa Allah kita akan muktamadkan. Programnya adalah SKM 3 Diploma Kejurulatihan Bina Insan Negara yang mengambil masa hanya 10 hari untuk mendapatkan sijil yang diiktiraf kerajaan. Maknanya program itu hanya mengambil masa 10 hari dan akhirnya peserta akan mendapatkan sijil. Tapi ia berasaskan pada asas kemasukan berdasarkan pengalaman-pengalaman yang telah diperolehi sebelum ini. Maknanya bukan kata semua orang boleh hanya mereka yang mempunyai asas yang ataupun

pengalaman yang bersesuaian akan layak menggunakan kerusi ini dan selepas 10 hari mereka akan layak mendapat Diploma.

Dan In Shaa Allah sekiranya program ini kita dapat laksanakan program-program Diploma ini akan menjadi pilot projek untuk kita mengadakan program-program lain selepas pada itu.

Dengan kerjasama erat daripada pihak Kerajaan Persekutuan dan di pihak Kerajaan Negeri saya yakin banyak lagi program sebegini boleh di atur untuk membekalkan kemahiran-kemahiran yang diperlukan oleh belia di Kelantan. Memberi pengiktirafan SKM 1 ataupun SKM 2 kepada belia-belia Kelantan yang telah pun berkemahiran. Macam sekarang ini kita banyak belia-belia yang sudah berkemahiran tetapi tidak ada sijil jadi kita boleh ketengahkan perkara tersebut terutamanya untuk Sijil Kemahiran Gunting Rambut, Menjahit, Membaiki Kenderaan dan sebagainya.

Yang ketiga YB Tendong, YB Tendong ada menyentuh tentang satu padang bola, satu DUN. Untuk makluman di peringkat NGO serta perpaduan masyarakat peringkat negeri kita telah mengadakan perbincangan awal tentang isu ini dan In Shaa Allah penyelarasan akan diadakan dengan UPEN dan kita telah, kita akan memanggil mesyuarat di peringkat jawatankuasa peringkat negeri yang melibatkan Pejabat-Pejabat Tanah dan juga Majlis-Majlis Daerah untuk mengenal pasti padang-padang ataupun lokasi yang sesuai untuk dibangunkan padang-padang di setiap DUN.

Peningkatan kita adalah pertama sekali kita akan mengenal pasti DUN-DUN yang sudah ada. Jadi kalau padang yang sudah ada, padang tersebut perlu penambahbaikan. In Shaa Allah kita akan fikirkan dana-dana yang bersesuaian.

Kemudian mungkin ada DUN-DUN yang memang tidak ada padang. Mungkin selama ini dia menggunakan padang sekolah ataupun padang-padang tertentu. Jadi mungkin In Shaa Allah kerajaan akan mempertimbangkan apabila telah dikenalpasti lokasi yang sesuai kita akan mengangkat pada kerajaan mungkin untuk pengambilan tanah supaya akhirnya dalam di Negeri Kelantan ini semua DUN sekurang-kurangnya mempunyai satu padang yang memenuhi piawaian

Antarabangsa ataupun *at least* orang kata saiz yang boleh kita mengadakan liga DUN In Shaa Allah. Jadi itu hasrat kerajaan.

Yang keempat, YB Tendong juga ada membangkitkan tentang SUKMA. Dan sebenarnya ada dalam soalan mulut tadi yang tak sempat dijawab dan mungkin esok pun ada tapi saya rasa saya sebut sekarang tentang sasaran Kelantan untuk SUKMA 2024 di Sarawak.

Untuk pengetahuan dewan yang mulia, ni bila bercakap tentang SUKMA ni, cabaran yang besarlah. Terutama saya sebagai Exco yang bertanggungjawab sebab berdasarkan rekod 2018, pencapaian kita 6 emas, 7 perak dan 13 gangsa. Jumlah keseluruhan ialah 26. Dan dari segi *ranking* kita nombor dua daripada bawah 2018. 2022 rekod kita 3 emas, 8 perak, 10 gangsa. Jumlah pingat 21. Dan dari segi ranking, masih lagi nombor dua daripada bawah.

Jadi untuk SUKMA 2024 di Sarawak daripada Majlis Sukan Negeri sasaran kita adalah 58 pingat melibatkan 20 emas, 10 perak dan 28 gangsa. Dan In Shaa Allah kita akan mendoakan agar atlet-atlet kita dapat berlatih dengan baik dan dapat menghasilkan prestasi yang baik berdasar sasaran yang telah ditetapkan.

Dan yang terakhir YB Kota Lama ada menyebut tentang fenomena anak muda yang anak muda Kelantan yang bersedia dalam bidang keusahawanan menyebut tentang Khairul Aming, Alhamdulillah di peringkat kerajaan pun kita mengambil perhatian dan mengambil berat tentang perkara tersebut.

Untuk pengetahuan Ahli-Ahli Yang Berhormat dan diperingkat Kerajaan Negeri telah pun merancang ataupun telah mengadakan sebenarnya perjumpaan khusus bersama-sama *influencer* Kelantan yang melibatkan usahawan-usahawan untuk kita bersama-sama mencari skop ataupun ruang kerjasama. Walaubagaimanapun masih lagi diperingkat awal dan kita bersedia lagi untuk bertemu dengan mana-mana *influencer* yang terlibat.

Dan Alhamdulillah di Kelantan juga kita mengadakan program khusus dibawah U-BES iaitu rakan strategik pempengaruh muda yang mana tujuannya adalah untuk mendapatkan input dan pemasaran, *brainstorm* kepada Kerajaan Negeri dalam usaha membantu mereka mempengaruhi yang mempunyai perniagaan. Jadi itu pun salah satu kerjasama yang kita

telah adakan, kita akan mewujudkan rakan strategik, *influencer* atau mempengaruhi anak muda.

Dan semestinya kita berharap dengan proses ini dapat melahirkan lebih ramai lagi usahawan-usahawan mempengaruhi yang berjaya. Akhir sekali saya ingin maklumkan di sini bahawa untuk sesi 2024 ini secara umumnya urusan belia dan sukan Negeri Kelantan kita sudah merancang bagi tahun 2024, kita merancang sebanyak 128 program yang melibatkan belia sukan, NGO, usahawan dan juga perpaduan masyarakat yang sasaran peserta bagi keseluruhan program adalah seramai 130 000 anak muda Kelantan, In Shaa Allah.

Akhir sekali Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker, sebagai akhirnya saya ingin merakamkan ucapan terima kasih dan tahniah di atas kecaknaan Ahli-Ahli Yang Berhormat terhadap Portfolio Belia Dan Sukan, NGO Dan Perpaduan Masyarakat Negeri Kelantan dan berharap kita dapat memikul amanah ini bersama-sama terus maju ke hadapan di mana kejayaan sesuatu perancangan itu diperingkat kerajaan sudah tentunya adalah untuk manfaat rakyat. Itu sahaja,

وبالله التوفيق والهداية والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته

YB DATO' TIMBALAN SPEAKER:

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi Jawatankuasa Belia Sukan Dan juga Perpaduan Masyarakat. Seterusnya saya mempersilakan Yang Berhormat Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Islam, Dakwah, Penerangan & Hubungan Seranta. Ok baik mungkin ada pertukaran daripada senarai yang saya ada. Saya persilakan Yang Berhormat Pengerusi Jawatankuasa Kebajikan, Pembangunan Keluarga & Wanita. Silakan.

YB PUAN HJH ROHANI BT IBRAHIM :

بسم الله الرحمن الرحيم

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Terima kasih Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker di atas kebenaran untuk saya bersama-sama dalam sesi penggulungan pada kali ini. Terima kasih kepada Yang Berhormat Pantai Irama dan juga Kota Lama yang

telah menyantuni portfolio Kebajikan, Pembangunan Keluarga Dan Wanita secara khusus.

Pertamanya saya ingin merakamkan ucapan junjung kasih kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Al-Sultan atas keprihatinan dan kecaknaan baginda. Mengenai program terutamanya mengenai program Skuad Kita Cakna (SKC) dari U-Kekwa, Alhamdulillah.

Terima kasih juga kepada Yang Berhormat Pasir Tumboh yang menyentuh perkara ini dan saya amat-amat menyambut baik saranan Yang Berhormat Pasir Tumboh yang mencadangkan agar peruntukan SKC ditambah agar lebih ramai lagi golongan SKC ini. Saranan inisiatif kebajikan ini turut disemarakkan bukan sahaja oleh kerajaan semata-mata tetapi oleh juga agensi, syarikat korporat, yayasan NGO dan juga orang perseorangan juga amat baik dan wajar disebut oleh semua pihak. Untuk makluman Ahli Dewan yang mulia ini, program SKC telah dilaksanakan sejak tahun 2011-2023. Pasukan SKC di 45 DUN telah berjaya menyantuni lebih daripada 50 ribu orang dari golongan Mustadafin yang perlu disantuni dan memerlukan bantuan kebajikan.

Saya juga mengambil peluang ini untuk merakamkan penghargaan dan ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada semua Ahli-Ahli Yang Berhormat yang ada di sini dan yang lalu kerana telah berjaya melaksanakan program Skuad Kita Cakna ini dengan terbaik.

Untuk makluman dewan SKC ini telah diperluaskan ke peringkat SKC mukim pada Oktober 2020. In Shaa Allah pada tahun ini kita bercadang untuk mengadakan himpunan Skuad Kita Cakna untuk menyelaraskan dan memantapkan gerak kerja SKC. Bermula pada tahun ini Skim Latihan Sukarelawan sosial bertauliah juga akan diusahakan bagi melahirkan lebih ramai tenaga sukarelawan kebajikan yang terlatih dan berimpak tinggi di negeri Kelantan.

Saya juga berharap aktiviti SKC ini akan mendapat lebih banyak sokongan dan kerjasama daripada semua pihak. Juga kita sama-sama doakan semoga kepada golongan ini dipercepatkan iaitu dengan pembayaran royalti kepada negeri Kelantan.

Keduanya berkaitan mengenai Majlis Penasihat OKU Negeri Kelantan yang diutarakan oleh Pantai Irama dan juga Majlis Persefahaman Persatuan OKU Kelantan. MPON dan juga MPPOK. Kelantan menjadi

negeri peneraju perubahan dalam banyak perkara termasuklah berkaitan kecaknaan kepada warga OKU. Alhamdulillah Kelantan telah berjaya menggubal melancarkan dasar OKU Muqarrabun pada 20 Jun 2023. Dasar ini diwancanakan secara meluas bermula pada tahun ini dan agar ianya difahami oleh segenap masyarakat demi untuk kepentingan golongan OKU ini.

OKU Negeri Kelantan atau singkatnya MPON sudah pun mencecah usia tujuh tahun sejak penubuhannya daripada 2016. MPON diangkat dan diluluskan oleh MMK 2016 dan juga ia kali pertama daripada iaitu kali pertama pada 2017. Kelantan menjadi perintis kepada penubuhan MPON ini dan seterusnya ianya diikuti oleh Negeri Selangor dan juga Terengganu.

MPON menjadi satu medium menghimpun pelbagai pemain industri utama dalam isu OKU serta diwakili oleh agensi-agensi berkaitan untuk memastikan pembangunan OKU ini dibincangkan secara bersepadu dan memastikan hak dan kepentingan OKU ditangani sewajarnya berasaskan dasar Negeri Kelantan. Ia juga akan dimunafatkan untuk membentuk satu sistem sokongan yang bersepadu untuk mendaya upayakan warga OKU ini.

Yang Berhormat Dato' Speaker, pada sidang 2024 hingga 2028 ini MPON akan terus diperkasakan peranannya melalui perlantikan Ahli-Ahli Majlis yang baru dengan gandingan pelbagai tenaga pakar dari pelbagai bidang dan agensi yang berkaitan.

Manakala dalam usaha memperkukuhkan penggerak ataupun penggiat OKU, Kerajaan Negeri Kelantan turut dibantu oleh Majlis Persefahaman Pertubuhan OKU Kelantan yang sangat komited dalam mengurus perihal berkaitan OKU khususnya di Kelantan dan Malaysia amnya. Ianya adalah gabungan NGO-NGO yang ada di Kelantan dan yang uniknyanya penggerak MPPOK ini adalah terdiri daripada warga OKU sendiri yang sangat luar biasa kebolehananya.

Berdasarkan dasar OKU Muqarrabun MPPOK secara aktif telah menyelaras dan membantu menyemarakkan usaha advokasi dan mendidik warga OKU. Dan juga komitee untuk melahirkan warga OKU yang Mukorrobun iaitu OKU yang mendekatkan diri kepada Allah dengan rasa syukur dan juga redho kepada Allah SWT. Kelantan juga menjadi

negeri yang pertama melantik secara rasmi penyelarar pembangunan OKU PPO di 14 Parlimen di seluruh negeri Kelantan. PPO terdiri daripada warga OKU sendiri dan amat komited menjalankan tugas mereka tanpa sebarang alasan.

Tugasan utama adalah PPO menyelarar dan membantu usaha pendaftaran OKU di setiap Parlimen secara aktif dan juga tersusun. PPO juga terlibat menjadi Duta OKU bersama team PPOK yang lain untuk melatih dan membimbing sukarelawan OKU di seluruh negara secara aktif.

Mengikut rekod bilangan OKU yang berdaftar di Kelantan sehingga 31 Januari 2024 adalah seramai 49 006 orang. Untuk keseluruhan tujuh kategori OKU suka saya menyeru dan mengambil kesempatan ini agar semua Ahli-Ahli Yang Berhormat dan semua pihak agar dapat membantu kempen pendaftaran OKU dan memastikan semua OKU mempunyai kad OKU. Jadi ianya munafatkanlah sistem semakan maklumat OKU yang dibangunkan oleh pihak JKM. Lebih 20 munafaat dan kemudahan yang dinikmati oleh warga OKU dan penjaganya yang disediakan oleh pelbagai agensi.

Dikesempatan ini saya merakamkan ucapan penghargaan kepada semua penggerak MPPPOK dan semua Ahli MPON sejak dari sidang pertama hingga sekarang yang terus komited yang tidak jemu melaksanakan, memperjuangkan hak, tanggungjawab dan pendidikan serta pembangunan diri untuk OKU. Semoga dengan segala usaha Kerajaan Negeri Kelantan dalam menjaga kesejahteraan warga OKU dan golongan lemah akan mendatangkan pertolongan Allah SWT buat negeri dan rakyat Kelantan.

Saya juga ingin menyentuh sedikit mengenai isu kemiskinan rakyat secara umumnya khususnya miskin bandar yang disebut oleh Yang Berhormat Kota Lama kerana ianya juga ada berkait mengenai kebajikan rakyat. Kerajaan Negeri melalui perkhidmatan yang disediakan oleh U-KEKWA dan juga Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Kelantan tanpa gagal menyalurkan bantuan-bantuan kebajikan kepada mereka yang layak. Dan berkeperluan secara saksama secara rangkuman ringkasnya hampir 30 jenis bantuan yang diberikan kepada klien secara bulanan ataupun one off iaitu mengikut kelayakan masing-masing untuk menangani kemiskinan rakyat secara jangka pendek.

Antara program jangka panjang juga melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat kita melaksanakan program *2 Years Exit Programme (2yep)*. Iaitu satu program jangka panjang iaitu untuk membantu klien JKM keluar dari kepompong kemiskinan. Peserta akan dibimbing secara dekat untuk mereka menjalankan perniagaan menjana ekonomi diri dan juga keluarga dalam masa sasaran iaitu dua tahun.

Mengikut rekod JKM seramai 636 orang peserta telah menyertai *2yep Exit Programme* ini iaitu bermula tahun 2016 sehingga 2023. Seramai 339 daripada 636 peserta tersebut telah berjaya ditamatkan bantuan bulanan mereka iaitu sebanyak 53.3%.

Purata pendapatan bulanan peserta tersebut antara RM1500 sehingga RM5000 sebulan. 10% peserta yang ditamatkan bantuan *2yep* ini memperolehi pendapatan RM5000 ke atas. Dan ada yang mencecah pendapatan sehingga RM15 000 sebulan.

Antara motivasi pihak kita adalah menjadikan penerima bantuan ini iaitu mereka akan bertukar menjadi pembayar zakat. Iaitu daripada penerima zakat kepada pembayar zakat. Kebanyakan peserta yang berjaya adalah dalam bidang kedai makan, jual kek, Spa dan juga Spa selepas daripada bersalin, bekam dan lain-lain lagi aktiviti. Akhirnya terima kasih sekali lagi kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah memberi perhatian dan kecaknaan pada semua program yang di anjurkan oleh U-KEKWA.

Semoga kita semua mendapat keberkatan dan kerahmatan daripada Allah SWT. Sedikit pantun

*Kain tenun indah disulam,
Dihias indah anyaman rotan,
Kelantan Membangun Bersama Islam,
Terus melangkah menerajui perubahan.*

Sekian,

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

YB DATO' TIMBALAN SPEAKER:

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi Jawatankuasa Kebajikan, Pembangunan Keluarga & Wanita. Seterusnya saya jemput Yang Berhormat Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan, Perumahan, Kesihatan Dan Alam Sekitar. Silakan.

YB TUAN HILMI BIN ABDULLAH :

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
السلام عليكم ورحمة الله وبركاته
الحمد لله رب العالمين, والصلاة والسلام على رسول الله, وعلى آله وصحبه أجمعين
الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي هَدَانَا لِهَذَا وَمَا كُنَّا لِنَهْتَدِيَ لَوْلَا أَنْ هَدَانَا اللَّهُ

Terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Speaker, atas ruang untuk saya menggulung perbincangan Titah Ucapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Al-Sultan Muhammad Ke V. Pertamanya saya ingin menjunjung kasih Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Muhammad Ke V di atas Titah Ucapan sempena Istiadat Pembukaan Penggal Kedua Dewan Negeri Kelantan Yang Kelimabelas Tahun 2024 yang telah sempurna dibaca oleh Yang Amat Berhormat Dato' Panglima Perang Menteri Besar Kelantan pada hari pertama persidangan.

Titah Ucapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia ada turut menyentuh portfolio Kerajaan Tempatan, Perumahan, Kesihatan Dan Alam Sekitar sebagaimana termaktub secara terperinci di dalam muka surat 10 dan 11 buku Titah Ucapan tersebut yang menggambarkan harapan besar Kebawah Duli Yang Maha Mulia untuk dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri pada penggal ini.

Keduanya, syabas dan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbincangan terutamanya 9 Ahli Yang Berhormat daripada Pulau Chondong, Dabong, Galas, Gual Periok, Mengkebang, Chempaka, Tendong, Pantai Irama dan Gaal yang menyentuh portfolio saya. In Shaa Allah kerajaan menyambut baik segala cadangan yang telah dikemukakan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian dan In Shaa Allah akan di nilai serta akan dibincangkan diperingkat kerajaan. Saya akan respon kepada beberapa perkara penting

yang telah dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dalam kesempatan masa yang terhad ini.

Sebagaimana yang kita ketahui Kelantan merupakan sebuah negeri yang kaya dengan sumber khazanah alam sekitar yang mana air yang sejuk mengalir daripada Nenggiri sehingga ke Ayer Lanas dan pantai terbentang luas daripada Pengkalan Kubor ke Semerak yang mana kesemuanya jika kita tambah baik dan juga pandai manipulasi In Shaa Allah akan menjadi sebagai daya tarikan utama untuk menarik lebih ramai pengunjung luar untuk berkunjung ke negeri Kelantan. Telah disebut dalam titah khas mengenai pembinaan taman rekreasi dan taman permainan di negeri Kelantan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat sebanyak 263 taman rekreasi dan permainan berada dalam 12 PBT dalam negeri Kelantan. Dan saya ingin menyentuh mengenai pembangunan taman rekreasi Kolam Air Panas Tok Bok yang telah di sentuh secara khusus oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia dalam titah ucapan.

Taman rekreasi Kolam Air Panas Tok Bok ini telah didirikan di atas tanah seluas 5.83 ekar dengan nilai pembangunan keseluruhan berjumlah RM6 670 000 yang mana telah dimajukan secara bersama oleh PKINK, Jabatan Landskap Negara dan juga Majlis Daerah Machang dengan peruntukan daripada KPKT dan juga Kerajaan Negeri yang mana sekarang kita dalam proses untuk menyiapkan taman Air Splash yang mana sekiranya siap taman ini akan memberikan nilai tambah kepada kolam Air Panas Tok Bok yang sedia menyediakan Air Panas. In Shaa Allah dengan adanya kolam, taman air splash ini, taman tema air terbaru akan menarik lebih ramai pelancong untuk berkunjung ke Machang sebagaimana ramainya pengunjung yang berkunjung ke Dabong, *"Train To Dabong"*.

Dan untuk makluman semua saya ingin membacakan hasil kutipan taman rekreasi Air Panas Tok Bok sepanjang pembukaannya bermula pada September 2022 iaitu pada September sehingga Disember 2022 jumlah pengunjung seramai 22 567 orang dan pada tahun 2023 jumlah pengunjung 56 326 orang dan kutipan pada tahun 2023 setahun penuh sebanyak RM365 232. Dan untuk jumlah pengunjung sehingga Februari 2024 iaitu RM8 870 dan kita percaya dengan siapnya naik taraf keseluruhan konsep pembangunan dalam kolam Air Panas Tok Bok akan

menjayakan lagi program promosi tahun melawat Kelantan kita pada tahun ini.

Pulai Chondong juga menyentuh mengenai projek perumahan Rumah Mampu Milik di Machang. Untuk makluman Kerajaan Negeri dalam proses untuk menangani projek Perumahan Berangan Mek Nab di atas tanah milik PMBK Development yang mana akan dimajukan oleh Syarikat KMDI Berhad yang akan menawarkan sebanyak 312 unit bangunan yang mana 229 unit rumah teres harga biasa dan 59 unit rumah teres RMK sederhana.

Seterusnya saya ingin respon kepada YB Dabong mengenai isu kesihatan yang mana Yang Berhormat bertanyakan status di Klinik Kesihatan Dabong yang mana setakat ini tiada khidmat X-Ray di Dabong yang mana kita sebut sebagai *Stand Alone X-Ray*. Setakat ini Jabatan Kesihatan Kelantan telah mengangkat kertas cadangan pada Kementerian Kesihatan Malaysia pada 10 Januari 2024 untuk diadakan *X-Ray Stand Alone* dengan anggaran peruntukan RM2.8 juta untuk diletakkan di Klinik Kesihatan Dabong, dan juga Klinik Kesihatan Jeli, Kuala Balah iaitu RM1.4 juta bagi setiap unit.

Dan untuk Pusat Dialisis setakat ini belum sampai masa untuk dibina Pusat Dialisis di Dabong kerana setakat ini untuk rekod hanya 4 orang sahaja yang menjalani dialisis daripada DUN Dabong dan mereka mendapatkan rawatan dialisis di Hospital Jeli.

Dan saya pada mesyuarat bersama dengan Menteri Kesihatan pada 31 Disember 2023 ada memohon supaya ditambah baik khidmat ambulans untuk Klinik Kesihatan di kawasan pedalaman dengan menyediakan ambulans yang daripada kenderaan pacuan empat roda untuk meluaskan lagi khidmat dan memberikan kesihatan yang sempurna kepada semua penduduk di pedalaman.

Seterusnya mengenai persoalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat ADUN Gaal iaitu berkaitan keceriaan di pintu masuk ke Kelantan, khususnya yang menjadi sempadan antara Kelantan dan Terengganu. Majlis Daerah Pasir Puteh telah mengambil langkah menceriakan pintu masuk Kelantan dengan menaik taraf sebagaimana kedai, tandas dan landskap di Medan Selera Bukit Yong bagi memastikan keceriaan di tempat tumpuan pintu masuk utama di Kelantan iaitu Bukit Yong.

Selain itu pihak Majlis Daerah Pasir Puteh juga turut memohon peruntukan bagi menaik taraf surau di Medan Selera Bukit Yong. Terdapat beberapa komponen yang telah dilaksanakan dan dalam perancangan oleh pihak Majlis Daerah bagi memastikan kemudahan asas yang selesa serta keceriaan dapat diberikan kepada para pengunjung yang memilih Bukit Yong sebagai kawasan rehat dan rawat.

Yang pertama tandas awam sedia ada telah dirobuhkan dan dibina semula menggunakan peruntukan daripada Kerajaan Negeri dibawah Program Kesejahteraan Rakyat pada tahun 2021 dan telah mula dibuka untuk kegunaan awam. Yang kedua bangunan medan selera, tapak parking, kenderaan awam dan sistem perparitan telah siap di baik pulih serta di naik taraf menggunakan peruntukan daripada KPKT pada tahun 2023 dan dijangka akan dibuka pada bulan hadapan. Dan permohonan peruntukan untuk naik taraf surau, landskap dan pencahayaan telah di angkat pada Kerajaan Negeri melalui program kesejahteraan rakyat bernilai RM60 000 yang akan mula dibina pada tahun ini termasuk untuk membina menaik taraf papan tanda ataupun tugu di kawasan sempadan tersebut. Sebelum ini ada portrait Kebawah Duli Yang Mulia Al-Sultan yang mana telah tanggal In Shaa Allah kita akan bina baru.

Mengenai masalah di sempadan antara Bukit Yong dan juga Jerneh sebagaimana kita dimaklumkan oleh Yang Berhormat terdapatnya sebuah quari yang mana lalulintas kawasan tersebut telah terganggu dengan berlakunya keluar masuk lori-lori yang membawa bahan batuan quari yang mana menggunakan pintu masuk RnR Bukit Yong sebagai jalan utama. Dan pada tahun lepas kita telah mengadakan mesyuarat dengan pihak JKR untuk mencari jalan terbaik bagi membolehkan kawasan RnR dapat disinggah oleh para pengguna jalan utama daripada Jerneh ke Bukit Yong setakat ini belum ada lagi keputusan yang tuntas mengenai penyelesaian tersebut.

Juga daripada ADUN Gaal menyatakan bahawasanya ada tanah seluas 500 ekar di Mukim Kandis yang sedia untuk dicadangkan sebagai tapak untuk dibina Rumah Mampu Milik Kelantan kita akan nilai kawasan tersebut. Dan persoalan daripada Yang Berhormat Galas, perancangan bandar lama Gua Musang.

Untuk makluman Yang Berhormat pihak Majlis Daerah Gua Musang telah menaik taraf dan membaik pulih setiap kemudahan yang rosak iaitu yang

berfungsi sebagai pengasingan laluan motor dan laluan pejalan kaki untuk mengelak daripada berlaku jenayah ragut dibawah program Bandar Selamat. Jabatan Perancangan Dan Landskap juga telah menaik taraf pencahayaan laluan utama bandar lama dan ada cadangan jalan baru bagi menyambung Bandar Lama Gua Musang dengan LPT Sungai Teras Kampung Lembaga sebagaimana yang telah diwartakan dalam rancangan Jajahan Gua Musang In Shaa Allah jika berjayanya kita membina jalan baru In Shaa Allah bandar lama Gua Musang akan kembali maju dan ceria.

Kita juga telah menambahkan unit-unit kedai dan menyediakan medan selera lebih selesa dan menarik untuk menarik tumpuan pengunjung luar dan penduduk setempat untuk terus masuk ke bandar yang lama. Mengenai Air Panas Ber pihak Majlis telah menerima satu proposal daripada syarikat Asian Kitchen Sdn Bhd membangunkan kawasan kolam air panas Ber bagi kawasan peranginan baru mengeksplotasi potensi sumber tersebut dan cadangan ini dalam peringkat penelitian di pihak Pelaburan Negeri Kelantan.

Dan mengenai perniagaan taman-taman awam pihak Majlis telah menaik taraf taman awam di taman tasik sebanyak RM500 ribu iaitu dibawah peruntukan Jabatan Landskap Negara dan menaik taraf taman awam Taman Tasik Perumahan Bandar Utama sebanyak RM500 ribu dibawah peruntukan di bawah Jabatan Landskap Negara. Taman awam yang baru disediakan ialah bertempat di jalan Kaya Setia dahulunya di kenali sebagai jalan KESEDAR INN dibawah peruntukan negeri sebanyak RM700 ribu dan pembaikan peralatan permainan yang rosak di Taman Tasik Perdana Gua Musang menggunakan peruntukan majlis sebanyak RM19 ribu. Saya percaya dengan projek-projek yang telah dilaksanakan oleh pihak negeri membuktikan bahawa kita tidak mengetepikan kedudukan Galas sebagai pembangkang dalam dewan ini.

Dan untuk makluman Galas bahawa disenaraikan taman rekreasi dan taman awam yang ada Musang Ecopark yang viral sekarang ini yang mana menjadi tumpuan pengunjung untuk berhenti solat di masjid Buluh, Taman Botani, Taman Tertitir, Taman Rimba Wangi, Taman Awam Jalan Kaya Setia, Taman Rimba, Taman Awam Tasik Perumahan Bandar Utama satu kawasan yang luas, saya dan Galas pun berjiran satu taman yang

mana ada Bukit Durian sedia untuk hiking pada awam dan juga takdok masalah kalau nok gatih basikal petang-petang, kawasan yang amat luas.

Dan seterusnya mengenai cadangan Pantai Irama untuk mengangkat tanah seluas 10 ekar di Kampung Nenasi Mukim Rusa bawah DUN Pantai Irama kita telah mengangkat tanah ini untuk dimajukan ke Jabatan Perumahan Negara untuk dibina PPR untuk Parlimen Bachok dan telah diluluskan yang sebagaimana kita tahu peruntukan bajet tahun ini untuk dibina 178 unit Rumah Mampu Milik di Tendong dan setakat ini status tanah PTG telah mengangkat kertas kepada MMK untuk memasukkan syarat sekatan kepentingan dalam geran hak milik dan In Shaa Allah telah keluarnya geran kita boleh terus masukkan plan bangunan dan In Shaa Allah kita akan buat pemilihan kepada bakal pembeli rumah di Tendong.

Dan untuk Gual Periok memandangkan isu yang dibentangkan melibatkan cadangan supaya ditubuhkan daerah kecil pentadbiran sebagaimana di Dabong dan juga di Lojing kita perlu meneliti cadangan ini kerana akan diberi impak kewangan melibatkan pertambahan kakitangan dan juga bidang kuasa yang perlukan mesyuarat terperinci diadakan diperingkat kerajaan.

Saya rasa itu sahaja yang saya ingin berikan respon. Saya ucap terima kasih pada semua Yang Berhormat yang mengambil bahagian dalam perbahasan yang menyentuh dan memberikan cadangan yang baik untuk pihak kerajaan nilai dan In Shaa Allah sekiranya berpotensi dan baik kita akan cuba laksanakan In Shaa Allah.

والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته

YB DATO' TIMBALAN SPEAKER :

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan, Perumahan, Kesihatan Dan Alam Sekitar. Seterusnya saya menjemput Yang Berhormat Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Islam, Dakwah, Penerangan Dan Hubungan Seranta. Dipersilakan Yang Berhormat.

YB TUAN MOHD ASRI BIN MAT DAUD :

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Yang Berhormat Dato' Speaker, terima kasih.

الحمد لله رب العالمين, والصلاة والسلام على رسول الله, وعلى آله وصحبه

Izinkan saya membaca satu kata-kata pandangan Sheikh Muhammad Abduh

الإسلام محبوب بالمسلمين

Islam perlaksanaannya, kemurniaannya terhalang akibat tangan orang Islam itu sendiri.

Sempena dengan penggulungan ini saya merakamkan ucapan terima kasih kepada semua Ahli-Ahli Yang Berhormat yang terlibat dengan perbahasan ucapan Titah Tuanku Al-Sultan dan juga yang mengemukakan soalan-soalan mulut serta perbahasan usul tadi termasuklah ada 11 Ahli Yang Berhormat yang menyentuh portfolio saya. Jadi sehingga maghrib ini tak habis lagi ni kalau sentuh satu persatu. Jadi saya ringkaskan.

Pertamanya saya nak sentuh Galas yang ada juga menyebut ada bertanyakan pasal hal ehwal Orang Asli termasuklah memperkasakan program dakwah pada orang Asli termasuklah khusus kepada JHEDA.

Jadi sebenarnya diperingkat unit dakwah bahagian dakwah Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Kelantan telah merangka plan strateginya pada 2024 ini ada suku tahun pertama, kedua dan ketiga. Jadi untuk suku tahun pertama ini umpamanya telah dilakukan satu program untuk melatih pendakwah pelapis bagi orang-orang Asli telah dilaksanakan pada Januari yang lalu. Dan pendakwah-pendakwah pelapis orang-orang Asli ini dipilihlah dikalangan orang Asli itu sendiri yang mana mereka dilantik dengan modul-modul tertentu untuk memberi *training* balik tarbiah kepada orang-orang Asli. Dan apa untuk suku yang ke seterusnya akan diadakan pada bulan Oktober hingga Disember nanti.

Dan seterusnya beberapa program dakwah telah dilaksanakan umpamanya pemantapan post Muallim yang ini akan pergi ke pos-pos orang Asli ialah umpamanya pada Januari hingga Mac ini ada Pos Hau Tuel, Pos Lojing yang kita target. Dan apa nama pos-pos yang lain seperti Poa Balar, Pos Pasik akan apa dilaksanakan pada suku yang kedua dan ketiga. Program seperti solat jumaat di Pos Balar, ziarah perdana pos-pos orang Asli ini menjadi satu program dakwah yang kita laksanakan sepanjang tahun ini dan apa kos yang diperuntukkan sebanyak RM100 ribu tidak termasuk kos yang telah dinyatakan oleh Galas. Jadi maksudnya ada tambahan-tambahan kos diperingkat kerajaan Negeri.

Kemudian diperingkat Chetok, Chetok ada menyentuh tentang hari ini bagaimana untuk mendidik anak-anak muda kita hingga mereka dapat memberi komitmen kepada masjid. Hari ini kita tengok fenomena Subuh macam Jumaat, ya kerajaan Negeri Kelantan juga turut melaksanakan kempen tersebut dan apa baru-baru ini pada bulan Rejab kita telah melancarkan bulan solat di Masjid Muhammadi dan memang ruang-ruang masjid itu dipenuhi di semua tempat.

Jadi Subuh memang macam Jumaat. Bukan setakat di masjid Muhammadi sahaja. Bahkan di masjid-masjid yang lain termasuklah masjid Kubang Kerian, masjid Pasir Mas dan masjid-masjid mukim yang lain diadakan kempen ini bukan setakat dan Alhamdulillah Kerajaan Negeri merakamkan penghargaan pada NGO-NGO mahupun selebriti mahupun siapa sahaja yang menjalankan kempen ini. Kita tidak melihat kepada siapa mereka itu tetapi apabila mereka melaksanakan kempen untuk Subuh macam Jumaat ini dengan kita memberi galakkan dan kita menyokong sepenuhnya kerana untuk menghadirkan anak-anak muda ke masjid ini bukan mudah. Ia adalah program-program yang sukar sebelum daripada ini. Tapi Alhamdulillah kini menjadi satu fenomena.

Kalau kita tengok di masjid-masjid umpama Masjid Bukit Tiu pernah mereka menganjurkan program anak-anak muda seperti pertandingan takraw, badminton, berjalan seribu langkah, memancing, bola sepak, kain sarung, pertandingan sukan rakyat, mendaki Bukit Bakar, BBQ dan lain-lain lagi dan dilaksanakan di masjid-masjid yang lain. Yang saya tengok bukan setakat masjid besar, masjid mukim melaksanakan program ini pada setiap Jumaat bahkan pada pagi selain daripada Jumaat dengan

memberi saguhati kepada jemaah-jemaah cilik untuk wang saku ke sekolah seumpama RM5 atau RM10.

Jadi kebanyakan masjid mungkin laksanakan perkara ini. Ini dilaksanakan secara baik. Dan lapan ADUN lagi iaitulah Dabong, Gual Periok, Chempaka, Tendong, Gaal, Melor dan Kota Lama apa nama menyentuh hal ehwal yang berkaitan syariah, pelaksanaan syariah tadi. Cuma Kota Lama dia menyebut ada sedikit kenapa kita tak jaga, tak menjaganya sehingga terbatal seksyen-seksyen itu.

Jadi apa saya kira apa yang dijawab oleh Temangan Dato' Timbalan Menteri Besar tadi juga masuk dalam ucapan apa jawapan kepada saya jugalah. Arr tupey sebab apa dan In Shaa Allah akan diulas dan dijawab sebab beliau adalah pengerusi undang-undang dan apa Cuma saya nak sebut sebab tadi pembawa usul Timbalan Menteri Besar pun menyebut apa satu hadis yang besar,

لتنقضن عروة

Saya bawa pendekatan tafsir Al-Azhar Buya Hamka dia ada menyebut, dia menyatakan bahawa sebagai muslim janganlah kita melalaikan hukum Allah. Dalam tafsir beliau dalam tafsir ayat-ayat berkaitan dengan pelaksanaan syariah.

Jadi sebagai Muslim janganlah kita melalaikan hukum Allah SWT dalam maksud, jangan kita merencatkan, merombak segala hukum yang sudah sedia ada termasuklah hukum itu hukum berkaitan dengan hukum Allah SWT tentu dalam Al-Quran, Hudud, Qisas dan yang tidak ditentukan dalam Al-Quran. Yang ditentukan oleh pemimpin iaitulah Takzir. Maka Takzir pun tidak boleh dirombak kerana Takzir juga adalah hukum syarah yang mana ia adalah dimasukkan dalam bab feqah yang diambil daripada feqah Islam iaitulah feqah itu maksud dia

العلم بالأحكام العملية المكتسبة من أدلتها التفصيلية،

Ilmu yang diambil daripada hukum-hukum syarat yang amali yang dilaksanakan oleh mukallaf yang di ambil dari dalil-dalil tafsili.

Dalil tafsili ini semua ulama' kata selain daripada Quran dan Hadis ijmak KIAS ia juga termasuk dalil-dalil yang ulama' berselisih tetapi di ambil

menjadi suatu pendekatan untuk hukum-hukum tertentu umpamanya Takzir seperti istihsan, istishab hukum syara' Man qablana, saddu zara'i dan lain-lain yang tidak boleh saya ulas pada hari ini memakan masa sehingga Maghrib.

Jadi maksudnya hukum Takzir apabila diputuskan oleh pemerintah ia adalah hukum syara'. Jadi kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat, muslim khususnya di Kelantan. Saya sendirilah apa mengajak, menyeru semua Ahli-Ahli Yang Berhormat tak kiralah pembangkang ataupun siapa sahaja supaya mana-mana hukum setelah dia jadi diwartakan apatah lagi diperkenalkan oleh Tuanku Sultan untuk dilaksanakan maka hendaklah kita memberi sokongan sepenuhnya. Dan kita mesti nasihat kepada mereka yang ingin mencabar, merungkai tadi,

لتنقضي

Untuk rungkai ataupun rombak tadi supaya jangan sebab dia adalah satu perkara yang sudah baik. Jadi apa semua sekalilah tak kira siapa kita mintak dalam memartabatkan hukum Islam ini dan kita menyokong penuh usul tadi supaya seksyen-seksyen yang telah terbatal supaya dapat dibawa balik walaupun bawak balik itu bercanggah tapi dengan undang-undang tapi sebenarnya kita kena faham tokoh-tokoh perundangan dahulu kita telah menyebut secara jelas seumpamanya saya tengok Tun Hamid dalam apa sistem kehakiman dan perundangan di Mesir satu wawasan pada 02 April 2001, Tun Hamid telah pun menyebut bahawa perlembagaan Persekutuan dipinda dengan memasukkan peruntukan baru kepada Perkara 121 iaitu klausa 1a peruntukan itu mudah sahaja apa yang terdapat dalam bidang kuasa mahkamah syariah, mahkamah sivil tidak ada bidang kuasa mengenainya.

Jadi maksudnya pertikaian perundangan pada hari ini sebenarnya tidak perlulah apabila diberi kuasa pada mahkamah syariah dan telah di undang-undangkan kita tidak boleh tidak perlu lagi menimbulkan polimik-polimik sehingga mengelirukan masyarakat kebanyakan dan Tan Sri Professor Ahmad Ibrahim sendiri di dalam bukunya yang menyebut bukunya yang bertajuk "Pentadbiran Undang-Undang Islam Di Malaysia" yang diterbitkan oleh Institut Kefahaman Islam pada tahun 1997 menyebut penguatkuasaan undang-undang Jenayah Islam itu adalah satu kewajipan yang dikenakan oleh Allah SWT kepada

pemerintah Islam. Kepatuhan kepada undang-undang jenayah itu tidak semestinya bergantung kepada undang-undang duniawi untuk memperkuatkuasakannya. Ini kerana peruntukan-peruntukan undang-undang itu telah terdapat di dalam Al-Quran Dan Sunnah dan ia semua belum dan tidak boleh dimansuhkan oleh sesiapa.

Jadi berdasarkan persoalan yang semua sekali akan dibahaskan oleh Yang Berhormat Dato' Timbalan Menteri Besar nanti dan saya menyentuh sedikit tadi sebagai juga menyentuh portfolio saya supaya Ahli-Ahli Yang Berhormat sekali lagi dapat memberi sokongan yang sepenuhnya dan selepas daripada ini tidak membawa naratif-naratif yang boleh mengelirukan masyarakat khususnya berkaitan dengan enakmen Kanun Jenayah Syariah yang telah terbatal seksyenya. Sekian setakat itu sahaja,

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

YB DATO' TIMBALAN SPEAKER :

Terima kasih Yang Berhormat. Saya rakamkan ucapan terima kasih kepada ke semua lima yang Berhormat Exco yang telah membuat penggulangan kepada perbahasan ke atas Titah Ucapan Diraja.

Ahli-Ahli Berhormat sekalian saya berhasrat untuk menangguhkan sidang. Marilah kita sama-sama tangguhkan sidang kita pada tengahari ini dengan tasbih kafarah dan juga Al-Asr. Sidang akan bersambung semula pada jam 02.30 petang.

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

**PERSIDANGAN DEWAN DITANGGUHKAN PADA JAM 12.45
TENGAHARI DAN AKAN DISAMBUNG SEMULA PADA JAM 02.30
PETANG.**

PERSIDANGAN DEWAN DISAMBUNG SEMULA PADA JAM 2.30 PETANG

YB DATO' TIMBALAN SPEAKER :

بسم الله الرحمن الرحيم
السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, sidang dewan akan disambung dengan penggulungan ke atas Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Muhammad Ke V. Saya mempersilakan Yang Berhormat Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Pengajian Tinggi, Teknologi Hijau, Digital & Inovasi untuk membuat penggulungan bagi pihak kerajaan. Dipersilakan.

YB TUAN HJ WAN ROSLAN BIN WAN HAMAT :

بسم الله الرحمن الرحيم
السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Yang Berhormat Dato' Speaker, sepanjang perbahasan Titah Ucapan Diraja Kebawah Duli Yang Mulia Sultan Muhammad V tidak ada yang menyentuh portfolio saya. Maka saya tidak ada penggulungan. Terima kasih.

YB DATO' TIMBALAN SPEAKER :

Terima kasih Yang Berhormat. Tidak ada yang sentuh portfolio Yang Berhormat. Baik seterusnya saya mempersilakan Yang Berhormat Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Agro Makanan dan juga Komoditi untuk membuat penggulungan. Dipersilakan.

YB TUAN HJ SARIPUDIN B TUAN ISMAIL :

بسم الله الرحمن الرحيم
السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

الحمد لله رب العالمين, والصلاة والسلام على رسول الله, وعلى آله وصحبه أجمعين

Yang Berhormat Dato' Speaker, yang pertama saya ingin menjunjung kasih kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Muhammad Ke V Al-Sultan Kelantan di atas titah perasmian. Yang Berhormat Dato' Speaker, keperluan mengadakan bekalan makanan yang secukupnya sebagai keselamatan makanan atau *food security* semakin menjadi perhatian ketika dunia dilanda pelbagai krisis semulajadi atau buatan manusia yang menggugat pengeluaran makanan. Antaranya termasuklah kemarau, banjir, gempa bumi, pencemaran, ketandusan tanah, kepupusan ikan, konflik, dan peperangan serta gangguan terhadap rangkaian bekalan makanan.

Sektor pertanian kekal sebagai penyumbang kedua ekonomi Kelantan yang menyumbang sebanyak 22.8% di belakang sektor perkhidmatan yang menyumbang sebanyak 69.2%. Dalam sektor pertanian pada tahun 2023 ialah faktor cuaca memainkan peranan yang *significant* dalam pengeluaran hasil pertanian. Kemarau Elnino yang melanda menjejaskan hasil padi dan tanaman-tanaman lain. Hasil padi di Kelantan tahun 2023 merosot sekitar 30% yang melibatkan kerugian kira-kira RM2.7 juta akibat cuaca panas. Kemerosotan hasil padi ini melibatkan kawasan seluas 7800 hektar membabitkan seramai 1123 orang petani.

Selain itu, turut menyaksikan Negeri Kelantan dilanda banjir yang turut menjejaskan hasil pertanian petani di negeri ini. Faktor cuaca isu ketelibatatan petani muda turut dititikberatkan bagi mengatasi isu petani tua atau uzur, *farmers aging* yang dianggarkan hanya sekitar 15% sahaja daripada golongan belia di negeri ini yang terlibat dalam bidang pertanian.

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya menjunjung kasih atas perkenan Tuanku menyentuh perihal Kelantan Jelapang Makanan Negara berkaitan kejayaan perlaksanaan Program Skim Bantuan Al-It'am, perancangan pembangunan kilang padi dan pembangunan kilang makan ternakan In Shaa Allah yang akan kita realisasikan dan sedang dalam perbentukan jawatankuasa dan juga persiapan tapak.

Sebagaimana yang kita sedia maklum saya mendapati seramai 7 orang Ahli Yang Berhormat yang mengambil peluang dalam sesi perbahasan menyentuh perihal sektor pertanian, penternakan, padi dan

keterjaminan makanan negeri Kelantan. Pasir Tumboh menyentuh perihal Kelantan sebagai jelapang makanan negara dengan keperluan jawatankuasa *food security* negeri berfungsi mencari langkah terbaik dengan membangunkan tanah-tanah terbiar serta menyediakan inisiatif bagi menarik golongan generasi muda berminat dalam bidang pertanian. In Shaa Allah dengan kepimpinan baru dibawah Yang Amat Berhormat Dato' Panglima Perang Menteri Besar Kelantan selaku Pengerusi Jawatankuasa Food Security Negeri Kelantan pastinya akan menyusun strategi yang lebih tuntas dalam memastikan makanan negeri berada pada landasan yang tepat dan terus diperhebatkan.

Seterusnya cabaran dalam menyediakan modal kepada para petani dalam menjalankan projek-projek pertanian dan penternakan sememangnya di akui antara punca kurangnya minat dikalangan anak muda menceburi sektor pertanian dan penternakan. Tambahan ujian kegagalan ekoran kacau ganggu binatang, serangga-serangga, penyakit-penyakit haiwan dan tumbuhan. Perubahan iklim yang tidak menentu membuatkan sektor ini sebahagian mereka menganggap berada 3D, *dangerous, difficult, and dirty*. Berisiko, payoh dan kotor. Barangkali Pasir Tumboh menyentuh perkara ini memandangkan keperluan kepada penambahan bajet. In Shaa Allah sekiranya ada rezeki Kerajaan Negeri akan mempertimbangkannya.

Yang Berhormat Chetok, memberi cadangan tentang pengecualian bayaran sewa tanah-tanah tol para petani. Biasanya melalui Jawatankuasa Hal Ehwal Tanah, di sana dibincang untuk diberi pengurangan bayaran tol kepada para petani yang sebenarnya sudah dikira berpatutan kerana bayarannya tidaklah terlalu tinggi dan dapat diberi pengurangan dengan cadangan oleh Yang Berhormat ADUN masing-masing.

Pasukan khas sebagai orang tengah bagi menguruskan hasil pertanian dan penternakan yang dicadangkan tersebut memang sesuai dan peranan ini In Shaa Allah akan dimainkan oleh Perbadanan Kemajuan Pertanian Negeri Kelantan yang mana antara peranannya ialah membantu pemasaran hasil-hasil pertanian.

Perbadanan Kemajuan Pertanian Negeri Kelantan juga sedang rancak membangunkan Rong *Chenok Agro Valley*, ni kawasan Chetok la ni. Melibatkan tanaman hidroponik, menjadi pusat pertanian hidroponik

negeri. Fetigasi, tanaman tebu, ternakan lembu Naim Beef, ternakan rusa tanaman rumput *napier*, ternakan ayam pedaging. Dan cadangan pembangunan infrastruktur untuk melengkapkan rancangan Rong Chenok Agro Valley ini termasuk disebut jambatannya, jalan. Memang kita akui amat perlu untuk pembangunan agro pelancongan di tempat ini.

Walaubagaimanapun ia tertakluk kepada peruntukan dan kewangan In Shaa Allah daripada Kerajaan Negeri dan Persekutuan yang kita telah membuat permohonan. Saya bersama Ahli Jawatankuasa Portfolio Pertanian Indsutri Agro Makanan Dan Komuditi sentiasa bersedia membantu dalam melengkapkan perusahaan Agro Pelancongan yang berpotensi yang kita telah bangunkan di beberapa tempat juga dengan kerjasama Exco Pelancongan yang sebelum ini dan yang sekarang.

Untuk makluman Chetok, sektor pelancongan yang kita telah buat di Tanah Tinggi iaitu di Lojing yang mana berpotensi tinggi untuk kita perhebatkan. Mengambil contoh projek Nuklears Green Valley, Lojing dan *Green Heart Farm* di atas tanah hak milik Kumpulan Pertanian Kelantan Berhad telah memberi hasil positif dengan dapat mengeluarkan produk-produk hiliran yang berkualiti. Dan juga projek ladang anggur Lojing, projek sayur-sayuran premium yang pernah diiktiraf oleh badan-badan berwajib sebagai antara sayuran dan tomato yang terbaik di Asia dan juga di Malaysia. Dan ia sekaligus selari dengan Plan Induk Pembangunan Mampan Negeri Kelantan 2019-2023 dalam mengadakan projek pelancongan hijau di Lojing yang pernah dulu disebut sebagai Kota Agro Lojing.

Terima kasih kepada Kuala Balah yang menyentuh tentang Program TVET Pertanian. Program ini telah diperkenalkan Kerajaan Negeri melalui agensi kerajaan iaitu Kumpulan Pertanian Kelantan Berhad (KPKB) yang merupakan salah satu usaha pihak kerajaan untuk membantu pelajar sekolah tahfiz dan pondok di negeri ini agar dapat melahirkan anak-anak didik pelajar yang bukan sahaja alim ataupun mempunyai ilmu yang mendalam dalam bidang agama dalam bidang pengajian kitab-kitab Turots tapi juga ada kemahiran dalam bidang-bidang seperti pertanian dan penternakan untuk memberi sumbangan fardu kifayah kepada masyarakat dan sumber ekonomi kepada mereka. Dari sejumlah 35 pondok dan 45 pusat tahfiz yang terlibat dalam program Gempa Pondok Dan Tahfiz dengan projek pertanian dan projek industri

asas tani serta projek penternakan dan perikanan setakat ini baru-baru melibatkan lima pusat pendidikan dengan Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) sebagai projek perintis Pondok Dakwah Islamiah Sri Permai Kampung Permata Sungkai, Pasir Puteh. Dengan SKM tahap 3 iaitu pengendalian tanaman cendawan menggunakan kaedah Rumah Cendawan Moden.

Pondok Al-Fununiah Al-Ghazaliah Tunjong, operasi pengeluaran tanaman SKM Tahap 3, *Fast Agro Farm Pasti Tok Guru*, Kampung Wakaf Pasir Puteh, operasi pengeluaran tanaman SKM Tahap 3. *Maahad Tahfiz Darul Ulum Meranti Pasir Mas*, operasi pengeluaran tanaman SKM Tahap 3. *Maahad Tahfiz AlQuran AlBalaghulmubin*, Kampung Rong Chenok, Tok Uban Pasir Mas dalam operasi Aquakultur Air Tawar iaitu SKM Tahap 2 dan Tahap 3 dalam operasi ladang poltri.

Seterusnya Yayasan Kebajikan Anak Yatim Kelantan Taman Sabariah Kota Bharu, SKM Tahap 3 dalam operasi pengeluaran tanaman. Jadi saya ucap terima kasih kepada pihak Jabatan Pembangunan Kemahiran Kementerian Sumber Manusia terutama Bahagian Pengtauliah dan Bahagian Hubungan Industri dan kerjasama strategik yang banyak membantu KPKB dalam urusan SLDN ini, Sistem Latihan Dual National.

Seterusnya persoalan yang ditimbulkan oleh Gual Perioik ia sememangnya kita mengharapkanlah pertimbangan Kerajaan Persekutuan dengan seumpama bayaran pampasan atau peruntukan yang setimpal bagi menghargai pengorbanan Negeri Kelantan dan juga negeri-negeri Pantai Timur khususnya Kelantan, Terengganu, Kedah, Perlis atau orang sebut sekarang SG4 ini yang telah berkorban mengekalkan satu tanah-tanah pertanian agar kecukupan bekalan makanan negara terus terjamin. Di mana sebahagian besar pengeluaran beras dan padi negara dihasilkan oleh empat buah negeri ini.

Jika negeri lain sentiasa berbangga tanah-tanah mereka dikomersialkan dengan projek infrastruktur, bangunan-bangunan, projek-projek industri, apa akan terjadi jika kawasan-kawasan bekalan makanan di Kelantan ini dibangunkan dengan bandar-bandar baharu kesemuanya ataupun sebahagian besar di ambil untuk pembangunan. Dalam perkara ini kita boleh tepuk meja tanya pinggan, mana nak beli beras. Kalau takdok tanah sawah lagi.

Seterusnya terima kasih kepada YB Gaal di atas cadangan pembinaan Rumah Sejuk Beku dan juga CPPC, *Collection, Processing and Packaging Centre* dan hub pengeluaran pertanian yang akan In Shaa Allah dipertimbangkan sebaiknya bagi diambil tindakan sewajar melalui kerjasama Kelantan Biotech Corporation Sdn Bhd iaitu yang kita telah mulakan di masukkan di bawah projek Kelantan Bio Valley di Gong Datok Gaal Pasir Puteh, haa itu kawasan Gaal la tuh.

Sebagaimana juga dalam sidang lepas, sidang ini juga Salor membangkitkan nasib pesawah di kawasan Salor yang agak ramai dan kawasan tanah padi yang agak luas. Jadi mereka sentiasa menerima ujian-ujian seumpama kemarau dan sebagainya yang sebenarnya urusan menjadikan pertanian atau para petani pesawah ini berhasil dengan baik In Shaa Allah akan di ambil peranan oleh agensi yang dikhususkan menjaganya seperti Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu, KADA iaitu agensi persekutuan yang sememangnya telah mempunyai peruntukan yang saya kira agak besarlah cukup daripada KPKM, Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan dan ada bantuan bencana daripada jabatan dan juga kementerian. In Shaa Allah bantuan segera ini boleh mengatasi isu-isu ketidakcukupan bekalan air pertanian di sawah-sawah di kawasan Salor. Dan sebenarnya bukan hanya kawasan Salor saja yang kemarau sekarang ini berlaku kemarau dah hampir menyeluruh.

Alhamdulillah saya mendapat maklumat dimaklumkan Jabatan Pengairan Dan Saliran juga telah turun ke tapak untuk melihat masalah yang berlaku dan JPS negeri turut membantu dengan memberi pinjaman enjin, pam-pam bergerak di tempat-tempat yang mempunyai sumber air untuk disedut dan di alirkan pesawah. Bagi kawasan yang tidak ada sumber air In Shaa Allah ada kaedah pembinaan *tube well* telaga tiub dan boleh gunakan pam enjin air ataupun pesawah tersebut guna kubota. Kerbau besi tuh.

Kemudian beli siput dia yang tidak mahal harganya yang In Shaa Allah boleh kalaulah pusat-pusat khidmat ingin membuat laporan yang terperinci dan mengangkat segera kepada pihak kerajaan In Shaa Allah pejabat saya boleh memberi bantuan supaya para petani yang terjejas tadi boleh segera kita bantu kerana nak membina *tube well* ini tidak makan masa yang panjang dan sekiranya berjaya In Shaa Allah satu *tube well* boleh menampung sehingga 30-40 ekar sekiranya dibuat sempurna.

Jadi In Shaa Allah kita harap KADA ambik perananlah di kawasan yang sebenarnya mereka perlu berperanan dengan sebaik-baiknya dan In Shaa Allah isu-isu mereka dalaman itu sebenarnya tidak perlulah sampai menjadi isu rakyat. Sebenarnya isu rakyat ialah isu bagaimana hasil padi dapat dijaga, dikawal dengan baik sehingga hasil padi dapat ditingkatkan. In Shaa Allah tahun ini kalulah kita tengok kesan *climax change* ini tidak besar In Shaa Allah hasil padi ini akan meningkat.

Terima kasih juga kepada Kemuning yang meminta kerajaan memberi penumpuan kepada teknologi pertanian. Alhamdulillah setakat ini jabatan-jabatan dan agensi pertanian negeri telah tidak ketinggalan menggunakan semua teknologi pertanian yang telah digunakan sebaik-baiknya dan kita sentiasa memberi pendedahan kepada masyarakat, Alhamdulillah. Kalau di kawasan padi setakat ini, data yang kita ada lebih 100 pesawah berjaya memiliki *drone* pertanian. Mereka beli sendiri. Untuk memastikan tanah-tanah pertanian mereka ini boleh ditabur benih dengan menggunakan *drone*.

Kemudian pembajaan racun dan sebagainya dengan hasil pertanian mereka kumpul, mereka boleh beli jentera-jentera tadi. In Shaa Allah kalau kita panjangkan lagi dengan beberapa kursus dan juga pendedahan-pendedahan yang paling penting bagi merekanya ialah modal lah. Kalau ada geran daripada Kerajaan Persekutuan untuk alat-alat teknologi ini di samping IOT yang kita telah perkenalkan dan kita juga telah banyak membina seumpama Rumah Cendawan Moden untuk menghasilkan hasil-hasil cendawan sepanjang tahun. Yang kalau dulu musim hujan sahaja. Setelah kita menggunakan kawalan automatic blower dan mist iaitu semburan kabus air supaya Rumah Cendawan menjadi sentiasa sesuai dengan penubuhan cendawan yang telah kita nampak peningkatan.

Dan begitulah dalam bidang Aquaponik, bidang-bidang fetigasi dan juga yang telah kita gunakan IOT dalam membantu masyarakat petani. Begitu juga *Inovasi Kelulut Darul Naim* (MIKDAM). Kita telah bina supaya dapat membantu para penternak kelulut menghasilkan dan memproses hasil kelulut mereka, madu kelulut secara lebih baik dan dapat dipasarkan dengan pasaran yang lebih meluas.

Begitulah juga dengan aplikasi teknologi kultur tisu tumbuhan dalam meningkatkan genetik dan baka tanaman. Begitu juga dengan kita telah

bina bio art dengan sistem pembakaian charolais yang telah kita berjaya mengeluarkan semi beku sendiri di Jeram Pasu. Dan juga baka kambing Red Kalahari. Begitulah kita telah berusaha menggunakan pelbagai teknologi yang ada supaya Kelantan yang kita kata sinonim dengan negeri pertanian ini tidak ketinggalan menghasilkan pelbagai asasi pertanian dan In Shaa Allah harapan kita Kelantan sebagai jelapang makanan negara akan dapat kita realisasikan. Terima kasih kepada semua pandangan dan cadangan daripada Ahli Yang Berhormat dan In Shaa Allah saya dan jawatankuasa terbabit akan perhalusi dan mengambil tindakan sewajarnya.

Akhir kalam sekali lagi saya ucap terima kasih atas ruangan yang diberikan dan pandangan serta cadangan. Moga-moga memberi kebaikan kepada kita bersama. Sekian,

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

YB DATO' TIMBALAN SPEAKER :

Waalaikumussalam, terima kasih Yang Berhormat Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Agro Makanan dan juga Komoditi. Seterusnya saya mempersilakan Yang Berhormat Dato' Dr. Pengerusi Jawatankuasa Kerjaraya, Infrastruktur, Air dan Pembangunan Luar Bandar untuk membuat penggulungan. Dipersilakan.

YB DATO' DR. IZANI BIN HAJI HUSIN :

بسم الله الرحمن الرحيم
السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Terima kasih Dato' Yang Dipertua. Saya juga ambil masa sekejap untuk penggulungan ini dan ramai juga yang menyentuh portfolio ini, Pasir Tumboh, Galas, Kota Lama, Salor, Chempaka, Gual Periok dan ada hok tokdey nok tando. Tu hok dey tando.

Mengenai lori air kontrak ni pertamanya sebelum pada ini kita ada lebih daripada 30 lori mengikut jajahan dan baru ni kita mengurangkan sedikit angkanya. Ini disebabkan oleh penyiapan beberapa loji air rawatan air maka kita kurangkan apa itu dari segi jumlah lori air kontrak. Projek pembinaan dua unit telaga tiub di LRA Perol Kota Bharu siap sepenuhnya.

Projek pembinaan LRA Mini Meranti Pasir Mas siap sepenuhnya dan boleh digunakan. Projek pembinaan LRA Mini Telok Mesira Bachok juga siap. Projek pembinaan LRA Mini Jelawat Bachok siap. Projek baikpulih sistem LRA Kampung Telok sekarang beroperasi pada 15 liter per hari dan In Shaa Allah akhir pada April nanti akan berjalan dengan 30 juta liter sehari.

Oleh kerana penyiapan-penyiapan air itu kita merasakan bahawa air akan dapat dihantar kepada pengguna lebih banyak. Namun begitu sekiranya Yang Berhormat sekalian menghadapi masalah air di tempat masing-masing bolehlah dibuat rayuan ataupun dihantar kepada kita untuk diteliti oleh AKSB untuk sama ada penyambungan dan sebagainya.

Untuk makluman semua, YB-YB sekalian bahawa dalam penyediaan air terawat AKSB yang disentuh dalam ucapan titah dan juga YB-YB sekalian, ingin saya nyatakan bahawa senarai loji rawatan air yang siap. Sekarang ini ada LRA Mini Ketereh Kota Bharu 8 juta liter siap Telok Mesira Bachok siap. Jelawat Bachok siap. Meranti baru siap.

Dalam pembinaan, yang sedang dalam pembinaan yang sekarang ini ialah LRA Chica 2, LRA Kampung Telok, LRA Serendah, LRA Mini Sedar, LRA Mini Kampung Kuala Jambu Tumpat, LRA Bukit Chupak Gua Musang dalam pembinaan. Dalam reka bentuk menaiktaraf LRA Tanjung Emas, LRA Tok Jaafar Kota Bharu, LRA Kelar II, LRA Kompak Kampung Laut Tumpat, LRA Sungai Pengkalan Nangka Tumpat, LRA Tok Bali Pasir Puteh, LRA Pechong Tanah Merah, LRA Merbau Chondong Baru, Machang. Menaiktaraf LRA Manek Urai serta sistem agihan Kuala Krai, LRA Pulau Setelu Gua Musang menaiktaraf LRA Panggung Lalat Gua Musang.

Dalam perancangan yang akan diangkat kepada SPAN ialah menaiktaraf LRA Batu Gajah Tanah Merah, LRA Machang Fasa I. Jadi kita dalam perancangan AKSB semua ini kita jangkakan pada tahun 2028 bekalan air kepada apa itu masyarakat In Sha Allah mencukupi. Yang masalah yang kita hadapi selepas pada penyelesaian loji-loji ini ialah masalah NRW ataupun parit-parit, paip-paip yang pecah. Paip simen asbestos yang lama yang pecah. Jadi kalau kita boleh parallel kan penyiapan paip sepanjang lebih kurang 5 000km ini yang paling apa itu terdesak ialah sebab sepanjang 1 000km ini In Shaa Allah kita boleh selesai masalah air dalam masa yang-yang sekejap. Dan saya menaruh harapan besar kerana Yang Amat Berhormat Dato' Panglima Perang kita sentiasa berhubung dengan

PMX untuk menyelesaikan masalah apa itu, masalah NRW ataupun paip-paip yang pecah ini. In Shaa Allah saya rasa benda itu boleh selesai.

Yang dibangkitkan oleh Chetok. Chetok ni nok jalan, jambatan. Hoktu boleh angkatlah. Boleh angkat permohonan dan In Shaa Allah diteliti oleh pihak UPEN akan kebolehlaksanaannya. Moga nok wak belako kita ni. Skeleng jah pitih, ado pitih boleh wak selalu In Shaa Allah.

Begitu juga Galas, Galas supo Chetok juga nok banyak tempat biar maju tempat dia In Shaa Allah kita pun tengok jugoklah. Dan Galas membangkitkan Ladang Rakyat dimana katanya 12 syarikat yang tidak membayar kepada akaun dan Alhamdulillah kita melalui jawatankuasa ataupun *task force that collection* kita, kita telahpun menamatkan satu syarikat dan tiga syarikat lagi dalam proses penamatan kerana puncanya ialah dua tahun 2019, 2020, 2021 kesan daripada Covid PKP melibatkan pekerja-pekerja ladang takdok, hasil takdok maka bayaran pun takdok. Banyak terkena ladang-ladang kita pada masa tuh.

Kemudian isu kemarau dan padi walaupun telah dijawab oleh Portfolio Pertanian tetapi dibawah JPS ada satu selain daripada parit gapo semua ini ada portfolio bawah JPS ini ialah JPS Pertanian. Jadi JPS Pertanian telah mendapat maklumat. Pertama kita melalui satu keadaan orang panggil Elnino agak panjang daripada loni sehingga bulan 6 ataupun bulan 7 makna kita melalui masalah kemarau sehingga ke bulan 6, bulan 7 dan lepas bulan 6, bulan 7, bulan 8 tu hujan akan turun dengan lebatnya. Dan kita dijangka banjir kita agak besar sikit tahun 2024 ini. Pertama yang ke 10 tahun, kedua kajian air hujan hok turun itu akan turun pada masa akhir tahun. Ok jadi menyebabkan fenomena Elnino ini menyebabkan *water table* kita akan turun lagi. Ini yang berlaku di Kemubu ko gapo ko hok, hok menyebabkan punca air itu menjadi terkesan. Begitu juga air AKSB juga punca air menjadi terkesan.

Jadi JPS nya telah mengambil beberapa langkah jangka panjang dan juga jangka pendek. Jangka pendek mengenai hok padi sakni itu dia akan membuat permohonan untuk membina *tube well* hok kecil-kecil ni yang kosnya antara RM5000-RM10 000 termasuk enjin ini akan dipohon kepada Persekutuan untuk menyelesaikan sedikit sebanyak yang dibawah bidang kuasa JPS. Yang lainnya serba ala kadar. Pun begitu jangka panjangnya pertama, empangan Nenggiri. Empangan Nenggiri ini In Shaa Allah dalam perlaksanaan dan dijangka siap 2026-2027 yang

menjadi satu *fight indication*, satu untuk kuasa dan juga boleh jadi untuk *irrigation* jugok.

Jadi yang keduanya, projek empangan Lebir telah lulus pelaksanaan kajian, kadar projek empang jajar Kemubu peringkat kajian kemungkinan dan menaiktaraf rumah pam Kemubu pra pelaksanaan dan permohonan kelulusan kebenaran merancang di peringkat JKMPN negeri. Dan satu lagi yang besar yang telah diluluskan oleh Persekutuan ialah Machang. Sekarang dah dalam proses kajian kebolehlaksanaan. Itulah lebih kurang daripada untuk masalah Elnino dan juga air tadi.

Kemudian Chempaka masalah Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra, Alhamdulillah bulan 3 ini tunggu masa jah akan mula beroperasi untuk fasa pertama dijangka dalam bulan Mac ni, akhir bulan Mac ko akan menggunakan lapangan baru dan serentak dengan itu akan diteruskan dengan fasa kedua yang dijangka siap sepenuhnya pada 2025, In Shaa Allah.

Kemudian ada sikit lagi daripada Kota Lama. Kota Lama banyak bincang pasal pembasmian kemiskinan dan kita bawah sedikit portfolio luar bandar ini boleh ambil sedikit. Saya nak, nak beritahunya kelmarin saya ada sebut mengenai semasa khalifah Omar Abdul Aziz, mudah jah zaman dia ni. Zaman dia nombor satu sekali dari segi integriti, dari segi ini pemimpin dia hebak. Yang keduanya Baitulmal dia penuh lebih pitih dan sehingga takdok rakyat yang nok bantu. Pitih lebih banyak. Jadi kebajikan ini nombor satu sekali dia berkait dua. Nombor satu individu itu sendiri, yang kedua pihak kerajaan.

Pihak individu mestilah orang panggil kena ada motivasi, kena dididik dan sebagainya untuk memperbaiki diri. Pihak kerajaan kot mana pun kena ada pitih. Dengan pitih ni lah kita akan dapat membantu.

Jadi saya tengok walaupun Kota Lama sebut bahawa PMX ini tidak menganak tirikan Kelantan dan sebagainya tapi kita tahu sejak daripada merdeka Kelantan ini sentiasa di tinggal. Duk belakang sokmo. Tidak ada satu solusi untuk Kelantan ini. Jadi kemiskinan Kelantan ini bukan untuk orang panggil untuk dihina, atau bukan untuk dikutuk atau bukan untuk diperendah-rendahkan. Sepatutnya sebagai sebuah kerajaan dibawah Persekutuan apa-apa kelemahan diperingkat negeri ini yang dianggap sebagai anak ini mestilah dia cari solusinya untuk menyelesaikan

masalah untuk menaikkan, meningkatkan keadaan Kelantan ini seperti orang lain juga. Kerana sebelum ini penerimaan kita daripada dulu sehingga ini tidak sebegitu.

Jadi saya berharap benarlah bahawa kalaulah PM-PM sebelum ini tidak dapat menyelesaikan masalah Negeri Kelantan bagaimana sekiranya kalau PM juga selesai benda ini. Kita nak tabik *spring* kalau dia boleh selesai. Masalah selesai nombor satu ialah masalah wang tunai petroleum. Orang lain semua PM lain tokleh selesai belako, kalau dia boleh menyelesaikan kita harap dia dengarlah masa kita duk kecek ni, ataupun agensi pusat dengar. Kalau lah sebelum ini takdok PM selesai satu, dua, tiga, empat sapa sembilan tok selesai biar bulehlah PMX ini selesai. Haa baru dia hebak. Kalau tidok dio serupo dengan hok lain jugok. Neh, satu.

Yang kedua sebelum pada ini, sebelum pada ini kita mendapat wang ehsan. Kita dapat RM300 juta. Saya harap PMX nya menambahnya RM300 juta. Tapi kita terima daripada PMX hanya RM180 juta. Perbezaan terlalu banyak ini menyebabkan perbelanjaan kerajaan agak terbatas sedikit. Apatah lagi kalau kita nak buat benda-benda yang berkaitan dengan infra kemiskinan dan sebagainya. Jadi kantung negeri mesti banyak. Dan kita melalui pendapatan hok duk cari secara organik ni tinggi doh berbanding dengan negeri-negeri lain ni kita antara hok pandai cari pitih doh. Tapi tidak cukup kerajaan Persekutuan mesti meneliti, melihat keperluan Negeri Kelantan untuk dibantu kerana selepas merdeka sapa lani dok lagi. Tidak sempurna lagi jadi saya berharap benarlah bahawa PMX ini akan beri lebih kepada Kelantan termasuklah isu-isu untuk masalah pembekalan air menyelesaikan masalah air negeri Kelantan.

Dan saya berharap hubungan baik antara Yang Amat Berhormat apa tu Dato' Panglima Perang kita dengan PMX ini dapat menghasilkan sesuatu untuk apa tu untuk kita mendapat lebih kewangan. Nok buh nama gapo nombor dua. Hok pentingnyo pitih sapa jah. Sama ada royalti ko ehsan ko tok kiro asal ko pitih jah. Kalau boleh pitih tu banyak sikit wak mari boleh RM500 juta setahun, tokse banyak. Bukan nok satu billion, RM500 juta setahun takpo doh dulu buat masa ini banyak benda yang kita boleh selesaikan In Shaa Allah. Itulah sedikit Yang Berhormat Dato' Speaker, terima kasih.

YB DATO' TIMBALAN SPEAKER :

Terima kasih Yang Berhormat Dato' Dr. Pengerusi Jawatankuasa Kerjaraya, Infrastruktur, Air dan Pembangunan Luar Bandar. Seterusnya saya mempersilakan Yang Berhormat Major (B) Dato' Pengerusi Jawatankuasa Pelaburan, Perindustrian, Sumber Manusia, Perdagangan dan juga Keusahawanan untuk membuat penggulungan bagi pihak kerajaan. Dipersilakan Yang Berhormat.

YB MEJ. (B) DATO' HJ MD ANIZAM BIN AB RAHMAN :

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

بسم الله الرحمن الرحيم

الحمد لله رب العالمين, والصلاة والسلام على أشرف الأنبياء والمرسلين وعلى آله

وصهبه أجمعين

Yang Berhormat Dato' Speaker, terlebih dahulu terima kasih kerana memberi peluang kepada saya untuk membuat sedikit penggulungan di atas apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat sekalian dalam perbahasan Titah Ucapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Muhammad Ke V Sempena Pembukaan Penggal Kedua Dewan Negeri Kelantan Yang Kelimabelas Tahun 2024. Tidak ramai yang menyentuh berkaitan portfolio. Walaubagaimana pun Yang Berhormat Galas yang mengetahui tentang status ASN Simen. Usaha sama dengan Majlis Daerah Gua Musang. Secara keseluruhannya beberapa isu berbangkit telah di ambil tindakan khususnya melibatkan isu tapak quari iaitu lebih kurang 60 hektar yang telah diberi kelulusan oleh Jabatan Perhutanan Negeri Kelantan pada 23 Januari 2024.

Isu-isu lain pula akan terus dipantau dari masa ke semasa bagi memastikan kilang simen pada satu masa dapat beroperasi. Menyegerakan proses pengambilan tanah untuk jalan bagi kegunaan kilang simen tersebut telah mendapat persetujuan dalam mesyuarat Pihak Berkuasa Negeri atau MMK Bilangan 1/2024.

Manakala industri perabot di Gua Musang dulu *zonning*nya pertanian, sekarang kita telah dapat *zonning* industri telah ditukar dan telah pun

dapat kelulusan, sekarang peringkat kebenaran merancang untuk fasa I dan telahpun diperolehi pada Januari 2024. Jalan masuk ke kawasan tersebut telah pun siap dibina untuk fasa I dengan kos RM500 ribu dan akan disambung sedikit lagi pada masa akan datang dan dijangka dalam mesyuarat yang terakhir dijangka minggu keempat bulan April 2024 akan mula kerja-kerja di tapak iaitu kerja tanah untuk fasa 1. Dan seterusnya kebenaran merancang pelan pembangunan fasa II sedang dibuat oleh pihak konsultan.

Sedikit menyentuh tentang Bandar Dato' Bentara yang disebut sepintas lalu oleh YB daripada Galas terima kasih. Kerja-kerja ukur sedang dijalankan pada fasa I iaitu lebih kurang keluasan 50.9 ekar daripada jumlah kelulusan semua sekali dalam 500 ekar tapi sekarang kerja-kerja mengukur dalam 50.9 ekar. Khususnya untuk buangan kelapa sawit yang akan dibekalkan kilang-kilang hasil daripada lebihan kelapa sawit yang mana dijangka bila siap kelak akan dihantar bekalan bahan-bahan mentah ini akan dihantar kepada kilang di Pekan, Pahang pada satu masa.

Dan begitu juga kilang kertas sedang diusahakan. YB Salor ada menyentuh tentang insentif kepada pelabur-pelabur yang ingin melabur di negeri Kelantan dalam ucapan Tuanku pun ada menyatakan dan berhasrat menjadi kita kerajaan berhasrat menjadi mesra pelabur ya dan akan meningkatkan kerjasama dalam semua aspek dalam tahun 2024 ini dan akan datang. Dan kita juga telah mengadakan libat urus dengan pelabur-pelabur dari masa ke semasa.

Menyentuh tentang mikrokredit ya Yang Berhormat daripada Salor. Kita pada mula kita akan melaksanakan perkara ini In Shaa Allah satu cadangan yang akan diteliti dari masa ke semasa kita rasakan setelah dijalankan pada tahun pertama, kedua kita akan dapat *feedback* dia dan digalakkan peniaga-peniaga kita ini daftar di SSM. Setengah itu beraso tok gamok, raso malu dan raso tokse dan raso bakpo keno daftar dan sebagainya.

Untuk pengetahuan sekarang Kelantan yang dah berdaftar perniagaannya lebih kurang 96 000 orang, Sdn Bhd lebih kurang 6 000. Jadi lebih kurang 5.6% daripada rakyat Kelantanlah. Jadi yang berniagaanya itu yang berdaftar, jadi kita galakkanlah dan skim pendaftaran perniagaan percuma (SPP) sedang berjalan pada B40. Bawah B40 sedang berjalan dengan percuma sehingga tahun 2024 ini. Begitu juga untuk pelajar-pelajar IPTA. Itulah sedikit sebanyak yang apa

yang berlaku di Negeri Kelantan dan kita berhasrat baru-baru ini ada juga perbincangan daripada negeri China datang ke negeri Kelantan, negeri China datang ke Kelantan untuk bertanya tentang prospek-prospek pelaburan di negeri Kelantan.

Begitu juga kita menganjurkan program kerjasama dengan TM Digital Ownership UMK bersama dengan Telekom Malaysia Kursus Bimbingan Usahawan Digital kepada kumpulan kelab usahawan kita. Paloh projek. *But* sekarang semua berniaga dengan digital dan sebagainya.

Begitu juga kita menghantar usahawan kraftangan batik dan sebagainya ke Festival Kraf Johor di Plaza Angsana Johor Bharu untuk bersama dengan kraftangan Malaysia pada usahawan-usahawan kita yang melibatkan diri dalam batik dan sebagainya. Itulah sikit sebanyak oleh kerana kita menghadap puasa tidak lama lagi.

Negeri Kelantan sudah tersohor, disebut juga Serambi Mekah. Bulan puasa kita bersahur, marilah ambil peluang kita bersedekah.

وبالله التوفيق والهداية والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته

YB DATO' TIMBALAN SPEAKER :

وعليكم السلام ورحمة الله وبركاته

YB DATO' SPEAKER :

Dipersilakan Yang Berhormat Timbalan Menteri Besar untuk membuat penggulungan.

YB DATO' DR. HJ MOHAMED FADZLI BIN DATO' HJ HASSAN :

بسم الله الرحمن الرحيم

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

الحمد لله, والصلاة والسلام على رسول الله, وعلى آله وصحبه

Yang Berhormat Dato' Sri Amar D'Raja Dato' Speaker, sekali lagi setinggi terima kasih saya ucapkan atas kesempatan yang diberikan kepada saya

untuk menggulung perbahasan atas Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Al-Sultan Istiadat Pembukaan Sidang Undangan Negeri Kelantan Yang Kelimabelas Tahun 2024 pada hari semalam.

Dalam perbahasan semalam beberapa orang telah menyentuh portfolio saya iaitulah berkenaan dengan undang-undang, antaranya ialah Yang Berhormat daripada Pasir Tumboh, Gual Periok, Mengkebang, Chempaka, Tendong dan juga Melor. Dan Ahli-Ahli Yang Berhormat yang lain ada menyentuh juga walaubagaimanapun saya ingin gabungkan ke semuanya dan sebahagian daripada penggulangan yang saya telah buat tadi berhubung dengan usul persendirian telah pun menyentuh beberapa perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian.

Perkara yang dibangkitkan secara khusus adalah berhubung dengan keputusan mahkamah Persekutuan dalam kes cabaran terhadap Enakmen Jenayah Syariah Kelantan 2019 baru-baru ini. Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian kita bercakap soal ingin melaksanakan keseluruhan Undang-Undang Jenayah Islam di Malaysia. Dan dewan ini juga telah meluluskan Enakmen Kanun Jenayah Syariah II ataupun apa yang kita namakan sebagai Hudud dan Qisas. Juga secara *unanimous*, secara sepakat semuanya antara wakil-wakil Kerajaan Negeri dan juga wakil-wakil daripada pembangkang pada waktu itu. Tapi sampai sekarang kita tidak melaksanakannya sebab kita tahu setakat mana kuasa yang ada kepada mahkamah syariah. Dan kita juga tahu setakat mana kuasa yang ada kepada Dewan Undangan Negeri.

Walaubagaimanapun oleh kerana ia menjadi tanggungjawab kita diperingkat Dewan Undangan Negeri, maka kita meluluskan tetapi kita tidak melaksanakan kerana ianya bukan dalam bidang kuasa mahkamah syariah dan juga bidang kuasa jenayah bagi menghukum yang ada kepada mahkamah Jenayah Syariah juga adalah tidak mencukupi untuk kita melaksanakan Hudud dan Qisas. Tetapi bekasnya ada iaitulah mahkamah syariah. Inilah nanti yang akan dilaksanakan keseluruhan undang-undang jenayah syariah daripada Qisas, Hudud dan juga Takzir. Kita mempunyai niat dan cita-cita yang besar sampai ke peringkat nak melaksanakan Hudud dan Takzir. Dan untuk tujuan tersebut kita telah mengangkat satu cadangan ke Parlimen supaya di Parlimen diadakan perbahasan dan kita bawa satu Rang Undang-Undang. Kita panggil Rang Undang-Undang untuk kita melakukan perubahan kepada Akta 355 bagi

memberikan kuasa yang lebih kepada mahkamah syariah untuk menghukum dalam kes-kes yang melibatkan jenayah.

Apa yang berlaku baru-baru ini seolah-olah memberi gambaran kepada kita toksah la nak bercakap pasal Hudud. Toksoh mimpilah nak bercakap pasal Qisas. Apa yang kamu ada itu pun telah sebenarnya dibatalkan. Apa yang sedikit yang kamu ada itu pun telah pun sudah tidak menjadi hak kamu lagi, toksoh la nak bercakap pasal Hudud, toksohla nak bercakap pasal Qisas. Itulah yang, yang kita perkasakan. Sebab itu sebenarnya mahkamah syariah ini walaupun kecil, dekat dengan hati dan dekat dengan jiwa kita yang kita kasih, yang kita sayang sebab ia merupakan tapak rumah kepada pelaksanaan hukum hakam Islam itu sendiri.

Kita dah ceritakan tadi sama ada hukuman kita lebih ringan ke daripada hukuman sivil ataupun lebih berat daripada hukuman sivil, ianya berbeza. Falsafahnya berbeza, sumbernya berbeza, prosedur-prosedurnya berbeza dan juga kelayakkan-kelayakkannya juga adalah berbeza. Ia tidak sama. Tuan-tuan kita melihat dua-dua batang pokok yang sama besar, yang sama menghijau. Pucuknya sama-sama hijau muda mengeluarkan buahnya yang juga sama-sama hijau di waktu mudanya dan mungkin menguning ataupun menjadi merah apabila ianya masak. Tetapi rasanya mungkin berbeza dan buahnya juga mungkin berbeza. Kerana apa? Kerana batangnya tidak sama, pokoknya tidak sama dan akarnya juga adalah tidak sama menyerap air yang mungkin tidak sama mengeluarkan sesuatu yang sangat berbeza walaupun mungkin kita nampak sama.

Justeru itu dalam hal undang-undang, undang-undang berkembang mengikut suasana serta melihat rakyat, sistem sosial dan juga mungkin agama. Dalam istilah undang-undang dia panggil *the grundnorm*. Maknanya dia berkembang mengikut suasana adat setempat. Begitulah juga undang-undang sivil. Dia berkembang daripada sumber yang lain. Manakala kita berkembang daripada sumber syariah. Akarnya adalah akar syariah, Maqasid Syariah dan dia mengeluarkan hasil yang berbeza daripada yang lain walaupun nampak sama. Dan bagi kita orang Islam, walaupun mungkin kita nampak yang lainnya lebih baik tetapi keyakinan kita adalah

وما كان لمؤمن ولا مؤمنة إذا قضى الله ورسوله أمرا أن يكون لهم الخيرة من أمرهم

Tidak harus bagi seorang lelaki yang mukmin dan seorang perempuan yang mukmin apabila Allah SWT telah memutuskan satu-satu perkara mereka mempunyai pilihan, nak pilih yang mana? Nak pilih yang ini ataupun nak pilih yang ini? Tak suka dengan yang ini maka kita berpindah pada yang ini. Tak boleh. Bagi kita orang Islam yang terbaik adalah datang daripada Allah SWT walaupun mungkin kita tidak suka. Dan walaupun mungkin kita melihat yang orang lain lebih baik tapi baik pada pandangan manusia itu tidak semestinya juga baik pada pandangan Allah SWT. Itu keyakinan kita sebab itulah kita kasih kita cuba nak mempertahankan juga mahkamah syariah walaupun begitu kedudukannya. Dan apabila kita cabar inilah yang terjadi yang kita tak keada, kita terpaksa terima hakikatnya.

Ahli-Ahli Yang Berhormat Dato' Speaker dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, kita wakil rakyat. Kita ada pengalaman. Saya sendiri banyak pengalaman bagaimana kasih dan sayangnya seorang ibu terutamanya kepada anak dia. Anak dia curi duit dia, dia sabar. Sampai satu ketika anak dia pukul dia sabar kita gi jumpa dia kita bagitahu dia kita report polislah. Kita bawa *report* polislah. Dia kata YB kalau *report* polis soh saloh, masuk penjara anak saya sebab soh saloh. Toksoh la dia kata sebab saya sayang kepada anak saya. Kalau *report* polis, polis mari ambik mesti salah.

Jadi kalau kita ada keyakinan, kalau kita bawa ke mahkamah bahawa mahkamah akan putus sedemikian kita yakin kalau kita kasih kenapa kita bawa? Sepatutnya kita pertahanlah. Dan itu soal anak yang melakukan kesalahan jenayah kepada kita tetapi ini bukan soal anak yang melakukan jenayah. Ini soal agama kita, peraturan agama kita. Ada orang kata Takzir je pun. Saya dah jelaskan tadi, saya dah jelaskan tadi hal ini.

Yang Berhormat Dato' Speaker, dengan yang disebutkan kesan, banyak yang Ahli-Ahli Yang Berhormat yang menyebut tentang kesan daripada pembatalan itu dia akan menyebabkan banyak lagi undang-undang yang akan dicabar dan boleh dicabar dan juga akan terbatal.

Contohnya seksyen 37 (1a) tentang berjudi juga boleh dibatalkan dengan sebab 16 seksyen dibatalkan. Mahkamah telah batalkan seksyen 37(1b) tentang pengangjuran judi atas alasan dianya di bawah *batting* yang sudah ada dalam undang-undang Persekutuan. Dengan itu kalau nak ambil nama saja *batting* itu perjudian maka dengan sendirinya seksyen 37(1a) kita boleh dihujah termasuk *batting* dan akhirnya akan terbatal

juga. Sebab yang dikira adalah tajuk saja di sana bukan *exactly the same prohibition*. Bukan sebab *the same prohibition* ada diperingkat Persekutuan maka terbatal di sini, tidak. Tapi tajuknya ada di sana maka terbatalah apa yang ada di sini. Seksyen 35 tentang arak. Mahkamah telah membatalkan seksyen 35 tentang perkara mengkhayalkan atas alasan ia dibawah perkara *intoxicating drug and lecal*s dalam senarai Persekutuan. Maka seksyen 35 juga boleh dihujjah termasuk dalam *intoxicating drug and lecal*s dan boleh terbatal. Tunggu masa sahaja. Mungkin sekarang ini baru boleh dilepaskan tapi sampai satu masa ianya juga boleh dibatalkan.

Ada kesalahan dalam Enakmen Kanun Jenayah Syariah Kelantan yang tidak mempunyai kesalahan sama dalam undang-undang Persekutuan sebagaimana yang saya sebutkan tadi hingga ke hari ini namun tetap dibatalkan oleh mahkamah Persekutuan, contohnya seksyen 41 muamalat riba. Tiada dalam undang-undang Persekutuan.

Maka selain daripada itu, akan berlaku juga kelompangan. Ini telah disebut oleh Yang Berhormat daripada Chempaka, kelompangan undang-undang, *incongruity*. Di mana negeri tiada kuasa gubalan dan Parlimen juga tiada kuasa untuk menggubal kerana Parlimen ia tidak boleh menggubal undang-undang yang bersifat diskriminasi. Iaitulah gubal kepada orang bukan islam lain kepada orang islam lain. Yang ada hak untuk menggubal kepada orang-orang islam undang-undang jenayah hanyalah Dewan Undangan Negeri. Tapi oleh kerana Dewan Undangan Negeri telah diisytiharkan tidak mempunyai kuasa dalam masa yang sama Parlimen juga tidak boleh membuat undang-undang kerana di sifatkan diskriminasi maka akan berlaku kelompangan di situ. Maka menyebabkan ianya tinggal tanpa mempunyai peraturan dan juga undang-undang. Contoh selain riba, tidak boleh dilakukan oleh pihak negeri. Manakala kesalahan riba juga tidak boleh dilakukan oleh Persekutuan kerana ianya undang-undang yang bersifat diskriminasi.

Yang Berhormat Dato' Speaker, seperti yang saya katakan tadi kes ini akan membuka pintu kepada kebanjiran cabaran-cabaran yang lain selepas daripada ini. Ada enam negeri yang mempunyai peruntukan yang lebih kurang sama dengan kita dan itulah akibatnya nanti, tunggu masa sahaja yang mereka akan bergerak dan menuju ke negeri-negeri tersebut berpandukan kepada keputusan Kelantan yang mana Kelantan

berpandukan kepada keputusan Iki Putra. Maka dia akan jadi berangkai. Itu kesan yang paling besar masa itu kita dapat melihat bagaimana kedudukan mahkamah syariah nanti.

Yang Berhormat Dato' Speaker dan Ahli-Ahli Yang Berhormat saya ingin menyentuh akhirnya satu, dua perkara yang berkaitan dengan politik yang mana kita dituduh berpolitik dalam hal ini sedangkan hal ini bukan isu politik. Kita putuskan di sini, luluskan di sini PAS dengan UMNO sama, setuju di atas undang-undang tersebut. Dan apabila berlaku ini dan kita *defend*, kita bergerak dan bagi kefahaman kepada rakyat, ada orang tuduh kita mempolitikkan isu ini sedangkan isu ini bukan isu politik pun. Isu ini adalah isu berkenaan dengan sama ada Dewan Undangan Negeri ada kuasa ataupun tidak. Isu ini adalah isu yang berkenaan dengan perlembagaan negara dan sebagainya. Dan dalam kes Nik Elin ini banyak sekali pihak-pihak bukan politik hadir sebagai *initial squirrel* ataupun sahabat mahkamah. Atau pun *watching brief*, peguam pemerhati.

Antaranya ialah Persatuan Peguam Muslim Malaysia (PPMM), Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan, Majlis Agama Islam Kelantan, Majlis Agama Islam Melaka, Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Terengganu (MAIDAM), Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Perlis (MAIP), Majlis Agama Islam Negeri Sembilan (MAILIS), Majlis Agama Islam Sabah, Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Perak, Badan Peguam Syarii Wilayah Persekutuan, Persatuan Peguam Syarii Malaysia (PGSM). Sebahagian daripada pihak-pihak ini seperti MAIK, MAILIS, MAIDAM dan PPMM memfailkan hujahan menyokong kerajaan Kelantan dan mereka bukan pun orang-orang upahan.

Ini bukan isu politik. Ini adalah isu tentang kesedaran kita terhadap pentingnya kita mempertahankan institusi agama yang diserang semenjak dulu sampai sekarang. Isunya adalah serangan terhadap isu-isu agama dan mereka mulakan dengan mahkamah syariah dan kita lihat nanti apa akan berlaku kepada JAKIM dan IKIM seterusnya dan sebagainya nanti.

Dan peguam yang mewakili badan-badan yang saya sebutkan tadi adalah datang dari pelbagai pelbagai parti politik termasuklah juga UMNO selepas daripada perbicaraan dan keputusan, kita kerajaan Negeri Kelantan meraikan mereka, ajak mereka makan dan didapati bahawa ada di antara beberapa orang antara mereka yang bukan Ahli PAS pun dan

peguam ni malah UMNO pun tapi menunjukkan sokongan kepada kita. Institusi in Islam yang saya nak cerita institusi Islam diberikan kebenaran sebagai ... dan Majlis Peguam Malaysia diberikan kebenaran sebagai *Watching brief*. Kedua-dua pihak ini berhujah menyokong Nik Elin dan kita tahu lah sikap institusi in Islam, dalam hal-hal yang berkaitan dengan institusi Islam sebelum ini, ya.

Yang Berhormat Dato' Speaker, seterusnya ada dibangkitkan ada sedikit Galas menyentuh walaupun Galas mengatakan tidak perlulah diperbesarkan. Tapi saya faham maksudnya kes ini dimulakan itu yang, yang, yang disebut di luar sana dia kata kes ini digunakan di zaman PM dan apa kerajaan Negeri Kelantan buat? Saya ingin jelaskan ya prosedur untuk cabaran, kesahan ataupun keabsahan, *validity* sesuatu undang-undang mengandungi dua peringkat.

Pertama memohon kebenaran mahkamah untuk memfailkan petisyen dan kedua petisyen cabaran difailkan setelah kebenaran diberikan. Nik Elin memfailkan memohon kebenaran pada 25.05.2022, memfailkan permohonan kebenaran. Dokumen permohonan kebenaran telah diserahkan pada kerajaan Kelantan. Apa yang kerajaan Kelantan pernah buat ya?

Kerajaan Kelantan melalui Pejabat Penasihat Undang-Undang telah memfailkan *affidavit* jawapan. Dua *affidavit* oleh Yang Berhormat Dato' Lela Perkasa Pengarah JAHEIK di ikrarkan pada 21hb .06.2022 dan membuat bantahan awal atas isu *locus standi*. Maknanya pemohon dalam kes Nik Elin dan anaknya tidak ada *locus standi*. Pihak yang salah dinamakan dan kes yang tidak *rare* dan *acceptional* untuk didengar. Hakim Venon menolak bantahan Kerajaan Kelantan. Menolak bantahan kerajaan Kelantan dan memfailkan petisyen cabaran kepada Nik Elin kepada 30hb.09.2022. Mahkamah bagi kebenaran pada dia untuk failkan petisyen cabaran.

Parlimen dibubarkan pada 10.10.2022 oleh Perdana Menteri Dato' Sri Ismail Sabri Yakob, bubar Parlimen. Habislah kerajaan dan Nik Elin hanya memfailkan petisyen cabaran pada 13.10.2022 selepas Parlimen telah pun dibubarkan. Sekali lagi yer Parlimen dibubarkan pada 10.10.2022 oleh Perdana Menteri Dato' Sri Ismail Sabri Yakob, dan petisyenal Nik Elin hanya memfailkan petisyen cabaran pada 13.10.2022 selepas Parlimen dibubarkan. Jadi diluar sana beredar kononnya ini zaman Perikatan

Nasional, zaman Perikatan Nasional, BN sekali bersama dengan kita yer. Tiada isu kerajaan PN tidak berbuat apa-apa kerana kebenaran untuk memfailkan petisyen cabaran hanya diperolehi dihujung pentadbiran dan petisyen cabaran difailkan selepas Parlimen dibubar.

Kerajaan Kelantan juga telah membuat bantahan pada peringkat kebenaran atas alasan *locus standi*. Pihak yang salah dan kes yang tidak sesuai namun bantahan kerajaan Kelantan ditolak. Ia menunjukkan bahawa kita kerajaan Negeri Kelantan telah daripada awal lagi mempertahankan enakmen kita ini. Oleh kerana pada peringkat kebenaran. Kerajaan Malaysia atau AGC tidak dijadikan pihak-pihak. Maka kerajaan Malaysia dan AGC ketika itu tidak berpeluang untuk mengemukakan bantahan. Pada peringkat petisyen cabaran ya, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Kelantan (JAHEIK) juga memfailkan permohonan menjadi pencelah dalam prosiding di mahkamah Persekutuan. Namun permohonan JAHEIK telah ditolak oleh mahkamah Persekutuan ini sekali lagi juga bukti bahawa kita bersungguh-sungguh mempertahankan AKGS Kelantan dalam apa jua cara.

Yang Berhormat Dato' Speaker, akhirnya sebagai kesimpulannya tadi kita telah ada satu usul supaya kerajaan melihat kembali 16 perkara In Shaa Allah kerajaan akan melihat kembali. Di pihak kerajaan negeri Kelantan kita akan melihat perlembagaan kita untuk kita menetapkan In Shaa Allah Mahkamah Syariah sebahagian daripada perlembagaan. 16 perkara kita akan lihat balik bagaimana untuk kita *install* balik dalam enakmen kita. Tetapi ada sesuatu yang mesti dilakukan oleh Kerajaan Persekutuan pinda perlembagaan. Pinda perlembagaan kalau perlu In Shaa Allah nak pinda perlembagaan kena 2/3 majoriti dan kalau pinda perlembagaan dengan tujuan untuk memperkasakan mahkamah Syariah.

Saya berani mengatakan Ahli-Ahli Parlimen daripada Perikatan Nasional kesemuanya In Shaa Allah akan menyokong usul pindaan perlembagaan tersebut. Selain daripada itu, perkara yang paling mudah tak perlu pinda perlembagaan sebenarnya. Hanya mengguna pakai peruntukan perkara 76 Perlembagaan Persekutuan yang memberikan kuasa kepada Parlimen meluluskan satu akta yang tidak memerlukan 2/3 majoriti. Satu akta sahaja yang mana akta ini memberi kuasa kepada mana-mana negeri dalam Persekutuan ini membuat satu undang-undang walaupun undang-undang itu sebenarnya dibawah kuasa kerajaan Parlimen ataupun

dibawah kuasa Kerajaan Persekutuan. Beri kuasa pada kerajaan Negeri. Kerajaan Negeri sahaja yang mempunyai kuasa. Dengan peruntukan Perkara 76(a), kuasa untuk membuat undang-undang dalam ruang lingkup Persekutuan juga bermaksud kuasa untuk Parlimen untuk membuat satu akta memberikan kuasa membuat undang-undang kepada negeri walaupun ianya terletak dalam bidang kuasa Persekutuan. Itu lebih kurang 76(a) 1 Perlembagaan Persekutuan.

Dan Akta 355 juga hendaklah diluluskan dari sudut modifikasi ataupun pindaannya sebagaimana yang telah kita cadangkan sebelum daripada ini dan ia tidak memerlukan kepada 2/3 majoriti, ia hanya perlu kepada *simple majority* sahaja. Dan saya ingin sebutkan secara ringkas sahaja akhirnya pada 26hb.05 Ahli Parlimen Marang Tan Sri Dato' Sri Tuan Guru Hj. Abdul Hadi Awang telah membawa usul Ahli Persendirian, *Private member's bill* ke Dewan Rakyat bagi pindaan akta ini.

Pada 24hb.11.2016, Ahli Parlimen Marang mengemukakan pindaan usul dengan memperincikan hukuman pada denda RM100 ribu, penjara 30 tahun dan sebat 100 kali kepada mahkamah syariah. Pada 06hb.05.2017, usul tersebut dicadangkan dengan lebih mendalam dan diperjelaskan oleh Ahli Parlimen Kota Bharu. Dato' Sri Takiyudin Bin Hassan tetapi tidak dibahaskan di Dewan Rakyat dan Dewan Rakyat menangguhkannya ke persidangan berikutnya. Dan ketika PAS terlibat dalam Kerajaan PN, PAS lah bersungguh-sungguh untuk membawa usul pindaan Akta 355 ke Parlimen namun begitu usaha terhenti apabila Parlimen dibubarkan.

Ini secara ringkas apa yang telah kita buat di Parlimen. Diluar parlimen pula di jabatan di, di JAKIM ada jawatankuasa yang buat kerja jawatankuasa teknikal dan sebagainya. Sebagai persediaan, tunggu masa sahaja. Dan kerajaan yang ada sekarang ini boleh menggunakan apa yang telah disiapkan oleh kerajaan terdahulu sahaja. Kalau perlu pada pindaan sila lakukan pindaan. Dan bawa ke Parlimen In Shaa Allah kita akan sokong.

Terima kasih sekali lagi kepada semua,

وبالله التوفيق والهداية والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته

YB DATO' SPEAKER :

Dipersilakan Yang Amat Berhormat Dato' Panglima Perang Menteri Besar Kelantan untuk membuat penggulungan.

YAB DATO' PANGLIMA PERANG USTAZ DATO' MENTERI BESAR :

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

بسم الله الرحمن الرحيم

الحمد لله رب العالمين, والصلاة والسلام على أشرف الأنبياء والمرسلين وعلى آله

وصهبه أجمعين

قال الله تعالى

يُرِيدُونَ لِيُطْفِئُوا نُورَ اللَّهِ بِأَفْوَاهِهِمْ وَاللَّهُ مَتَمَّ نُورَهُ وَلَوْ كَرِهَ الْكَافِرُونَ

Maksudnya : Mereka sentiasa berusaha hendak memadamkan cahaya Allah SWT dengan mulut-mulut mereka. Sedangkan Allah SWT tetap menyempurnakan cahayanya sekalipun orang-orang kafir tidak suka akan yang demikian itu.

Yang Berhormat Dato' Speaker, marilah sama-sama kita memuji Allah SWT dengan kita sama-sama panjatkan kesyukuran kepada Allah SWT kerana dengan keizininannya kita dapat menyempurnakan Usul Menjunjung Kasih Titah Perasmian Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku sempena persidangan Dewan Negeri Kelantan Bagi Kali Yang Pertama Bagi Tempoh Penggal Kedua Dewan Negeri Kelantan Yang Kelimabelas.

Bagi pihak Kerajaan Negeri saya menjunjung kasih dihadapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Muhammad Ke V atas Titah Perasmian Istiadat Pembukaan Dewan Negeri Kelantan pada kali ini. Kesyukuran yang paling besar sekali adalah di atas nikmat persaudaraan dan ukhwah islamiah ini yang menjadikan kita semua sepakat dalam menjunjung kesucian Islam dan mengangkat martabat syariah islamiah di bumi Kelantan ini. Saya mengajak kepada semua Ahli-Ahli Yang

Berhormat untuk mengambil peluang ini untuk menumpukan kerjasama dalam meletakkan Islam sebagai solusi dibawah fasa penghayatan “Membangun Bersama Islam”.

Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua Ahli-Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan Junjung Kasih Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Al-Sultan. Seramai 16 Ahli Yang Berhormat telah berbahas dan mengambil peluang menyatakan cadangan, teguran serta pandangan masing-masing melibatkan semua portfolio. Berdasarkan isu-isu yang dibahaskan terdapat beberapa perkara utama yang dibangkitkan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat yang mana sangat penting untuk diberi perhatian dan sudah pun diberikan jawapan oleh pihak kerajaan menerusi penggulungan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Besar dan juga Exco-Exco sekejap tadi.

Yang Berhormat Dato’ Speaker, sebagaimana firman Allah SWT dalam surah Al-Saf yang saya bacakan sekejap tadi seluruh umat islam wajib meyakini bahawa syariat Allah SWT itu akan terus bersinar gemilang walaupun berhadapan dengan berbagai rintangan dengan syarat seluruh umat Islam kembali berpegang kepada Al-Quran dan Sunnah Rasulullah SAW. Saya amat yakin dan percaya lagi banyak tekanan yang diberikan kepada umat Islam maka akan makin bersinarlah cahaya Islam itu sendiri. Untuk itu saya yang di amanahkan mengetuai kerajaan akan menjunjung Titah Perintah Kebawah Duli Yang Mulia Tuanku Sultan Muhammad Ke V untuk memastikan undang-undang syariah kekal dimartabatkan di Negeri Kelantan.

Yang Berhormat Dato’ Speaker, dalam perbahasan semalam Yang Berhormat ADUN Galas ada membangkitkan supaya Kerajaan Negeriewartakan lebih banyak kawasan untuk Orang Asli. Untuk pengetahuan Yang Berhormat Galas sejak daripada tahun 2012, jumlah kawasan Orang Asli yang telah diwartakan melibatkan 10 kawasan. Iaitu pos Jedip, Sungai Rual, Pos Blau, Kuala Wok, Kuala Lah, Kampung Mangrove, Kampung Plak, Kampung Tuwel, Kampung Galau Post Haul, Kampung Blad Pos Blau, dan RPS Kuala Betis yang melibatkan 3 149.652 hektar.

Manakala sejumlah RM138 hak milik individu Orang Asli telah diberi milik melibatkan lot-lot kediaman di RPS Kuala Betis dan di beberapa kampung di Mukim Nenggiri.

Dalam pada itu, tujuh hak milik tanah ladang diberikan kepada Yayasan Amanah Tok Kenali seluas 2 022.24 hektar yang mana pemberian hak milik inilah untuk kepentingan Orang Asli. YB Galas membangkitkan untuk menambahkan peruntukan bagi pembangunan Orang Asli yang kini berjumlah RM200 ribu. Suka saya menegaskan bahawa peruntukan ini adalah khusus kepada Orang Asli sahaja. Dalam masa yang sama Orang Asli tetap berhak untuk mendapatkan peruntukan-peruntukan lain sebagaimana yang dinikmati oleh rakyat Kelantan umumnya. Jadi hok asli tu orang tidak asli tak boleh terima tapi hok tidak asli ni orang Asli juga boleh terima. Kira istimewa tu. Haa tuh.

Tambahan pula, Orang Asli pula mendapat peruntukan khusus daripada Jabatan Kemajuan Orang Asli yang mana peruntukan ini tidak dapat dinikmati oleh rakyat lain yang tidak Orang Asli. YB Galas juga ada membangkitkan berkenaan dengan kegagalan beberapa syarikat yang memajukan Ladang Rakyat membuat pembayaran kepada akaun Amanah peserta Ladang Rakyat yang menyebabkan Kerajaan Negeri terpaksa memperuntukkan RM5.6 juta bagi membolehkan pembayaran dividen dibuat kepada peserta. Perkara ini telah pun dijawab oleh Yang Berhormat Pengerusi Jawatankuasa Infrastruktur Kerjaraya, Air Dan Pembangunan Luar Bandar ini berlaku akibat pada Covid lah telah pun dijelaskan sekejap tadi. Dan kita In Shaa Allah syarikat-syarikat yang tidak membuat pembayaran kita akan ambil tindakanlah. Terdapat tiga buah syarikat yang sedang di ambil proses pembatalan perjanjian, kita ambil tindakan.

Satu buah syarikat telah dibatalkan perjanjian sebagaimana yang diputuskan oleh Lembaga Perbadanan makna kita In Shaa Allah kita pastikan syarikat kena menepati perjanjian dengan kita. YB Galas juga ada membangkitkan agar Ladang Rakyat mengadakan kerjasama dengan agensi Persekutuan. Sebenarnya Perbadanan Ladang Rakyat telah pun mengadakan kerjasama dengan pihak FELCRA Berhad bagi mengusahakan beberapa ladang milik Perbadanan di Gua Musang dan dalam proses permohonan pajakan. Terdapat satu ladang yang telah di meterai perjanjian bersama pihak FELCRA Berhad dan beberapa buah ladang lagi dalam proses perundingan usaha sama.

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya juga mengambil perhatian berkaitan dengan saranan Ahli-Ahli Yang Berhormat untuk menambah lagi

peruntukan-peruntukan bantuan kepada rakyat. In Shaa Allah ini merupakan keutamaan saya sebagai Menteri Besar untuk memastikan kebajikan rakyat sentiasa terjaga. Cuma kita tengok kemampuan kitalah. Orang tua-tua pernah berpesan melangkah mestilah melihat keluasan sarung yang kita pakai. Kain yang kita pakai itu luas mana? Kalau kita lakoh lebih daripada keluasan kain yang kita pakai sama ada kain itu akan terkoyak ataupun kita yang akan reboh.

Dalam masa yang sama Kerajaan Negeri akan memastikan prestasi kewangan negeri sentiasa stabil walaupun keadaan ekonomi semasa tidak menentu. Kerajaan Negeri akan terus mengukuhkan hasil negeri menerusi perbelanjaan berdasarkan keutamaan dan juga keperluan rakyat. Kita selalu membaca ayat Quran

والذين إذا أنفقوا لم يسرفوا ولم يقتروا وكان بين ذلك قواما

Di antara sifat Ibadurrahman hamba Allah SWT ialah orang yang apabila berbelanja mereka tidak boros. Dan dalam masa yang sama mereka tidak kedekut. Boros pun tidak kedekut pun tidak.

وكان بين ذلك قواما

Tapi perbelanjaan hamba Allah SWT ialah pertengahan di antara boros dengan dok. Haa inilah yang, yang kita amalkan daripada dulu sampai sekarang. Alhamdulillah.

Saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Kerajaan Persekutuan dalam penyaluran peruntukan kepada Kerajaan Negeri selari dengan semangat Persekutuan. Dan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang telah menyalurkan wang ehsan Tahun 2023 semua berjumlah sebanyak RM217.96 juta. Haa ini secara keseluruhan tahun lepas. Terima kasih saya ucapkan. Dan kita mengharap In Shaa Allah pada tahun ini Kerajaan Persekutuan akan menambahkan jumlah wang ehsan kepada negeri Kelantan. In Shaa Allah.

Saya berharap semua agensi kerajaan Negeri dan Persekutuan dapat menjalinkan lebih banyak kerjasama demi kepentingan dan kesejahteraan rakyat Kelantan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya menutup penggulungan pada kali ini dengan menggambarkan suasana yang kita semua sedang alami ini khususnya polimik yang melanda enakmen Kanun Jenayah Syariah sebagaimana sabda Rasulullah SAW,

بدأ الإسلام غريباً وسيعود غريباً كما بدأ فطوبى للغرباء

Rasulullah SAW menyatakan Islam itu bermula dalam keadaan dagang ataupun asing. Asing. Tak ramai orang terima.

وسيعود غريباً كما بدأ

Dan akan kembali asing sebagaimana permulaan. Allah SWT tak terima. Tapi Nabi sebut,

فطوبى للغرباء

Beruntung bagi orang walaupun Islam, terasing dia duduk sekali dengan Islam. Biarlah orang putuskan tok soh. Biar orang menganggap perkara ini takde apa-apa, sebenar bukan takde apa-apa. Ada apa-apa. Bukan takdok apa-apa. Ni pembatalan ini ada apa-apa. Jangan kita anggap ini, keputusan ini kes ini akan menguatkan mahkamah syariah. Kita potong tangan dia, kita nak suruh dia kuat. Kita potong kaki dia, kita nak suruh dia kuat. Tok betul. Tu tok betul. Kita jangan, jangan benda-benda yang tak elok dihiasi oleh syaitan sehingga kita anggap benda itu elok, jangan. Allah SWT berfirman dalam Al-Quran

أَفَمَنْ زِينَ لَهُ سَوْءَ عَمَلِهِ فَرَّاهُ حَسَنًا

Adakah orang yang diperelokkan oleh syaitan kepadanya amalan buruk yang dilakukannya sehingga ia memandang amalan itu sebagai baik sama seperti orang yang mendapat hidayah Allah SWT yang memandang perkara yang baik itu baik perkara yang buruk itu buruk, tak boleh. Di sebut dalam kitab tafsir,

يعملون أعمالاً سيئة، وهم في ذلك يعتقدون أنهم يحسنون صنعا؛

Mereka melakukan amalan yang buruk tetapi mereka menganggap apa yang mereka lakukan bukan itu baik, sebenarnya tidak baik. Tidak baik. Kita orang Islam ini kena selaras undang-undang buatan manusia dengan undang-undang Allah SWT. Itu baru betul. Apa yang berlaku di Brunei. Saya pernah berkunjung ke Brunei dalam suatu majlis rasmi, rombongan rasmi kerajaan Negeri Kelantan ke Brunei kita diterima sebagai tetamu D'Raja Brunei diketuai oleh mantan Menteri Besar Kelantan, Dato' Bentara Kanan Dato' Haji Ahmad Yakob di mana peguam negara Brunei menyebut kita Brunei ini, kita menyelaraskan undang-undang sivil dengan undang-undang syariah. Itu baru betul. Bukan nak betul undang-undang syariah sama dengan sivil. Undang-undang Allah SWT yang paling tinggi.

وما كان لمؤمن ولا مؤمنة إذا قضى الله ورسوله أمرا أن يكون لهم الخيرة من أمرهم

Tidak boleh sekali-kali orang mukmin lelaki dan mukminat perempuan. Apabila Allah SWT dan Rasul menentukan keputusan dia tidak boleh buat pilihan yang lain daripada ketentuan Allah SWT dan Rasul.

وَمَنْ يَعْصِ اللَّهَ وَرَسُولَهُ فَقَدْ ضَلَّ ضَلَالًا مُّبِينًا

Siapa yang derhaka pada Allah dan Rasul, dia telah sesat dengan kesesatan yang amat jelas dan nyata. Jelas sesat. Sebab itu dalam perkara ini daripada dulu lagi kerajaan BN sendiri pun pertahan benda ini. ADUN BN pun pertahan benda ini. Saya tak kata pada ADUN BN tapi ADUN yang tidak BN ini saya tak tahulah. Sehingga ketika Kanun Jenayah Syariah II diluluskan dalam Dewan Undangan Negeri Kelantan disokong oleh semua ADUN 100%. Kerajaan dan pembangkang sokong belako. Walaupun orang tahu ini tak sama dengan undang-undang Persekutuan. Tak sama. Tapi kita telah melaksanakan tanggungjawab kita. Kita boleh jawab dihadapan Allah SWT kita buat setakat yang kita mampu.

ما لا يدرك كله، لا يترك كله

Kalau kita tak boleh buat semua, jangan tinggal semua.

Wak hok kita boleh buat. Ni kita nok batal, ni ni ni ... Ini sebenarnya menguatkan Mahkamah Syariah. Ini sebenarnya bukan nak hancurkan

Mahkamah Syariah. Ini kata-kata orang yang dihiasi oleh syaitan perbuatan mereka.

Yang Berhormat Dato' Speaker, kita kalau kita, kita nak selaras semua dengan undang-undang buatan manusia habislah ayat Quran Hadis Nabi SAW, hok minum arak disebut dalam hadis. Kata si Nabi,

جلد النبي صلى الله عليه وسلم أربعين، وجلد أبو بكر أربعين، وعمر ثمانين، وكل

سنة

Rasulullah rotan orang minum arak ini 40 kali rotan. 40 kali sebatan. Si Abu Bakar pun melaksanakan undang-undang 40 kali sebatan. Saidina Umar peringkat permulaan ia laksanakan 40 tapi akhirnya 80 kerana dia tengok 40 pun ada juga hok minum arak.

وكل سنة

Kata si Nabi kedua-duanya Sunnah. Sama ada 40 ataupun 80. Dalam Kanun Jenayah Syariah II orang minum arak ini 40 hingga 80. Ini kalau kita nak selaras dengan Pusat memang tak boleh la ni. Pah kita nak batal hadis Nabi ni? Kerana nak selaras. Nak buat penyelarasan ini tok betul, orang Islam tak boleh bercakap macam tu. Tak boleh.

وما كان لمؤمن ولا مؤمنة

Dalam ayat lain disebut

فلا وربك لا يؤمنون

Tidak demi Tuhan kamu, Allah Taala sebut seseorang itu tidak dianggap beriman.

حتى يحكموك فيما شجر بينهم

Sehingga mereka sanggup menjadikan kamu sebagai hakim dalam setiap pertelingkahan yang berlaku dikalangan mereka.

ثُمَّ لَا يَجِدُوا فِي أَنْفُسِهِمْ حَرَجًا مِمَّا قَضَيْتَ

Kemudian tidak ada dalam hati mereka sebarang perasaan berat untuk terima keputusan Allah SWT, keputusan Rasul.

وَيُسَلِّمُوا تَسْلِيمًا

Mereka terima ketetapan Rasul dengan hati yang terbuka. Tiga syarat di sebut. Orang benar-benar beriman dalam ayat ini.

Yang kedua jadikan Nabi sebagai hakim. Maknanya keputusan Nabi ini takdok sapo boleh takwil, keputusan hakim. Kalu orang tok terima keputusan hakim, *complain* keputusan hakim dianggap menghina mahkamah. Islam, islam sebenar ni Allah Taala sebut terima keputusan Nabi. Yang kedua

ثُمَّ لَا يَجِدُوا فِي أَنْفُسِهِمْ حَرَجًا مِّمَّا قَضَيْتَ

Tok beraso berat terima. Kalu terima berat itu tidak sempurna lagi iman. Terima tapi dengan “beroop”, tokleh.

Yang ketiga,

وَيُسَلِّمُوا تَسْلِيمًا

Hati tenang dengan terbuka. Hokni lah hok molek, hok Rasulullah ni hok molek. Hokni hok comel. Baru beriman. Baru beriman.

ما آمن بالقرآن من استحل محارمه

Nabi sebut tak beriman dengan Quran orang yang menghalalkan benda yang Allah Taala haram. Tok beriman dengan Al-Quran. Ni sapo sebut? Nabi sebut, ini bukan main-main. Bukan main-main. Jadi oleh kerana itu maka kita jangan berhujah kata Mahkamah Sivil undang-undangnya lagi kuat. Lagi lama, lagi berat. Hokni 356, 356 ini kanun hokni hok dibenarkan. Paling maksimum tiga tahun penjara, RM5 000 denda, enam kali sebatan. Hokni hok ado. Jadi nok teking guano, rapat dinding doh ni.

Jadi adakah kerana hokni hok ada kita kerana rotan tak cukup 40 maka kita tak buat, tak boleh. Dia ada kaedah

ما لا يدرك كله، لا يترك كله

Tak boleh buat semua, jangan tinggal semua. Dan boleh buat setakat ini, ini. Boleh setakat 356, 356 lepas itu kita berusaha, haa itu. Jadi kita jangan sama ada kita sedar ataupun tidak sedar kita ini memberi peluang kepada musuh Islam dan musuh Islam boleh berbangga dengan apa yang kita ucap, apa yang kita buat dan apa yang ada pada diri kita, pendirian kita, jangan. Tak boleh, kita orang islam tak boleh. Kita kena selaras undang-undang buatan manusia dengan syariah Allah SWT. Bukan nok selaras undang-undang Allah dengan pandangan manusia, tak boleh. Hokni kena betul hokni. Sebab itu tadi ditegahkan oleh Timbalan Menteri Besar kita bahawa kita hok 16 dia batal ini kita akan buat semula In Shaa Allah. Kita kajilah, kita akan buat. Tambuh-tambah pulok batal kes tajuk, kes tajuk. Ko gano? Kes tajuk tu serupo dengan hok ado, ko gano? Jadi Alhamdulillah ambo cayo sokong belako, ambo cayo. Kita orang Islam ini wajib sokong. Tidok tok sempurna iman, tok sempurna.

Jadi kita akan pertahankan dan kita tengok semua majlis agama, semua Majlis Agama Islam di Malaysia ini mempertahankan. Tiba-tiba ada kita dukacita ada orang kata benda ini takde apa-apa. Takdok masalah nok kuat, kerat tangan kuat la kito. Kerat tangan, kerat kaki gak nok berjalan pun pakai tongkat nok kuat guano. Tok kuat. Nok kuat kita uboh hok bercanggoh dengan syariat Islam ini vi sama dengan syariat Islam baru kuat, baru kuat.

Ini pendirian kita dan jangan kata Kerajaan Kelantan ini buat tok berhati-hati. Tujuh buah negeri bukan Kelantan saja. Ni dan kita ni kita nok angkat, nok bowok undang-undang Dewan Negeri ini ada LA. Ni YB LA baru. Hok dulu pun ada LA tidok kato kita pakat dengan Timbalan Menteri Besar, kita buat, dok. Ada Penasihat Undang-Undang Negeri dan di majlis itu ada ulamak Majlis Agama Islam, jemaah ulama' majlis mesti yang melibatkan undang-undang Islam mesti dipersetujui oleh Ulama' Majlis Agama Islam. Dia bincang doh dari sudut Islamnya tak bercanggah. Boleh buat, baru boleh bawak dewan. Tidok kato Ahli-Ahli Dewan Negeri pakat ble-ble panggil makan di JKR 10 itu, kita buat undang-undang. Hey bukan lagu tu, dok. Jangan-jangan anggap kecil benda ini. Benda ini bukan kecil, benda ini benda besar. Benda ini ni musuh Islam. Nok peracur Islam, nok peracur perundangan Islam. Nok peracur mahkamah syariah. Maka menjadi kewajipan semua orang Islam tanpa mengira fahaman politik.

Lepas tu ambo terima kasih kepada Galas pada dulu sampai sekarang dalam bab ini. Jadi ambo harap semua tidak Galas sajo la ambo harap tapi ambo sebut Galas sebab Galas jelas bab ni. Jelas. Ni kewajipan kita semua. Jadi saya rasa itulah sedikit sebanyak penggulangan saya pada petang ini.

اقول قولى هذا وأستغفر الله العظيم لي ولكم والسلام عليكم ورحمة الله

YB DATO' SPEAKER :

Terima kasih Yang Amat Berhormat Dato' Panglima Perang. Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, persoalan yang ada dihadapan kita sekarang ialah satu cadangan bahawa Dewan ini membuat ketetapan merakamkan setinggi-tinggi ucapan junjung kasih di atas Titah Ucapan D'Raja yang telah dititahkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Muhammad Ke V kepada dewan ini pada hari Isnin 23 Syaaban 1445H bersamaan 04hb Mac 2024 Masihi.

Sekarang saya kemukakan cadangan tersebut bagi di undi.

**AHLI-AHLI YANG BERHORMAT YANG BERSETUJU, KATA "SETUJU",
AHLI-AHLI YANG TIDAK BERSETUJU, KATA "TIDAK".**

Dipersetujukan.

Cadangan yang pertama diterima dan diluluskan.

Ahli-Ahli Yang Berhormat saya berhasrat untuk menangguhkan persidangan. Persidangan akan disambung semula pada besok bermula jam 09.00 pagi. Sidang pada petang ini di akhiri dengan bacaan tasbih kafarrah dan Suratul-Asr.

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

**PERSIDANGAN DEWAN DITANGGUHKAN PADA JAM 4.00 PETANG
DAN AKAN BERSIDANG SEMULA PADA ESOK 07 MAC 2024, JAM 09.00
PAGI.**

**PERSIDANGAN KALI YANG PERTAMA
BAGI TEMPOH PENGGAL YANG KEDUA
DEWAN NEGERI KELANTAN KELIMABELAS**

=====

[26 SYAABAN 1445H / 07HB NOVEMBER 2024]

AHLI-AHLI YANG HADIR

BIL	NAMA	KAWASAN
1.	YB DATO' SRI AMAR D'RAJA DATO' HJ MOHD AMAR B ABDULLAH <i>S.J.M.K.,D.J.M.K.,J.M.K. (Kelantan)</i>	PANCHOR / SPEAKER
2.	YAB DATO' PANGLIMA PERANG USTAZ DATO' HJ MOHD NASSURUDDIN B HJ DAUD <i>S.J.M.K.,D.J.M.K.,J.M.K. (Kelantan)</i> (Pengerusi Jawatankuasa Perancangan, Pentadbiran Awam, Kewangan, Ekonomi & Tanah)	MERANTI / MENTERI BESAR
3.	YB DATO' DR. HJ MOHAMED FADZLI B DATO' HJ HASSAN <i>D.J.M.K.,J.M.K. (Kelantan)</i> (Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wilayah, Sumber Asli, Integriti, Pembangunan Insan & Undang-undang)	TEMANGAN / TIMBALAN MENTERI BESAR
4.	YB MEJ. (B) DATO' HJ MD ANIZAM B AB RAHMAN <i>D.J.M.K.,J.M.K. (Kelantan)</i> (Pengerusi Jawatankuasa Pelaburan, Perindustrian, Sumber Manusia, Perdagangan & Keusahawanan)	KEMAHANG
5.	YB DATO' DR. IZANI B HAJI HUSIN <i>D.J.M.K. (Kelantan)</i> (Pengerusi Jawatankuasa Kerjaraya, Infrastruktur, Air & Pembangunan Luar Bandar)	KIJANG
6.	YB TUAN HJ SARIPUDIN B TUAN ISMAIL <i>J.M.K. (Kelantan)</i> (Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Agromakanan & Komoditi)	SELISING

7.	YB HJ WAN ROSLAN B WAN HAMAT <i>J.M.K., A.S.K.</i> (Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Pengajian Tinggi, Teknologi Hijau, Digital & Inovasi)	PENGKALAN KUBOR
8.	YB MOHD ASRI B MAT DAUD (Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Islam, Dakwah, Penerangan & Hubungan Seranta)	DEMIT
9.	YB TUAN HILMI B ABDULLAH (Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan, Perumahan, Kesihatan & Alam Sekitar)	GUCHIL
10.	YB PUAN HJH ROHANI BT IBRAHIM <i>J.M.K., S.M.K.</i> (Pengerusi Jawatankuasa Kebajikan, Pembangunan Keluarga & Wanita)	TANJONG MAS
11.	YB ZAMAKHSHARI B MUHAMAD (Pengerusi Jawatankuasa Belia, Sukan, NGO & Perpaduan Masyarakat)	APAM PUTRA
12.	YB DATUK KAMARUDIN B MD NOR <i>D.M.S.M.,A.M.N.</i> (Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Kebudayaan, Kesenian & Warisan)	AYER LANAS
13.	YB DATO' MOHAMED FARID B MOHAMED ZAWAWI <i>D.I.M.P.</i>	KOK LANAS / TIMBALAN SPEAKER
14.	YB DATO' BENTARA KANAN USTAZ DATO' HJ AHMAD B YAKOB <i>S.J.M.K.,D.J.M.K.,S.M.K.,J.P.</i>	PASIR PEKAN
15.	YB DATO' SR HJ AZAMI B MOHD NOR <i>D.J.M.K.,J.M.K.</i>	KADOK
16.	YB DATO' HJ ABDUL FATTAH B MAHMOOD <i>D.J.M.K.,J.M.K.</i>	BUKIT PANAU
17.	YB TUAN HJ ABD. RAHMAN B YUNUS <i>J.M.K.</i>	PASIR TUMBOH
18.	YB TUAN HJ MOHD FAUZI B ABDULLAH <i>J.M.K</i>	MANEK URAI

19.	YB TUAN HJ MOHD HUZAIMY B CHE HUSSIN <i>J.M.K.,A.K.</i>	PANTAI IRAMA
20.	YB TUAN ROZI B MUHAMAD <i>J.M.K</i>	TENDONG
21.	YB TUAN AZHAR B SALLEH <i>A.S.K.</i>	PULAI CHONDONG
22.	YB TUAN HJ ZURAIDIN B ABDULLAH	CHETOK
23.	YB TUAN MOHD RUSLI B ABDULLAH	WAKAF BHARU
24.	YB KU MOHD ZAKI B KU HUSIN	DABONG
25.	YB TUAN MOHD RODZI B JAAFAR	GAAL
26.	YB TUAN HJ MOHD ADANAN B HASSAN <i>J.M.K.</i>	KELABORAN
27.	YB TUAN WAN ROHIMI B WAN DAUD <i>A.K.,J.S.M.</i>	MELOR
28.	YB TUAN KAMARUZAMAN B MOHAMAD <i>J.S.M.</i>	GUAL PERIOK
29.	YB TUAN NIK BAHRUM B NIK ABDULLAH <i>A.S.K.</i>	CHEMPAKA
30.	YB TUAN BAHARI B MOHAMAD NOR	GUAL IPOH
31.	YB NOR ASILAH BT MOHAMED ZIN	LIMBONGAN
32.	YB TUAN ZAMERI B MAT NAWANG	JELAWAT
33.	YB TUAN MOHAMAD NASRIFF B DAUD @ DAUD YATIMEE	PENGKALAN PASIR
34.	YB TUAN SHAARI BIN MAT YAMAN <i>A.K.</i>	BUNUT PAYONG
35.	YB DATO' SHAARI B MAT HUSSAIN <i>D.P.T.J.</i>	PALOH
36.	YB DATO' ABDUL HADI B AWANG KECHIL <i>D.P.S.K., P.S.K. (Kelantan), J.M.N., K.M.N.</i>	KUALA BALAH

37.	YB TUAN ZUBIR B ABU BAKAR	MENGKEBANG
38.	YB TUAN SAIZOL B ISMAIL	SALOR
39.	YB TUAN HARUN B ISMAIL	TAWANG
40.	YB TUAN AHMAD ZAKHRAN B MAT NOOR	KEMUNING
41.	YB TUAN MOHD ALMIDI B JAAFAR	BUKIT BUNGA
42.	YB TUAN NOR SHAM B SULAIMAN	SEMERAK
43.	YB TUAN MOHD AZIZI B ABU NAIM	NENGGIRI
44.	YB DR. HAFIDZAH BT HJ. MUSTAKIM	KOTA LAMA
45.	YB TUAN HJ MOHD SYAHBUDDIN B HASHIM <i>J.M.K.</i>	GALAS

HARI KETIGA 07 MAC 2024

**AHLI MENURUT
PERKARA X111 (3)
UNDANG-UNDANG PERLEMBAGAAN TUBUH KERAJAAN
KELANTAN,
BAHAGIAN PERTAMA**

YB DATO' HAJI NAZRAN BIN MUHAMMAD
[DATO' KAYA SETIA SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI KELANTAN]
S.P.S.K., D.P.S.K. (KELANTAN), P.S.K., B.S.K., A.S.K.

YB DATO' IDHAM BIN HAJI ABD GHANI
[PENASIHAT UNDANG-UNDANG NEGERI KELANTAN]
D.P.S.K. (Kelantan)

YBM TENGKU KAYA PERKASA
DATO' DR TENGKU MOHAMED FAZIHARUDEAN BIN TENGKU
FEISSAL
[PEGAWAI KEWANGAN NEGERI KELANTAN]
D.J.M.K. (Kelantan)

**SETIAUSAHA DEWAN NEGERI
KELANTAN**

[MOHD ZAIKA YAMANI BIN IBRAHIM]
A.S.K., B.S.K.

**PERSIDANGAN KALI PERTAMA
BAGI TEMPOH PENGGAL KEDUA
DEWAN NEGERI KELANTAN
YANG KELIMABELAS TAHUN 2024
PADA 23, 24, 25, DAN 26 SYAABAN 1445H BERSAMAAN
04HB, 05HB, 06HB, DAN 07HB MAC 2024/
ISNIN, SELASA, RABU DAN KHAMIS**

=====

SETIAUSAHA :

بسم الله الرحمن الرحيم
السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Persidangan Kali Pertama, Bagi Tempoh Penggal Kedua, Dewan Negeri Kelantan Kelimabelas, Hari Keempat.

الفاتحه

I. .. DOA.

SETIAUSAHA : Susunan Urusan Persidangan Yang Pertama, bacaan doa.

[SAMBIL BERDIRI]

YB DATO' TIMBALAN SPEAKER :

بسم الله الرحمن الرحيم
السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Persidangan Kali Yang Pertama Bagi Tempoh Penggal Kedua Dewan Negeri Kelantan pagi ini bersambung dengan soalan-soalan yang dikemukakan untuk mendapat jawapan mulut. Saya mempersilakan Yang Berhormat Galas. Silakan.

YB TUAN HJ MOHD SYAHBUDDIN BIN HASHIM :

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Yang Berhormat Dato' Speaker pohon jawapan kepada soalan saya yang 1.

Soalan 1 :

[Minta YAB Ustaz Dato' Panglima Perang Menteri Besar nyatakan, apakah halangan dan cabaran untuk Kelantan berpotensi menjadi hab pelaburan, pihak pelabur serta mewujudkan suasana kondusif untuk pelaburan.]

YB MEJ. (B) DATO' HJ MOHD ANIZAM BIN AB RAHMAN :

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker, terima kasih kepada Galas. Jaringan infrastruktur logistik yang masih belum sempurna memberi kesan kepada daya saing negeri Kelantan sebagai potensi pelaburan. Sebagai contoh, ketiadaan pelabuhan iaitu *cargo port* di Kelantan menjadi satu cabaran kepada Kelantan untuk menarik pelaburan oleh kerana pelabur-pelabur lebih memilih lokasi-lokasi yang berdekatan dengan pelabuhan bagi memudahkan mobilisasi barangan dan perkhidmatan antara pasaran serantau dalam logistiknya dan *global*, mengurangkan kos pengangkutan dan meningkatkan kecekapan.

Di antaranya ialah sering juga disebut kita ada rangkaian lebuh raya yang *standard* macam sebelah pantai barat. Ketidadaan *Cargo International Airport* dan juga pelbagai proses yang kita perlu dipertingkatkan lagi. Terima kasih.

YB DATO' TIMBALAN SPEAKER :

Silakan soalan tambahan.

YB TUAN HJ MOHD SYAHBUDDIN BIN HASHIM :

Yang Berhormat Dato' Speaker terima kasih. Terima kasih diatas jawapan yang diberikan oleh Yang Berhormat Exco sebentar tadi. Antara arahan kerja Yang Amat Berhormat Menteri Besar di dalam pelan induk penghayatan "Membangun Bersama Islam" ialah Kelantan berpotensi menjadi hab pelaburan. Kelantan mesti menjadi pilihan pelabur, suasana kondusif untuk pelabur.

Soalan tambahan saya Yang Berhormat Dato' Speaker, di dalam portal *Invest Kelantan* ada dinyatakan berkenaan dengan sektor pembangunan yang menjadi keutamaan kerajaan negeri Kelantan antaranya yang disebut ialah aktiviti pelaburan dalam industri halal. Saya nak pujilah usaha Yang Berhormat Exco yang dibuat untuk berjumpa dengan pemain industri yang aktif di mana satu libat urus meja bulat telah pun diadakan dalam fasa yang pertama.

Tahniah saya ucapkan kepada Yang Berhormat Exco. Soalan saya ialah berapa banyakkah syarikat-syarikat ataupun penyertaan golongan bumiputera yang terlibat secara langsung yang berminat dengan kita dalam perusahaan industri *cottage* makanan dan minuman, farmasitikal dan kosmetik?

Dan saya juga ingin mencadangkan Yang Berhormat Exco supaya kita *activate* balik tempat-tempat yang telah pun kita sediakan seperti di Bazar Tok Guru, Bazar Tengku Anis, Bazar Rakyat. Bazar Buluh Kubu dan sebagainya sebagai hab industri halal ini. Terima kasih.

YB MEJ. (B) DATO' HJ MOHD ANIZAM BIN AB RAHMAN :

Yang Berhormat Dato' Speaker. Terima kasih kepada soalan tambahan. Sememangnya halal hab satu tempat yang dibuat oleh SDC yang tempat yang elok ya sudah ada infrastrukturnya tetapi ada sedikit bermasalah dengan polisi kita. Setelah memperolehi tapak tersebut, syarikat perlu mengadakan sekurang-kurangnya 50% pembangunan barulah tapak tersebut diberi geran dan diberi cas kepada bank.

Jadi kita sedang berunding dengan SDC polisi yang terbaik untuk mesra pelabur. Hanya 30% sahaja Yang Berhormat Galas situ. Jadi ada lagi 70% dan baru-baru ini juga kita bawa daripada negara Arab dan juga daripada China datang untuk melawat tempat tersebut. Dan ada masalah-masalah utiliti sedang berbincang bersama sahabat sebelah saya supaya utiliti termasuk air dan sebagainya tempat itu kena boleh digunakan lah maksud dia apabila sampai kelak.

Dan kepada usahawan-usahawan di tempat yang dinyatakan tadi, pertama sekali industri halal dan sijil halal di negeri Kelantan ini sedang dalam proses yang *to date* nya kita ada lebih kurang 381 premis yang halal. Kita akan libat urus dengan usahawan-usahawan ini dan galakkan mereka untuk mendapatkan sijil halal supaya bila pelancong datang dan

orang luar datang ke Kelantan ini, *confidence level* dia untuk di Kelantan ini premis halal itu senang didapati. Dan kita akan memudahkan malah kita ada program untuk bagi percuma untuk mendapat awalan dan juga untuk sambung lesen halal pun kita akan bagi percuma kepada yang terlibat.

Jadi itulah proses-prosesnya dan kita faham di dalam promosi usahawan contohnya di negeri Kelantan ini, kita tak boleh lari daripada empat perkaralah iaitu dengan izin *place*, produk, *price*, promosinya dan sekarang tambah digital. Sebabtu kita libat urus dengan Telekom Malaysia dan juga UMK untuk bagi pendedahan digital kepada usahawan-usahawan kita.

Itulah di antara perkara-perkara yang kita buat. Dan selepas untuk menyenangkan pelabur satu, dan selepas mendapat pelabur apakah masalah-masalah lagi. Jadi ada dua, tapak satu dan projek satu. Jadi kita ada satu Jawatankuasa Teknikal dan satu Jawatankuasa Pelaksana. Itulah kita sedang susun apa-apa *feedback* yang kita dapat daripada pelabur di negeri Kelantan ini selain daripada kita menarik yang luar yang lepas ada yang pergi ke Korea ada pergi ke China dan sebagainya.

Tetapi keperluan-keperluan contoh ada satu pelabur dia nak 4000 ekar, 5000 ekar tepi laut contoh tanah. Jadi kerajaan kena sediakan tanah ke dia barulah dia pelabur nak datang. Itulah perkara-perkara yang kita yang kekangan kepada kita.

Walaubagaimanapun, kita ucap terima kasih kepada pelabur-pelabur dari segi mineral di Pengkalan Chepa 1 dan 2, dan di Tanah Merah di kawasan-kawasan Tok Bali dan sebagainya. Peningkatan itu sudah ada, In Shaa Allah kita akan jalankan promosi pada tahun ini untuk menarik yang sesuai di negeri Kelantan. Terima kasih.

YB DATO' TIMBALAN SPEAKER :

Silakan Gual Periok. Yang Berhormat Gual Periok.

YB TUAN KAMARUZAMAN BIN MOHAMAD :

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan tambahan daripada saya. Apakah sektor utama pelaburan sekarang samada automatif, makanan atau lain-lain? Terima kasih.

YB MEJ. (B) DATO' HJ MOHD ANIZAM BIN AB RAHMAN :

Dato' Speaker terima kasih kepada Gual Periok soalan tambahan. Yang pertamanya yang terbesar sekali di Kelantan ialah semikonduktor yang Rohm-Wako dan juga luar negara. Sebagaimana pakaian dan juga Ain Medicare, pharmaceutical dan juga KBMC sedang membesarkan dari segi medikalnya dan juga makanan di negeri Kelantan ini begitu juga air mineral. Terima kasih.

YB DATO' TIMBALAN SPEAKER :

Terima kasih Yang Berhormat Exco. Saya persilakan Yang Berhormat Chetok untuk soalan seterusnya.

YB TUAN HJ ZUR Aidin Bin Abdullah :

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Yang Berhormat Dato' Speaker. Pohon jawapan soalan saya nombor 2.

Soalan 2 :

[Minta YAB Ustaz Dato' Panglima Perang Menteri Besar nyatakan, apakah langkah-langkah bagi memperhebatkan sektor usahawan tani dan usaha bagi meremajakan sektor ini.]

YB TUAN HJ SARIPUDIN BIN TUAN ISMAIL :

بسم الله الرحمن الرحيم
السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Yang terhormat Dato' Speaker, terima kasih kepada Chetok. Langkah-langkah yang diambil oleh pihak kerajaan untuk memperhebatkan sektor usahawan tani dalam konteks negeri Kelantan adalah dengan mempelbagaikan program dan projek pertanian melalui agensi-agensi dan jabatan-jabatan kerajaan Negeri. Program yang disusun perlu segar dan mendapat permintaan dalam pasaran atau peluang bagi menerokai bidang pertanian bagi mereka yang sebelum ini janggal dalam sektor pertanian.

Dalam agensi kerajaan negeri, antara program yang kita sedang laksanakan ialah pertama Program Ternakan Ayam Kampung Asli Al Falah. Ini ditambah baik daripada program sebelum ini Program Ayam Kampung Kacuk.

Yang kedua, program Fertigasi Al Falah fasa 1 dan ditambah nilai dengan peserta sedia ada dengan Fertigasi fasa 2 bagi meningkatkan lagi hasil pertanian.

Yang ketiga, program pertanian dan penternakan yang dibuat di pondok-pondok dan tahfiz untuk menambahkan pendapatan dan tambah nilai dengan penglibatan Kementerian Sumber Manusia bagi SLDN Program Tahfiz Pertanian di mana pelajar pondok dan tahfiz akan memperoleh sijil kemahiran Malaysia SKM tahap 2 dan 3 dalam bidang pertanian dan penternakan yang dijalankan di institusi yang terpilih tersebut.

Yang keempat, Program Membina Usahawan Tani Al Falah khususnya buat golongan wanita atau muslimat bagi membantu keluarga menambah pendapatan melalui pertanian dan penternakan.

Yang kelima Program Dorong Pertanian Al Falah ataupun singkatan (AFDOL). Lebih kepada menghasilkan pilot dron pertanian anak muda untuk menceburi dan menarik minat ke arah teknologi pertanian sekaligus menjadi usahawan perniagaan dan perkhidmatan dron pertanian buat pesawah.

Yang keenam, penghasilan makanan ternakan alternatif melalui pemberian mesin dan peralatan satu DUN satu mesin buat komuniti penternak yang memohon.

Yang ketujuh program yang kita namakan KAPOK iaitu Apa Khabar Pok Tani lebih kepada pendedahan pertanian kepada masyarakat kampung melalui mukim-mukim penghulu.

Yang kelapan, program yang kita namakan PIAK. Macey piak lembu lah. Itu program khas industri asas pertanian dan penternakan secara komuniti.

Yang kesembilan, Program Belia Tani Al Falah Kelantan - Thailand dengan menghantar anak-anak muda terpilih yakni yang berpotensi mengikut latihan khas di sana bersama pakar industri Thailand di dalam bidang sasaran seperti ternakan kelulut, keluaran cendawan, tanaman pisang, produk hiliran dan lain-lain.

Yang kesepuluh, program latihan seminar dan bengkel berterusan dari jabatan-jabatan dan agensi bagi perkongsian kemahiran teknikal dan pengurusan keusahawanan di kalangan anak-anak muda seperti program *ABC Agro Bio Class*, bengkel agro makanan dan lain-lain latihan.

Kerajaan negeri melalui Jabatan Pertanian Negeri Kelantan memperuntukkan sebanyak RM3 660 000 dibawah program pembangunan meliputi pembangunan tanah terbiar, pembangunan industri padi, pembangunan industri pelbagai komoditi, pembangunan industri sayur-sayuran, pembangunan industri buah-buahan, industri kecil dan sederhana berasaskan pertanian dan aktiviti hiliran IKS, pembangunan usahawan tani, dan pembangunan industri kelapa.

Tambahan pula pada tahun ini 2024, sebanyak setengah juta iaitu RM500 ribu, telah diperuntukkan untuk projek pembangunan usahawan tani yang kita utamakan ialah petani-petani belia. Di mana skop utama bagi program ini ialah mempertingkatkan pendapatan usahawan sehingga mencapai RM5000 sebulan.

Kepada pemohon yang sedang menjalankan projek sedia ada yang berdaya saing bagi meningkatkan pendapatan, jabatan juga memberi keutamaan kepada belia tani menceburi bidang pertanian melalui peruntukan. Program-program pembangunan yang lain dibawah Jabatan Pertanian Negeri Kelantan selaras dengan pelan penggantian petani yang mana untuk meningkatkan bilangan usahawan tani muda sebagai generasi pelapis kepada golongan usahawan tani yang telah berumur. Selain itu juga, pihak jabatan menggalakkan golongan anak muda dan belia menceburi bidang pertanian dengan menyertai Program Agropernia Muda yang dikelolakan oleh Jabatan Pertanian Malaysia dan Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM).

Mengikut rekod jabatan pertanian hampir 70% petani negeri Kelantan ini dipelopori oleh golongan belia berusia 40 hingga kebawah dengan mengaplikasikan konsep bertani yang menggunakan teknologi dalam aktiviti tanaman mereka. Sebagai contoh, penggunaan dron bagi tujuan membaja, menabur benih, meracun bagi projek-projek berskala besar seperti padi dan penggunaan IOT (*Internet of Think*) bagi yang menggunakan telefon pintar melibatkan sektor pertanian seperti fertigasi dan hidroponik. Sekian.

YB DATO' TIMBALAN SPEAKER :

Silakan Yang Berhormat Chetok.

YB TUAN HJ ZURAIDIN BIN ABDULLAH :

Terima kasih kepada Yang Berhormat Exco di atas jawapan dan kesungguhan pihak kerajaan menjalankan program sebanyak 10 program di dalam rangka untuk meremajakan sektor pertanian.

Soalan saya ialah adakah pihak kerajaan telah mengenalpasti usahawan-usahawan tani yang berjaya di Kelantan untuk dijadikan sebagai ikon sebagai motivasi kepada bakal-bakal usahawan tani yang lain?

YB TUAN HJ SARIPUDIN BIN TUAN ISMAIL :

Yang Berhormat Dato' Speaker, terima kasih soalan tambahan daripada Chetok. Alhamdulillah setiap tahun usahawan tani yang berjaya dan yang mencapai pencapaian yang agak baik yang luar biasa kita kata akan dikenalpasti dan dihargai oleh setiap jabatan dan agensi yang menjadi pembimbing kepada usahawan-usahawan tersebut. Kerajaan negeri setiap tahun mengiktiraf usahawan tani berjaya melalui penganugerahan usahawan tani samada di peringkat jajahan, peringkat negeri mahupun kebangsaan. Seperti melalui Hari Peladang Penternak dan Nelayan Negeri Kelantan atau melalui Ekspo Tani.

Pelbagai kategori anugerah kecemerlangan dan pertandingan-pertandingan berkaitan pertanian, penternakan dan perikanan disediakan untuk menghargai kerja-kerja para usahawan tani yang bekerja gigih di seluruh negeri sekaligus memberi semangat kepada mereka untuk meningkatkan lagi pendapatan dan menjadi ikon contoh

kepada usahawan-usahawan tani yang baru supaya sama-sama bersaing untuk menunjukkan kecemerlangan di dalam sektor pertanian ini.

Sebagai contoh, penerima Anugerah Khas Hari Peladang Penternak (HPPNK) terdahulu seramai 17 orang usahawan tani pelbagai kategori dibawah pemantauan dan bimbingan agensi-agensi yang berkaitan pertanian, penternakan, perikanan samada dibawah agensi dan jabatan negeri dan persekutuan. Ia termasuk Anugerah Inovasi dan Anugerah Pemasaran Berjaya. Sekian terima kasih.

YB DATO' TIMBALAN SPEAKER :

Silakan Tendong.

YB TUAN ROZI BIN MUHAMAD :

Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan tambahan. Berkaitan dengan anak muda tani ini, kalau kita lihat daripada peranan dan juga keterlibatan anak-anak muda dalam pertanian ini kalau di Kelantan ini kita lihat sekarang ini sudah smakin ramai anak-anak muda kita yang terlibat dengan pertanian. Dan kalau di kawasan saya di Tendong itu, ada anak-anak muda kita yang menceburkan diri dalam sektor pertanian terutama penanaman padi ini. Ada yang lebih daripada 50 ekar sehingga ada yang 100 ekar yang dia usahakan. Cuma masalah yang ada pada anak-anak muda kita ini adalah berkaitan apabila adanya kekurangan ataupun kos yang tidak mencukupi dalam keadaan semua bahan-bahan mentah yang agak mahal sekarang ini menyebabkan kos, pengurusan ataupun modal pemulaan tidak mencukupi.

Jadi adakah pihak kerajaan apabila ada petani-petani muda yang mengusahakan pertanian secara berskala besar ini, ada insentif ataupun bantuan-bantuan daripada kerajaan. Adakah kerajaan bercadang untuk membantu dari sudut memberi modal awal kepada anak-anak muda yang mencebur diri dalam sektor pertanian dan yang berskala besar ini? Terima kasih.

YB TUAN HJ SARIPUDIN BIN TUAN ISMAIL :

Terima kasih soalan tambahan daripada Tendong. Sememangnya pihak kerajaan telah membuat persiapan lah untuk memberi bantuan kepada anak-anak muda. Sebagaimana yang saya sebutkan tadi di bawah Jabatan

Pertanian ada bantuan pembangunan usahawan tani lebih kurang RM500 ribu dan dibawah saya pun dengan jumlah yang sama RM500 ribu maknanya ada RM1 juta bantuan. Sejuta ringgitlah. Untuk dipohon oleh pemohon-pemohon dan disahkan oleh jabatan-jabatan mereka telah melaksanakan projek-projek pertanian dengan baik dan mempunyai potensi untuk dimajukan projek mereka InshaAllah kita bantu melalui pemberian seumpama input-input pertanian baja ataupun baru ini kita bagi benih-benih padi disaat benih padi ada yang merungutlah harga walaupun harga lantainya RM45 tapi di pasaran ada yang lebih.

Begitu jugak kenaikan harga racun dan sebagainya jadi kita akan pastikan anak-anak muda kita ini In shaa Allah tidak akan lemah semangat. Mereka terus memberi sumbangan besar kepada *food security* negeri bukan hanya untuk negeri Kelantan sebenarnya *food security* negara juga. Takdirnya anak-anak muda dan para pesawah tani ini tarik diri ataupun berhenti daripada bertani barangkali ramai rakyat Malaysia yang tak cukup makanan asasi barangkali. In shaa Allah kita tengok permohonan dan syarat-syaratnya. Sekian terima kasih.

YB DATO' TIMBALAN SPEAKER :

Yang Berhormat Kemuning, ada soalan tambahan? Silakan.

YB TUAN AHMAD ZAKHRAN BIN MAT NOOR :

Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker. Terima kasih juga kepada Yang Berhormat Exco atas penerangan berkenaan dengan usaha-usaha kerajaan berkaitan dengan usaha-usaha kerajaan untuk memperhebatkan lagi bidang usahawan tani di negeri ini.

Jadi soalan saya, saya baru dengar perkataan *kapok*, *piak* dan beberapa benda-benda lain yang disebutkan sebentar tadi. Jadi soalan saya, sejauh mana ataupun adakah pihak kerajaan bercadang untuk memperhebatkan juga kempen ataupun promosi untuk bagi maklumat dan juga pendedahan kepada belia dan beliawanis yang mana diterangkan sebentar tadi berusia 40 tahun kebawah berkenaan peluang-peluang usahawan tani yang disediakan oleh pihak kerajaan? Terima kasih.

YB TUAN HJ SARIPUDIN BIN TUAN ISMAIL :

Yang Berhormat Dato' Speaker, terima kasih kepada soalan tambahan daripada Kemuning. In Shaa Allah dalam masa terdekat kita akan buat jelajah promosi ke jajahan-jajahan yang kita susun secara berkala untuk memberi penerangan dan mengadakan bengkel serta libat urus dialog dengan terutamanya anak-anak muda dan seperti yang kita buat sebelum ini kita buat jelajah "Bertani Satu Ibadah" di peringkat jajahan-jajahan. Di situlah kita memperkenalkan kepada mereka bidang-bidang yang mereka patut ceburi dan disana kita memberi pendedahan bagaimana untuk mereka mendapatkan geran, bantuan. In shaa Allah jelajah ini sedang disusun dan akan sampai ke kawasan Kemuning In shaa Allah. Terima kasih.

YB DATO' TIMBALAN SPEAKER :

Silakan Yang Berhormat Chetok. Silakan. Wakaf Bharu.

YB TUAN MOHD RUSLI BIN ABDULLAH :

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Yang Berhormat Dato' Speaker. Jadi tahniah kepada kerajaan negeri yang telah memperkenalkan pertanian AlFalah kepada pondok-pondok.

Jadi sejauh manakah pemantauan yang telah dibuat oleh kerajaan negeri terhadap peruntukan tersebut? Mungkin kita boleh syorkan supaya dapat geran-geran samada negeri ataupun pusat yang lebih besar dan memandangkan sekarang ini tahun melawat Kelantan galakkan orang ini pergi kepada melawat pondok-pondok. Sekian terima kasih.

YB TUAN HJ SARIPUDIN BIN TUAN ISMAIL :

Yang Berhormat Dato' Speaker. Terima kasih soalan tambahan yang ke berapa doh. Keempat eh. Daripada Wakaf Bharu. Berkaitan dengan projek pertanian yang kita laksanakan di pondok-pondok dan pusat-pusat tahfiz dimana kita telah menyediakan bajet khas iaitu sebanyak RM300 ribu setahun kepada pondok-pondok yang membuat persiapan yang kita buat perbincangan pihak pondok menghantar permohonan secara bergilirlah. Jadi bukan semua pondok ini ada persiapan, ada

pondok yang tidak ada tanah pertanian dan mungkin mereka tidak nak mengganggu sistem pengajian.

Jadi pondok-pondok yang menyertai kita buat pemantauan dan kita melantik jabatan-jabatan dan pegawai-pegawai tertentu memantau perjalanan projek tersebut. Contohnya di pondok-pondok ada yang kita bagi projek cendawan seperti di pondok Seri Permai, Seligi. Sampai sekarang pondok ini berjaya dah beberapa tahun mendapat hasil yang agak lumayan sehingga kita bagi kepada pondok ini rumah cendawan pintar. Maknanya yang menggunakan teknologi moden dan kita bagi alat yang cukup dari segi alat untuk buat bongkohnya, untuk peramalannya dan sebagainya. Akhirnya mereka dapat hasil. Begitulah pondok-pondok lain dan tahfiz-tahfiz yang ada yang minta nak menternak rusa, ada kita bagi. Ada pondok yang berbentuk ada agronya *agrotourism* sikit. Dia mintak nak ternak kuda kerana mereka minat bidang memanah dengan kuda dan sebagainya. Kita juga pernah bagi kepada pondok ini untuk menternak kuda yang menjadi sebagai latihan kepada pelajar-pelajar pondok.

Pelbagai peluang yang ada In Shaa Allah kalau mereka bersungguh-sungguh dengan peruntukan yang kita bagi, ada kejayaan. Dan Alhamdulillah Kementerian Sumber juga telah tengok kesungguhan kita, mereka juga ada bantuan iaitu mereka libatkan pondok-pondok ini dengan program TVET pondok dan tahfiz. Terima kasih.

YB DATO' TIMBALAN SPEAKER :

Baik. Terima kasih Yang Berhormat Exco Pertanian, Agromakanan dan Komoditi. Lima kali kena berdiri. Terima kasih banyak-banyak. Seterusnya, mempersilakan...

YB PUAN NOR ASILAH BIN MOHAMED ZIN :

Speaker... saya nak mintak satu keizinan sebab ni penting.

YB DATO' TIMBALAN SPEAKER :

Satu lagi soalan tambahan?

YB PUAN NOR ASILAH BIN MOHAMED ZIN :

Haa soalan tambahan sebab saya dah empat kali bangun. Okay terima kasih kepada..

YB DATO' TIMBALAN SPEAKER :

Okay baik Limbongan teruskan.

YB PUAN NOR ASILAH BIN MOHAMED ZIN :

Okay terima kasih kepada Tuan Speaker. Pertamanya saya nak ucapkan tahniahlah kepada Exco Pertanian. 29hb Februari kerana turun ke Dun Limbongan berkaitan dengan penyerahan pasar borong kerjasama dengan FAMA.

Cuma soalan saya, adakah kerajaan berhasrat untuk mengadakan kursus-kursus yang lebih efektif kepada usahawan-usahawan wanita ataupun usahawan-usahawan belia-beliawanis yang muda ini untuk memajukan dari sudut penternakan, dari sudut pertanian kerana saya memohon agar pasar borong yang ada di Pasir Puteh ini menjadi satu sebagai RTC yang kedua dan sebagai pengeluar tempat untuk pemborong-pemborong membeli seperti sayur, daging dan penternakan ayam. Setakat itu dulu. Terima kasih Dato' Speaker.

YB DATO' TIMBALAN SPEAKER :

Silakan Yang Berhormat Exco sekali lagi.

YB TUAN HJ SARIPUDIN BIN TUAN ISMAIL :

Yang Berhormat Dato' Speaker. Terima kasih soalan tambahan daripada Limbongan. Jawapannya mudah, ya In Shaa Allah kita akan melaksanakan program tersebut supaya kita gunakan kemudahan yang sedia ada dan terima kasih kepada pihak FAMA yang telah membantu sehingga dapat kita *upgrade* ataupun kita membuat persiapan lah sehingga sekarang ini sudah dimasukkan semua peserta-peserta di Pasar Borong Awam Pasir Puteh dan besok ada solat hajat untuk tempat baru ini mintak selamat.

Moga-moga dengan ada tempat yang sesuai ini yang cantik dan bagus In Shaa Allah kita akan memanfaatkan dengan kita melatih dan beri kursus

kepada para peniaga pemborong-pemborong ini supaya lebih efektif dan lebih baik dapat menjalankan pemasaran mereka kepada peruncit-peruncit dan sebagainya. In Sha Allah jange bimbe.

YB DATO' TIMBALAN SPEAKER :

Baik terima kasih sekali lagi Yang Berhormat Exco. Seterusnya, saya mempersilakan Yang Berhormat Jelawat untuk soalan seterusnya.

YB TUAN ZAMERI BIN MAT NAWANG :

Yang Berhormat Dato' Speaker, pohon jawapan untuk soalan nombor 3.

Soalan 3 :

[Minta YAB Ustaz Dato' Panglima Perang Menteri Besar nyatakan,apakah kerajaan bercadang untuk mewujudkan suatu taman rekreasi keluarga di dalam Dun Jelawat bagi mewujudkan masyarakat yang sihat.]

YB TUAN HILMI BIN ABDULLAH :

بسم الله الرحمن الرحيم
السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Terima kasih kepada Jelawat atas soalan. Untuk makluman Jelawat saya baru selesai mengadakan program menjelajah Exco PBT ke semua PBT dalam rancangan dan baru selesai mengadakan jelajah ke Dabong, Kuala Krai, Machang dan minggu lepas ke Bachok untuk saya mendapatkan apa ini maklumat-maklumat di lapangan mengenai perancangan-perancangan telah dibuat oleh PBT masing-masing dan di Bachok saya telah mendengar beberapa pembentangan daripada Setiausaha Majlis Daerah Bachok dan kita juga berbincang dengan ADUN-ADUN setempat lah. Cuma waktu itu Jelawat dimaklumkan ada kes mahkamah bukan keno saman dia menyaman orang.

Dan untuk makluman Jelawat lah, Majlis Daerah Bachok telah mengangkat peruntukan bagi cadangan taman rekreasi di Kampung Kubang Telaga seluas 4.2 ekar tepi Sungai Semerak kepada KASA dengan nilai pembangunan taman rekreasi sebanyak RM1.280 juta.

Antara komponen yang dicadangkan untuk dibina adalah laluan pejalan kaki menggunakan *paving* blok, membina tempat memancing, membina restoran di tepi sungai, taman permainan dan riadah, lampu LED, *streetlighting*, gazebo namun cadangan tapak tersebut tidak mendapat sokongan daripada JPS kerana tapak tersebut berisiko banjir dan dalam perancangan JPS untuk dijalankan aktiviti untuk mencuci sungai. Dan semasa mesyuarat jelajah di Bachok, pihak Majlis telah mencadangkan tapak baru iaitu di tanah kerajaan di Mukim Bator seluas 1.8 ekar yang mana saya telah memohon pihak daripada daerah Bachok untuk mengangkat permohonan kepada Bahagian Kerajaan Tempatan untuk kita nilai dan kaji.

Dan sebagaimana titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku bahawasanya Kebawah Duli telah menggalakkan supaya pihak ketua tempatan untuk membangunkan taman-taman rekreasi yang baharu memandangkan Bachok tiada kawasan taman rekreasi yang sesuai untuk riadah keluarga. Kita akan letakkan kepentingan untuk mewujudkan sebuah taman rekreasi di Jelawat sebagai keutamaan kitalah. Dan kalau ikut pada, sebelum saya menggulung saya telah menyatakan bahawasanya ada 263 taman permainan dan rekreasi di Kelantan.

Dan untuk Bachok sahaja jajahan Bachok ada tujuh malangnya semua takda di Jelawat walaupun kita tahu Jelawat ni merupakan satu bandar nukleus yang baru di Bachok dengan adanya hospital baru, dengan adanya UMK disana, KIAS juga ada disana maka adalah satu menjadi keperluan, kepentingan untuk kita adakan satu pusat rekreasi sekeluarga untuk penduduk di Jelawat yang mana tiada taman rekreasilah. Dan In Shaa Allah kita akan merancang sebaik mungkin dengan kerjasama daripada pihak Majlis Daerah Bachok In Shaa Allah.

YB DATO' TIMBALAN SPEAKER :

Silakan Yang Berhormat Jelawat soalan tambahan.

YB TUAN ZAMERI BIN MAT NAWANG :

Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker. Dalam Titah Ucapan Diraja ada disebutkan bahawa jajahan Gua Musang dan Kuala Krai tersenarai dalam jajahan yang paling bahagia di Malaysia. Dan kalau kita lihat pada geografi Gua Musang dan Kuala Krai ini terdapat banyak kawasan-kawasan yang boleh dijadikan kawasan rekreasi keluarga seperti

gunung-ganang, sungai-sungai dan air terjun. Dan jelawat juga tidak kurang dari segi tempat-tempat yang menarik ini seperti sawah-sawah yang menghijau sejauh mana mata memandang, air-air yang mengalir tenang dan bukit yang tinggi menjulang.

Soalan saya kepada Yang Berhormat Exco adakah kerajaan bersedia dan memberi jaminan bahawa jika sekiranya kawasan dicadangkan tersebut tidak sesuai ataupun tidak diluluskan kawasan di Mukim Bator tersebut, adakah kerajaan bersedia dan memberi jaminan bahawa taman rekreasi ini akan tetap dilaksanakan di Dun Jelawat walaupun di tempat-tempat yang lain dalam Dun Jelawat kerana saya percaya bahawa dengan adanya taman rekreasi keluarga ini, Dun Jelawat akan lebih bahagia daripada Dabong dan Mengkebang di Kuala Krai. Terima kasih.

YB TUAN HILMI BIN ABDULLAH :

Terima kasih atas soalan daripada Jelawat. Memanglah kita kalau ikut pada perancangan bandar, dia ada blok *ratio* untuk kewujudan kawasan lapang. Ia sebenarnya kita perlu sediakan dua hektar untuk jumlah setiap 1000 penduduk. Jadi kita perlu merancang pembangunan bandar kita dengan sebaiknya dan In Shaa Allah di Jelawat kita akan cuba cari tapak jika tiada, tiada apa ni lokasi sesuai kita bersedialah untuk membuat pengambilan untuk memastikan wujudnya satu taman rekreasi kawasan lapang untuk setiap Dun sebagaimana sasaran yang telah kita tetapkan supaya kita dapat memastikan bukan hanya Jeli, Kuala Krai, Gua Musang dinobatkan sebagai bandar paling bahagia di Malaysia. Kita sama-sama berusaha supaya semua bandar-bandar yang ada dalam Kelantan dapat dinobatkan sebagai bandar bahagia di Malaysia In Shaa Allah.

YB DATO' TIMBALAN SPEAKER :

Baik terima kasih. Silakan Yang Berhormat Gual Ipoh.

YB TUAN BAHARI BIN MOHAMAD NOR :

Jange bimbe takdok dh ... mat

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker, saya ingin merangkaikan ucapan terima kasih kepada Yang Berhormat Exco yang mengatakan akan mewujudkan satu *reserve* ataupun kawasan untuk rekreasi ataupun riadah bagi setiap tempat supaya rakyat kita akan sentiasa bahagia dan kalau kita tengok pun di sebelah negara jiran kita Thailand, dia ada satu pusat rekreasi bagi setiap bandar yang sangat besar. Ada trek untuk jogging, basikal, riadah permainan kanak-kanak dan sebagainya sangat menarik. Walaubagaimanapun itu bukan soalan saya.

Soalan saya adalah apakah pihak PBT boleh memikirkan berkaitan dengan keperluan untuk tidak membuang pokok-pokok yang telah besar ataupun lama, pokok yang telah tua? Kadang kita lihat atas alasan apa pokok-pokok berkenaan ditebe, dibue sebaliknya sepatutnya kita letak penyanggah kayu ataupun penyanggah penyokong dan sebagainya dan mana-mana ranting yang buruk dan telah tua mungkin kita boleh buang. Kalau ada sapoh tu sapuhlah sebab dalam hubungan kita dengan dia panggil pemanasan global ni sangat panas. Jadi pokok-pokok ini mintaklah supaya dipelihara dibubuh penyokong dan penyanggah supaya ia kekal disini.

Kalau Tingkatan lima dulu kita pun belajar Sains, dimana melalui proses fotosintesis ada berlaku kejadian ini adalah kejadian yang Allah SWT cipta bahawasanya pokok itu dengan proses fotosintesis makanan dio boleh mengeluarkan air H₂O dan O₂ oksigen untuk kita bernafas sedangkan dia mengambil karbon dioksida. Jadi yang kita tidak perlukan. Jadi soalan nyo, bolehkah pihak Exco mengarahkan kepada PBT-PBT supaya pokok-pokok yang telah tua dan lama ini jangan dibuang. Itu sahaja sekian, terima kasih.

YB TUAN HILMI BIN ABDULLAH :

Terima kasih atas kecaknaan Gual Ipohlah mengenai masalah berkaitan dengan pokok-pokok tua yang berada dalam kawasan PBT memanglah sebelum daripada tengkujuh tahun lepas kita mengarahkan supaya semua PBT melakukan operasi untuk memangkas, memotong pokok-pokok yang telah reput hasil daripada aduan daripada para penduduk dalam kawasan operasi PBT bahkan pada tahun lepas kita, pihak Kerajaan Tempatan telah meluluskan dua buah *skylift* kepada, pertama kepada Majlis Daerah Kuala Krai dan juga Majlis Daerah Tanah Merah. Dan tahun ini ada beberapa permohonan daripada PBT untuk juga memiliki *skylift* kerana usia pokok yang ditanam dahulunya, ditanam

serentak, spesies yang sama berlaku pereputan yang sama tempoh yang sama sehinggalah berlaku kemalangan yang mengakibatkan kehilangan nyawalah yang berlaku di jalan besar Kok Lanas.

Dan kita mengadakan operasi untuk keselamatan penduduk dalam masa yang sama kita meminta PBT mengenal pasti spesies pokok yang telah tumbuh besar yang ditanam. Adakah berisiko untuk dikekalkan dan jika berisiko kita memang akan tebang terus dan akan digantikan dengan pokok-pokok daripada spesies semasa yang lebih berkualiti yang boleh berjangka hayat dan juga lebih daripada spesies yang keras, kayu keras.

Kita lebih mengutamakan keselamatan penduduk disamping kita tidak menolak untuk kita menjayakan program-program keceriaan, pengindahan bandar kita sebagaimana yang telah disebut oleh YB Mengkebang. SDG yang telah digagaskan perancangan di peringkat dunia, peringkat Malaysia pun kita PBT pun sambut. *Sustainable development goal*.

Kita kena apa ni buat pertimbangan timbang tara yang itulah dan kemungkinan kita boleh memikirkan kaedah yang dicadangkan oleh Gual Ipoh samada sesuai tak sesuai untuk kita tukar pokok tu. Tulah kita kena bagi timbang tara antara keselamatan penduduk dan juga untuk kita mengindahkan, menceriakan bandar kita. Terima kasih.

YB DATO' TIMBALAN SPEAKER :

Terima kasih Yang Berhormat Exco Kerajaan Tempatan, Perumahan, Kesihatan, dan Alam Sekitar. Saya mempersilakan Yang Berhormat Gual Periok untuk soalan seterusnya.

YB TUAN KAMARUZAMAN BIN MOHAMAD :

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Yang Berhormat Dato' Speaker. Mohon jawapan soalan saya nombor 4. Terima kasih.

Soalan 4 :

[Minta YAB Ustaz Dato' Panglima Perang Menteri Besar nyatakan, apakah perkembangan sambutan Tahun Melawat Kelantan 2024 dan setakat mana rakyat menyedari tentang program Kerajaan Negeri ini.]

YB DATUK KAMARUDIN BIN MD NOR :

Yang Berhormat Speaker,

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Terima kasih kepada Yang Berhormat Gual Periok yang ingin bertanya mengenai perkembangan sambutan Tahun Melawat Kelantan 2024 dan setakat mana rakyat menyedari tentang program kerajaan ini. Bagi menjawabnya pertamanya, kita baru saja melangkah masuk bulan Mac jadi pada hemat saya agak terlalu awallah untuk membuat penilaian tentang perkembangan sambutan Tahun Melawat Kelantan. Meskipun begitu, saya telah mendapat maklum balas daripada beberapa sumber untuk mengetahui apakah sambutan daripada rakyat dalam negeri dan juga pengunjung-pengunjung daripada negeri yang datang ke Kelantan.

Dan satu sumber yang kita boleh petik ialah daripada tempat-tempat penginapan hotel, *resort*, juga *homestay*. Dan daripada tinjauan pihak saya kita dapati dalam tempoh bulan Februari yang kebetulan dengan cuti sekolah, hotel dah penuh. Begitu juga dengan *resort* dan *homestay*. Baru-baru ni keluarga saya datang daripada Perak. Isteri saya dia nak bawaklah pergi makan angin dekat *resort*, tak boleh penuh. Tak guna kabel ni. Ni pakai pergi gitu je. Jadi Alhamdulillah. Cumanya kesan ini kita dapat lihat di kawasan utara Kelantan maknanya di Kota Bharu, di Tumpat, di Bachok dan juga di Jeli. Jeli pun sama.

Dan saya perhati ada satu yang *common* di sini. Semua tempat ini ada hotel dan *resort* yang agak bagus. Jadi sekarang ni orang ada kemampuanlah untuk masuk hotel yang baik-baik. Alhamdulillah. Kemudian, mengenai pasar, tempat tumpuan. Baru-baru ni saya mengikuti ada *posting* dalam *Facebook* mengenai Pasar Siti Khadijah katanya dah lengang dan juga takda orang datang dah. Orang semua pergi Thailand katanya.

Saya pun pergilah ke Pasar Siti Khadijah untuk membuat tinjauan sendiri. Tak betul, penuh lagi. Kereta takleh nak masuk. Dalam tu pun penuh lagi. Jadi Alhamdulillah yang bagusnya diorang dalam kedai tu dia kenal saya. Okay Alhamdulillah. Boleh tahan jugaklah. So kita rasa pada saya lah merasakan sangat teruja melihat sambutan rakyat terhadap Tahun Melawat Kelantan ini. Mengenai yang kedua, sejauh mana rakyat menyedari tentang program kerajaan ini. Saya hanya merujuk kepada media sosial sebagai sumber. Pasal ini banyak masuk dalam media sosial samada *Facebook* ataupun *Tiktok*. Dan sukacita saya kongsi sedikit maklumat berkenaan dengan sambutan ataupun kecaknaan ataupun kesedaran rakyat terhadap program kita.

Untuk pelancaran Tahun Melawat Kelantan, kita ini campuran *Facebook* dengan *Tiktok*. Ada hampir 800,000 *view* tontonan. Alhamdulillah ya. Itu dan *sharing* maknanya orang *post* apa ini masukkan dan orang ni *share*. Sebanyak 1691 *Tiktok* sahaja. Facebook saya tak dapat lagi. Jadi Alhamdulillah maknanya kita dah, itu Tahun Melawat Kelantan. Silang budaya ini yang Yang Berhormat Pantai Irama diantara *core* apa namanya penggerak utama disitu. Sahabat-sahabat memberitahu saya, jumlah kesemuanya yang apa namanya yang masuk dalam *Facebook* dan *Tiktok* dan lain-lain platform hampir 10 juta.

Saya tak berapa percaya agaknya terlalu tapi satu akaun sahaja Mustafa Kamal yang juga diantara yang menjadi penggerak utama dalam silang budaya program silang budaya. Dia punya apa namanya *view* 2.8 juta *and then another* sorang lagi Muhammad Ali ini juga diantara penggerak utama Leftenan kepada Yang Berhormat Pantai Irama. Dia punya apa namanya akaun 1.8 juta. Jadi kalau kita campur ni diorang kata 10 juta campur dengan yang lain-lain lagi. Boleh jadi betul tak masuk dengan akaun YB Pantai Irama lagi. Saya tak tahulah dia. Jadi Alhamdulillah kesedaran itu sudah ada. Jadi itulah lebih kurang respon saya kepada soalan Yang Berhormat Gual Periok. Terima kasih.

YB DATO' TIMBALAN SPEAKER :

Silakan soalan tambahan.

YB TUAN KAMARUZAMAN BIN MOHAMAD :

Soalan tambahan saya Dato' Speaker. Ini berkaitan dengan Rantau Panjang. Rantau Panjang ialah destinasi hampir wajib dilawati pada

tahun 80-an, 90-an dan awal 20 an. Ore mari Kelate mesti gi Rantau Panjang, hampir wajib gi Rantau Panjang. Jadi apabila saya meneliti kalendar Tahun Melawat Kelate 2024, sepernelitian saya tiada *event* yang dijalankan di Rantau Panjang yang merupakan diantara ikon pelancongan Kelate.

Jadi, soalan saya mungkin saya terlepas pandang, adakah ada *event* di Rantau Panjang dan sekiranya tiada adakah pihak kerajaan bercadang untuk melaksanakan *event* di Rantau Panjang untuk menarik pelancong dan menghidupkan semula Rantau Panjang sebagai destinasi pelancongan utama Kelate. Terima kasih.

YB DATUK KAMARUDIN BIN MD NOR :

Terima kasih Yang Berhormat Gual Periok atas soalan tambahan. Dia tanya kebetulan soalan ini dah ada tetapi tak sempat dijawab jadi jawapan pun ada Alhamdulillah. Pertamanya, ada *event* di Rantau Panjang cuma tidak apa itu secara langsung berkaitan dengan kitalah. Baru-baru ni ada satu pertandingan perahu dia panggil apa lumba perahu yang dianjurkan oleh Datuk Bandar Golok tetapi penyertaan kita yang menarik perhatian dan saya dah bagi komitmen untuk mengadakan program seperti ini kalau sempat dalam tahun ini juga, kalau tidak tahun depan bersama-sama dengan pihak berkuasa Sungai Golok.

Saya juga telah berbincang dengan Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar kita untuk mengadakan perbincangan yang bertujuan sama untuk membangunkan projek pelancongan di kawasan sempadan antara Rantau Panjang dan juga Pengkalan Kubor dan juga Bukit Bunga di Jeli. Jadi, itu nanti pasal Yang Amat Berhormat dia kata dengan orang sana tu dia kenal jadi saya mintak dia tolong uruskanlah.

Untuk Rantau Panjang, kebetulan baru ini ada satu rombongan bas dua buah bas dari *Singapore*. Kita bawak ke Rantau Panjang. Yang Berhormat masa tu ada di Sarawak ke. Ohh okay okay Kota Kinabalu. Kita jemput juga Yang Berhormat tapi Yang Berhormat kata dia ke Kinabalu tak dapat hadir. Jadi dua buah bas daripada Singapura datang pergi ke Masjid Beijing, pergi membeli-belah di pasar *duty free* dan kita bawaklah ke beberapa tempat yang lain.

Kemudian untuk Rantau Panjang, saya dimaklumkan bahawa ada peruntukan sebanyak RM12 juta daripada Kementerian Ekonomi

dibawah Bahagian Pembangunan Wilayah untuk kerja-kerja peningkatan imej bandar. Ada termasuk di sini *lighting* nya, apa ni tandas baru, *landscape* untuk tujuan pelancongan. Ini untuk Rantau Panjang. Jadi saya eloklah kalau YB *check* dengan Pihak Berkuasa Tempatan berkenaan dengan ini katanya pelaksanaanya ialah ECER (*East Coast Economy Region*) dan juga akan dilaksanakan pada tahun ini jugak.

Sementara itu, dari sumber UPEN satu kajian sedang dibuat untuk membaik ataupun untuk menyusun semula pasar *duty free* di Rantau Panjang itu. Dan ini kita tungguhlah cadangan daripada pihak UPEN untuk menyusun semula *duty free shop* di Rantau Panjang yang In Shaa Allah akan membawa lebih banyak nilai tambah ekonomi kepada penduduk di Rantau Panjang In Shaa Allah. Terima kasih.

YB TUAN HJ ABD.RAHMAN BIN YUNUS :

Speaker...

YB DATO' TIMBALAN SPEAKER :

Silakan Yang Berhormat Pasir Tumboh.

YB TUAN HJ ABD.RAHMAN BIN YUNUS :

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Terima kasih Dato' Speaker yang baik hati dan harini nya kito napok ceria belako YB. Bokali hari akhir harinih. Tidak stress. Ambo pun raso deki jugok duk main Dabong jah, sohor Dabong nih dengan Gua Ikan lah, dengan *Train to Dabong* lah lepahtu Rata Panjang lah dan kitanya banyak promosi ni dengan makanan yang lazat, dengan pantai yang indah-indah tapi tepat ambo ni ado so sejarah.

Ada satu sejarah. Kalau kita gi Mesir dia ada Universiti Azhar. Universiti Azhar ni sohor, ramai pelancong juto-juto pelancong. Ambonyo belajar di Ubai. ... (bercakap bahasa Pakistan). Saya belajar Pakistan. Di Ubai ni ... (bercakap bahasa Pakistan) sangat cantik. Dia ada institusi pondok situh di Ubai ni. Dia ada dua buah pondok. Dan pondok ni boleh kata seluruh dunia ore gi belajar di Ubai. Amik kos Darul Hadis kemudian sambung ke luar negara ke Universiti Azhar ke untuk buat *master*. Dan ambonyo dalam Dun ambonyo ado pondok, ha nak gi dh tu. Yang Berhormat Dato'

Speaker, ambonyo ado pondok keno *intro* dulu dan pondok ambo ni lebih kure dalam 10km jah daripada dewan kita ke pondok atau lebih sikit jah. Dionyo ado pelajar tetap.

Pelajar tetap ado 800 orang dan pelajar berkeluarga dia ada 3000 orang hok duduk sekitar tu berkeluarga. Orang-orang tuo ko gapo ado dale 3000 ore. Boleh dikatakan ramai pelajar-pelajar ataupun ore hok mari melawat pondok ni pasal dia susun jadual pakej-pakej bulan Ramadhan lah, musim cuti lah ramai. Sapa ko luar negeri, luar negara. Ada pelajar daripada Kemboja contohnya dia belajar kitab contohnya kitab Faridah lah, dop. Ado dio tulis dalam jawi tuh. Hok dio tulis dale jawi tuh ore Kemboja kata nilah bahasa Arab. Pasal dia jawi. Jawi ni dio serupo nga bahasa Arab. Jadi dia terpaksa belajar hokni lah hok Arab sesungguhnya. Dan kita terpaksa oyak ko dio ni buke Arab lagi. Jawi baru ni. Nok oyak nyo ramai pelajar-pelajar daripada Brunei, daripada Kemboja, daripada Kampuchea.

YB DATO' TIMBALAN SPEAKER :

Yang Berhormat soalan belum dengar lagi.

YB TUAN HJ ABD. RAHMAN BIN YUNUS :

Sebabtu kato apa Speaker yang baik hati. Belum mula lagi. Jadi soalnya, soalnya bagaimanakah nak jadikan pondok Pasir Tumboh ni supo dengan Ubai, supo dengan Universiti Azhar salah satu daripada destinasi lawatan pasal Kelantan ni dio takleh lari daripada tempat-tempat pengajian pondok. Jadi kita kena memasyhurkan pondok Pasir Tumboh ni dengan menjadikan pondok Pasir Tumboh ni salah satu daripada destinasi lawatan. Itu soalnya Dato' Speaker.

YB DATO' TIMBALAN SPEAKER :

Terima kasih Yang Berhormat. Silakan Yang Berhormat Exco.

YB DATUK KAMARUDIN BIN MD NOR :

Terima kasih Yang Berhormat Pasir Tumboh. Saya ambil maklum perkara itu bahkan dalam perancangan kita untuk memajukan pelancongan di Kelantan ni. Kita masuk kita panggil *religious tourism* ni. Dan pondok Pasir Tumboh tu memang di antara yang disenaraikan atas sekali untuk menjadi tempat. Cumanya saya dengan bantuan dan kerjasama daripada

rakan saya Yang Berhormat Pengerusi Hal Ehwal Islam perlu membuat untuk tinjauan tentang persediaan persiapan untuk menerima apa ni pengunjung.

Kita ke *Singapore* bulan satu yang lalu bawa benda ni dan nampak ada minat orang-orang melayu *Singapore* yang agak terhad dia punya *exposure* Islam dia mahu duduk seminggu, dua minggu belajar dan cuba mengamalkan ajaran islam di Kelantan ini. Cuma saya belum pasti samada kita punya persiapan pasal dia orang *Singapore* ini dia selesai dia bunyi pondok tu kan dia punya imejnya sesuatu yang sangat apa itu *Spartan* lah dalam Bahasa Inggerisnya maknanya ala kadar sahaja. Saya risau kot diorang tak tahan dua minggu so ini nanti kita pergi tinjau tengok Yang Berhormat dan kalau dapat kita merasa puas hati bahawa persiapan itu cukup dan kita akan apa namanya *promote* lagi secara agresif di *Singapore*. Terima kasih.

YB DATO' TIMBALAN SPEAKER :

Silakan Yang Berhormat Bukit Bunga.

YB TUAN MOHD ALMIDI BIN JAAFAR :

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Soalan tambahan ataupun notis. Saya nak kaitkan sikit sebab bila Yang Berhormat Exco sebut pasal Bukit Bunga tadi seperti sedia maklumlah Bukit Bunga ni juga lebih kure Rantau Panjang. Apa yang dijual di Bukit Bunga pun lebih kurang sama jugak dengan Rantau Panjang dan juga Pengkalan Kubor. Dan seperti biasa kalau cuti-cuti umum ataupun cuti-cuti perayaan ni, Bukit Bunga ni satu tempat jem. Mari alik kuk Tanah Meroh nak gi ko Gerik pun jem. Mari daripada Gerik nak balik alah ko Machang pun jem di Bukit Bunga kerana ore bereti nok membeli-belah.

Jadi soalan saya, adakah pihak kerajaan bersedia untuk jadikan Bukit Bunga ini sebagai pusat persinggahan membeli-belah ataupun dengan izin *shopping pitstop shopping*. Jadi adakah kerajaan bersedia untuk jadikan Bukit Bunga sebagai pusat persinggahan membeli-belah sempena Tahun Melawat Kelantan ini. Terima kasih.

YB DATUK KAMARUDIN BIN MD NOR :

Saya, Yang Berhormat Dato' Speaker saya apa nama ni sedar dan juga *recognize* Bukit Bunga ni mempunyai potensi sebab ia terletak di *highway* Timur ke Barat dan laluan *highway* Timur ke Barat ni sudah meningkat apa ni orang-orang Jeli ni termasuklah lebih-lebih lagi Bukit Bunga tu dah mula mengalami sedapnya jem di jalan raya ni. Cuma saya sedikit apabila melihat dan meninjau kawasan Bukit Bunga, saya agak sedikit terkilan dengan barangan yang dijual disitu. Boleh dikatakan hampir 100% barangannya barangan ialah daripada Thailand. Betul boleh jadi kita jual tu pasal kita takyah pergi Thailand lah, apa namanya beli disini jelah.

Tapi secara tidak langsung kita sebenarnya menyediakan pasaran untuk barang-barang daripada Thailand *which is not good*. Kita nak *promote* kita punya barang tapi barang kita takda. Apa namanya jadi saya bila memikirkan hal itu, kita kena sediakan yang kita punya dan baru kita *promote*. Kalau tidak nanti barang Thailand berlambak disitu. Jadi kita jadi *market* dia. Duit mengalir kesana. So, itulah apa namanya tapi ni saya tengok dengan macam mana pihak Exco-Exco yang terlibat untuk kita pikirkan program bagi menambahkan barangan buatan Kelantan untuk dibeli oleh orang daripada luar Kelantan. Terima kasih.

YB DATO' TIMBALAN SPEAKER :

Baik. Terima kasih Yang Berhormat Exco Pelancongan, Kebudayaan, Kesenian dan Warisan. Ahli-Ahli Berhormat sekalian, saya bercadang untuk...

YB DR. HAFIDZAH BINTI HJ. MUSTAKIM :

Speaker mungkin saya mintak tolong satu...

YB DATO' TIMBALAN SPEAKER :

Saya bercadang untuk menangguhkan persidangan pada pagi ini. Kita tangguhkan persidangan dengan tasbih kafarah dan jugak Surah Al-'Asr. Persidangan akan bersambung pada jam 10:40 pagi.

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

**PERSIDANGAN DEWAN DITANGGUHKAN PADA JAM 10.10 PAGI DAN
AKAN DISAMBUNG SEMULA PADA JAM 10.40 PAGI.**

PERSIDANGAN DEWAN DISAMBUNG SEMULA PADA JAM 10.40 PAGI

[RANG UNDANG-UNDANG YANG PERTAMA]

SETIAUSAHA: Susunan Urusan Persidangan Yang Ketiga Rang Undang-Undang. Rang Undang-Undang Yang Pertama, **YAB USTAZ DATO' PANGLIMA PERANG DATO' MENTERI BESAR** akan mencadangkan Rang Undang-Undang Enakmen Perhutanan Negara Pemakaian Pindaan 2024.

**RANG UNDANG-UNDANG
ENAKMEN PERHUTANAN NEGARA (PEMAKAIAN) PINDAAN 2024**

=====

[BACAAN KALI PERTAMA]

YAB USTAZ DATO' PANGLIMA PERANG DATO' MENTERI BESAR :

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya mohon mencadangkan satu Rang Undang-Undang yang bergelar –

**SUATU ENAKMEN UNTUK MEMINDA ENAKMEN PERHUTANAN
NEGARA (PEMAKAIAN) 1985**

hendaklah dibaca bagi Kali Yang Pertama.

YB DATO' TIMBALAN MENTERI BESAR : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya mohon menyokong cadangan tersebut.

YB DATO' SPEAKER: Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, Rang Undang-Undang tersebut hendaklah dibaca bagi Kali Yang Pertama.

SETIAUSAHA :

**SUATU ENAKMEN UNTUK MEMINDA ENAKMEN PERHUTANAN
NEGARA (PEMAKAIAN) 1985**

[PERATURAN-PERATURAN DAN PERINTAH-PERINTAH TETAP 122]

YAB DATO' PANGLIMA PERANG USTAZ DATO' MENTERI BESAR: Yang Berhormat Dato' Speaker, saya mohon mencadangkan supaya Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap 122 dipakai bagi maksud membolehkan saya menjalankan Rang Undang-Undang ini pada semua tingkatan dalam Persidangan ini pada hari ini juga.

YB DATO' TIMBALAN MENTERI BESAR : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya mohon menyokong cadangan tersebut.

YB DATO' SPEAKER: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, persoalan yang berada dihadapan kita sekarang ialah satu cadangan supaya Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap 122 dipakai bagi membolehkan Rang-Rang Undang-Undang ini dijalankan pada semua tingkatan dalam Persidangan Dewan pada hari ini juga.

Dengan demikian, saya kemukakan cadangan tersebut bagi diundi.

AHLI-AHLI YANG BERHORMAT YANG BERSETUJU, KATA “SETUJU”, AHLI-AHLI YANG TIDAK BERSETUJU, KATA “TIDAK”.

Dipersetujukan.

[BACAAN KALI KEDUA]

YAB DATO' PANGLIMA PERANG USTAZ DATO' MENTERI BESAR: Yang Berhormat Dato' Speaker, saya mohon memberitahu bahawa saya akan mencadangkan bacaan bagi Kali Yang Kedua bagi Rang Undang-Undang ini dalam Persidangan Dewan pada hari ini juga.

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya mohon mencadangkan satu Rang Undang-Undang yang bergelar -

SUATU ENAKMEN UNTUK MEMINDA ENAKMEN PERHUTANAN NEGARA (PEMAKAIAN) 1985.

hendaklah dibaca bagi Kali Yang Kedua.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا أَطِيعُوا اللَّهَ وَأَطِيعُوا الرَّسُولَ وَأُولِي الْأَمْرِ مِنْكُمْ

Maksudnya : “Wahai orang-orang yang beriman, hendaklah kamu taat kepada Allah dan hendaklah kamu taat kepada Rasul dan ulil Amri diantara kamu”.

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya mohon untuk memberitahu bahawa saya akan mencadangkan bacaan Kali Yang Kedua bagi Rang Undang-Undang Perhutanan Negara (Pemakaian) Pindaan 2024 dalam Persidangan Dewan pada hari ini juga.

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya mohon mencadangkan Rang Undang-Undang Perhutanan Negara (Pemakaian) Pindaan 2024 tujuan untuk meminda Enakmen Perhutanan Negara (Pemakaian) 1985 selaras dengan pindaan yang telah dibuat dalam Akta Perhutanan Negara Pindaan 2022 A1667.

Akta Perhutanan Negara Pindaan 2022 A1667 telah diluluskan oleh Dewan Rakyat pada 18 Julai 2022 mengandungi 62 seksyen dan melibatkan 44 pindaan seksyen termasuk 2 jadual, penambahan 12 seksyen baru menggantikan 5 seksyen dan pemotongan 1 seksyen sedia ada.

Majlis Mesyuarat Kerajaan pada Kali Ketujuh tahun 2023 yang bersidang pada 9 April 2023 telah bersetuju untuk menerima pakai 47 seksyen, 5 seksyen diterima dengan ubahsuaian dan menolak 2 seksyen. Seksyen-seksyen yang dicadangkan untuk pemakaian dengan ubahsuaian adalah sebagaimana dimasukkan dalam Rang Undang-Undang Perhutanan Negara (Pemakaian) Pindaan 2024. Terdapat 5 seksyen dalam Akta Perhutanan Negara Pindaan 2022 A1667 yang diubahsuai dan 2 seksyen yang tidak diterima pakai oleh negeri Kelantan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya mohon untuk membacakan fasal-fasal yang terdapat dalam Rang Undang-Undang Perhutanan Negara (Pemakaian) Pindaan 2024. Untuk makluman Dato' Speaker dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, Rang Undang-Undang Perhutanan Negara (Pemakaian) Pindaan 2024 mengandungi 7 fasal. Rang Undang-Undang Perhutanan Negara (Pemakaian) Pindaan 2024 memperkatakan perkara-perkara seperti berikut.

Fasal 1(1). Enakmen ini bolehlah dinamakan Enakmen Perhutanan Negara (Pemakaian) Pindaan 2024. Fasal ini megandungi tajuk ringkas enakmen yang dicadangkan.

Fasal 1(2). Enakmen ini hendaklah mula berkuatkuasa pada tarikh ianya disiarkan dalam Warta. Fasal ini bertujuan untuk memberi pihak berkuasa negeri kuasa untuk menetapkan tarikh pemulaan kuatkuasa enakmen yang dicadangkan.

Fasal 2. Enakmen Perhutanan Negara (Pemakaian) 1985, enakmen nombor 11 tahun 1985 yang disebut Enakmen Ibu. Dalam enakmen ini dipinda dalam Subperenggan 2(b)(3) dengan menggantikan perkataan Tumbuhan Darat yang dinyatakan dalam Jadual Ketiga kepada Akta Perdagangan Antarabangsa Mengenai Spesies Terancam 2008 Akta 686 dengan perkataan Tumbuhan Darat Yang Terancam yang akan ditentukan oleh Pihak Berkuasa Negeri.

Fasal ini bertujuan memberi kuasa pada Pihak Berkuasa Negeri dalam menentukan tumbuhan darat yang akan termasuk dalam hasil hutan. Pihak Berkuasa Negeri seterusnya boleh merujuk kepada Jadual Ketiga Akta 686 dan juga tumbuhan daratan lain bagi menentukan tumbuhan daratan yang akan termasuk sebagai hasil hutan.

Fasal 3. Seksyen 3A Enakmen Ibu dipinda dengan menggantikan perkataan Pegawai Jabatan Perhutanan, Perhutanan Perseketuan dengan perkataan Pegawai Yang Pihak Berkuasa Negeri fikirkan perlu. Fasal ini bertujuan untuk memberi kuasa kepada Pihak Berkuasa Negeri untuk melantik mana-mana pegawai bagi menjalankan penguatkuasaan dibawah Akta A1667 kerana terdapat keperluan penguatkuasaan oleh pegawai pihak berkuasa negeri selain pegawai hutan.

Fasal 4 Subseksyen 15(2) Enakmen Ibu dipinda dalam perenggan B dengan menggantikan perkataan Tumbuhan Darat yang dinyatakan dalam Jadual Ketiga kepada Akta Perdagangan Antarabangsa Mengenai Spesies Terancam 2008 Akta 686 dengan perkataan Tumbuhan Darat Yang Terancam yang akan ditentukan oleh Pihak Berkuasa Negeri. Fasal ini bertujuan untuk menyelaraskan tafsiran hasil hutan dalam Seksyen 2.

Fasal 5 Enakmen Ibu dipinda dalam Subseksyen 2 dengan menggantikan perkataan RM100,000 dengan perkataan RM500,000. Fasal ini bertujuan menaikkan denda daripada RM100,000 kepada RM500,000 ini adalah kerana kadar denda baru selaras dengan kadar denda yang

diperuntukkan bagi kesalahan pendudukan tidak sah dibawah Seksyen 425 Kanun Tanah Negara 2020.

Fasal 6 Subseksyen 111(2) Enakmen Ibu dipinda dengan memotong perenggan UA. Fasal ini bertujuan memotong perenggan 111(2) (UA) atas sebab Pihak Berkuasa Negeri mahu mengekalkan pemakaian dan pelaksanaan Seksyen 11 yang sedia ada.

Fasal 7 Pindaan Seksyen 11 dan 12 Akta A1667 tidak terpakai bagi negeri Kelantan. Fasal ini bertujuan untuk menyatakan ketidakpakaian pindaan Seksyen 11 dan 12 Akta A1667 kepada negeri Kelantan.

Yang Berhormat Dato' Speaker dan Ahli-Ahli Dewan sekalian, kerajaan negeri Kelantan merakamkan ucapan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam membuat Rang Undang-Undang Perhutanan Negara (Pemakaian) Pindaan 2024 ini. Akhirnya, kerajaan negeri Kelantan berharap agar Rang Undang-Undang Perhutanan Negara (Pemakaian) Pindaan 2024 ini akan mendapat sokongan penuh Ahli-Ahli Yang Berhormat. Saya mohon mencadangkan.

YB DATO' TIMBALAN MENTERI BESAR : Yang Berhormat Dato' Speaker saya mohon menyokong cadangan tersebut.

YB DATO' SPEAKER: Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, persoalan yang ada dihadapan kita sekarang ialah satu Rang Undang-Undang yang bergelar –

SUATU ENAKMEN UNTUK MEMINDA ENAKMEN PERHUTANAN NEGARA (PEMAKAIAN) 1985.

Sekarang, saya kemukan Rang Undang-Undang ini bagi perbahasan. Takde? Oleh kerana tiada perbahasan, tiada penggulungan.

Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, persoalan yang ada dihadapan kita sekarang ialah satu Rang Undang-Undang yang bergelar –

SUATU ENAKMEN UNTUK MEMINDA ENAKMEN PERHUTANAN NEGARA (PEMAKAIAN) 1985.

hendaklah dibaca bagi Kali Yang Kedua.

**AHLI-AHLI YANG BERHORMAT YANG BERSETUJU, KATA “SETUJU”,
AHLI-AHLI YANG TIDAK BERSETUJU, KATA “TIDAK”.**

Dipersetujukan.

Rang Undang-Undang hendaklah dibaca bagi Kali Yang Kedua.

SETIAUSAHA: SUATU ENAKMEN UNTUK MEMINDA ENAKMEN PERHUTANAN NEGARA (PEMAKAIAN) 1985.

[TINGKATAN JAWATANKUASA]

YB DATO' SPEAKER: Sekarang Dewan bersidang sebagai **Jawatankuasa.**

[COKMAR DITURUNKAN]

SETIAUSAHA: Fasal 2.

YB DATO' SPEAKER: Fasal 2 menjadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang.

SETIAUSAHA: Fasal 3.

YB DATO' SPEAKER: Fasal 3 menjadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang.

SETIAUSAHA: Fasal 4.

YB DATO' SPEAKER: Fasal 4 menjadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang.

SETIAUSAHA: Fasal 5.

YB DATO' SPEAKER: Fasal 5 menjadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang.

SETIAUSAHA: Fasal 6.

YB DATO' SPEAKER: Fasal 6 menjadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang.

SETIAUSAHA: Fasal 7.

YB DATO' SPEAKER: Fasal 7 menjadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang.

SETIAUSAHA: Fasal 1 dan fasal-fasal mengundangkan.

YB DATO' SPEAKER: Fasal 1 dan fasal-fasal yang mengundangkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang.

Persidangan Dewan disambung semula.

[COKMAR DINAIKKAN]

Sila.

[BACAAN KALI KETIGA]

YAB DATO' PANGLIMA PERANG USTAZ DATO' MENTERI BESAR: Yang Berhormat Dato' Speaker, saya mohon memberitahu bahawa satu Rang Undang-Undang yang bergelar –

SUATU ENAKMEN UNTUK MEMINDA ENAKMEN PERHUTANAN NEGARA (PEMAKAIAN) 1985

telah ditimbang dalam peringkat jawatankuasa fasal demi fasal dan telah dipersetujukan tanpa apa-apa pindaan.

Dengan demikian, Yang Berhormat Dato' Speaker, sekarang saya mohon mencadangkan satu Rang Undang-Undang yang bergelar –

SUATU ENAKMEN UNTUK MEMINDA ENAKMEN PERHUTANAN NEGARA (PEMAKAIAN) 1985

hendaklah dibaca bagi Kali Yang Ketiga dan diluluskan sekarang.

YB DATO' TIMBALAN MENTERI BESAR : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya mohon menyokong cadangan tersebut.

YB DATO' SPEAKER: Berhormat...Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, persoalan yang ada dihadapan kita sekarang ialah satu Rang Undang-Undang yang bergelar –

SUATU ENAKMEN UNTUK MEMINDA ENAKMEN PERHUTANAN NEGARA PEMAKAIAN 1985

hendaklah dibaca bagi Kali Yang Ketiga dan diluluskan sekarang.

AHLI-AHLI YANG BERHORMAT YANG BERSETUJU, KATA “SETUJU”, AHLI-AHLI YANG TIDAK BERSETUJU, KATA “TIDAK”.

Dipersetujukan.

Rang Undang-Undang hendaklah dibaca bagi Kali Yang Ketiga dan diluluskan sekarang.

SETIAUSAHA: Enakmen ini bolehlah dinamakan Enakmen Perhutanan Negara (Pemakaian) (Pindaan) 2024 dan mula berkuatkuasa pada tarikh ianya disiarkan di dalam warta.

Rang undang-undang yang pertama diterima dan diluluskan.

DIPERBUAT UNDANG-UNDANG INI OLEH BADAN UNDANGAN BAGI NEGERI KELANTAN.

SETIAUSAHA: Rang Undang-Undang Yang Kedua, Yang Amat Berhormat Ustaz Dato' Panglima Perang Dato' Menteri Besar akan mencadangkan Rang Undang-Undang Enakmen Perhutanan Negara Pemakaian Pindaan Nombor 2 2024.

[RANG UNDANG-UNDANG YANG KEDUA]

**RANG UNDANG-UNDANG ENAKMEN PERHUTANAN NEGARA
(PEMAKAIAN) (PINDAAN NO.2) 2024**

=====

[BACAAN KALI PERTAMA]

YAB USTAZ DATO' PANGLIMA PERANG DATO' MENTERI BESAR: Yang Berhormat Dato' Speaker, saya mohon mencadangkan satu Rang Undang-Undang yang bergelar –

SUATU ENAKMEN UNTUK MEMINDA ENAKMEN PERHUTANAN NEGARA (PEMAKAIAN) 1985

hendaklah dibaca bagi Kali Yang Pertama.

YB DATO' TIMBALAN MENTERI BESAR : Yang Berhormat Dato' Speaker saya mohon menyokong cadangan tersebut.

YB DATO' SPEAKER: Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, Rang Undang-Undang tersebut hendaklah dibaca bagi Kali Yang Pertama.

SETIAUSAHA: SUATU ENAKMEN UNTUK MEMINDA ENAKMEN PERHUTANAN NEGARA (PEMAKAIAN) 1985.

[PERATURAN-PERATURAN DAN PERINTAH-PERINTAH TETAP 122]

YAB USTAZ DATO' PANGLIMA PERANG DATO' MENTERI BESAR: Yang Berhormat Dato' Speaker, saya mohon mencadangkan supaya Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap 122 dipakai bagi maksud membolehkan saya menjalankan Rang Undang-Undang ini dalam Persidangan ini pada hari ini juga.

YB DATO' TIMBALAN MENTERI BESAR : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya mohon menyokong cadangan tersebut.

YB DATO' SPEAKER: Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, persoalan yang ada dihadapan kita sekarang ialah satu cadangan supaya Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap 122 dipakai bagi membolehkan Rang Undang-Undang ini dijalankan pada semua tingkatan dalam Persidangan Dewan pada hari ini juga.

Dengan demikian, saya kemukakan cadangan tersebut bagi diundi.

**AHLI-AHLI YANG BERHORMAT YANG BERSETUJU, KATA “SETUJU”,
AHLI-AHLI YANG TIDAK BERSETUJU, KATA “TIDAK”.**

Dipersetujui.

[BACAAN KALI KEDUA]

YAB USTAZ DATO' PANGLIMA PERANG DATO' MENTERI BESAR: Yang Berhormat Dato' Speaker, saya mohon memberitahu bahawa saya akan mencadangkan bacaan bagi Kali Yang Kedua bagi Rang Undang-Undang ini dalam Persidangan Dewan pada hari ini juga.

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya mohon mencadangkan satu Rang Undang-Undang yang bergelar –

**SUATU ENAKMEN UNTUK MEMINDA ENAKMEN PERHUTANAN
NEGARA (PEMAKAIAN) 1985**

hendaklah dibaca bagi Kali Yang Kedua.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
قَالَ اللَّهُ: اتَّعَالَى

وَشَاوَرَهُمْ فِي الْأَمْرِ فَإِذَا عَزَمْتَ فَتَوَكَّلْ عَلَى اللَّهِ ۚ إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ الْمُتَوَكِّلِينَ

Maksudnya “Dan bermesyuaratlah dengan mereka dalam urusan itu. Kemudian apabila kamu telah membulatkan tekad dan membuatkan keputusan maka bertawakkallah kepada Allah, sesungguhnya Allah kasih kepada orang-orang yang bertawakkal kepada-Nya”.

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya mohon untuk memberitahu bahawa saya akan mencadangkan bacaan Kali Yang Kedua bagi Rang Undang-Undang Perhutanan Negara (Pemakaian) (Pindaan No.2) 2024 dalam Persidangan Dewan pada hari ini juga. Yang Berhormat Dato' Speaker, saya mohon mencadangkan Rang Undang-Undang Perhutanan Negara (Pemakaian) (Pindaan No.2) 2024 yang bertujuan untuk bertujuan untuk

menerima pakai Akta Perhutanan Negara Pindaan 2022 A1667 bagi negeri Kelantan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Akta Perhutanan Negara 1984 Akta 313 telah diterima pakai oleh negeri Kelantan melalui Enakmen Perhutanan Negara (Pemakaian) 1985, Enakmen Nombor 11 tahun 1985. Akta 313 ini pertama kali dipinda pada tahun 1993 dan pindaan tersebut diterima pakai oleh negeri Kelantan melalui Enakmen Perhutanan Negara Penerima Pakaian Pindaan 1994 Enakmen Bilangan 2 tahun 1994. Akta Perhutanan Negara Pindaan 2022 A1667 diluluskan oleh Dewan Rakyat pada 18 Julai 2022.

Pindaan Akta 313 ini adalah bagi tujuan memantapkan penguatkuasaan hutan dan membanteras kegiatan pengambilan hasil hutan tanpa kebenaran di samping meningkatkan pelaksanaan aktiviti pemeliharaan serta pemeliharaan hutan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Majlis Mesyuarat Kerajaan Kali Yang Ketujuh 2023 yang bersidang pada 9 April 2023 telah bersetuju untuk menerima pakai 47 seksyen, 5 seksyen diterima dengan ubahsuaian dan menolak 2 seksyen.

Dan seterusnya telah bersetuju Akta A1667 diterima pakai oleh negeri Kelantan melalui Rang Undang-Undang Perhutanan Negara (Pemakaian) (Pindaan No.2) 2024. Pemakaian Akta A1667 ini adalah bagi menambahbaik pentadbiran, pembangunan hutan, pengurusan dan pemeliharaan hutan di negeri Kelantan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya mohon untuk membacakan fasal-fasal yang terdapat dalam Rang Undang-Undang Perhutanan Negara (Pemakaian) (Pindaan No.2) 2024.

Untuk makluman Dato' Speaker dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, Rang Undang-Undang Perhutanan Negara (Pemakaian) (Pindaan No. 2) 2024 mengandungi 2 fasal. Rang Undang-Undang Perhutanan Negara (Pemakaian)(Pindaan No.2) 2024 mengandungi perkara-perkara seperti berikut :

Fasal 1(1). Enakmen ini bolehlah dinamakan Enakmen Perhutanan Negara (Pemakaian) (Pindaan No.2) 2024.

Fasal 1(2). Enakmen ini hendaklah mula berkuatkuasa pada tarikh ianya disiarkan dalam Warta. Fasal ini bertujuan untuk memberi Pihak

Berkuasa Negeri kuasa untuk menetapkan tarikh pemulaan kuatkuasa enakmen yang dicadangkan.

Fasal 2. Menurut peruntukan Fasal (3) perkara 76 Perlembagaan Persekutuan Akta Perhutanan Negara Pindaan 2022 A1667 adalah dengan ini diterima pakai bagi negeri Kelantan. Fasal ini bertujuan untuk menerima pakai Pemakaian Akta A1667 bagi negeri Kelantan.

Yang Berhormat Dato' Speaker dan Ahli-Ahli Dewan sekalian, kerajaan negeri Kelantan merakamkan, rakamkan ucapan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam membuat Rang Undang-Undang Perhutanan Negara (Pemakaian) (Pindaan No. 2) 2024 ini. Akhirnya kerajaan negeri Kelantan berharap agar Rang Undang-Undang Perhutanan Negara (Pemakaian) (Pindaan No.2) 2024 ini akan mendapat sokongan penuh Ahli-Ahli Yang Berhormat. Saya mohon mencadangkan.

YB DATO' TIMBALAN MENTERI BESAR : Yang Berhormat Dato' Speaker saya mohon menyokong cadangan tersebut.

YB DATO' SPEAKER: Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, persoalan yang ada dihadapan kita sekarang ialah satu Rang Undang-Undang yang bergelar –

SUATU ENAKMEN UNTUK MEMINDA ENAKMEN PERHUTANAN NEGARA (PEMAKAIAN) 1985.

Sekarang saya kemukakan Rang Undang-Undang ini bagi perbahasan. Oleh kerana tiada perbahasan, tiada penggulungan.

[TIADA PERBAHASAN OLEH AHLI-AHLI YANG BERTHORMAT]

[TIADA PENGGULUNGAN OLEH PIHAK KERAJAAN]

Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, persoalan yang ada dihadapan kita sekarang ialah satu Rang Undang-Undang yang bergelar –

SUATU ENAKMEN UNTUK MEMINDA ENAKMEN PERHUTANAN NEGARA (PEMAKAIAN) 1985.

hendaklah dibaca bagi Kali Yang Kedua.

AHLI-AHLI YANG BERTHORMAT YANG BERTSETUJU, KATA “SETUJU”, AHLI-AHLI YANG TIDAK BERTSETUJU, KATA “TIDAK”.

Dipersetujukan.

Rang Undang-Undang tersebut hendaklah dibaca bagi Kali Yang Kedua.

SETIAUSAHA: SUATU ENAKMEN UNTUK MEMINDA ENAKMEN PERHUTANAN NEGARA (PEMAKAIAN) 1985.

[TINGKATAN JAWATANKUASA]

YB DATO' SPEAKER: Sekarang Dewan bersidang sebagai **Jawatankuasa.**

[COKMAR DITURUNKAN]

SETIAUSAHA: Fasal 2.

YB DATO' SPEAKER: Fasal 2 menjadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang.

SETIAUSAHA: Fasal 1 dan fasal-fasal mengundangkan.

YB DATO' SPEAKER: Fasal 1 dan fasal-fasal mengundangkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang.

Persidangan Dewan disambung semula.

Silakan.

[BACAAN KALI KETIGA]

YAB USTAZ DATO' PANGLIMA PERANG DATO' MENTERI BESAR: Yang Berhormat Dato' Speaker, saya mohon memberitahu bahawa satu Rang Undang-Undang yang bergelar –

SUATU ENAKMEN UNTUK MEMINDA ENAKMEN PERHUTANAN NEGARA (PEMAKAIAN) 1985

telah ditimbang dalam peringkat jawatankuasa fasal demi fasal dan telah dipersetujukan tanpa apa-apa pindaan.

Dengan demikian, Yang Berhormat Dato' Speaker, sekarang saya mohon mencadangkan satu Rang Undang-Undang yang bergelar –

SUATU ENAKMEN UNTUK MEMINDA ENAKMEN PERHUTANAN NEGARA (PEMAKAIAN) 1985

hendaklah dibaca bagi Kali Yang Ketiga dan diluluskan sekarang.

YB DATO' TIMBALAN MENTERI BESAR : Yang Berhormat Dato' Speaker saya mohon menyokong cadangan tersebut.

YB DATO' SPEAKER: Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, persoalan yang ada dihadapan kita sekarang ialah satu Rang Undang-Undang yang bergelar –

SUATU ENAKMEN UNTUK MEMINDA ENAKMEN PERHUTANAN NEGARA (PEMAKAIAN) 1985

hendaklah dibaca bagi Kali Yang Ketiga dan diluluskan sekarang.

AHLI-AHLI YANG BERHORMAT YANG BERSETUJU, KATA “SETUJU”, AHLI-AHLI YANG TIDAK BERSETUJU, KATA “TIDAK”.

Dipersetujukan.

Rang Undang-Undang tersebut hendaklah dibaca bagi Kali Yang Ketiga dan diluluskan sekarang.

SETIAUSAHA: Enakmen ini bolehlah dinamakan sebagai Enakmen Perhutanan Negara (Pemakaian) (Pindaan Nombor 2) 2024 dan hendaklah mula berkuatkuasa pada tarikh ianya disiarkan di dalam Warta.

Rang Undang-Undang Yang Kedua diterima dan diluluskan.

DIPERBUAT UNDANG-UNDANG INI OLEH BADAN UNDANGAN BAGI NEGERI KELANTAN.

SETIAUSAHA: Rang Undang-Undang Yang Ketiga, **YB DATO' DR. IZANI BIN HUSIN** akan mencadangkan Rang Undang-Undang Hak Akses dan Penggunaan Tanah Infrastruktur Utiliti Negeri Kelantan Pindaan 2024.

[RANG UNDANG-UNDANG YANG KETIGA]

RANG UNDANG-UNDANG HAK AKSES DAN PENGGUNAAN TANAH INFRASTRUKTUR UTILITI NEGERI KELANTAN (PINDAAN) 2024

=====

[BACAAN KALI PERTAMA]

YB DATO' DR. MOHD IZANI BIN HUSIN :

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Yang Berhormat Dato' Sri Amar D'Raja Dato' Speaker, saya mohon mencadangkan satu Rang Undang-Undang yang bergelar –

SUATU ENAKMEN UNTUK MEMINDA ENAKMEN HAK AKSES DAN PENGGUNAAN TANAH INFRASTRUKTUR UTILITI NEGERI KELANTAN 2022

hendaklah dibaca bagi Kali Yang Pertama.

YB TUAN HJ SARIPUDIN BIN TUAN ISMAIL: Yang Berhormat Dato' Speaker, saya mohon menyokong cadangan tersebut.

YB DATO' SPEAKER: Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, Rang Undang-Undang tersebut hendaklah dibaca bagi Kali Yang Pertama.

SETIAUSAHA:

SUATU ENAKMEN UNTUK MEMINDA ENAKMEN HAK AKSES DAN PENGGUNAAN TANAH INFRASTRUKTUR UTILITI NEGERI KELANTAN 2022

[PERATURAN-PERATURAN DAN PERINTAH-PERINTAH TETAP 122]

YB DATO' DR. MOHD IZANI BIN HUSIN : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya mohon mencadangkan supaya Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap 122 dipakai bagi maksud membolehkan saya menjalankan Rang Undang-Undang ini pada semua tingkatan dalam Persidangan ini pada hari ini juga.

YB TUAN HJ SARIPUDIN BIN TUAN ISMAIL: Yang Berhormat Dato' Speaker, saya mohon menyokong cadangan tersebut.

YB DATO' SPEAKER: Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, persoalan yang ada dihadapan kita sekarang ialah satu cadangan supaya Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap 122 dipakai bagi membolehkan

Rang Undang-Undang ini dijalankan pada semua tingkatan dalam Persidangan Dewan pada hari ini juga.

Dengan demikian, saya kemukakan cadangan tersebut bagi diundi.

**AHLI-AHLI YANG BERHORMAT YANG BERSETUJU, KATA “SETUJU”,
AHLI-AHLI YANG TIDAK BERSETUJU, KATA “TIDAK”.**

Dipersetujukan.

Sila.

[BACAAN KALI KEDUA]

YB DATO’ DR. MOHD IZANI BIN HUSIN : Yang Berhormat Dato’ Speaker, saya mohon memberitahu bahawa saya akan mencadangkan bacaan bagi Kali Yang Kedua bagi Rang Undang-Undang ini dalam Persidangan Dewan pada hari ini juga.

Yang Berhormat Dato’ Speaker, saya mohon mencadangkan satu Rang Undang-Undang yang bergelar –

**SUATU ENAKMEN UNTUK MEMINDA ENAKMEN HAK AKSES DAN
PENGUNAAN TANAH INFRASTRUKTUR UTILITI NEGERI KELANTAN
2022**

hendaklah dibaca bagi Kali Yang Kedua.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

اعُوْذُ بِاللّٰهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيْمِ

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا أَطِيعُوا اللَّهَ وَأَطِيعُوا الرَّسُولَ وَأُولِي
الْأَمْرِ مِنْكُمْ

Hai orang-orang yang beriman, taatilah Allah dan Rasul-Nya dan ulil-amri diantara kalian. (An-Nisa’ ayat 59)

Yang Berhormat Dato’ Speaker, saya mohon untuk memberitahu bahawa saya akan mencadangkan bacaan Rang Undang-Undang Hak Akses dan Penggunaan Tanah Infrastruktur Utiliti Negeri Kelantan Pindaan 2024 dalam Persidangan Dewan pada hari ini juga.

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya mohon mencadangkan satu Rang Undang-Undang bernama Rang Undang-Undang Hak Akses dan Penggunaan Tanah Infrastruktur Utiliti Negeri Kelantan Pindaan 2024 bagi tujuan untuk meminda Seksyen 2 dan 10 serta penambahan seksyen baharu Seksyen 5A pada Enakmen Hak Akses dan Penggunaan Tanah Infrastruktur Utiliti Negeri Kelantan 2022 Enakmen 16.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Enakmen Hak Akses dan Penggunaan Tanah Infrastruktur Utiliti Negeri Kelantan 2022 telah digubal dan mula berkuatkuasa pada 6 Oktober 2022. Enakmen ini bertujuan untuk mengadakan peruntukan berkenaan dengan hak akses dan penggunaan tanah bagi tujuan infrastruktur utiliti di negeri Kelantan dan bagi perkara-perkara yang berkaitan dengannya.

Kaedah-kaedah Hak Akses dan Penggunaan Tanah Infrastruktur Utiliti 2022 akan menetapkan bahawa dalam keadaan sesuatu infrastruktur utiliti itu masih diperlukan melebihi tempoh 1 tahun pemegang permit hendaklah memohon pajakan ke atas tanah kerajaan yang diduduki itu. Pajakan tersebut hendaklah dibuat menurut Seksyen 63 Kanun Tanah Negara. Bagi membolehkan pajakan dibawah Seksyen 63 Kanun Tanah Negara dibuat tanah kerajaan tersebut hendaklah di rizab terlebih dahulu dibawah Seksyen 62 Kanun Tanah Negara.

Oleh hal yang demikian, memandangkan Pesuruhjaya Tanah Kelantan merupakan nomini bagi tanah milik kerajaan negeri selaras dengan Seksyen 9 Enakmen Pesuruhjaya Tanah Kelantan 2017 maka mana-mana tanah kerajaan yang hendak dipajak bagi maksud infrastruktur utiliti dibawah Seksyen 63 Kanun Tanah Negara hendaklah dirizabkan dibawah Pesuruhjaya Tanah Kelantan sebagai pegawai pengawal tanah tersebut.

Cadangan untuk memasukkan peruntukan yang menetapkan Pesuruhjaya Tanah Kelantan sebagai pegawai, pegawai tanah yang di rizabkan bagi tujuan infrastruktur utiliti telah dipersetujui dalam Mesyuarat Penyelarasan yang diadakan 2 Oktober 2023. Yang Berhormat Dato' Speaker, pindaan kepada Enakmen Hak Akses dan Penggunaan Tanah Infrastruktur Utiliti Negeri Kelantan 2022 dicadangkan seperti mana berikut.

Pindaan seksyen 2. Pindaan ini bagi memasukkan tafsiran baru Pesuruhjaya Tanah Kelantan dalam enakmen, dalam enakmen-enakmen Hak Akses dan Penggunaan Tanah Infrastruktur Utiliti Negeri Kelantan 2022.

Seksyen baharu 5A. Seksyen baru ini bertujuan meletakkan hak mana-mana tanah kerajaan yang digunakan atau dimohon untuk digunakan bagi maksud infrastruktur utiliti ke atas Pesuruhjaya Tanah Kelantan melalui perizaban dibawah Seksyen 62 Kanun Tanah Negara Akta 828 dengan menamakan Pesuruhjaya Tanah Kelantan sebagai pegawai pengawal atau melalui pemberi milikan dibawah Seksyen 76 Kanun Tanah Negara Akta 826.

Namun begitu, Pihak Berkuasa Negeri masih boleh menamakan mana-mana pegawai awam yang lain sebagai pegawai pengawal dalam keadaan tertentu. Seksyen ini memastikan semua tanah yang dirizabkan bagi tujuan infrastruktur utiliti diletakkan hakkan dibawah Pesuruhjaya Tanah Kelantan selaku nomini bagi pihak kerajaan negeri Kelantan. Ini juga adalah untuk memudahkan urusan kawal selia tanah rizab tersebut. Perkara ini selaras dengan Seksyen 9 Enakmen Pesuruhjaya Tanah Kelantan 2017 yang meletak hak semua tanah milik kerajaan Negeri dibawah tanggungjawab Pesuruhjaya Tanah Kelantan.

Yang ketiga, pindaan subseksyen, subseksyen 10(1). Pindaan ini bagi memperluaskan kewajipan untuk menjalankan audit keselamatan ke atas semua infrastruktur utiliti yang dipasang dan dibina oleh mana-mana orang, badan atau syarikat infrastruktur utiliti negeri Kelantan. Pindaan ini akan memperluaskan kewajipan untuk menjalankan audit keselamatan ke atas infrastruktur utiliti khususnya menara-menara telekomunikasi yang telah dibina sebelum enakmen tersebut berkuatkuasa. Infrastruktur tersebut dibina atau dipasang dengan kelulusan undang-undang bertulis lain sebelum pada ini.

Terdapat juga menara-menara telekomunikasi yang dibina tanpa apa-apa kelulusan daripada mana-mana pihak berkuasa yang mana menara-menara (haram) ini perlu menjalani audit keselamatan terlebih dahulu sebelum tindakan pemutihan dilaksanakan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya berharap dan percaya bahawa Ahli-Ahli Yang Berhormat akan menyokong Rang Undang-Undang ini tanpa bahas. Saya mohon mencadangkan.

YB TUAN HJ SARIPUDIN B TUAN ISMAIL: Yang Berhormat Dato' Speaker, saya mohon menyokong cadangan tersebut.

YB DATO' SPEAKER: Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, persoalan yang ada dihadapan kita sekarang ialah satu Rang Undang-Undang yang bergelar –

SUATU ENAKMEN UNTUK MEMINDA ENAKMEN HAK AKSES DAN PENGGUNAAN TANAH INFRASTRUKTUR UTILITI NEGERI KELANTAN 2022

Sekarang saya kemukakan Rang Undang-Undang ini bagi perbahasan. Oleh kerana tiada perbahasan, tiada penggulungan.

Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, persoalan yang ada dihadapan kita sekarang ialah satu Rang Undang-Undang yang bergelar –

SUATU ENAKMEN UNTUK MEMINDA ENAKMEN HAK AKSES DAN PENGGUNAAN TANAH INFRASTRUKTUR UTILITI NEGERI KELANTAN 2022

hendaklah dibaca bagi Kali Yang Kedua.

AHLI-AHLI YANG BERHORMAT YANG BERSETUJU, KATA “SETUJU”, AHLI-AHLI YANG TIDAK BERSETUJU, KATA “TIDAK”.

Dipersetujukan.

Rang Undang-Undang tersebut hendaklah dibaca bagi Kali Yang Kedua.

SETIAUSAHA: SUATU ENAKMEN UNTUK MEMINDA ENAKMEN HAK AKSES DAN PENGGUNAAN TANAH INFRASTRUKTUR UTILITI NEGERI KELANTAN 2022

[TINGKATAN JAWATANKUASA]

YB DATO' SPEAKER: Sekarang dewan bersidang sebagai **Jawatankuasa.**

[COKMAR DITURUNKAN]

SETIAUSAHA: Fasal 2.

YB DATO' SPEAKER: Fasal 2 menjadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang.

SETIAUSAHA: Fasal 3.

YB DATO' SPEAKER: Fasal 3 menjadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang.

SETIAUSAHA: Fasal 4.

YB DATO' SPEAKER: Fasal 4 menjadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang.

SETIAUSAHA: Fasal 1 dan fasal-fasal yang mengundangkan.

YB DATO' SPEAKER: Fasal 1 dan fasal-fasal mengundangkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang.

Persidangan dewan di...

[COKMAR DINAIKKAN]

Sila.

[BACAAN KALI KETIGA]

YB DATO' DR. MOHD IZANI BIN HUSIN : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya mohon memberitahu bahawa satu Rang Undang-Undang yang bergelar –

SUATU ENAKMEN UNTUK MEMINDA ENAKMEN HAK AKSES DAN PENGGUNAAN TANAH INFRASTRUKTUR UTILITI NEGERI KELANTAN 2022

telah ditimbang dalam peringkat jawatankuasa fasal demi fasal dan telah dipersetujukan tanpa apa-apa pindaan.

Dengan demikian, Yang Berhormat Dato' Speaker, sekarang saya mohon mencadangkan satu Rang Undang-Undang yang bergelar –

SUATU ENAKMEN UNTUK MEMINDA ENAKMEN HAK AKSES DAN PENGGUNAAN TANAH INFRASTRUKTUR UTILITI NEGERI KELANTAN 2022

hendaklah dibaca bagi Kali Yang Ketiga dan diluluskan sekarang.

YB TUAN HJ SARIPUDIN B TUAN ISMAIL: Yang Berhormat Dato' Speaker, saya me...mohon menyokong cadangan tersebut.

YB DATO' SPEAKER: Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, persoalan yang ada dihadapan kita sekarang ialah satu Rang Undang-Undang yang bergelar –

SUATU ENAKMEN UNTUK MEMINDA ENAKMEN HAK AKSES DAN PENGGUNAAN TANAH INFRASTRUKTUR UTILITI NEGERI KELANTAN 2022

hendaklah dibaca bagi Kali Yang Ketiga dan diluluskan sekarang.

AHLI-AHLI YANG BERHORMAT YANG BERSETUJU, KATA “SETUJU”, AHLI-AHLI YANG TIDAK BERSETUJU, KATA “TIDAK”.

Dipersetujukan.

Rang Undang-Undang tersebut hendaklah dibaca bagi Kali Yang Ketiga dan diluluskan sekarang.

SETIAUSAHA: Enakmen ini bolehlah dinamakan sebagai Enakmen Hak Akses dan Penggunaan Tanah Infrastruktur Utiliti Negeri Kelantan Pindaan 2024 dan hendaklah mula berkuatkuasa pada tarikh ianya disiarkan di dalam Warta.

Rang Undang-Undang Yang Ketiga diterima dan diluluskan.

DIPERBUAT UNDANG-UNDANG INI OLEH BADAN UNDANGAN BAGI NEGERI KELANTAN.

SETIAUSAHA: Rang Undang-Undang Yang Keempat, **YB DATO' DR. MOHAMED FADZLI BIN DATO' HJ HASSAN** Rang Undang-Undang Pesuruhjaya Tanah Kelantan Pindaan 2024.

[RANG UNDANG-UNDANG YANG KEEMPAT]

**RANG UNDANG-UNDANG
PESURUHJAYA TANAH KELANTAN (PINDAAN) 2024**

=====

[BACAAN KALI PERTAMA]

YB DATO' DR. HJ MOHAMED FADZLI BIN DATO' HJ HASSAN: Yang Berhormat Dato' Speaker, saya mohon mencadangkan satu Rang Undang-Undang yang bergelar –

SUATU ENAKMEN UNTUK MEMINDA ENAKMEN PESURUHJAYA TANAH KELANTAN 2017.

hendaklah dibaca bagi Kali Yang Pertama.

YB MEJ. (B) DATO' HJ MD ANIZAM B AB RAHMAN: Saya mohon menyokong cadangan tersebut.

YB DATO' SPEAKER: Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, Rang Undang-Undang tersebut hendaklah dibaca bagi Kali Yang Pertama.

SETIAUSAHA:

SUATU ENAKMEN UNTUK MEMINDA ENAKMEN PESURUHJAYA TANAH KELANTAN 2017

YB DATO' DR. HJ MOHAMED FADZLI BIN DATO' HJ HASSAN: Yang Berhormat Dato' Speaker, saya mohon mencadangkan supaya Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap 122 dipakai bagi maksud membolehkan saya menjalankan Rang Undang-Undang ini pada semua tingkatan dalam Persidangan ini pada hari ini juga.

YB DATO' SPEAKER: Dato' Mejar...sokongan exco.

YB MEJ. (B) DATO' HJ MD ANIZAM B AB RAHMAN: Yang Berhormat Dato' Speaker, saya mohon menyokong cadangan tersebut.

YB DATO' SPEAKER: Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, persoalan yang ada dihadapan kita sekarang ialah satu cadangan supaya Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap 122 dipakai bagi membolehkan Rang Undang-Undang ini dijalankan pada semua tingkatan dalam Persidangan Dewan pada hari ini juga.

Dengan demikian, saya kemukakan cadangan tersebut bagi diundi.

AHLI-AHLI YANG BERHORMAT YANG BERSETUJU, KATA "SETUJU", AHLI-AHLI YANG TIDAK BERSETUJU, KATA "TIDAK".

Dipersetujukan.

Sila.

YB DATO' DR. HJ MOHAMED FADZLI B DATO' HJ HASSAN: Yang Berhormat Dato' Speaker, saya mohon memberitahu bahawa saya akan mencadangkan bacaan bagi Kali Yang Kedua bagi Rang Undang-Undang ini dalam Persidangan Dewan pada hari ini juga.

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya mohon mencadangkan satu Rang Undang-Undang yang bergelar –

SUATU ENAKMEN UNTUK MEMINDA ENAKMEN PESURUHJAYA TANAH KELANTAN 2017

hendaklah dibaca bagi Kali Yang Kedua.

اَعُوْذُ بِاللّٰهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيْمِ

بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ

يٰۤاَيُّهَا الَّذِيْنَ اٰمَنُوْا اطِيعُوْا اللّٰهَ واطِيعُوْا الرَّسُوْلَ وَاُوْلِي الْاَمْرِ مِنْكُمْ

Yang bermaksud “Hai orang-orang yang beriman, taatilah Allah dan taatilah Rasul-Nya dan ulil Amri diantara kalian.” (Surah An-Nisa’ ayat 59).

Yang Berhormat Dato' Speaker Dato' Sri Amar D'Raja, saya mohon untuk memberitahu bahawa saya akan mencadangkan bacaan Rang Undang-Undang Pesuruhjaya Tanah Kelantan Pindaan 2024 dalam Persidangan Dewan pada hari ini juga.

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya mohon mencadangkan satu Rang Undang-Undang bernama Rang Undang-Undang Pesuruhjaya Tanah Kelantan Pindaan 2024 bagi meminda beberapa peruntukkan dalam Enakmen Pesuruhjaya Tanah Kelantan 2017 untuk memperkemaskan pentadbiran tanah Kelantan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Enakmen Pesuruhjaya Tanah Kelantan 2017 telah digubal dan mula berkuatkuasa pada 15 Februari 2018. Enakmen ini bertujuan untuk membuat peruntukkan berhubung penubuhan dan pemerbadanan Pesuruhjaya Tanah Kelantan dan mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengannya. Pesuruhjaya Tanah Kelantan merupakan Pengarah Tanah Dan Galian Negeri Kelantan yang dilantik oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Kelantan menurut Subseksyen 31 Enakmen Pesuruhjaya Tanah Kelantan 2017 dan diperbadankan dibawah Subseksyen 3(2) Enakmen.

Berdasarkan Seksyen 4 enakmen ini, Pesuruhjaya Tanah Kelantan bertanggungjawab untuk mengawal selia dan menguruskan segala urusan melibatkan tanah-tanah yang diletak hak kepada Pesuruhjaya Tanah Kelantan dibawah Seksyen 9 enakmen ini. Cadangan pindaan Enakmen Pesuruhjaya Tanah Kelantan sama Pengarah Tanah Dan Galian

Negeri Kelantan, Bahagian Koridor Infrastruktur Dan Sistem Maklumat *Geospatial*, Bahagian Undang-Undang Dan Pejabat Penasihat Undang-Undang Negeri Kelantan.

Cadangan ini juga telah dipersetujui dalam Mesyuarat Cadangan Pindaan Enakmen Pesuruhjaya Tanah Kelantan 2017 yang telah diadakan pada 2 Oktober 2023. Pindaan ini bertujuan untuk memperkemaskan pentadbiran pejabat Pesuruhjaya Tanah Kelantan dengan memberi kuasa kepada Timbalan Pengarah Tanah Dan Galian Negeri Kelantan, tugas Pesuruhjaya Tanah Kelantan terutamanya ketika ketiadaan Pengarah Tanah Dan Galian Negeri Kelantan dalam tempoh yang lama. Pindaan ini berdasarkan peruntukkan di dalam Kanun Tanah Negara yang mentafsirkan Pengarah Negeri sebagai termasuk seorang Timbalan Pengarah Tanah Dan Galian yang dilantik dibawahnya.

Peruntukkan yang dipinda ini bagi memastikan kesinambungan pelaksanaan kuasa Pesuruhjaya Tanah Kelantan ketika ketiadaan Pengarah Tanah Dan Galian Negeri Kelantan untuk menjalankan fungsi-fungsi Pesuruhjaya Tanah Kelantan agar tiada kerja-kerja tertangguh ataupun *backlog*. Yang Berhormat Dato' Speaker, pindaan kepada Enakmen Pesuruhjaya Tanah Kelantan 2017 dicadangkan sebagaimana berikut :

Pertama, pindaan Seksyen 3. Pindaan ini bagi memasukkan Subseksyen 2(a) bagi memperuntukkan bahawa Timbalan Pengarah Tanah Dan Galian Negeri boleh menjalankan fungsi Pesuruhjaya Tanah Kelantan.

Dua, pindaan Seksyen 7. Pindaan ini bagi meminda perenggan 7(1b) untuk memperuntukkan bagi Setiausaha Kerajaan melantik mana-mana pegawai untuk tujuan pelaksanaan dokumen.

Tiga, pindaan Seksyen 8. Pindaan ini bagi menyelaraskan peruntukkan ini dengan Seksyen 7 Enakmen Ibu yang memperuntukkan supaya pelantikan mana-mana pegawai bagi tujuan Seksyen 7 disiarkan dalam pemberitahuan dalam Warta.

Keempat, pindaan Seksyen 9. Pindaan ini bagi meminda Subseksyen 9(1) dengan tujuan untuk menyelaraskan istilah yang digunakan dalam teks bahasa kebangsaan dengan teks bahasa Inggeris.

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya percaya Ahli-Ahli Yang Berhormat akan menyokong Rang Undang-Undang ini. Saya mohon mencadangkan.

YB MEJ. (B) DATO' HJ MD ANIZAM B AB RAHMAN: Yang Berhormat Dato' Speaker, saya mohon menyokong cadangan tersebut.

YB DATO' SPEAKER: Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, persoalan yang ada dihadapan kita sekarang ialah satu Rang Undang-Undang yang bergelar –

SUATU ENAKMEN UNTUK MEMINDA ENAKMEN PESURUHJAYA TANAH KELANTAN 2017.

Sekarang saya kemukakan Rang Undang-Undang ini bagi perbahasan. Oleh kerana tiada perbahasan, maka tiada penggulungan.

Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, persoalan yang ada dihadapan kita sekarang ialah satu Rang Undang-Undang yang bergelar –

SUATU ENAKMEN UNTUK MEMINDA ENAKMEN PESURUHJAYA TANAH KELANTAN 2017

hendaklah dibaca bagi Kali Yang Kedua.

AHLI-AHLI YANG BERTHORMAT YANG BERSETUJU, KATA “SETUJU”, AHLI-AHLI YANG TIDAK BERSETUJU, KATA “TIDAK”.

Dipersetujui.

Rang Undang-Undang tersebut hendaklah dibaca bagi Kali Yang Kedua.

SETIAUSAHA: SUATU ENAKMEN UNTUK MEMINDA ENAKMEN PESURUHJAYA TANAH KELANTAN 2017.

YB DATO' SPEAKER: Sekarang dewan bersidang sebagai **Jawatankuasa.**

[COKMAR DITURUNKAN]

YB DATO' DR. HJ MOHAMED FADZLI B DATO' HJ HASSAN: Yang Berhormat Dato'...

SETIAUSAHA: Fasal 2.

YB DATO' DR. HJ MOHAMED FADZLI B DATO' HJ HASSAN: Yang Berhormat Dato' Pengurus, saya mohon untuk menggunakan Peraturan 63(1) bagi meminda beberapa fasal di dalam Rang Undang-Undang Pesuruhjaya Tanah Kelantan Pindaan 2024 dan memohon kebenaran Yang Berhormat Dato' Pengurus menggunakan Peraturan 63(2) yang mana sekiranya Yang Berhormat Dato' Pengurus membenarkan pindaan boleh dibuat tanpa notis.

YB DATO' SPEAKER: Silakan.

YB DATO' DR. HJ MOHAMED FADZLI B DATO' HJ HASSAN: Fasal 2. Pindaan Seksyen 3 dengan menambah selepas perkataan Pengarah Tanah Dan Galian Negeri perkataan sebagai Pesuruhjaya Tanah Kelantan di teks bahasa kebangsaan dan menambah selepas perkataan *state lands and mines director*, perkataan *as Kelantan lands commissioner* di teks bahasa inggeris.

SETIAUSAHA: Fasal 2 dengan pindaan.

YB DATO' SPEAKER: Fasal 2 dengan pindaan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang.

SETIAUSAHA: Fasal 3.

YB DATO' DR. HJ MOHAMED FADZLI B DATO' HJ HASSAN: Yang Berhormat Dato' Speaker, pindaan perenggan 7 memohon untuk menarik balik cadangan pindaan fasal 3(b). Sekian, terima kasih Dato' Speaker.

SETIAUSAHA: Fasal 3 dengan pindaan

YB DATO' SPEAKER: Fasal 3 dengan pindaan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang.

SETIAUSAHA: Fasal 4.

YB DATO' SPEAKER: Fasal 4 menjadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang.

SETIAUSAHA: Fasal 5.

YB DATO' SPEAKER: Fasal 5 menjadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang.

SETIAUSAHA: Fasal 1 dan fasal-fasal mengundangkan.

YB DATO' SPEAKER: Fasal 1 dan fasal-fasal mengundangkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang.

Persidangan dewan disambung semula.

[COKMAR DINAIKKAN]

YB DATO' DR. HJ MOHAMED FADZLI BIN DATO' HJ HASSAN: Yang Berhormat Dato' Speaker, saya mohon memberitahu bahawa satu Rang Undang-Undang bergelar –

**SUATU ENAKMEN UNTUK MEMINDA ENAKMEN PESURUHJAYA
TANAH KELANTAN 2017**

telah ditimbang dalam peringkat jawatankuasa fasal demi fasal dan telah dipersetujukan dengan pindaan.

Dengan demikian, Yang Berhormat Dato' Speaker, sekarang saya mohon mencadangkan satu Rang Undang-Undang yang bergelar –

**SUATU ENAKMEN UNTUK MEMINDA ENAKMEN PESURUHJAYA
TANAH KELANTAN 2017**

hendaklah dibaca bagi Kali Yang Ketiga dan diluluskan sekarang.

YB MEJ. (B) DATO' HJ MD ANIZAM B AB RAHMAN: Yang Berhormat Dato' Speaker, saya mohon menyokong cadangan tersebut.

YB DATO' SPEAKER: Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, persoalan yang ada dihadapan kita sekarang ialah satu Rang Undang-Undang yang bergelar –

**SUATU ENAKMEN UNTUK MEMINDA ENAKMEN PESURUHJAYA
TANAH KELANTAN 2017**

hendaklah dibaca bagi kali ketiga dan diluluskan sekarang.

**AHLI-AHLI YANG BERHORMAT YANG BERSETUJU, KATA “SETUJU”,
AHLI-AHLI YANG TIDAK BERSETUJU, KATA “TIDAK”.**

Dipersetujukan.

Rang Undang-Undang tersebut hendaklah dibaca bagi Kali Yang Ketiga dan diluluskan sekarang.

SETIAUSAHA: Enakmen ini bolehlah dinamakan sebagai Enakmen Pesuruhjaya Tanah Kelantan Pindaan 2024 dan hendaklah mula berkuatkuasa pada tarikh ianya disiarkan di dalam Warta.

Rang Undang-Undang Yang Keempat diterima dan diluluskan.

**DIPERBUAT UNDANG-UNDANG INI OLEH BADAN UNDANGAN BAGI
NEGERI KELANTAN.**

YB DATO' SPEAKER:

Alhamdulillah Syukur kehadiran Allah S.W.T kerana dengan taufiq dan hidayah-Nya kita telah berjaya menyempurnakan persidangan Kali Pertama Bagi Tempoh Penggal Kedua Dewan Negeri Kelantan Yang Ke-15 bermula daripada Isnin 7 haribulan apa ni... 7 haribulan bermula 5 haribulan sehinggalah pada hari Khamis 7 haribulan Mac 2024 dan pada hari ni kita telah berjaya meluluskan 4 Rang Undang-Undang dalam beberapa perkara.

Saya mengucapkan terima kasih kepada semua terutamanya kepada pihak kerajaan dan juga Ahli-Ahli Dewan sekalian yang telah memberikan kerjasama yang baik selama tempoh persidangan ini berlangsung. Saya berhasrat untuk menangguhkan persidangan. Persidangan Dewan akan disambung semula pada suatu tarikh yang akan diberitahu kemudian. Persidangan Dewan ditangguhkan dengan bacaan tasbih kaffarah dan Surah Al-'asr.

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

**PERSIDANGAN DEWAN DITANGGUHKAN PADA JAM 12.45
TENGAHARI DAN AKAN BERSIDANG SEMULA PADA SATU TARIKH
YANG AKAN DIBERITAHU KELAK.**
